

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 41	Isnin	3 November 2014
----------------	--------------	------------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2015 (Halaman 24)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 23)

Usul Anggaran Pembangunan 2015 (Halaman 24)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Isnin, 3 November 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Sebelum pertanyaan jawab lisan saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan Pahang yang telah menjadi Juara Piala Malaysia dan juga JDT juga saya ucapkan tahniah kerana kedua-dua pasukan mempersembahkan satu permainan yang cukup baik. Harap pada masa akan datang bola sepak kita meningkat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Datuk Speaker buat kenduri kesyukuran.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah teknologi Set Net daripada Taiwan yang bakal diguna pakai di Perairan Sarawak, Sabah dan Labuan tidak akan mengganggu periuk nasi nelayan tempatan di situ yang telah sekian lama menggunakan pukut jerut bagi menangkap ikan di kawasan perairan tersebut. Atau teknologi Set Net itu bakal disalur kepada nelayan tempatan bagi menggantikan pukut jerut.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiawangsa yang telah mengemukakan soalan berkaitan dengan satu teknologi penangkapan ikan yang baru, yang mana beliau menunjukkan keprihatinan terhadap nelayan-nelayan. Dibimbangkan teknologi ini akan menjejaskan nasib nelayan-nelayan biasa yang mencari makan di laut negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Set Net ialah suatu teknologi peralatan menangkap ikan moden yang diperkenalkan dari negara Taiwan melalui program kerjasama di antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan sebuah syarikat Next Pearl (Malaysia) Sdn. Bhd. dan kerjasama di antara dua syarikat ini juga mengadakan kolaborasi bersama dengan National Taiwan Ocean University.

Tujuannya adalah untuk menguji kesesuaian teknologi moden ini di perairan negara ini khususnya perairan Pulau Layang-layang dan spesies ikan utama yang disasarkan ialah ikan yang bernilai tinggi seperti ikan tuna, jenahak dan cermin, ikan yang bernilai tinggi.

Selain itu projek tersebut akan meliputi pembangunan sangkar-sangkar *hatchery* dan *nursery* sangkar ternakan ikan dan juga *research and development*, penyelidikan dan pembangunan latihan juga kepada pelajar universiti dan ekopelancongan. Kos projek akan ditanggung oleh syarikat swasta yang saya sebutkan tadi.

Projek berkenaan tidak akan mendatangkan, ha ini menjawab soalan secara langsung. Projek berkenaan tidak akan mendatangkan persaingan kepada nelayan-nelayan tempatan termasuk nelayan pukat jerut kerana kawasan operasinya adalah di persekitaran Pulau Layang-layang manakala kawasan operasi pukat jerut tempatan adalah di 'Renong Bank dan Losolidnia.....' Ini lain tempatlah antara pukat jerut dengan kawasan yang dimaksudkan oleh Set Net ini.

Sekiranya teknologi ini sesuai untuk digunakan di perairan negara kita maka kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mengembangkan kepada pengusaha dan nelayan tempatan yang berminat dan berpotensi. Syarikat ini akan membekalkan teknologi, membekalkan sangkar, membekalkan makanan ikan kepada nelayan-nelayan yang akan menjadi vendor kepada mereka dan syarikat ini akan membeli ikan-ikan tersebut.

Jadi ia menjamin tangkapan nelayan dan juga penjualan tangkapan mereka. Syarikat ini tidak bermaksud mereka sendiri yang terjun ke laut untuk menangkap ikan dan menguasai rantai tangkapan ikan keseluruhannya. Mereka lebih merupakan sebagai payung kepada nelayan-nelayan tempatan kita. Adalah diharapkan projek berkenaan dapat meningkatkan pengeluaran ikan marin khususnya perairan Sabah dan Sarawak yang mempunyai kawasan Zone Economic Exclusive (ZEE) seluas 250,000 kilometer persegi.

Hasil kajian oleh penyelidik Jabatan Perikanan Malaysia mendapati potensi sumber ikan pelagik di perairan tersebut adalah sebanyak 340,000 tan metrik dan sumber tuna pula 25,000 tan metrik tetapi tangkapan pada masa ini sekadar 5,000 tan metrik dan juga 3,000 tan metrik setahun.

■1010

Jauh lebih kurang daripada sumber yang ada. Kalau kita tengok tadi tak sampai 10%. Sejumlah 25,000 tan metrik berbanding dengan 340,000 tan metrik. Jadi kita hendak meningkatkan penangkapan ikan ini dengan sumber yang ada dan dengan itu membantu vendor-vendor yang terdiri daripada nelayan tempatan. Terima kasih.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca bahawa kerajaan cukup yakin dengan penggunaan Set Net ini sehingga menyasarkan penangkapan ikan *by* menjelang tahun 2020 sebanyak 1.76 juta tan metrik. Ini bermakna teknologi ini adalah teknologi yang sekarang diambil perhatian khusus oleh kerajaan bagi meningkatkan lagi hasil tangkapan ikan.

Soalan saya ialah, berapakah kos pembelian Set Net ini dan anggaran jangka hayat alat tersebut dan siapakah pihak yang bertanggungjawab bagi maksud penyeliaan penggunaan Set Net ini? Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *This research*, penyelidikan dahulu oleh syarikat ini untuk membangunkan dari segi teknologi yang mereka ada sesuai untuk ke perairan kita bagi tujuan penangkapan ikan ini. Bagi tujuan

penyelidikan ini, ia melibatkan RM150 juta kos projek, *research and development* ini dan dalam tempoh yang lama iaitu lebih kurang 10 tahun.

Akan tetapi untuk permulaannya ialah RM30 juta diperlukan dan saya difahamkan bahawa syarikat ini mempunyai keupayaan untuk mengadakan biayaan yang sebanyak saya sebutkan tadi. Manakala apabila telah beroperasi nanti, didapati ia boleh *go on stream*.

Sangkar-sangkar yang dimaksudkan, setiap satu lebih kurang 500,000 dan di sini kerjasama antara syarikat tersebut dengan vendor-vendor atau pun nelayan tempatan akan dipastikan, dibantulah untuk mengadakan sangkar-sangkar dan juga lain-lain kemudahan yang diperlukan oleh nelayan-nelayan kita. Terima kasih.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin sedikit penjelasan tentang *long term impact*, dengan izin kesan jangka panjang ke atas ekosistem. Adakah kita punya sebarang kajian yang *credible* kerana kita mengambil daripada ekosistem, kita mengambil dari *environment* tetapi kita perlu beri balik untuk mengekalkan kesinambungan ekosistem tadi. Itu prinsipnya. Jadi adakah ada kajian yang *credible* ke arah itu? Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ya, Tuan Yang di-Pertua, ia bukannya satu perkara mudah untuk menjalankan aktiviti penangkapan ikan dengan cara teknologi ini. Ia perlu kajian berkenaan dengan ekosistem, *an environment* di bawah laut dan sebagainya yang perlu dilakukan. Kita memastikan syarikat yang berkenaan membawa teknologi yang *eco friendly*. Bermaksud ia tidak mencemarkan sumber-sumber marin yang ada di bawah paras laut, di mana berlakunya tangkapan ikan itu nanti. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Set Net ini diadakan di Sarawak, Sabah dan di Pulau Labuan. Akan tetapi apa yang saya fikir, sedangkan sekarang ini pun, kita nampak di perairan di seluruh negeri Sabah ini, pukuk-pukuk tunda ini tidak ada kawalan. Mereka sampai ke tebing-tebing laut. Jadi kita nampak ikan-ikan yang kecil pun akan mati kerana mereka ini tidak ada kawalan. Sekarang, tidak ada kawalan. Apa lagi kalau Set Net ini dikenal pasti sudah mesti datang ke Sabah dan Sarawak.

Persoalannya, *net core* ini yang tadi kurang lebih begitulah, siapa punya syarikat? Apa keuntungan kerajaan? Jadi saya fikir, kalau Set Net ini belum dijalankan, kita tubuh satu jawatankuasa kaji dahulu. Kita tidak mahu Kementerian Pertanian suka-suka terima syarikat-syarikat luar untuk datang kerana mungkin ada tujuan di sebaliknya. Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Kalabakan. Saya memang bersetuju bahawa apa yang hendak dilakukan mesti memberi manfaat kepada negara dan juga kepada nelayan kita. Ia bukannya kita semudah itu menerima cadangan, *proposal* daripada mana-mana pihak.

Pihak Jabatan Perikanan telah mengkaji bahawa dengan pengenalannya Set Net ini, tujuan utamanya ialah untuk membantu nelayan kita, sebagaimana yang saya katakan tadi melalui vendor rancangan atau skim vendor, itu satu.

Syarikat tidak akan menangkap ikan sendirian. Mereka akan menggunakan vendor-vendor yang terdiri daripada nelayan-nelayan tempatan iaitu yang sekarang ini menangkap ikan menggunakan cara masing-masing. Itu kepentingan kepada nelayan. Kepentingan

kepada negara, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kalau dengan adanya pada hari ini tak sampai pun 10% daripada sumber ikan di laut yang dapat ditangkap.

Jadi ini merugikan. Kita hendak menambah tangkapan dan penambahan ini boleh memberikan hasil kepada negara. *You can export*. Boleh dieksport macam negara-negara lain, mengeksport hasil tangkapan ikan mereka dan jadi pendapatan *foreign exchange* kepada negara kita. Itu yang ingin saya tekankan.

Keduanya berhubung dengan siapa syarikat ini? Saya pun tak tahu. Apa yang saya tahu, syarikat ini adalah syarikat tempatan dan terdiri daripada Malaysia Timur, orang Sarawak, syarikat daripada Sarawak. Mereka bekerjasama dengan pihak Taiwan yang mempunyai kemahiran.

Bagi kita, kita tidak peduli siapa, asalkan rakyat Malaysia, ada ambil bahagian dan tentunya rakyat Malaysia tidak mempunyai teknologi, tidak mempunyai pengetahuan dalam hal yang seperti ini. Perlu ada kerjasama, kolaborasi dengan pihak Taiwan yang didapati telah pun berjaya menggunakan Set Net ini.

Kalau ada cadangan daripada syarikat lain, Yang Berhormat Kalabakankah atau daripada siapa-siapa ada syarikat lain yang berminat, laut kita terbuka luas. Saya sudah tanya, potensinya sama ada di Pantai Timur atau Pantai Barat, *Indian Ocean, South China Sea*, luas terbentang. Siapa pun boleh. Satu syarikat sahaja tak cukup. Lagi banyak syarikat masuk dan mengusahakannya, lagi banyak ikan kita boleh tangkap, lebih banyak nelayan tempatan kita boleh tolong, lebih banyak pendapatan ataupun *foreign exchange* kepada negara kita. Terima kasih.

2. Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut] minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang dirancang untuk membasmi kemiskinan penduduk kampung-kampung baru di seluruh negara dan apakah jenis IKS yang dirancang untuk mereka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong] [Ayer Hitam]:

Tuan Yang di-Pertua, lebih 60 tahun selepas pembentukan kampung baru, kerajaan telah banyak berusaha untuk membawa kemajuan dalam kampung baru dan sejak tahun 1970-an, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dan dasar bagi meningkatkan kualiti dan taraf hidup penduduk kampung baru.

■1020

Melalui peruntukan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMK) kampung baru telah diberikan sejumlah peruntukan tetap bagi meningkatkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan utiliti asas kampung baru. Bagi RMKe-10 kerajaan telah memperuntukkan RM265 juta untuk melaksanakan projek-projek pembangunan tersebut. Selain itu Pelan Induk Kampung Baru 2005 telah berjaya membentuk kampung baru yang lebih efektif, berdaya saing dalam arus pembangunan negara. Pelan tindakan yang dirancang tersebut yang mengandungi 31 strategi jangka panjang dan jangka pendek berupaya memodenkan kehidupan penduduk dan mempergiatkan lagi pembangunan ekonomi setempat berdasarkan potensi keunikan serta keupayaan kampung baru yang terlibat seperti pertanian, industri kecil dan perkilangan sederhana serta ekopelancongan.

Sebagai contoh Kampung Baru Coldstream di Bidor yang terkenal dengan pertanian buah-buahan yang dieksport ke Singapura dan Hong Kong. Kampung Baru Bukit Merah di Menglembu mempelopori kegiatan membuat kasut sejak tahun 70-an dan kini telah dapat memasarkan produk sehingga ke luar negara. Kampung Baru Air Hitam di Batu Pahat contohnya adalah terkenal dengan industri seramiknya. Selain itu juga dapat kita melihat kampung baru yang telah mengalami proses urbanisasi, Kampung Baru Jinjang misalnya dan Kampung Baru Serdang ataupun kini dikenali sebagai Kampung Baru Seri Kembangan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada ketika ini tiada IKS yang khusus dirancang namun bagi memastikan pembangunan ekonomi setempat yang mampan, kerajaan telah memperkenalkan Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru Cina pada tahun 2011. Kerajaan telah memperuntukkan dana pusingan sebanyak RM100 juta dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh kepada Bank Simpanan Nasional untuk tujuan tersebut. Melalui pinjaman mikro kredit ini, penduduk kampung baru bukan saja untuk meningkatkan perniagaan mereka tetapi bagi mereka yang ingin memulakan perniagaan kecil boleh memohon skim pinjaman tersebut sehingga RM50,000. Sehingga 31 Oktober 2014, seramai 4,122 orang telah diluluskan pinjaman berjumlah RM132,336,960. Terima kasih.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamd Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin kurang setuju dengan jawapan yang telah diberi oleh kerana saya tidak dapat melihat kampung-kampung baru di kawasan Parlimen Lumut yang saya lihat telah terpinggir sejak sebelum merdeka lagi. Apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tidak ada wujud di kampung-kampung baru di Parlimen Lumut. Oleh yang demikian saya minta Yang Berhormat Menteri buktikanlah apa janji Yang Berhormat Menteri supaya sesuatu projek ataupun IKS boleh dibawa di kampung-kampung baru sekitar Parlimen Lumut, terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Pertama, Yang Berhormat mengatakan Yang Berhormat tidak merasai nikmat yang telah dibawa kepada kampung baru. Saya ingin memberi contoh, mantan Ahli Parlimen Lumut ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Mengikut rekod kita, kampung-kampung baru di situ telah diberi banyak dana pembangunan untuk setiap kampung. Dari segi peningkatan infrastruktur, sudah terbukti dan kita ada bukti yang boleh kita tunjukkan pada Yang Berhormat bahawa kalau bandingkan dengan dahulu keadaan fizikal dan kita lihat kampung-kampung baru kebanyakannya dibina pada tahun 50-an. Kalau tidak kita berikan peruntukan yang cukup untuk kita meningkatkan infrastruktur sudah tentunya keadaan jalan lebih teruk daripada sekarang.

Tapi kita kena mengakui bahawa kampung baru ini dirancang pada tahun 50-an. Maka kalau berbanding dengan mana-mana taman perindustrian, ianya tidak sekondusif seperti mana yang dapat kita lihat. Jadi dalam Pelan Induk Kampung Baru ini terdapat 31 strategi dan kita tidak merancang secara khusus kerana ini adalah bidang kuasa kerajaan negeri. Apa yang perlu kita lakukan ialah kita meningkatkan dari segi prasarana. Pada waktu yang sama kita tahu setiap negeri, pihak berkuasa tempatan mereka akan membentuk satu rancangan struktur ataupun mana-mana *local* pelan, rancangan tempatan yang mana mereka mengambil kira komponen-komponen ini. Jadi bagi kampung baru yang mempunyai potensi

dan kebetulan terletak dalam PBT, ianya adalah mempunyai *advantage* di mana bukan sahaja mereka dapat dana daripada kerajaan negeri, Kerajaan Pusat juga menyumbangkan.

Jadi dalam 31 strategi ini, banyak perkara yang kita lakukan di mana *cottage industry* dan ini ialah perkara pertama, strategi pertama untuk kita hendak mengembangkan. Ada beberapa lawatan yang telah saya lakukan. Saya bagi contoh, kalau di Perak pun ada beberapa kampung baru yang mana mereka menanam buah-buahan dan mereka ini kini dalam tumpuan untuk dieksportkan kepada negara-negara lain. Jadi ini sebagai contoh dan tidak semestinya kita melakukan kilang di situ tetapi kena lihat keunikan dan juga latar belakang mereka yang telah lama bermastautin di situ. Jadi tidak seperti mana yang didakwa oleh Yang Berhormat, memang dari segi fizikal kita bagi, dari segi keunikan kampung dan ciri-ciri kampung itu kita kena lihat.

Seperti Kampung Koh kita tengok, situ memang terkenal dengan sos cilinya yang telah dieksport ke luar negara juga. Mungkin Yang Berhormat tidak sedar bahawa itu juga satu kejayaan *cottage industry* di kawasan Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat saya mempelawa Yang Berhormat bolehlah melawat kawasan lebih kerap dan lihat kejayaan SME ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, nampak kampung baru ya. Yang Berhormat Tanjong Piai. Ya.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjung Piai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi memang benar ada kemajuan, perubahan dalam kampung baru terutama daripada segi infrastruktur. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sentuh juga berkaitan dengan pelan induk. Pelan induk telah diperkenalkan sejak tahun 2005 dan pelbagai strategi telah dirancang. Saya ingin tahu sehingga sekarang ini pelan induk tersebut, apakah keberkesanan pencapaian telah berlaku dan tadi kata ada juga banyak aktiviti tetapi saya nampak ada juga aktiviti-aktiviti ekonomi sebab kampung baru ini meliputi 450 buah kampung baru. Jadi setakat mungkin ada kampung yang mencapai tapi berapa kampungkah dalam 450 ini boleh menerima manfaat dalam pelan induk ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai. Memang benar bahawa pelan induk ini telah wujud sejak tahun 2005. Kita melihat untuk melaksanakan atau menjayakan pelan induk ini, kita perlukan sokongan daripada kerajaan negeri dan begitu juga agensi-agensi lain. Saya memberi contoh kalaulah kita hendak membangunkan sesuatu SME IKS di suatu kampung baru, maka sudah tentunya kita kena membuat perancangan bersama dengan pihak berkuasa negeri dan itu perlu dibuat kerana kelulusan itu tertakluk kepada kerajaan negeri dan pada waktu yang sama kalau kita melihat pelan induk yang telah kita wujudkan, kita telah menilai di beberapa tempat di mana kita wujudkan kawasan-kawasan perumahan untuk membesarkan lagi kampung baru tradisi 450 dan untuk makluman Yang Berhormat pada tahun 2009 ditambah pula jumlah kampung baru rangkaian sebanyak 113 dan Kampung Bagan 44. Jadi ini menjadikan jumlahnya 607.

Jadi kalau kita jumlahkan kesemua ini, saya mengakui bahawa bukan semua kampung itu sebesar Jinjang. Kalau kita lihat dari segi proses urbanisasi setiap negeri melalui proses yang berlainan di mana ada yang sudah menjadi bandar satelit. Sebagai contoh yang paling baik ialah kawasan Yang Berhormat di Pekan Nenas. Daripada sebuah

kampung baru kini telah menjadi satu bandar satelit yang mana banyak industri dan juga kita lihat di sekelilingnya kampung baru telah wujudkan banyak pelaburan yang kita bawa seperti Kilang Shimano berada di Pekan Nanas dan ini perlu kita lihat daripada satu perspektif yang lebih luas di mana kita mesti infrastruktur yang baik sebelum kita dapat mewujudkan satu kawasan perindustrian seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat.

Berbalik kepada keberkesanan pelan induk ini ia bergantung kepada negeri. Kalau negeri yang telah bekerjasama dengan kita macam di Johor, saya rasa ia tidak menjadi masalah dan kita telah memberikan sebagai contoh negeri Johor sejak tahun 2000 hingga 2014, jumlah yang telah kita berikan kepada negeri Johor ialah sebanyak RM170 juta kepada 120 buah kampung baru.

■1030

Ini sebagai tambahan kepada apa yang telah dirancang oleh kerajaan negeri. Jadi keberkesanannya secara ringkas ia bergantung kepada kerjasama daripada semua pihak termasuklah kalau kita hendak bina rumah. Jadi ini perlu dapat sokongan daripada pihak swasta juga. Jadi ini sebagai satu panduan di mana dengan berkat usaha semua pihak *stakeholders*, saya yakin ia dapat kita merealisasikan impian kita untuk menjadi kampung baru lebih berdaya saing. Sekian, terima kasih.

3. Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan memandangkan bidang pelancongan merupakan salah satu sektor utama pendapatan negara, berapa jumlah statistik kemasukan pelancongan asing setelah berlakunya peristiwa tragis MH370 dan MH17 dan langkah tambahan bagi mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2014 serta langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh syarikat-syarikat penerbangan Malaysia bagi mengelak peristiwa seperti tersebut daripada berulang.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menjawab soalan Yang Berhormat Sik pada pagi ini bersama-sama dengan soalan dua Ahli Yang Berhormat yang lain kerana isu pokok yang diutarakan adalah sama. Soalan ini saya jawab bersama dengan soalan Yang Berhormat Lenggong pada 11 November dan soalan Yang Berhormat Masjid Tanah pada 24 November 2014.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Januari 2014 hingga Julai 2014 Malaysia mencatat ketibaan seramai 16.1 juta orang pelancong asing iaitu peningkatan 9.7% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013.

Namun kejadian tragedi pesawat MH370, penerbangan Malaysia setakat ini telah memberi kesan yang ketara ke atas pasaran China dan Taiwan yang telah mengalami penurunan sebanyak 11.8% dan 2.9% masing-masing bagi tempoh Januari 2014 hingga Julai 2014 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013. Jumlah pelancong asing daripada negara China adalah seramai 997,370 orang dan dari negara Taiwan adalah seramai 168,962 orang sehingga bulan Julai 2014. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Tourism Malaysia sedang memantau kesan MH17 iaitu yang telah ditembak

di Ukraine ke atas industri pelancongan memandangkan insiden tragedi ini berlaku pada bulan Julai 2014.

Langkah-langkah promosi yang ditanya oleh Yang Berhormat Sik, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia juga telah mengambil strategi dalam menangani masalah ini dengan mengadakan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) usaha promosi dialih fokus kepada pasaran-pasaran serantau di Singapura, Indonesia, Filipina dan Brunei di Rantau Asian, India di Rantau Asia Selatan, negara-negara di Asia Barat dan Australia dan tumpuan juga diberikan kepada pasaran Eropah dan Amerika bagi pasaran jarak jauh;
- (ii) mengadakan pelaksanaan misi jualan ke pasaran-pasaran pelancong utama dan pasaran baru bagi meningkatkan *visibility* dan kesedaran mengenai Malaysia serta keyakinan pengusaha-pengusaha pelancongan yang menjual Malaysia di pasaran-pasaran tersebut;
- (iii) penyertaan berterusan Tourism Malaysia di Pameran dan Ekspo Pelancongan Antarabangsa Utama bersama-sama dengan Penggiat Industri Pelancongan Malaysia serta syarikat penerbangan seperti International Tourism Bursa (ITB) di Berlin, Arabian Travel Mart atau ATM di Dubai, World Travel Mart (WTM) di London, sedang berlangsung sekarang, Japan Station of Travel Agent Tourism Forum and Travel Showcase (JATA) di Jepun, Korea World Travel Fair (KOTFA) di Seoul dan China International Travel Mart (CITM) di China;
- (iv) promosi *consumer* dan penjualan pakej pelancongan bersama pihak pengusaha pelancongan dan hotel melalui promosi makanan dan kebudayaan di hotel dan pusat membeli belah utama di luar negara;
- (v) kita menyertai pameran dan ekspo produk-produk unik seperti eko pelancongan, *park and gardens*, *spa and wellness*, pendidikan dan *education tourism* Malaysia My Second Home dan inap desa;
- (vi) menggalakkan kolaborasi dan usaha sama dengan pengusaha-pengusaha pelancongan, syarikat penerbangan dan lain-lain dalam aktiviti yang menjurus kepada usaha meningkatkan tahap kesedaran dan penjualan pakej-pakej percutian ke Malaysia secara terus ke *consumer*;
- (vii) kita meningkatkan jaringan kerjasama dengan wakil-wakil dari media cetak dan media elektronik di bawah program *mega fans* dengan membawa penulis, wartawan, kru perfileman dan *social influential* seperti *bloggers* untuk menyaksikan sendiri keunikan acara-acara pelancongan dan produk-produk pelancongan terkini seperti sambutan nasional Deepavali pada dua malam yang lepas;
- (viii) bekerjasama dengan pejabat-pejabat pelancongan negara lain seperti Singapura, Thailand dan Indonesia bagi menjual pakej-pakej percutian

- gabungan dua destinasi, dua *destination* dengan izin atau destinasi pelbagai ataupun multi *destination* dengan izin;
- (ix) penerbitan kolateral-kolateral khas seperti *brochure* Tahun Melawat Malaysia 2014, *posters*, *standees*, cenderahati TTM2014 seperti *t-shirt* berkolar, topi, *pocket note pad*, *pal pin*, *luggage tag* dan sebagainya; dan
 - (x) membolehkan pasaran China kita telah mengadakan pelbagai lawatan terutamanya dengan lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ketibaan dua ekor panda. Itu pun dapat membantu yang memberikan publisiti meluas di media masa di Malaysia dan China.

Soalan Yang Berhormat Sik berkenaan dengan apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh syarikat penerbangan Malaysia bagi mengelakkan peristiwa-peristiwa tersebut daripada berulang, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan Malaysia. Ada perkara yang sama dibangkitkan dalam soalan Yang Berhormat Lenggong yang bertanya tentang jumlah pendapatan.

Jumlah pendapatan pelancongan yang diperoleh bagi Januari ke Jun 2014, hasil daripada kesan tragedi MH370 dan MH17 kepada kita, kita mendapat sebanyak RM35.3 bilion iaitu peningkatan sebanyak 13.2% jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun 2013. Jadi secara jawapannya makna tidaklah terjejas, kita bertambah.

Pecahan komponen perbelanjaan pelancong adalah seperti berikut iaitu penginapan hotel sebanyak 29% *contribution* atau sumbangannya, membeli belah sebanyak 26%, tiket penerbangan domestik yang mereka datang dan terbang ke produk-produk tourism kita 16%, makanan dan minuman sebanyak 14%, pengangkutan sebanyak 7%, pengendalian pelancongan sebanyak 4% dan hiburan sebanyak 4% juga.

Yang Berhormat Masjid Tanah dalam soalan yang sama bertanya tentang kehadiran daripada segi pelancong dari negara-negara yang datang ke negara kita daripada Januari hingga Jun berbanding dengan tahun 2013 dengan sekarang. Jadi saya hendak sebut di sini, pertama Singapura tahun 2013 – 6,295,567 orang datang ke Malaysia dan tahun yang sama 2014, tahun ini 7,095,067 orang. Bermakna peningkatan sebanyak 12.7%. Indonesia tahun 2013 – 1,242,055 orang. Tahun 2014 1,354,529 orang iaitu peningkatan sebanyak 9.1%. China – 943,756 orang tahun 2013 dan tahun ini 850,877 orang iaitu penurunan sebanyak 9.4% seperti saya sebut sebentar tadi.

■1040

Thailand, 581,683. Tahun ini 683,482 peningkatan sebanyak 17.5%. Brunei Darussalam 593,536. Tahun ini 599,831 orang, peningkatan sebanyak 1.1%. India, 348,309. Tahun ini 392,448, peningkatan sebanyak 12.7%. Filipina, 277,378. Tahun ini 316,656 iaitu peningkatan sebanyak 14.2%. Australia, 250,123. Tahun ini 296,262, peningkatan sebanyak 18.4%. Jepun, 250,293. Tahun ini 267,087, peningkatan 6.7%. United Kingdom, jarak jauh 133,216. Tahun ini 189,083, peningkatan- minta maaf. United Kingdom, 211,286. Tahun ini 231,022, peningkatan sebanyak 9.3% Korea Selatan, dulu 133,216. Sekarang 189,083. Yang ini peningkatan sebanyak 41.9%. Vietnam, 112,782. Sekarang 142,415, peningkatan 26.3%. Nombor 13, Amerika Syarikat dulu 127,235. Sekarang 137,514, peningkatan 8.1%.

Jadi, kita lihat pada keseluruhannya, prestasi ketibaan pelancong asing ke Malaysia adalah pada landasan yang kukuh walaupun kita menghadapi tragedi MH370 dan MH17. Untuk mencapai sasaran Tahun Melawat Malaysia 2014 iaitu seramai 28 juta orang pelancong asing ini, *insya-Allah* saya kira sasaran ini dapat dicapai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Sik.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan saya dan soalan Ahli-ahli Parlimen lain dengan panjang lebar. Saya ingin memohon pihak kementerian menyatakan jumlah kos yang digunakan untuk memulihkan kembali persepsi buruk dunia terhadap Malaysia selepas berlakunya peristiwa MH370 dan MH17 serta penculikan rakyat asing di Sabah agar sektor pelancongan di Malaysia terus berkembang merata dunia. Adakah peruntukan Bajet 2015 yang baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan realistik untuk mencapai matlamat pemulihan dalam sektor pelancongan dan apakah pelan spesifik pelancongan kerajaan untuk menjayakan Malaysia Year of Festival atau **MyFEST 2015**. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil untuk memulihkan keadaan iaitu sebanyak 10 langkah namun kosnya itu kita belum dapat *compute*. *Insya-Allah* saya akan minta kepada pegawai-pegawai saya supaya *compute the figure*, berapakah kosnya dan semua ini, kos yang kita gunakan untuk memulihkan keadaan, kita menggunakan daripada peruntukan yang telah diberikan kepada kita untuk 2014. Tidak ada melibatkan kos yang lebih ataupun *additional cost*, tidak ada, dengan izin. Kemudian Bajet 2015 bagi tahun 2015, Malaysia Year of Festival (MyFEST), kita telah diberikan bajet seperti yang telah diumumkan namun kementerian saya kira apa sekalipun bajet yang diberikan, kita akan gunakan sepenuhnya untuk memanfaatkan jumlah itu.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin ucap tahniahlah Yang Berhormat Menteri, sungguhpun dalam keadaan yang begitu mencabar, kementerian masih dapat capai matlamatnya. Yang Berhormat Menteri, memandangkan dengan pengalaman tahun ini iaitu tahun melawat negara kita, saya ingin tanya tadi soalan yang asal itu tidak dijawab dengan cukupnya iaitu tahun hadapan, Year of Festival iaitu kita sedia maklum bahawa negara kita kaya dengan begitu banyak festival kebudayaan dan keagamaan, saya ingin tanya kementerian, apakah usaha-usaha atau program menambah baik dengan mengikut pengalaman tahun ini, penambah baikkan untuk menjayakan matlamat iaitu Malaysia Year of Festival untuk tahun depan dan bagaimanakah Ahli-ahli Parlimen dapat memainkan peranan untuk membantu kejayaan program tahun depan ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini 2014, dalam bajet yang diumumkan pada tahun 2013 itu telah ditentukan untuk Visit My Malaysia ini diberikan satu peruntukan yang *extra* kerana pada tahun 2014, diadakan Visit Malaysia Year. Jadi bagi *visit* MyFEST 2015 ini, jumlah yang sama *plus* sedikit *additional* telah pun diberikan kepada kementerian saya untuk menjayakan tahun MyFEST 2015. Jadi kalau saya kira apabila berakhir pada tahun ini, kalau sekiranya kita dapat mencapai sasaran

yang dikehendaki, jumlah kehadiran pelancong seramai 28 juta, kalau kita dapat mencapai sasaran ini dengan peruntukan *additional* yang telah diberi bagi Visit Malaysia 2014 dalam keadaan suasana yang kita menghadapi begitu banyak tragedi, kita berjaya, saya percaya *insya-Allah* dengan jumlah yang diberi untuk Visit Malaysia Year 2014 *plus extra* untuk MyFEST 2015, saya percaya kalau tahun depan janganlah ada apa-apa lagi tragedi yang melanda negara kita, saya yakin dan percaya *insya-Allah* kita akan capai matlamat untuk mendatangkan tak silap saya RM29.4 juta, *insya-Allah*.

Menjawab soalan tambahan yang kedua, Malaysia Truly Asia, ini *branding* negara kita yang sudah begitu popular, 19 tahun. Kita cuma tukar lagu sahaja. Kalau dahulu lagu Khatijah Ibrahim nyanyi agak laju tetapi hari ini kita ubah lagi agak *slow* sikit, Yuna nyanyi, 19 tahun kita kena ganti dengan penyanyi mudalah pula. Kalau tidak nanti nampak seolah-olah kita tidak ada perbezaan. Jadi, Malaysia Truly Asia melambangkan iaitu bahawa di negara Malaysia kita ini, kita jualkan Malaysia Truly Asia, kita beritahu kepada orang yang *you* tak payah pergi melawat seluruh Asia. Hendak tengok budaya Cina, Malaysia ada. Nak tengok budaya India, Malaysia ada.

■1050

India pula bukan satu budaya sahaja, budaya Tamil ada, Punjabi pun ada, Bangra, Telegu, Kerala macam-macam. Dia ada dia punya perayaan dia. Kalau hendak tengok perayaan Siam, tidak payah pergi Thailand Songkran pun ada. Yang Berhormat Pokok Sena pun tahu, tempat dia pun banyak Siam. Songkran ada lagi satu, Loi Krathong ada. Hendak tengok budaya Portugis yang tidak ada di Portugal, marilah ke Melaka, kita ada. Jadi, Malaysia Truly Asia banyak perayaan.

Jadi ahli-ahli Parlimen boleh membantu negara dengan memastikan iaitu kalau di kawasan masing-masing kita ada pesta-pesta yang unik di kawasan kita. Macam di Kota Melaka, orang-orang Hakka di sana kalau tidak silap saya, dia ada perayaan dia. Baru dua malam dahulu ada satu perayaan yang angkut *procession* di seluruh Pekan Kota Melaka. Jadi kalau Yang Berhormat ada di kawasan masing-masing pesta yang unik di kawasan kita yang mungkin boleh dijadikan sebagai satu pesta yang lebih besar, maka maklum pada saya, sudah tentu *insya-Allah* kita hendak memperbanyakkan 2015 sebagai tahun pesta di Malaysia yang sememangnya ada pesta, yang kecil kita besarkan, maka hubungilah saya selaku Menteri Pelancongan dan Kebudayaan.

4. Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta Menteri Luar Negeri menyatakan apa sebenarnya yang terjadi dalam kes anggota diplomat Malaysia dituduh terlibat kes jenayah di New Zealand.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Kuala Kedah secara bersekali dengan tiga lagi pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan pada 4 November, Yang Berhormat Subang pada 13 November dan Yang Berhormat Selayang pada 18 November kerana ia menyentuh pada isu yang sama.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi adalah merujuk kepada kes

yang dihadapi oleh Pegawai Waran II Angkatan Tentera Malaysia Muhamamd Rizalman Ismail yang menghadapi tuduhan pecah rumah dan melakukan serangan ke atas seorang wanita tempatan New Zealand bernama Tania Rose Bilingsley berumur 21 tahun pada 9 Mei 2014. Semasa kejadian, Pegawai Waran II Mohammad Rizalman adalah staf pembantu kepada Penasihat Pertahanan Malaysia di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Wellington, New Zealand.

Beliau adalah seorang pegawai yang bertaraf rasmi dengan izin *official* yang memegang pasport rasmi Malaysia. Di bawah undang-undang dan peraturan tempatan New Zealand, beliau memiliki kekebalan diplomatik terhad. Tuan Yang di-Pertua, hasil perbincangan antara Suruhanjaya Tinggi Malaysia dengan pihak di Kementerian Luar Negeri dan Perdagangan New Zealand dan pihak polis New Zealand, beliau dan keluarganya telah dihantar pulang ke Malaysia pada 22 Mei 2014. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia kemudian telah dimaklumkan oleh Kerajaan New Zealand, bahawa Kerajaan New Zealand memohon supaya Pegawai Waran II Mohammad Rizalman ini dihantar kembali ke New Zealand untuk menghadapi perbicaraan.

Dengan mengambil kira hubungan dan kerjasama yang sedia erat terjalin antara kedua-dua negara, kerajaan telah bersetuju untuk melucutkan status kekebalan diplomatik Pegawai Waran II Mohammad Rizalman seperti yang dipohon oleh New Zealand dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk pegawai tersebut pulang bagi menghadapi pertuduhan tersebut. Kerajaan Malaysia hanya menerima permohonan ekstradisi ke atas pegawai waran tersebut daripada Kerajaan New Zealand pada 3 Oktober 2014. Lanjutan daripada permohonan tersebut, satu prosiding telah diadakan terhadap subjek di Mahkamah Seksyen Kuala Lumpur pada 16 Oktober 2014.

Sukacita saya juga maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa semasa prosiding tersebut, Pegawai Waran II Mohammad Rizalman telah tidak membantah malahan telah menyatakan kesediaan beliau untuk kembali ke New Zealand untuk dibicarakan. Lanjutan daripada prosiding tersebut Pegawai Waran II Mohammad Rizalman telah dihantar pulang ke New Zealand pada 24 Oktober 2014, di mana beliau telah diiringi oleh dua orang pegawai polis New Zealand dan dua orang pegawai dari Kementerian Pertahanan. Setibanya di New Zealand, beliau telah ditahan dan dihadapkan ke Mahkamah Wellington pada 28 Oktober 2014 untuk permohonan ika jamin sementara. Tarikh perbicaraan beliau telah ditetapkan pada 21 November 2014.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kerajaan berpendapat bahawa kepulangan Pegawai Waran II Mohammad Rizalman ke New Zealand merupakan satu bukti yang jelas terhadap hubungan dua hala dan kerjasama yang erat antara Malaysia dan New Zealand. Di mana kedua-dua negara telah berpegang kepada prinsip-prinsip dan proses perundangan yang jelas dan kukuh. Kerajaan Malaysia juga yakin bahawa Pegawai Waran II Mohammad Rizalman ini akan menghadapi perbicaraan yang saksama dan adil di New Zealand.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan Yang Berhormat Subang, persiapan semua pegawai dan kakitangan kerajaan yang akan berkhidmat di luar negeri terutamanya di perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut, kementerian membuat penilaian terlebih dahulu ke atas kesediaan pegawai tersebut untuk ditempatkan dan bertugas di luar negeri.

Ini termasuklah penilaian ke atas kompetensi pegawai dan aspek-aspek lain seperti mental, tata kelakuan dan kesihatan.

Pegawai-pegawai ini juga selalunya telah menjalani latihan dan kursus yang ditetapkan oleh kementerian bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan baik. Kursus dan latihan yang dijalankan adalah terdiri daripada kursus-kursus dalaman atau *in-house training* dengan izin dan kursus-kursus anjuran institusi latihan awam dan juga swasta seperti Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri dan Institut Tadbiran Awam Negara atau INTAN.

Pencapaian di dalam kursus-kursus ini juga dijadikan asas dalam menilai kesediaan pegawai untuk berkhidmat di luar negeri. Salah satu kursus penting ialah kursus pra-penempatan atau *preposting* yang turut dihadiri oleh para pegawai dari kementerian dan agensi kerajaan yang lain. Di antara modul latihan kursus tersebut ialah *preparation for leaving and working abroad* yang menekankan keperluan untuk memahami dan mematuhi undang-undang tempatan yang berkuat kuasa. Memahami cara hidup harian penduduk tempatan di negara tuan rumah termasuk bahasa, agama dan budaya. Penjawat awam juga sentiasa diperingatkan agar sentiasa menjaga nama dan imej baik kementerian, perkhidmatan awam dan negara semasa bertugas di luar negara. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan terima kasih ke atas penjelasan tadi cumanya saya hendak menyebut bahawa pada peringkat awal masalah ini ada sedikit kecelaruan di media yang mencalarakan serba sedikit imej negara kita. Seolah-olah macam kita ada sesuatu yang hendak dilindungi. Soalan saya adalah apakah kita ada standard *operating procedure* yang mencapai piawai antarabangsa yang telus yang sentiasa kita ikut secara konsisten sesuai dengan kedudukan dan taraf negara kita sebagai sekarang ini pemegang kerusi di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, satu.

Kedua, kita bernasib baik di New Zealand sistemnya lebih kurang kita. Dia negara bebas, demokratik dan undang-undangnya tidak banyak berbeza dengan kita. Bagaimana kalau terjadi di negara lain yang sangat berbeza, di Korea Utara misalnya. Apakah ada jaminan bantuan dan juga pertolongan dari kerajaan yang menjamin keselamatan diplomat kita dan pada masa yang sama kita bertindak wajar sebagai sebuah negara berdaulat di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

■1100

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kedah. Untuk pengetahuan semua Ahli Yang Berhormat yang berada di sini, seperti yang saya telah katakan tadi bahawa sebenarnya memang ada *standard procedure* yang kita buat untuk kita beritahu kepada pegawai-pegawai yang akan kita tempatkan di luar negara terutamanya seperti juga yang saya telah terangkan tadi dengan kursus-kursus yang akan kita berikan.

Manakala apabila timbulnya masalah-masalah yang berlaku seperti pegawai kita di New Zealand ini, kita mengambil kira tentang pertama, sama ada pegawai tersebut ada melakukan kesalahan ataupun tidak. Oleh sebab itu perbincangan dibuat di antara

Kementerian Luar bersama dengan Kementerian Luar Negeri New Zealand untuk menentukan bahawa kalau kita mahukan keadilan, biarlah buat pertama kalinya ada perbincangan di antara kedua-dua buah negara dan itu yang telah kita buat dan akhirnya kita bersetuju untuk pegawai kita ini dihantar pulang ke negara kita dahulu.

Walau bagaimanapun, oleh kerana timbulnya permintaan daripada Kerajaan New Zealand untuk dihantar pulang, untuk dibicarakan, kita juga telah bersama dengan pegawai, bersama meminta untuk beliau sendiri bersetuju untuk menghadapi perbicaraan. Maka sebab itu Tuan Yang di-Pertua, apa-apa pun yang kita buat adalah semata-mata kerana kita sedar bahawa sebagai sebuah negara yang hari ini mengamalkan mengikut kaedah perundangan *international*, undang-undang antarabangsa seperti *Vienna Convention on Consular Relations 1963* digunakan oleh seluruh negara termasuklah Malaysia. Maka dengan adanya konvensyen yang saya sebutkan ini, kita mengikutinya. Itulah yang kita buat terhadap pegawai kita Pegawai Waran II Rizalman tersebut.

Tentang sama ada dengan negara-negara yang lain, sama ada pegawai kita ini selamat ataupun tidak dalam negara tersebut, saya hendak jelaskan sebenarnya apa yang kita buat, pegawai-pegawai ini diminta untuk ada imuniti atas sikap sebagai seorang diplomat. Selalunya, ini telah pun diterima oleh negara di sana, kemudian yang lainnya adalah mengikut perundangan-perundangan negara yang telah pun kita tempatkan pegawai-pegawai kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah sedia maklum tentang status kes ini. Soalan saya adalah, saya hendak tahu berapa ramaikah diplomat-diplomat asing yang berada di Malaysia ini telah melakukan kes-kes salah laku dan juga melanggar undang-undang di Malaysia dan juga kalau ada contoh-contoh utama yang terdapat di negara kita. Apakah langkah-langkah pihak berkuasa khususnya pihak kementerian tentang perkara ini yang mana kita difahamkan masih ramai diplomat asing di negara kita ini tidak menghormati undang-undang di sini? Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya hendak jelaskan, negara kita adalah seperti yang saya katakan tadi, kita juga mengikut *Vienna Convention on Consular Relations 1963*. Maka bermakna, semua pegawai atau diplomat asing yang tinggal dalam negara kita, mereka juga mengikut konvensyen yang sama. Maka sebab itu, jika sekiranya mereka melakukan kesalahan mengikut undang-undang negara kita, mereka boleh diambil tindakan. Cuma dalam isu ini, ada perbincangan di antara kedua-dua buah negara, bagaimana caranya untuk beliau melakukan kesalahan-kesalahan tersebut yang boleh diambil tindakan mengikut perundangan dalam negara kita.

Berapa ramai yang telah pun kena atau salah laku yang mereka buat dalam negara kita, saya mohonkan notis kerana tidak ada jawapan buat masa ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

5. **Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan sejauh manakah kejayaan Ops Titik yang bertujuan membanteras penyelewengan diesel bersubsidi dan untuk jangka panjang apakah perancangan kementerian bagi membanteras perbuatan tersebut.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Sri Hasan bin Malek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tanah Merah bersekali dengan tiga soalan lain yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam pada 13 November 2014, Yang Berhormat Jasin pada 18 November 2014 dan Yang Berhormat Kinabatangan pada 20 November 2014 kerana menyentuh isu dan perkara yang sama iaitu berkaitan dengan penyelewengan diesel dan petrol bersubsidi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Sri Hasan bin Malek: Terima kasih. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melaksanakan satu operasi khas yang telah diberi nama Ops Titik dalam usaha untuk membanteras penyelewengan bahan petroleum bersubsidi secara besar-besaran di seluruh negara bermula dari 15 Mei 2014. Sehingga 30 Oktober 2014 yang lalu, Ops Titik telah berjaya mematahkan 473 cubaan untuk menyelewengkan bahan petrol bersubsidi dengan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM21.86 juta. Bagi operasi KPDNKK yang dijalankan pula bersama-sama dengan pasukan petugas khas Jabatan Peguam Negara, sebanyak 58 kes telah diambil dengan nilai rampasan petrol, diesel dan gas petroleum cecair dianggarkan berjumlah RM19.7 juta. Sebanyak 18 buah kapal yang dianggarkan bernilai RM172 juta telah juga turut disita. Selain daripada itu, wang tunai berjumlah RM949,000,929 dan beberapa akaun sindiket yang dipercayai diperoleh hasil daripada kegiatan penyelewengan bahan petroleum bersubsidi telah disita dan dibekukan untuk siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

Tuan Yang di-Pertua, Ops Titik yang dijalankan secara berterusan oleh KPDNKK dengan bantuan dan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan, SPRM, APMM dan lain-lain ini telah memberikan impak yang sangat berkesan. Sebelum ini, jumlah kuantiti diesel yang perlu ditanggung subsidi oleh kerajaan bertambah setiap bulan. Namun, sejak Ops Titik dijalankan tanggungan tersebut telah berkurangan. Dalam tempoh hanya lima bulan pelaksanaannya iaitu dari bulan Mei hingga 30 Oktober 2014, kerajaan telah berjaya mengurangkan penggunaan diesel bersubsidi sebanyak 565.46 juta liter.

Jika mengambil kira anggaran subsidi, sebanyak 70 sen bagi setiap liter, ini bermakna kerajaan telah berjaya mengurangkan bebanan subsidi sebanyak RM361.59 juta kesan pelaksanaan Ops Titik. Itu yang pertama. Di samping itu pula masalah *stock out* minyak diesel di stesen-stesen minyak yang sebelum ini dilaporkan pada hampir setiap hujung bulan, kini tidak lagi berlaku. Ini memberi gambaran bahawa kebocoran diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak yang disebabkan oleh aktiviti penyelewengan sudah berkurangan dan dapat dikawal dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan Ops Titik, KPDNKK juga telah memulakan dasar had kuota jualan RON95 dan ke atas 56 stesen minyak di sempadan Malaysia-Thailand bermula pada bulan Ogos 2014. Jika mengambil kira anggaran subsidi, sebanyak 70 sen

bagi setiap liter hingga bulan Ogos dan 48 sen bagi setiap liter pada bulan September, ini bermakna kerajaan telah berjaya mengurangkan bebanan subsidi sebanyak RM2.3 juta. Bagi gas petroleum cecair pula, sebanyak 28.70 kilogram gas petroleum cecair bernilai RM74,317.86 telah disita.

■1110

Jika mengambil kira anggaran subsidi sebanyak RM1.62 bagi setiap kilogram, ini bermakna kerajaan telah berjaya menyelamatkan subsidi sebanyak RM45,470.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua yang dibawa oleh Yang Berhormat Tanah Merah, perancangan kementerian bagi mempertingkatkan tindakan-tindakan pencegahan ataupun *deterrent*.

- (i) KPDNKK tidak membenarkan sebarang kes yang dihasilkan dalam operasi ini untuk dikompau. Kesemua penjenayah yang menyeleweng bahan petroleum bersubsidi dihadapkan ke mahkamah bagi mendapatkan hukuman yang setimpal. Kita tidak ada tolak ansur dalam konteks ini;
- (ii) Kementerian juga telah meningkatkan syarat-syarat bagi kebenaran PDA ataupun Petroleum Development Act (Akta Pembangunan Petroleum 1974) bagi mengurus niaga bahan-bahan petroleum serta mendapatkan akujanji integriti daripada semua pemegang PDA; dan
- (iii) Kementerian sedang mengkaji untuk meningkatkan jumlah denda yang boleh dikenakan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih penjelasan yang panjang lebar yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri. Syabas dan tahniah juga saya kepada usaha Yang Berhormat Menteri dan KPDNKK yang saya tengok cukup baik dalam kita mengatasi penyelewengan subsidi. Saya juga menghargai sikap Yang Berhormat Menteri yang tidak melatah dan melenting apabila akhbar Utusan Malaysia mendedahkan mengenai penyelewengan diesel subsidi, sebaliknya Yang Berhormat Menteri bersikap proaktif apabila melancarkan Ops Titik.

Malam tadi seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri, malam tadi saya tengok RTM dan hari ini saya terbaca lagi dalam akhbar Utusan Malaysia muka surat 21, di mana Yang Berhormat Menteri telah mengeluarkan kenyataan, kerajaan berjaya menjimatkan RM361.58 juta nilai subsidi daripada 142 juta liter diesel sejak Ops Titik dijalankan pada 15 Mei bagi membanteras penyelewengan diesel bersubsidi.

Jadi soalan tambahan saya, KPDNKK telah membekukan sementara semua permohonan baru kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974, kebenaran PDA bermula dari 10 Jun hingga tahun ini. Jadi, apakah kesan positif hasil pembekuan sementara ini. Di waktu yang sama kebimbangan saya dan juga rakyat jika pembekuan sementara ini mahu dilepaskan pada hujung tahun ini, apakah jaminan ataupun langkah yang dilakukan oleh KPDNKK untuk memastikan kegiatan penyelewengan diesel subsidi oleh pemborong

tidak akan berlaku lagi? Ini kerana memandangkan Yang Berhormat Menteri juga semalam bercakap di Kuala Pilah, Ops Titik secara bersepadu akan dihentikan pada hujung tahun ini. Jadi, saya cukup bimbang lanun-lanun ini akan bermaharajalela kembali selepas hujung tahun ini. Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Malek: Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Nampaknya begitu minat tentang soal penyelewengan subsidi ini. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, memang benarlah kita mulai Operasi Titik ini 15 Mei tetapi kita mengkaji balik cara mana operasi ini benar-benar berkesan. Sebab itu berkuat kuasa 10 Jun 2014, kementerian telah mengambil tindakan pula untuk membekukan semua permohonan baru kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 iaitu kebenaran PDA kita bekukan. Pembekuan permohonan baru kebenaran PDA ini melibatkan kebenaran bagi aktiviti pembukaan stesen minyak baru, perkhidmatan *bunkering*, perkhidmatan pengangkutan bahan petroleum serta menjalankan pengedaran secara borong dalam petroleum. Jadi, pada tindakan-tindakan yang saya sebutkan tadi, kesan positif langkah ini pertamanya ialah kita telah dapat membendung kegiatan penyelewengan bahan petroleum bersubsidi yang semakin berleluasa yang turut melibatkan pemegang kebenaran PDA yang sah yang sedia ada. Itu satu.

Yang keduanya pula, ini membolehkan pihak kementerian mengaudit kesemua pemegang kebenaran PDA yang sedia ada serta meneliti semua keberkesanan syarat kebenaran PDA yang dikenakan terhadap pemegang kebenaran mengikut jenis dan kebenaran aktiviti yang telah diberikan. So, kita ada ruang untuk kita buat audit kepada kebenaran permit-permit yang sedia ada ini. Yang ketiga juga ialah melalui semakan ini juga, syarat kebenaran PDA sedia ada diperkemas dengan syarat yang lebih spesifik mengikut aktiviti yang dijalankan.

Kementerian juga telah mengambil tindakan membatalkan kebenaran PDA aktiviti *bunkering* yang dijalankan di jeti-jeti persendirian di seluruh negara. Tindakan ini diperkenalkan berpunca daripada hasil siasatan yang mendapati bekalan bahan petroleum bersubsidi kepada majoriti kapal yang ditahan kerana melakukan cubaan menyeludup diperolehi daripada pemborong yang beroperasi melalui jeti-jeti persendirian (*private jetties*). Sebanyak 26 notis penamatan notis kebenaran PDA telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti *bunkering* di jeti-jeti persendirian di seluruh negara. 26, Yang Berhormat. Daripada jumlah tersebut, hanya tujuh syarikat telah mengemukakan rayuan, di mana ia menunjukkan hanya pengusaha *bunkering* yang tulen dengan rekod perniagaan yang teratur yang berani tampil membuat rayuan ke atas notis pembatalan kebenaran PDA tersebut. Itulah maknanya kesan daripada usaha kita untuk membekukan sementara kebenaran PDA tadi.

Jadi, soal yang kedua Yang Berhormat Tanah Merah timbulkan berkenaan dengan jaminan daripada kita dalam apabila kebenaran PDA ini pada akhir 31 Disember 2014, kita akan batalkan pembekuan ini. Maknanya, balik semula kepada yang asal. Dalam konteks ini, sebenarnya seperti mana juga usaha-usaha lain, kita tidak boleh beri jaminan apa-apa sebab ini cara sorok dan sebagainya memang mereka petah betul. Cukup bijak. Kita buat begini, dia buat begitu. Jadi, macam-macam usaha yang mereka buat.

Maknanya, kita melihat ini dan kita sentiasa mengadakan sesi perbincangan, musyawarah, *engagement*, rundingan dan dialog bersama-sama dengan pihak industri, pengusaha-pengusaha stesen minyak. Kita mengadakan perjumpaan saban kali dan juga persatuan pengguna, ahli akademik, NGO, cara macam mana tindakan ini boleh kita buat bagi memastikan keberkesanan tindakan kita.

Kementerian ini telah juga menggariskan syarat-syarat baru dalam permohonan PDA yang akan datang. *We are going to be very straight*, dengan izin, supaya jangan dengan mudah. Kalau dahulu misalnya, tempoh permit ini untuk lima tahun, kita pendekkan kepada dua tahun. Supaya bila sudah dua tahun, kita tengok dan kaji kalau dia ini ada rekod tidak baik, kita tidak sambung. Begitulah Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tanah Merah, terima kasih di atas penghargaan kepada kementerian tadi.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya melihat isu penyelewengan diesel bersubsidi ini sebenarnya juga turut melibatkan soal rasuah dalam pelbagai rangkaian yang melibatkan pembekal, peruncit dan juga pembeli. Malah, apa yang sangat kita bimbang juga melibatkan sama orang-orang dalam iaitu pegawai-pegawai kerajaan. Saya melihat sebagai contoh, SPRM yang juga telah melancarkan operasi berkait dengan diesel ini sejak tahun 2009. Sehingga Julai 2013 baru-baru ini, 112 kertas siasatan telah dikeluarkan dan 138 tangkapan telah dibuat dan ini melibatkan pegawai maritim, pegawai TLDM dan juga pegawai-pegawai kerajaan.

Jadi dari situ Yang Berhormat Menteri, ketirisan ini berlaku disebabkan dalang, *informer* dalaman yang mungkin memalsukan dokumen penghantaran, *claim* dan seumpamanya. Jadi apakah operasi yang berkait dengan diesel bersubsidi yang telah dilancarkan ini benar-benar berkesan dan apakah jenayah rasuah yang melibatkan orang-orang yang dalam ini benar-benar berjaya dihapuskan dengan berkesan. Kalau tidak saya kira dia akan terus berpanjangan. Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Malek: Terima kasih Yang Berhormat Temerloh yang juga prihatin kepada soal ini yang melihat secara umum. Nampaknya mudah tetapi tidak semudah macam mana Yang Berhormat fikirkan sebab bagi kita di kementerian, kita memang begitu tegas dalam konteks ini. Saya pun tidak mahu berkompromi dengan tindakan-tindakan kepada pegawai saya di kementerian secara khususnya kalau ada terlibat dengan penyelewengan ini, kita akan ambil tindakan serta-merta. Jadi sebab itu dalam konteks operasi yang kita jalankan, kita juga buat bersama-sama dengan SPRM dalam operasi tersebut. Operasi dengan SPRM, dengan pihak Kastam, dengan pihak Jabatan Peguam Negara supaya sekali gus kita berdasarkan kepada maklumat-maklumat, ambil tindakan supaya tindakan yang kita ambil ini benar-benar berkesan.

Pada saya, macam mana saya sebutkan berdasarkan statistik tadi, jelas bahawa operasi kita berjaya sebab pertamanya, tidak ada lagi *stock out* ini tadi. Saya ingat pada peringkat awal saya di kementerian, di sana sini *stock out*, minyak kehabisan. Saya terpaksa pergi ke Sabah hari itu, Yang Berhormat daripada Sabah mengadu, saya pergi betul. Jadi saya fikir kenapa, bagaimana ini boleh berlaku. Jadi sebab itu kita ambil tindakan, sebab itu kita lancarkan Ops Titik.

Jadi dalam konteks ini, saya sekali lagi merayu kepada Yang Berhormat Parlimen di mana kalau sekiranya ada berlaku penyelewengan, ada ketirisan di sana sini, saya memerlukan maklumat-maklumat ini. Kadangkala kita terlepas pandang, tidak nampak tetapi kalau ada, maklumkan kepada kita, insya-Allah bersama-sama kita memerangi gejala-gejala dalaman seperti dikata Yang Berhormat Temerloh tadi. Jadi insya-Allah ini akan dapat menguatkan kita dan menimbulkan satu integriti yang cukup kukuh. Saya memang tidak ada, *no excuse* lah dengan penyeleweng ini, sebab ada juga ramai daripada kementerian lain tetapi daripada kementerian kita pun, adalah seekor dua itu. Kita tidak mahu seekor dua bawa lumpur, habis semua terpalit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Sri Hasan bin Malek: Seorang dua, minta maaf. Jadi insya-Allah dengan kerjasama Yang Berhormat, kita sama-sama memerangi dalang-dalang dalaman ini. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, mengenai subsidi ini memang pada sesi yang lepas mengenai penyelewengan diesel subsidi. Memang kita bahas panjang lebar tetapi sampai hari ini kita nampak lagi. Banyak lagi kelemahan, belum lagi ada perubahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, soalan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya mahu beritahu dulu Yang Berhormat Menteri, baru faham. Kalau tidak jawapan memang cantik tetapi banyak tempat memang kongkalikung. Jadi mengenai isu ini, contoh macam subsidi kita hantar logistik *point to point*, itu diesel ataupun petrol pun subsidi juga. Akan tetapi kita hantar, macam contoh di Bintulu. Hantar pergi hulu, seberapa kawasan itu, *point to point*, *point* itu cuma hutan, hantu duduk di dalam sana tetapi nampak sampai hari ini, logistik masih lagi jalan, masih lagi kita hantar. Contoh macam di Sibul, pegawai dulu daripada Sibul, kita buat aduan pegawai ini memang kongkalikung. Hujung-hujung *transfer* pergi Sibul, jadi ketua. Ketua ini *issue* macam-macam *license* kepada orang hantar logistik kepada hulu juga. Orang itu, kapal tidak hantar, dia *claim* juga. Diesel hantar patut pergi hulu, dia pergi lain tempat tetapi kementerian bayar juga.

Saya hendak tanya menteri, memanglah banyak kali menteri janji turun sampai hari ini turun sampai Bintulu, walaupun dua tiga kali turun tetapi tidak nampak. Kita betul-betul pergi siasat mana masalah yang ada. Jadi saya mahu tanya menteri, bilakah masalah ini betul-betul kita turun padang dan siasat, janganlah tunggu pegawai bagi laporan sahaja kita menteri ataupun kita punya menteri pegawai sendiri, betul-betul melaksanakan *spot check* di kawasan masing-masing. Sekian terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Malek: Terima kasih sahabat Yang Berhormat Bintulu. Saya sebenarnya macam mana saya janjikan dulu, saya pun turun pergi ke Sabah dan Sarawak termasuk di Bintulu hendak melihat sendiri apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bintulu tadi berlaku. Ada kebenarannya dari segi berlakunya perkara tersebut. Namun yang demikian, saya memerlukan maklumat-maklumat ini sebab ada pegawai-pegawai yang dilaporkan bersekongkol dengan tindakan ini, kita ambil tindakan. Kita tukarkan, macam-macam tindakan yang kita ambil. Mana yang di dalam kemampuan kita, tanggungjawab kita, kita jalankan tetapi yang lain-lain ini saya perlukan maklumat.

Jadi sebab itu kita ada telefon aduan yang 100-800-886-800 ini, kena selalu dimaklumkan kepada pejabat sama ada di cawangan ataupun di negeri ataupun di kementerian ini supaya melalui aduan ini, kita turun, kita siasat, kita tengok benar atau tidak. Kalau benar, kita ambil tindakan. Saya pun tahu Yang Berhormat Bintulu pun ada membantu pihak kita, memberikan khidmat satu dua dan kita telah pun ambil tindakan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak, saya sudah beritahu you punya pegawai banyak kali. Pegawai you cakap, saya akan *check* tetapi *check, check* pun sama juga.

Dato' Sri Hasan bin Malek: Pegawai mana Yang Berhormat?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Menteri punya pegawai, saya sudah beritahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bintulu, tidak boleh dialog macam ini. Macam ini Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri jemput Yang Berhormat Bintulu untuk turun padang bersama. Terima kasih ya. Saya jemput Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hendak pantun sedikit,

*Kes Permatang Pauh sedang berjalan,
seluar dalam saya pun menjadi topik perbincangan,
Ahli Parlimen Sepang mohon perkenan,
untuk bertanya soalan nombor enam.*

6. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kementerian untuk menyelesaikan masalah kesesakan yang teruk di simpang empat Dengkil di Lebuhraya Dengkil – Bangi; dan
- (b) adakah kementerian menimbangkan pembinaan 'flyover' di persimpangan tersebut dan akan membina hentian R&R di lebuhraya tersebut bagi kemudahan pengguna lebuhraya tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sepang di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini mengambil maklum mengenai isu kesesakan trafik di Jalan FT31 Dengkil ke Bangi. Berdasarkan anggaran trafik semasa, jumlah purata trafik yang menggunakan laluan tersebut ialah 31,000 buah kenderaan sehari. Kementerian ini sememangnya ada merancang untuk menaik taraf laluan tersebut khususnya melibatkan cadangan menaik taraf persimpangan sedia ada kepada jenis persimpangan bertingkat empat lorong dua hala ataupun lebih dikenali sebagai *flyover* dengan izin. Anggaran peruntukan keseluruhan projek ini adalah sebanyak RM250 juta termasuk RM100 juta untuk menaik taraf persimpangan di Jalan FT31 Dengkil – Bangi itu yang akan dipohon kepada agensi pusat untuk pelaksanaan projek ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan kawasan rehat dan rawat atau R&R di Jalan Persekutuan atau Jalan Negeri terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tahu bahawa hendak menunggu sampai RMK-11 mungkin lama. Saya ingin bertanya kepada timbalan menteri, untuk tempoh jangka pendek ini bagi mengurangkan kesesakan yang terlalu teruk sebab jalan itu dilalui oleh 31,000 pengguna khususnya di waktu balik dan pergi kerja. Jadi saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan kesesakan, paling kurang untuk jangka pendek ini. Saya ingin juga bertanya adakah selama ini, kita tahu Sepang ini diperintah oleh Barisan Nasional lama dah, pernah Ahli Parlimen nya menteri, menteri JKR.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, soalan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri JKR pun tidak buat kerja.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Salah orang sahaja pandai Yang Berhormat Sepang, sendiri tidak buat salah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Relax* lah, ini satu fakta. Dulu Ahli Parlimen nya menteri, jaga jalan raya. Jadi saya hendak tanya bolehkah selesaikan masalah kesesakan itu dengan segera. Terima kasih.

■1130

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Sepang di atas soalan tambahan beliau. Izinkan saya Yang Berhormat untuk menjawab. Untuk jangka masa pendek, pihak kementerian menasihatkan supaya pengguna jalan raya menggunakan jalan dari Kuala Lumpur ke Putrajaya dan seterusnya. Dalam soal ini sebenarnya Yang Berhormat, jalan yang dimaksudkan dengan FT31 ini merupakan jalan persekutuan yang telah dinaiktarafkan dari jalan negeri Yang Berhormat. Ini merupakan jalan yang digunakan oleh *local traffic* dan ini juga merupakan alternatif jalan yang digunakan oleh pengguna untuk ke KLIA dengan tidak membayar tol.

Jadi secara alternatifnya Yang Berhormat, kita menasihatkan supaya pengguna jalan raya boleh menggunakan jalan MEX. Memang ia bertol, tetapi bukan sahaja ia akan memendekkan tempoh masa dan juga berhaluan pendek. Akan tetapi dalam masa yang sama Yang Berhormat, pihak kementerian yang sebenarnya di dalam hal ini memperakui bahawa jalan ini merupakan satu keutamaan di mana dalam senarai projek baru rolling plan keempat, kita juga mencadangkan selain daripada jalan ini Yang Berhormat, jalan sambungan dan persimpangan bertingkat dari Kampung Limau Manis ke Putrajaya iaitu menaik taraf Jalan Desa Putra-Kampung Limau Manis–Putrajaya dan juga menaik taraf persimpangan laluan F29 juga dicadangkan. Diharapkan ia dapat *disperse traffic*.

Persimpangan ini menjadi sesak kerana ia sebenarnya Yang Berhormat, merupakan jalan alternatif daripada KLIA ke Kuala Lumpur dan sebaliknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat. Ya.

7. **Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah kerajaan dalam memastikan tiada rakyat Malaysia yang menyertai aktiviti militan di luar negara serta tindakan kerajaan dalam membendung kegiatan militan tersebut daripada menular di Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia turut menjalinkan kerjasama yang rapat dengan agensi perisikan asing untuk mengekang isu ini. Usaha jalinan dan termasuk melalui kerjasama berterusan di samping bertukar maklumat perisikan dengan agensi-agensi keselamatan luar negara khususnya negara-negara ASEAN bagi mengekang segala aktiviti keganasan yang melibatkan rakyat Malaysia di luar negara.

Tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa rakyat Malaysia yang dikesan terlibat dengan aktiviti yang sedemikian di luar negara. Ini kerana pemergian mereka ke negara yang berkenaan adalah dengan berselindung di sebalik aktiviti-aktiviti NGO, bantuan kemanusiaan bagi mengaburi pihak keselamatan. Walau bagaimanapun, akhirnya kegiatan mereka akan terbongkar juga hasil daripada maklumat risikan yang disalurkan oleh dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the counterpart* PDRM di luar negara.

Bahkan kerajaan turut menguatkuasakan undang-undang sedia ada yang memberikan peruntukan kepada pihak berkuasa untuk membendung kegiatan keganasan daripada terus berleluasa. Di antara undang-undang tersebut ialah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 di bawah Jadual Pertama Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegah Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001 di bawah seksyen 66B mengisytiharkan pembekuan aset dan seksyen 66C, mengisytiharkan kumpulan keganasan selari dengan pengisytiharan kumpulan-kumpulan pertubuhan pengganas oleh *the United Nations Security Council (UNSC)* dan Kanun Keseksaan di bawah Bab VIA, kesalahan berkaitan dengan penjenayah.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara dan Polis Diraja Malaysia sedang meneliti beban pembuktian atau (*the burden of proof*) bagi membuktikan teknikal berkaitan dengan kesalahan kegiatan keganasan dalam peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi memastikan tiada individu, persatuan dan kumpulan yang terlibat dengan aktiviti keganasan ini terlepas daripada dikenakan tindakan undang-undang.

Kerajaan juga melalui Jabatan Imigresen Malaysia telah mengambil langkah menyenaraihitamkan nama-nama mereka yang diisytiharkan terlibat dengan kegiatan keganasan ini dengan memasukkan nama-nama mereka ke dalam senarai syak Jabatan Imigresen ataupun *security list* bagi mengesan pergerakan mereka di pintu-pintu masuk utama di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan juga sedang menyediakan kertas putih untuk memaklumkan kepada rakyat undang-undang ancaman kegiatan keganasan yang melibatkan rakyat Malaysia dalam masa yang terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membendung kegiatan militan ini daripada menular ke dalam negara, pihak Polis Diraja Malaysia dari semasa ke semasa terus membuat pemantauan, risikan terhadap individu-individu yang disyaki terlibat dengan aktiviti militan di luar negara. Selain daripada itu, kerajaan melalui pihak Polis Diraja Malaysia akan menahan mereka yang disyaki terlibat dengan kegiatan keganasan yang masih berada dalam negara.

Di samping itu, pihak Polis Diraja Malaysia bersama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan secara berterusan menjalankan program-program penerangan melalui seminar, forum, ceramah di agensi-agensi kerajaan, swasta, institusi-institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah bagi mencegah penularan kegiatan militan di Malaysia.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menyeru agar semua pihak menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama ini demi menjaga keselamatan, memelihara keharmonian dan kesejahteraan rakyat dinikmati selama ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat. Selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, Peraturan Mesyuarat 12(1).

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.37 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 malam dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, hari Selasa 4 November 2014. Terima kasih.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015****Bacaan Kali Yang Kedua****Dan****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh bilion, empat ratus sembilan puluh sembilan juta, sembilan ratus sembilan puluh empat ribu ringgit (RM50,499,994,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2015, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2015, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2014, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[30 Oktober 2014]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya jemput Kementerian Pendidikan menjawab. Sila Yang Amat Berhormat.

11.38 pg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I [Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada seramai 95 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2015 di peringkat dasar ini yang menyentuh Kementerian Pendidikan Malaysia. Fokus penggulungan saya pada pagi ini akan lebih menjurus kepada penjelasan kepada isu-isu dasar yang telah pun dibangkitkan. Namun demikian, isu-isu yang spesifik juga akan cuba diulas sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2015 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertemakan ‘Ekonomi Keperluan Rakyat’ merupakan usaha yang berterusan ke arah menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sejumlah RM273.29 bilion telah pun dicadangkan untuk Bajet 2015. Sejumlah RM223.4 bilion adalah bagi belanja mengurus dan RM50.5 bilion untuk pembangunan. Kementerian Pendidikan Malaysia telah diperuntukkan sebanyak RM56.6 bilion atau 20.11% iaitu daripada keseluruhan bajet tersebut iaitu peningkatan sebanyak 2% berbanding dengan Bajet 2014.

■1140

Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM40.8 bilion telah pun diperuntukkan kepada sektor pelajaran iaitu RM39.2 bilion untuk belanja mengurus dan RM1.6 bilion untuk tujuan pembangunan. Bagi sektor pengajian tinggi pula, diperuntukkan RM15.8 bilion yang merangkumi RM13.2 bilion untuk belanja mengurus dan RM2.6 bilion bagi pembangunan. Ini menunjukkan bahawa kerajaan amat komited untuk memastikan agar sektor pendidikan akan terus memainkan peranannya dalam pembangunan modal insan negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak pernah meminggir ataupun menganaktirikan mana-mana sekolah yang berada di bawah kawal selianya. Peruntukan yang diluluskan pada setiap tahun telah diagihkan secara adil mengikut keperluan untuk semua sekolah tanpa mengambil kira jenis ataupun lokasinya.

Contohnya, bagi tahun 2014, peruntukan perbelanjaan mengurus bagi 8,300 buah sekolah kebangsaan iaitu sekolah rendah dan menengah adalah sebanyak RM10.9 bilion. Manakala bagi 1,290 buah SJK(C) pula telah pun diperuntukkan sejumlah RM2.4 bilion dan RM0.97 bilion untuk keperluan 523 buah SJK(T). Manakala peruntukan pembangunan bagi sektor pelajaran, KPM, bagi tiga tahun iaitu bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah sebanyak RM5.284 bilion. Daripada jumlah tersebut, peruntukan pembangunan untuk Sarawak dan Sabah adalah terbanyak iaitu sebanyak RM609.89 juta bagi negeri Sarawak dan RM559.87 juta bagi negeri Sabah.

Saya ingin tegaskan untuk makluman Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Klang, dan juga Yang Berhormat Ipoh Barat, agihan peruntukan kepada SJK(C) dan SJK(T) adalah lebih baik berbanding dengan sekolah kebangsaan yang lebih daif khususnya di kawasan pedalaman, di pulau-pulau kecil dan juga di luar bandar.

Sebagai contohnya, bagi Bajet 2015, peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM450 juta perlu diagihkan kepada 8,000 buah sekolah rendah termasuk SJK(C) kerajaan dan SJK(T) kerajaan serta sekolah menengah kebangsaan berbanding RM50 juta hanya untuk 889 SJK(C) bantuan kerajaan dan RM50 juta cuma untuk 366 SJK(T) bantuan kerajaan.

Sebagai tambahan, melalui Bajet 2015, peruntukan bayaran utiliti bagi sekolah jenis kebangsaan telah pun dinaikkan daripada RM2,000 kepada RM5,000. Justeru, saya ingin memaklumkan bahawa kementerian telah bersetuju supaya pertambahan peruntukan bayaran utiliti ini juga diberikan kepada semua sekolah bantuan kerajaan yang lain.

Justeru, adalah tidak tepat jika ada pihak yang mendakwa bahawa telah berlaku ketidakadilan dalam pengagihan peruntukan kepada sekolah-sekolah di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Titiwangsa dan Yang Berhormat Kinabatangan, pelbagai usaha telah pun dilakukan oleh kementerian untuk memastikan murid dapat menguasai bahasa Malaysia dengan baik terutamanya di peringkat sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sebelum Yang Berhormat Menteri beredar kepada tajuk lain. Ini berkaitan dengan itu peruntukan.

Ini kerana kalau kita lihat dari segi peruntukan setiap pelajar, saya memang tahu bahawa kerana kita menghadapi kesuntukan kewangan dan untuk pengagihan ini tentu menghadapi cabaran, tetapi bolehkah berdasarkan satu piawai iaitu mengikut bilangan pelajar-pelajar? Ini kerana kalau kita lihat dari segi peruntukan yang telah diumumkan iaitu RM450 juta untuk sekolah kebangsaan dan RM50 juta untuk sekolah Cina sebagai contoh, kalau kita lihat berdasarkan pelajar-pelajar, jurang perbezaan agak tinggi iaitu lebih daripada dua kali ganda sebagai perbandingan. So, di sini bolehkah kita berdasarkan bilangan pelajar iaitu per *head* supaya tanggapan yang ditimbulkan iaitu bahawa pembangunan untuk sekolah-sekolah bahasa ibunda diabaikan.

Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya sebutkan kita cuba mengagihkan secara adil dan sebaik mungkin memenuhi keperluan pelajar dan juga sekolah, kita mengambil kira juga berapa bilangan pelajar dalam sistem pendidikan kita sama ada di sekolah kebangsaan, pastinya jumlahnya yang terbanyak sekali, kemudian sekolah jenis kebangsaan Cina keduanya, ketiga sekali ialah sekolah jenis kebangsaan Tamil. Kalau kita ambil kiraan purata per kapita Yang Berhormat, sebenarnya perbelanjaan per kapita bagi pelajar dalam kategori jenis kebangsaan itu lebih tinggi kerana pelajar dalam sistem kebangsaan kita adalah lebih ramai.

So nampaknya macam peruntukan besar, tapi bila diagihkan sama ada berdasarkan sekolah ataupun dipecahkan kepada per kapita *student* yang ada di dalam sekolah, sebenarnya bolehlah dikatakan agak adil dalam erti kata bahawa peruntukan itu diagihkan kepada sekolah-sekolah – juga berdasarkan keperluan. Ini kerana kalau kita bandingkan sekolah-sekolah jenis kebangsaan, sebahagian besarnya di dalam bandar. Lihat sahaja dia punya kedudukan, kiranya lebih baik kalau dibandingkan dengan sekolah-sekolah di luar bandar atau di pedalaman yang di bawah tanggungjawab langsung kementerian kita, sekolah-sekolah kebangsaan. Itu menyebabkan kita perlu memperuntukkan, umpama dari sudut pembangunan sebahagian besar peruntukan untuk memperbaiki keadaan infrastruktur, penyelenggaraan sekolah dan sebagainya.

Akan tetapi, apa pun kita ambil kira kerana setiap tahun kita tahu kedudukan sekolah-sekolah ini dan kita cuba agihkan selain daripada peruntukan yang telah diperuntukkan khas diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, peruntukan-peruntukan tahunan yang kita agihkan kepada sekolah-sekolah yang memerlukan peruntukan lebih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Maklumat yang kita perolehi adalah berlainan. So saya ucapkan terima kasih kerana Yang Amat Berhormat menyatakan agak sama.

So, mungkin di sini saya akan kongsi maklumat kerana kalau kita lihat dari segi per kapita, adalah RM86 untuk seorang pelajar sekolah rendah jenis kebangsaan Cina berbanding dengan sekolah kebangsaan iaitu RM240. So itu agak jauh berbeza, tetapi mungkin ada maklumat lain yang ada di pihak Yang Amat Berhormat, saya akan tulis surat

kepada Yang Amat Berhormat untuk kongsi maklumat tersebut. Akan tetapi saya ucapkan terima kasih atas usaha yang dijalankan oleh Yang Amat Berhormat dan kita hanya harap bahawa dari segi per kapita – saya memang setuju dari segi bilangan tetapi kita hanya harap dari segi per kapita sahaja.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat, mungkin dari segi maklumat oleh sebab kita tidak ada jumlah penuntut untuk setiap jenis sekolah. Kalau boleh maklumat ini diberi kepada kita semua di dalam sidang Parlimen ini supaya kita boleh membuat perkiraan sendiri dan tahu sebenarnya berapa yang didapati. Ini kerana kalau ikut dari segi itu, bagi pihak sekolah agama juga, kita tengok bahawa masih mendapat RM50 juta, sekolah-sekolah lain yang bukan di bawah tanggungan kerajaan juga dapat RM50 juta. Jadi tertanya juga kita berapa sebenarnya murid di dalam sekolah agama. Jadi kalau ada *figure* itu, ada angka itu, kita boleh membuat kesimpulan sendiri.

Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Menteri...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Ya, itu tidak menjadi masalah pasal maklumat itu bukan rahsia. Semua Ahli Yang Berhormat pun tahu dalam kita punya *website* jumlah pecahan ikut kaum semua ada di situ dan bolehlah diambil kira termasuklah sekolah-sekolah agama dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gantang bangun, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Ya.

■1150

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya hendak tanya berkenaan dengan utiliti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat untuk sekolah agama bantuan atau bantuan kerajaan yang sekarang ini berjalan sebanyak RM2,000 saja sebulan untuk utiliti. Itu yang saya faham sedang berjalan. Tadi Yang Amat Berhormat beritahu bahawa akan berlakunya peningkatan untuk bantuan utiliti. Boleh Yang Amat Berhormat maklumkan di sini berapa yang ditingkatkan daripada RM2,000 kepada berapa bilangannya. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Kita samakan, '*Kulluhum ajmain*' RM5,000. Jadi tidaklah kerana ada peruntukkan khas yang diumumkan oleh Perdana Menteri, ada pihak kata sekolah kebangsaan masih rendah. Oleh sebab itu saya dah putuskan di peringkat kementerian, kita terpaksa menyediakan sedikit peruntukan, tak besar. Saya fikir RM6 juta lebih dan ini akan diagihkan pada semua sekolah atas kadar yang sama iaitu RM5,000 bagi setiap sekolah. *Insyaa-Allah*.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Dalam Belanjawan 2013, untuk sekolah-sekolah Tamil, peruntukan yang

diberikan adalah RM100 juta manakala bagi belanjawan tahun 2014 dan juga untuk belanjawan tahun 2015, peruntukan ini telah dikurangkan kepada RM50 juta.

Saya hendak tahu apakah rasional untuk kerajaan mengurangkan peruntukan untuk sekolah-sekolah Tamil. Adakah ini sebab pada tahun 2013 itu ialah peruntukan belanjawan pilihan raya? Sebab itu diberi RM100 juta dan selepas pilihan raya bajet itu dikurangkan kepada RM50 juta. Saya rasa peruntukan RM50 juta untuk 523 sekolah Tamil itu tidak memadai. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Memang tidak memadai bukan sahaja untuk sekolah Tamil. Untuk semua sekolah. Ini kerana bagaimana Yang Berhormat bahaskan dalam belanjawan, peruntukan sebagai contoh yang kita terima seolah-olah besar, tetapi kalau dipecahkan antara pembangunan dengan emolumen, sebahagian besar itu untuk membayar gaji-gaji guru, elaun itu yang paling besar sekali.

Akan tetapi, pembangunan hanya RM1.6 bilion sahaja Yang Berhormat. Jadi kalau diagihkan memang tidak memadai dan ramai Ahli-ahli Parlimen jumpa dengan saya minta supaya bina sekolah itu vokasional, teknik dan macam-macam lagi tetapi saya kata terima kasih dengan syarat boleh sokong dalam Parlimen supaya peruntukan itu ditambahkan lagi. Akan tetapi bagaimana biasa, ini adalah ihsan pertimbangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Sejak beberapa tahun yang lepas melihat selain daripada peruntukan yang sudah pun disediakan dalam bajet tahunan, dia umumkan tambahan.

Jadi dengan sebab itu dalam tempoh saya kira tiga tahun yang lalu, kita telah dapat membantu. Walaupun dikatakan kurang sedikit tetapi kalau dilihat pada keseluruhannya, ini peruntukan istimewa atas sebab kita tahu keperluan-keperluan baik di SJK(T), SJK(C) malahan sekolah agama rakyat kita bantu, mubaligh pun begitu juga dan ini menyebabkan belanjawan kita agak bertambah sedikit. Akan tetapi, apa pun saya setuju tetapi kalau peruntukan itu boleh ditambah, kita boleh agihkan kepada lebih banyak sekolah.

Namun sebagaimana yang saya sebutkan tadi, peruntukan pembangunan dan penyelenggaraan – pembangunan terutamanya tidak lah mencukupi bagaimana yang dimohon oleh pihak kementerian. Saya boleh maklumkan kita mohon hampir RM9 bilion untuk pembangunan, yang diluluskan hanya RM1.6 bilion. *Insyaa-Allah* kalau Parlimen lulus, itulah jumlah amaunnya. Akan tetapi, apa pun saya ambil perhatian tentang soal itu Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tan Sri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tan Sri ada dua perkara. Tuan Yang di-Pertua, dua hari sebelum ini Yang Amat Berhormat semasa perayaan Deepavali *Open House* di Melaka telah mengatakan bahawa semua sekolah-sekolah Tamil akan *dinationalize*. *Nationalization that what the exact word* dia pakai.

Akan tetapi, saya ingat lagi dua tahun dulu bila soalan mengenai pengambilan semua sekolah-sekolah Tamil dan dikendalikan oleh kerajaan sebagai *fully added*, Yang Amat

Berhormat Tan Sri sendiri menegaskan beberapa kali kepada saya sendiri bahawa kerajaan tidak niat dan tidak boleh kerana kekurangan kewangan dan lain-lain. Adakah ini satu pendirian yang baru? Kalau itu pendirian yang baru adakah kementerian Yang Berhormat mengetahui mengenai perkara itu dan apakah tindakan susulan yang diambil dan tempoh masa ini betul-betul akan diimplementasikan?

Kedua, Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai baru-baru ini ada beberapa Ahli Parlimen dan juga ahli-ahli politik mengatakan bahawa sekolah-sekolah vernakular patut ditutup, sekolah Tamil dan sekolah Cina. Apakah pendirian Yang Amat Berhormat memandangkan tidak langsung Yang Berhormat bertentang kepada pandangan ini, tidak bersuara langsung mengenai perkara ini dan adakah satu resolusi, ada pendirian Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Diamkan bila wujud perkara ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat sendiri bersetuju...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Adakah itukah pandangan, persepsi rakyat perlu ambil?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertamanya, mungkin apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebutkan dia akan di *nationalize* kan – saya tidak tahu apa istilah yang digunakan. Maksudnya tadi ialah kalau sekiranya sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil berhajat untuk menjadikan ia sebagai sekolah bantuan penuh kerajaan, maka itu boleh dibuat.

Dalam dasar yang sedia adapun sudah kita putuskan itu. Sudah ada beberapa buah sekolah yang memenuhi kriteria dan diminta oleh ibu bapa dipersetujui untuk dijadikan sebagai sekolah kerajaan penuh. Apabila dikemukakan kita ambil kira keadaannya, kita boleh bersetuju menerima. Itu yang saya fikir dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi, apa pun terserah kepada pihak lembaga yang ada di sekolah ataupun persatuan ibu bapa yang ada di sekolah itu.

Kalau mereka memikirkan ia tidak mampu untuk menguruskan sekolah dan sebagainya, walaupun sekolah itu dapat bantuan daripada kita, maka dia boleh kemukakan kepada pihak Kementerian Pendidikan dan kita menimbang keadaannya. Itu yang saya fikir dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Soal yang kedua itu soal kedudukan, sebab saya senyap bukan fasal apa. Kalau Yang Berhormat membaca Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang sudah jadi *blueprint* dan diedarkan pada semua khalayak Malaysia, dalam itu sudah pun disebutkan status sekolah ini. Sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Cina sudah pun diiktiraf dalam sistem pendidikan kita. Itu ada dalam itu.

Kalau ikut dalam laporan itu bermakna kita menerima hakikat bahawa ini sekolah-sekolah yang telah pun terbina sebahagian besarnya sebelum zaman kita merdeka pun.

Tahun 20-an, 30-an. Pernah Perdana Menteri menjawab juga soal itu mengatakan ia sudah menjadi sebahagian legasi kita. Mahu tidak mahu kita harus terima kenyataan. Itulah kedudukan sebenarnya. Jadi, ia sudah pun masuk dalam sistem kita kerana dalam laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia daripada input yang kita terima daripada semua pihak, walaupun ada pihak mengatakan kita tutup dan sebagainya, pendirian Kerajaan BN tegas. Itu kedudukannya. Jadi, saya tak payah nak *comment* apa-apa. *Because it's all written in black and white* dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Itu yang saya nak sebutkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, bila satu peluang macam ini menjadi negara ini. *You as a Deputy Prime Minister must take the first opportunity...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Perlu kritik, perlu hentam. [*Dewan riuh*] Jangan kita kluatir Tan Sri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat cukuplah Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Apa kata kalau Menteri Dalam Negeri pun mengatakan sedemikian. *Must take the first available opportunity* untuk *condemn* tetapi diam. Senyap. Itu menunjukkan ada seolah-olahnya ingin – tidak apa *attitude*. Itu nombor satu. Nombor dua Tan Sri saya nak tanya. Adakah pendirian Tan Sri telah bertukar? Ini kerana *on record* dua tahun dulu bila saya tanya mengenai pengambilan sekolah-sekolah vernakular di negara ini, Tan Sri mengatakan dengan *very crystal clear* bahawa tidak ada minat, tidak ada program sedemikian. *A total sea change* pada masa sekarang. Adakah pendirian ini nampaknya satu pendirian yang baru supaya mendapat lagi *support* dari masyarakat India atau satu pendirian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Atau satu pendirian yang betul-betul niat dan niat Yang Berhormat baik?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Yang tidak baik itu sangka buruk Yang Berhormat itu. Itu sangka buruk. Bila saya sebagai orang Islam, saya tidak pernah bersangka buruk. Lebih baik pun lepas balik daripada haji ini, lebih tidak bersangka buruk.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya agama Hindu pun juga Tan Sri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat cukuplah Yang Berhormat...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: ...Sudah, sudah, sudah pun ada di dalam laporan itu. Cuba rujuk balik laporan itu yang telah jelas menyatakan kedudukan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Cina. Jadi senyap saya itu bukan fasal saya sudah berubah pendirian. Saya kata kalau banyak bercakap pun banyak dosa. Lebih baik kita tegas pendirian itu. Jadi bagi saya tidak apalah orang boleh bahas.

Saya fikir kita tak harus sekat dan halang kalau sesiapa pemimpin mana pihak baik Yang Berhormat kah siapa nak menyatakan pendirian. Akan tetapi, dari segi sudut kerajaan dan Kabinet, dah ada keputusan tegas. Tidak ada apa-apa perubahan yang kita hendak buat.

Jadi itu harus diterima dengan baik. Jangan ada sangkaan-sangkaan buruk sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini memang sangka buruk ini.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Ya memang sangka buruk. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi lagi, Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

■1200

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih, Yang Amat Berhormat. Saya ingin bangkitkan satu isu di mana kebelakangan ini Kerajaan Negeri Sarawak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sudah bangkitkah?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mengenai itu, mengenai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Mungkin dalam jawapan Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak, tidak, tidak. Telah sebut hendak *emphasize for English teaching*. Di mana kita ada buat cadangan hendak memulihkan *mission school* di mana *language of instructor* adalah dalam bahasa Inggeris. Adakah Kerajaan Pusat akan terima cadangan sebegitu supaya kita boleh sekurang-kurangnya di Sarawak membolehkan *mission school* dahulu di mana semua mata pelajaran diajar dalam bahasa Inggeris.

Memandangkan dahulu tahap penguasaan Inggeris kita, *Malaysian* adalah tinggi tetapi selepas kebelakangan ini tahap penguasaan *English* telah semakin hari semakin menurun. Adakah Kerajaan Pusat akan menimbang cadangan supaya kita memulihkan *mission school* di mana semua mata pelajaran diajar dalam bahasa Inggeris.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Jawabnya tidak ada cadangan kerana sekolah mubaligh ini kita tahu sejarahnya waktu mana sudah ditinggalkan oleh pihak *mission* kita mengambil alih dan ia menjadi sebahagian dalam sistem kebangsaan cuma dikategorikan sebagai sekolah mubaligh. Dibantu kerajaan gurunya dibayar gaji semua sekali dan mengikut sistem dan kurikulum kebangsaan di mana bahasa pengantar utamanya adalah bahasa Melayu. Jadi atas dasar itu tidak ada cadangan untuk meminda, saya pun tidak ada terima apa-apa pun. Apa-apa surat permohonan daripada mana-mana pihak untuk tujuan itu. Jadi tidak benar kenyataan Yang Berhormat tadi.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [Bangun] Yang Amat Berhormat, sekejap sahaja atas isu yang sama. Ada di kalangan rakyat Malaysia yang di mana mereka sebenarnya bahasa ibunda mereka ialah bahasa Inggeris dalam kawasan bandar-bandar terutamanya. Jadi ada anggaran lebih kurang 20% *family*, keluarga dia punya bahasa ibunda adalah bahasa Inggeris. Mereka cakap dalam keluarga mereka ialah bahasa Inggeris.

Jadi kalau kita tidak memberi peluang dan ruang kepada pelajar-pelajar serta anak-anak mereka yang di bawah bahasa ibunda mereka bahasa Inggeris itu, maka kita tidak

berlaku adillah kepada pelajar-pelajar tersebut. Mereka akan menghadapi masalah kerana tidak mempunyai peluang untuk belajar bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Inggeris. Minta komen daripada Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Ya, bahasa ibunda maksudnya *native*. Kalau dia Mat Salleh itu, macam kita tahu dia daripada itu, itu bahasa ibunda tetapi kalau dia orang Melayu kah atau orang Cina tetapi dekat rumah memang banyak dia bertutur dalam bahasa Inggeris itu bukan bahasa ibunda dia. Dia sudah fasih, mahir. Akan tetapi kerana mereka masuk dalam sistem kebangsaan dia kena ikutlah bahasanya ialah bahasa kebangsaan.

Cuma Yang Berhormat pentingkan tadi ialah soal penguasaan bahasa Inggeris. Jadi soal itu saya sendiri pun menyokong. Mesti ada usaha yang lebih supaya anak-anak kita hari ini lebih mahir, lebih pakar sampai ke peringkat universiti, keluar dan boleh berkomunikasi, menulis, faham selain daripada bahasa-bahasa kebangsaan malah dalam bahasa Inggeris. Oleh sebab itu saya sudah sebutkan berkali-kali dan saya sudah sebutkan apa inisiatif yang kita buat.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia kalau Yang Berhormat baca perkara ialah *upskilling* ataupun menambah baik keupayaan guru. Ada 65,000 guru yang sudah mula kita letih. Sudah masuk ke fasa kedua 5,000 tambah lagi 20,000 dan akhirnya sampai keseluruhan sampai 65,000. Itu kita akan *upskill* kan kerana sebahagian besar mereka ini berada dalam Band 2. Kalau dalam kategori *proficiency* itu dia 'A', 'B', 'B2' kemudian itu baru 'C'. Jadi kita naikkan sampai ke taraf 'C1' dan 'C2', ini inisiatif. Kemudian kita ubah kurikulum, *contentnya*, cara pengajaran, pembelajaran banyak yang kita sudah ambil inisiatif. Saya fikir kalau bagi sedikit masa dalam beberapa tahun ke hadapan pastinya akan meningkat tetapi pokoknya kita tidak akan membeza-bezakan.

Walaupun saya tahu di bandar, saya tahu ramai yang saya kenal memang mereka bertutur dalam bahasa Inggeris di rumah, berkomunikasi dalam bahasa Melayu mereka tidak sebaik bahasa Inggeris pun tetapi itu tidak boleh menyebabkan kita menukar dan sistem dan dasar kita. Pentingnya bahasa Malaysia itu tidak boleh kita abaikan tetapi penting bahasa Inggeris mesti diperkukuhkan. Sebab itu saya perkenalkan MBMMBI iaitu memperkasa bahasa Melayu dan juga memperkukuh bahasa Inggeris.

Itu penting dan ini sudah mula berjalan dan saya fikir kalau kita bagi sedikit tempoh masa mendatang *insya-Allah* keadaan ini akan bertambah baik. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sila, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkukuhkan bahasa Inggeris, kebetulan bab ini saya akan sentuh. Untuk makluman Yang Berhormat Titiwangsa dan Yang Berhormat Kinabatangan khususnya, pelbagai usaha telah pun dilakukan oleh kementerian untuk memastikan murid dapat menguasai bahasa Malaysia dengan baik terutamanya di peringkat sekolah rendah dan menengah dan ini termasuklah melaksanakan program intervensi pemulihan dan program sokongan bagi murid-murid yang tidak mencapai *proficiency* yang ditetapkan di semua sekolah. Pihak kementerian juga sedang melaksanakan semakan atas

kokurikulum dan pentaksiran bahasa Malaysia, KSSR di sekolah jenis kebangsaan untuk disesuaikan dengan tahap murid dan ini bertujuan supaya standard bahasa Malaysia di sekolah berkenaan mencapai tahap yang sepatutnya mudah dipelajari dan tidak membebankan murid.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan usaha memperkukuhkan bahasa Inggeris dalam kalangan murid seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Pasir Gudang dan Yang Berhormat Sik.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Pelbagai inisiatif telah pun dilaksanakan di antaranya ialah termasuk peningkatan kualiti guru bahasa Inggeris sebagaimana yang saya sebutkan tadi melalui latihan-latihan yang berterusan, melakukan semakan semula ke atas kurikulum KSSR sedia ada, menggubal kurikulum baru sekolah menengah (KSSM) yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2017 dan menyediakan bantuan sokongan tertentu kepada pelajar yang lemah terutamanya pelajar di luar bandar seperti bantuan tuisyen dan sebagainya.

Usaha ini adalah amat bertepatan dengan pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya sendiri mengenai syarat baru MUET bagi kemasukan ke IPTA dan telah pun saya perelaskan juga secara terperinci perkara ini semasa sesi jawapan lisan pada 15 Oktober 2014 yang lalu.

Melalui dasar wajib lulus bahasa Inggeris dalam Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2016, kementerian juga akan melaksanakan kaedah yang sama dengan dasar wajib lulus dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Sejarah iaitu murid-murid yang gagal dalam mata pelajaran tersebut akan diberikan peluang untuk menduduki peperiksaan ulangan seperti yang ditetapkan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Hal ini disebutkan oleh beberapa Yang Berhormat, dia takut dengan syarat baru ini ramai anak-anak kita tidak akan dapat sijil SPM kerana tidak lulus bahasa Inggeris, kami faham itu. Sebab itu saya bagi tempoh tiga tahun, *lead time* untuk buat *preparation*. Akan tetapi kalau sekiranya juga mereka menghadapi masalah sebegini, dia gagal, kita bagi ruang untuk dia ulang peperiksaan dan kita akan bantu supaya mereka ini dapat lulus peperiksaan bahasa Inggeris dan dapat sijil SPM, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibu bangun, Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu soalan untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya amat menghargai usaha kementerian untuk memperkukuhkan bahasa Malaysia dalam pendidikan kita ini tetapi saya menerima satu aduan. Ini kertas model sebenar SPM baru-baru ini. Di dalam kertas model sebenar SPM ini, buku ini dia bukan sahaja mengajar bahasa Malaysia tetapi dalam kertas ini pun ada unsur-unsur politik yang mengatakan bahawa satu daripada jawapan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan bawa kes spesifik dan kes baru dalam perbincangan pada pagi ini.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Tahu, tahu ini sangat penting, ini sangat penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia bukan soal penting, tidak penting dia soal peraturan mesyuarat, Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Di buku ini, jawapan buku ini mengatakan bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak mahu dengarkah...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sekolah jenis kebangsaan merupakan punca pemisahan kaum di Malaysia. Selain itu dia mengatakan bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu sepatutnya dibawa di dalam perbahasan Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Kes *history* belakang, 513 ialah kerana...

■1210

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jawatankuasa ada lagi.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Ialah kerana kaum Cina sanggup membunuh kaum Melayu. Ini memang merupakan unsur-unsur yang tidak baik. Politik yang memburukkan imej kaum Cina. Memusuhkan supaya kaum Melayu memusuhkan kaum Cina.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Adakah ini merupakan rancangan Kementerian Pendidikan Malaysia kita ini? Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan berucap, cukup.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Untuk mengatasi masalah ini atau tindakan diambil untuk *against this publisher*. Sekian, terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Saya tak payah nak jawab. Komen. Kalau ada itu boleh serah kepada saya. Kita akan semak tetapi saya hendak jelaskan, kami tidak mempunyai niat sebegitu dalam menyediakan apa-apa cetakan.

Saya tak tahu sama ada itu ialah dokumen rasmi kementerian ataupun pihak-pihak yang penganjur lain jual untuk pasaran dan sebagainya. Kalau bukan di bawah kementerian, itu bukan tanggungjawab saya. Akan tetapi kalau ya, kita akan semak dan teliti perkara itu. Saya harap bukan daripada kementerian, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung sedikit lagi. Ini berkaitan dengan program mengurusperandakan pendidikan teknik dan vokasional. Ini...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Ini daripada satu subjek yang popular.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Amat Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada dua orang bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat Titiwangsa dan Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Ya okey.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya, tadi Yang Amat Berhormat ada sebut bahawa dalam kita memperkasakan bahasa Inggeris ini, sekolah-sekolah ini diberi satu tahap masa iaitu memberi kelonggaran sehingga tiga tahun untuk kita mencapai tahap yang kita inginkan.

Soalan saya dalam perbahasan saya itu, saya ada juga menyebutkan bagaimana kita menggunakan strategi memperkasakan bahasa Inggeris ini juga kepada bahasa Malaysia kita. Kerana saya difahamkan bahawa dalam standard bahasa Malaysia kita kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Cina ini, standard bahasa Malaysia mereka begitu rendah dibandingkan dengan standard bahasa Malaysia di sekolah kebangsaan, dari segi tahap soalan-soalan yang mereka jawab sewaktu peperiksaan sebab saya rasa, bahasa Inggeris ini ialah bahasa kedua kita.

Akan tetapi kalau kita lebih fleksibel kepada bahasa Malaysia, saya rasa itu merupakan salah satu daripada strategik yang akan melambatkan proses mereka ini menerima bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara dari segi pendidikan sebab saya kalau boleh saya hendak tengok, bahasa Malaysia ini ia tidak ada pilihan.

Kalau *exam* yang kita tetapkan kepada bahasa kebangsaan di sekolah kebangsaan, mestilah sama dengan sekolah jenis kebangsaan Tamil dan juga sekolah jenis kebangsaan Cina. Standardnya kena sama, soalnya kena sama sebab ini ialah bahasa Malaysia. Kalau bahasa Inggeris saya boleh faham kerana kita membezakan kualiti bahasa Inggeris dari segi soalan-soalan yang kita hendak kemukakan kepada pelajar-pelajar di luar bandar dan juga pelajar-pelajar bandar, itu saya setuju. Akan tetapi dalam konteks bahasa Malaysia, saya ingat kita telah merdeka 57 tahun, saya tak nampak kenapa kita masih lagi dalam keadaan era yang kita membezakan bahasa Malaysia kita ini dari segi peperiksaan standard bahasa Malaysia.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih atas sokongan Yang Berhormat Titiwangsa tentang perkara-perkara ini. Ini memang saya bersetuju. Sepatutnya kalau di peringkat bahasa Inggeris itu, apa yang saya telah jelaskan tadi memang kita cuba pertekankan cara pelaksanaan dan ini akan melibatkan semua pelajar. Akan tetapi soal bahasa Melayu, saya hendak jelaskan, pada umumnya kita tidak menghadapi masalah besar. Sebahagian besar pelajar kita sudah mencapai tahap yang boleh dikatakan baik dan peperiksaan dalam bahasa Malaysia kalau kita lihat hasilnya pun adalah boleh dikatakan amat memuaskan.

Namun begitu, saya bersetuju kerana di peringkat SJK(C), SJK(T) ini ada sedikit berbeza. Yang Berhormat sebutkan tadi benar, kerana pandangan ramai pimpinan masyarakat Tionghoa sebagai contohnya, sama ada badan politik atau bukan politik, mengatakan bahawa kalau hendak digunakan kurikulum yang sama dan tahap yang sama dengan apa yang diajar di sekolah kebangsaan, mereka mengatakan bahawa anak-anak Cina ataupun bukan Melayu ini sukar untuk memahami dan sukar untuk menguasainya.

Padahal, pada saya apa bezanya kalau sesetengah anak Cina berbangsa Cina masuk ke sekolah kebangsaan, itu juga yang mereka pelajari dengan kurikulum kebangsaan kita. Kenapa di SJK(T) dan SJK(C) ia harus lebih rendah? Akan tetapi kerana kita ini bertimbang rasa, selama ini pun kita berdiri begitu, jadi ada sedikit perbezaan dalam bentuk *contentnya* dan juga dalam bentuk soalan dalam peperiksaan.

Akan tetapi sebagaimana yang telah disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun dalam Perhimpunan MCA baru-baru ini, nampak *standing ovation*. Pasal kata mesti ada usaha yang lebih bersungguh-sungguh supaya penguasaan bahasa Melayu di kalangan bukan Melayu di negara kita ini mesti diperkukuhkan lagi dan ia mesti bermula dalam sistem pendidikan kita.

Oleh sebab itu dalam jawapan kepada Yang Berhormat tadi saya sebutkan, kita akan teliti balik supaya seboleh mungkin sekolah-sekolah yang ada keupayaannya maka mereka sepatutnya digunakan kurikulum yang sama. Kalau ada intervensi yang perlu dibuat, macam contoh tadi kelas tambahan, itu boleh kita berikan supaya akhirnya bila mereka yang menduduki peperiksaan, soalan yang dikemukakan kepada mereka tidak berbeza. Harapan kita suatu hari, mereka dapat menguasai bahasa itu di peringkat itu. Ada pihak yang memberitahu kepada saya, tak apalah, dia waktu dia kecil memang dia itu dia susah hendak faham. Bila istilah 'bajak' pun dia faham, apa bajak ini? Kecuali kalau dari Kedah, dia mungkin faham.

Di sesetengah tempat, dia tak dapat bayangkan. Jadi ada isu yang disebutkan begitu. Akan tetapi bila masuk ke sekolah menengah kebangsaan, anak-anak yang bukan Melayu ini cepat boleh menguasai bahasa Melayu dan ini terbukti betul. Mereka agak ada keupayaan untuk meningkat walaupun agak terlambat sedikit ataupun rendah sedikit dia punya standard sebelum daripada itu. Apa pun ini kita teliti dan kita akan kaji dan *insya-Allah* akan kita perbaiki.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Amat Berhormat Menteri..

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri. Cuma satu lagi soalan Yang Amat Berhormat Menteri. Ada tak perancangan Kementerian Pendidikan untuk menetapkan suatu jangka masa di mana kita akan dapat melihat soalan-soalan bahasa Melayu itu di sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Cina sama tahap bahasa Melayu yang hendak diambil. Ada tak jangka masa yang telah ditetapkan sebab dalam proses ini kita kena ada jangka masa. Sebab kalau tak ada jangka masa, ia jadi masalah. Macam kita begitu juga dalam bahasa Inggeris.

Bila kita tetapkan dia punya Band, kita tetapkan jangka masa, fleksibiliti kita, jadi kita *stick at that program*. Kalau tidak, saya rasa ia akan *forever* akan jadi perbezaan di antaranya. Sebab saya baru-baru ini ada pelajar-pelajar datang jumpa saya untuk masuk sekolah-sekolah dan saya tengok bahasa Malaysia ada *asterisk*. Jadi bila saya tanya, kenapa ada *asterisk*? Rupanya bahasa Malaysia yang ada *asterisk* ini adalah bahasa Malaysia ini agak kurang sedikit dia punya tahap daripada bahasa Malaysia di sekolah kebangsaan. Itu sahaja.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Amat Berhormat..

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Akan saya akan ambil pandangan Yang Berhormat tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi..

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tentang tempoh masa itu kita akan teliti dan kaji yang agak sesuailah, *insya-Allah*.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan cadangan untuk tahun 2016, pelajar-pelajar syarat hendak lulus SPM ialah lulus bahasa Inggeris. Jadi persoalan saya, rasa kebimbangan terutamanya kepada pelajar-pelajar luar bandar, terutama di Sabah, Sarawak dan juga kawasan sekolah pedalaman di Semenanjung yang kita rasa agak kurang dari segi skil guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris.

Amat malanglah, mungkin mereka dapat *straight A* dalam subjek lain, tiba-tiba dalam subjek bahasa Inggeris mereka tidak lulus. Walaupun boleh diambil kali kedua sebagai subjek ulangan, pada saya ini satu perkara yang membebankan kepada pelajar sedangkan pihak kementerian pun baru dalam perancangan untuk *up skill* guru-guru bahasa Inggeris yang tak silap saya tadi dengar 5,000 orang yang telah dapat Band 2 di kalangan guru bahasa Inggeris. Maka ini gambaran yang kita lihat kurangnya guru yang mempunyai skil dalam pembelajaran bahasa Inggeris.

Sebab itu saya mencadangkan supaya cadangan untuk tahun 2016 untuk pelajar syarat untuk lulus SPM bahasa Inggeris ini diminta dikaji balik ataupun dibatalkan supaya membolehkan prasarana terutama guru-guru kita yang bersiap sedia dan cukup di peringkat sekolah. Yang keduanya berkenaan dengan MUET. MUET untuk masuk ke universiti seperti mana aliran sains sosial.

■1220

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ringkaskan Yang Berhormat...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Untuk Band 2 dan juga untuk profesional perakaunan dan juga perubahan perlukan kepada Band 4. Jadi ini juga pada saya, saya bimbang juga nanti mereka dapat dari segi 4 *flat* di Matrikulasi tiba-tiba mereka gagal untuk masuk kerana subjek Bahasa Inggeris mereka tidak lepas. Maka sebab itu perkara ini perlu dikaji balik oleh pihak kementerian supaya perkara ini tidak memberikan penganiayaan kepada pelajar-pelajar oleh sebab prasarana yang kita sediakan tidak cukup. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyidin bin Mohd. Yassin: Tidak ada niat hati hendak menganiaya sesiapa pun tetapi perkara yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi memang sebenarnya telah pun kita ambil kira sebelum saya buat keputusan, fasal kita teliti dan kaji dan barulah kita buat keputusan mengatakan tarikh 2016 itu agak sudah sesuai. Walaupun di peringkat ini, saya hendak maklumkan bila kita melihat keputusan peperiksaan SPM terutamanya, ini bukan untuk dapat kredit ataupun *distinction*, ini hendak lulus, *pass* sahaja. Hampir dekat 80% sudah lulus tapi yang dapat kredit itu mungkin kurang daripada itu.

Jadi bermakna sistem yang kita sudah laksanakan ini berkesan dari segi meningkatkan tetapi yang berbaki itu kalau tidak ada gesaan seperti dasar yang kita dedahkan tadi saya fikir akan kekal sebegitu dan kesannya akan kita lihat waktu mana pelajar ini masuk ke sekolah menengah atas ataupun masuk universiti kerana kurangnya penguasaan bahasa Inggeris maka menyebabkan mereka dari segi soal kebolehpasaran itu akan juga menjadi masalah rendah penerimaan mereka di peringkat industri dan sebagainya.

Sebab itu kita kena mulakan di peringkat sekolah kita. Jadi saya tidak bercadang untuk hendak meminda tarikh itu sampai lanjutkan tahun 2020 kah, begitu lama. Itu akan jadi masalah tapi saya bersetuju ada sekolah-sekolah tertentu terutama di kawasan-kawasan luar bandar termasuklah di Sabah, Sarawak di mana penguasaan bahasa itu agak masih kurang. Jadi intervensi itu yang penting dan kalau kita tidak boleh umum saja di Sabah, Sarawak di sekolah mana dan kalau sekolah tertentu di luar bandar itu menghadapi masalah termasuk juga di Semenanjung, mesti ada intervensi dibuat untuk perbaiki sama ada yang berkaitan dengan soal infrastrukturnya kah ataupun soal gurunya yang perlu dihantar, yang lebih terlatih ataupun pelajarannya yang perlu dibimbing lebih masa umpamanya dalam satu minggu itu ada kelas-kelas tambahan. Waktu mana kalau sekolah itu, sekolah satu sesi lebih mudah kita melanjut 2-3 jam sebagai contoh.

Jadi ini inisiatif-inisiatif tambahan yang perlu kita ambil. Jadi saya harap dalam langkah sebegitu maka masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak akan berlaku walaupun akhirnya ada juga pelajar yang tidak akan lulus perkara itu. Itu tidak boleh dielakkan. Dalam sistem peperiksaan mana pun ada yang *fail* kerana mereka tidak sampai tahap itu. Demikian juga di peringkat MUET. Kenapa MUET itu kita buat keputusan begitu dan Perdana Menteri umumkan juga di sini ialah kerana sebahagian besar yang ber*graduate* tetapi tidak berupaya untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Tidak semesti dia bekerja di peringkat-peringkat multinasional, tempatan pun begitu. Jadi, dengan sebab itu terdapat pelajar-pelajar kita yang sudah lulus tapi tidak dapat pekerjaan. Dua tahun, tiga tahun dan kerajaan terpaksa adakan SL1M, skim latihan untuk melatih mereka untuk menempatkan mereka di mana pekerjaan sesuai.

Jadi sebab itu ini langkah-langkah saya fikir yang perlu kita buat tetapi sebagaimana yang disebutkan tadi dalam sistem universiti pun sudah ada latihan bahasa Inggeris dan diajar di semua universiti, saya hendak melihat *content* nya. Yang menjadi masalah yang saya dimaklumkan oleh industri, keupayaan untuk berkomunikasi, *communicative language*. Baca faham, tulis boleh tapi tidak boleh hendak *communicate*. Apa guna belajar *Lughatul Arabiyah, man yun kim* untuk *speak* dalam bahasa Arab. Saya cakap pun campur aduk. Tidak boleh bercakap betul dalam bahasa Arab. Eloknya dia mesti fasih bahasa Arab. Jadi ini yang kita hendak tingkatkan. Sebab itu untuk bahasa pendidikan Islam pun saya sudah bersetuju kita ambil *native* bahasa Arab untuk mengajar di sekolah-sekolah agama kita supaya mereka dapat menguasai bahas Arab dengan fasih.

Jadi ini kita sudah mulakan tetapi yang pentingnya kemasukan mungkin Band nya, pada Band 1 naik Band 2. Akan tetapi yang penting ialah waktu sebelum ber*graduate*. Katalah tempoh dia empat tahun. Dua tahun lagi sebelum dia keluar, kita hendak tengok di mana dia berada. Kalau di situ kita lihat masih lagi di tahap yang lama, tidak ada

peningkatan, mesti dua tahun itulah intervensi, termasuk *immersion* program di universiti supaya mereka dilatih betul-betul. Guru ataupun *instructor* dan juga *lecturer* itu mesti yang terlatih supaya kita lihat sebelum dia *bergraduate* maka dia sudah sampai tahap itu. Kalaupun dia sudah *bergraduate*, sebelum berkonvokasi ada lagi lapan bulan kah enam bulan, kita tengok ada kekurangan, masih boleh kita latih mereka dan sebagainya. Jadi ini inisiatif yang saya fikir tidak boleh kita lari dan perlu kita laksanakan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang bangun hendak bercakap.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya amat tertarik dengan jawapan yang diberikan tadi oleh Yang Amat Berhormat dan saya hendak tanya kepada Yang Amat Berhormat pernah menimbang, kalau kita hendak pastikan penguasaan bahasa dapat diserap oleh pelajar-pelajar supaya keupayaan 3R dapat dilaksanakan. Adakah pihak kementerian bercadang kalau kita memperkenalkan bahasa sains bukanlah dalam peringkat Darjah 1 supaya kita tumpukan dalam mungkin Darjah 1, Darjah 2, penguasaan bahasa kerana sains adalah satu perkara yang agak sukar dengan menggunakan bahasa yang agak mendalam, menggunakan bahasa yang dalam dan ini kadang-kadang menyukarkan para pelajar. Saya bukan cakap dalam bahasa kebangsaan, bahasa sekolah rendah Cina pun serupa. So, sekiranya kita dapat mempertingkatkan penguasaan bahasa, barulah kita mengajar sains. Mungkin ini akan membolehkan pelajar-pelajar mengambil minat dalam sains.

Kalau untuk Darjah 1, Darjah 2 tidak ada masalah untuk matematik. Akan tetapi sains saya rasa kerana itu dari segi pemahaman, mereka perlukan bahasa yang agak sukar sikit untuk anak-anak yang baru masuk Darjah 1. So, ada setengah-setengah negara yang menggunakan sistem tersebut di mana perkara sains hanya diperkenalkan mungkin dalam Darjah 3, Darjah 4 supaya mereka dapat menguasai bahasa. Kalau tidak, saya khuatir banyak atau ramai pelajar akan hilang minat langsung dalam sains bukan kerana mereka tidak ada minat dalam sains tapi kerana bahasanya yang agak sukar. Ini sebagai satu cadangan kerana kita lihat dari segi sains dan matematik, tahap mereka menurun dan saya rasa itu ialah sesuatu yang kita harus tengok macam mana kita boleh menghadapi krisis ini sebelum ia menjadi lebih kritikal lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [*Bangun*]

Tan Sri Dato' Haji Muhyidin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Intervensi kementerian dalam soal pembelajaran dan pengajaran sains dan matematik itu memang sudah pun kita mulakan bila kita lihat mungkin dirujuk pada keputusan TIMMS dan PISA, itu menjadi satu daripada ukuran *benchmark* antarabangsa dilihat pencapaian kita agak masih rendah. Saya bersetuju sebab itu kita *acknowledge* dalam Pelan Pembangunan Pendidikan bagaimana perlu kita buat untuk perbaiki. Kita tidak sebutkan soal bahasa, dari segi soal subjek itu sendiri, cara pengajarannya dan kemahiran guru dan sebagainya. Saya fikir itu perkara-perkara yang perlu kita ambil kira. Adalah percubaan dulu bagaimana kita tahu PPSMI yang mana kita kata elok digunakan dalam bahasa Inggeris tapi masalah yang saya sebutkan dahulu kenapa kita pinda balik ialah kerana guru kita tidak pakar dalam bahasa Inggeris.

Jadi kalau tidak ada guru pakar bahasa Inggeris, bagaimana hendak mengajar subjek itu yang hendak menggunakan bahasa Inggeris, tentu jadi masalah. Itu sebab kita sudah pinda. Jadi kita ambil perhatian tapi pentingnya sains, teknologi, *engineering* dan matematik itu sudah pun kita akui dan kita sedang berusaha. Mudah-mudahan bila ada penilaian semula di peringkat antarabangsa STEM ataupun PISA dan TIMMS kedudukan kita akan bertambah baik. Dalam Pelan Pembangunan, kita bagi tempoh 13 tahun, tapi *Malaysian* sebagaimana biasa tidak boleh tunggu lama-lama. Dia mahu cepat, hendak lihat hasil tapi kita akan cuba usaha seberapa cepat yang mungkin untuk menaikkan kedudukan kita Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sepang.

Tan Sri Dato' Haji Muhyidin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya terus...Okey, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tan Sri Yang Amat Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya tentang penguasaan bahasa ini. Saya rasa dan saya akuilah memang kerajaan mungkin cuba mencari jalan bagaimana hendak supaya *student* ini boleh menguasai bahasa ini. Saya lihat mesti ada satu percubaan yang mungkin kerajaan kena buat dan pastikan *test* percubaan itu berjaya dan seterusnya daripada percubaan itulah kita boleh pastikan inilah sistem yang terbaik. Sebab saya lihat, saya khuatir segala sistem kita ini berbentuk sebagaimana kata Prof. Ungku Aziz, "*Tikus baiki labu*". Kita sekejap ambil ini, sekejap ambil ini.

■1230

Maknanya kita belum habis satu sistem berakhir, kita sudah tukar lain, jadi pelajar jadi mangsa. Jadi saya ingin tanyakan, saya hendak kongsi sedikitlah pengalaman

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Di UIA ada beberapa pelajar dari China sebagai contoh, mereka ini boleh berbahasa Arab tanpa pergi ke *Middle East*. Saya ada mempunyai beberapa orang kawan, *roommate* saya pelajar China yang boleh bercakap bahasa Arab, tidak pernah pergi pun negara luar. Dia hanya belajar bahasa Arab di negara China, tetapi boleh berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan baik. Jadi mesti di sana ada satu sistem yang menyebabkan mereka boleh jadi begitu. Saya ingin tanyakan, sebab kita panggil guru dari India, macam-macam cara kita sudah buat tetapi nampaknya setakat ini masih lagi gagal. Memang ada perbezaan antara pelajar di antara bandar dan luar bandar.

Jadi saya harap, saya ingin mencadangkan supaya Menteri memikirkan, mungkin ambil beberapa sekolah memperkenalkan satu sistem ini dan kalau sistem ini berjaya, daripada sistem inilah kita lebarkan dan luaskan ke tempat lain. Saya harapkan dan saya rasa untuk kepentingan bersama daripada pembangkang, anak-anak kita ini memang boleh berbahasa lebih daripada satu bahasa dengan baik khususnya bahasa Inggeris. Kalau boleh bahasa Arab dan lain itu bonuslah. Akan tetapi saya harap sangat supaya Menteri membuat satu kaedah yang memikirkan cara itu. Saya hendak bagi tahu pengalaman sedikit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya pernah, anak saya pun ada kelemahan bahasa Inggeris. Saya hantar ke Lorna Whiston yang memang gurunya orang Inggeris, semuanya orang Inggeris. Saya lihat setelah beberapa bulan sahaja pertama sekali, minat dia dalam bahasa Inggeris nampak jelas. Saya melihat cara mereka ajar itu begitu relaks, maknanya ada kaedah di situ yang menyebabkan pelajar minat dan boleh menguasai. Saya harap supaya Yang Berhormat Menteri memikirkan cara ini. Supaya semua pelajar kita ini berketerampilan dan boleh menguasai bahasa Inggeris dengan baik, itu pandangan saya terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih kalau Yang Berhormat ada modul itu boleh diserahkan kepada saya. Memang pun kita cuba untuk mengambil inisiatif baru bagaimana diberi contoh oleh seorang pengusaha kita juga Tan Sri Mustapha Kamal, MK Group yang menguruskan pembangunan Cyberjaya. Dia maklumkan kepada saya, dia kata kita panggil 300 orang graduan tempatan ditemu duga oleh beberapa buah syarikat multinasional tetapi yang lulus hanya tujuh sahaja, yang lain itu gagal mendapat kerja kerana tidak dapat menguasai bahasa Inggeris.

Jadi dia mengambil inisiatif di bawah CSR, syarikat beliau. Berbelanja RM1.8 juta, panggil balik anak-anak kita yang lulus ini dan dia bawa masuk *immersion* program tiga bulan sahaja. Dia datang ke pejabat saya, tiga bulan sahaja *these people can change and they can speak good English*. *I said why* kerana dengan *immersion* itu, maknanya duduk situ, makan situ, tidak boleh berhubung dengan siapa, tidak boleh bercakap dalam bahasa lain 100% tumpuan, dalam tiga bulan sahaja boleh. Oleh sebab *basic* bahasa Inggeris sudah ada, tahu bahasa Inggeris tetapi tidak boleh berkomunikasi, itu jadi masalah.

Macam itu juga dalam pendidikan Islam, semua tahu *Lughatul Arabiah* cumanya tidak boleh bertutur dalam bahasa Arab sebab apabila berkumpul bersama orang Kelantan, jadi loghatnya loghat Arab Kelantan, Arab Johor bukan asli. Saya bagi contoh. Saya fikir ini kita boleh laksana. Ini kita akan cuba perbaiki supaya penguasaan bahasa itu sendiri, sebenarnya kelemahan itu boleh kita perkukuhkan dalam tempoh masa yang mendatang.

Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: [Bangun]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Boleh saya teruskan dahulu?

Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]: Boleh saya menyampuk sekejap sebagai seorang guru?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Okey.

Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]: Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan dan Tuan Yang di-Pertua. Persoalan pendidikan termasuk pendidikan bahasa barangkali saya ingin mencadangkan kita mengambil pendekatan bukan pendekatan *piecemeal*, maknanya pendidikan bahasa dilihat berasingan. Saya ingat masalah paling pokok dalam pendidikan kita, ini saya bercakap berdasarkan pengalaman sebagai seorang

pendidik, guru lebih 30 tahun, pensyarah, *trainer*, bapa kepada 11 orang anak, melalui permasalahan pendidikan ini.

Kalau barangkali kita dapat melihat, mendidik di kalangan para pendidik, para pegawai pendidikan, para pendidik, ibu bapa dan seluruh mereka yang terlibat dalam pendidikan, memahami pendidikan itu sebagai satu proses membangun kecintaan kepada ilmu dan pendidikan itu sendiri di kalangan pelajar. Bukan hanya untuk lulus periksa. So, pendidikan sebagai satu *life long*, yang berpanjangan dan kalau minat itu kita dapat tanam bermula daripada barangkali mereka yang awal *stakeholders* yang awal macam ibu bapa, guru-guru dan kemudiannya menyemaikannya di kalangan pelajar dan saya fikir kita dapat menyelesaikan banyak masalah. Dalam soal *training* bahasa dan lain-lain ini, kalau saya berkongsi pengalaman saudara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: ...Dalam masa yang sangat singkat sebenarnya kita dapat menyelesaikan masalah. Pertama, kalau anak-anak murid itu dan cikgu ini anak murid pelbagai peringkat, dia ada keyakinan diri, dia ada *self-confidence* dan dia hendak bertutur dalam bahasa Inggeris. Kita pernah latih dalam masa tiga hari, macam Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan sebutkan tadi mereka sudah ada *basic*, mereka tidak yakin sahaja untuk bercakap kalau diambil dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu kerana kalau bercakap kena perli, kalau orang Kelantan bercakap bahasa Inggeris “*Oh! bercakap Kelantan, bahasa Kelantan pun bertabur lagi.*” Maksudnya *the self-confidence* berhadapan dengan itu.

Point saya begini Tuan Pengerusi, maksudnya pembinaan manusia itu sendiri *self-concept*, cikgu kah, murid kah, *we start from there*. Kita mula dari situ. Selepas itu, lain-lain kemahiran ini dia mudah dikuasai sebenarnya. Apabila saudara sudah yakin, saya apabila masuk dalam Parlimen ini, saya mula-mula tidak yakin, bolehkah bercakap ini? Saya pensyarah, saya pendidik. Akan tetapi apabila saya sudah membina keyakinan diri, melihat *performance* dari rakan-rakan yang lain saya berasakan *at home*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalah yakin ini dia bercakap panjang. Terlalu yakinlah itu.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan saya ialah supaya kita melihat soal *basic*, soal minat belajar, minat mengajar, keyakinan diri, ini *self-confident* yang awal barangkali kita bina dan perhatikan bahawa yang lain-lain kemerahan ini boleh dibina, *insya-Allah*.

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan bangun Yang Berhormat.

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: Sedikit sahaja mengenai mempertingkatkan penguasaan bahasa di kalangan rakyat kita. Sesetengahnya yang kurang baik dalam bahasa Melayu, sesetengahnya kurang baik dalam bahasa Inggeris dan sebagainya. Boleh atau tidak kita adakan sistem ataupun usaha di mana kita berikan penekanan semasa umurnya rendah ataupun lebih kurang umur dua tahun di peringkat *nursery* lagi. Jadi, kepada

keluarga-keluarga ataupun suku yang kurang fasih dalam bahasa Inggeris, kita pastikan dia mempunyai kelas tambahan selepas separuh hari dia di *nursery* dan begitu juga dalam penekanan bahasa Melayu. Saya mempunyai pengalaman sendiri sebenarnya dan sekarang saya cuba lakukan di Parlimen saya dan telah bercerita dengan Tadika KEMAS dan Tadika Perpaduan.

Daripada eksperimen yang telah saya buat, daripada anak-anak saya, anak saya yang mulakan dengan umur dua tahun dengan tuisyen yang cukup panjang, setiap kali selepas meraka di *nursery*, sekarang ini sampai saya pula susah hendak minta dia kurangkan bahasa Inggeris sebab di rumah kita tidak berbahasa Inggeris tetapi dia lebih suka bahasa Inggeris dan dia menjadi begitu fasih sebab setelah dia bermula sekejap, lama-lama dia sendiri belajarliah. Dia tengok TV dia suka *channel English* dan dia melebihi daripada kakak-kakak dia yang saya mulakan umur empat dan lima tahun.

Yang bermula umur dua tahun ini semua orang kata macam dia ini *grow up* di Amerika. Jadi, saya rasa dulu kita mempunyai sistem kepada keluarga yang bukan Melayu yang kurang fasih dalam bahasa Melayu mungkin tidak berbahasa Melayu di rumah, kita buat program supaya selepas mereka *nursery* separuh hari, mereka mempunyai tuisyen bahasa Melayu di *second half of the day*. Terima kasih.

■1240

Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat Batu Pahat itu, sebenarnya kalau kita lihat dalam sistem pendidikan kita daripada segi pengajaran dan pembelajaran bahasa pun memang begitu. Bukan soal mengajar bahasa *per se* sahaja tetapi *motivation*, minat dan kesungguhan itu penting dan bukan sahaja di kalangan pelajar, peranan ibu bapa tetapi peranan ibu bapa umpamanya dalam soal bahasa Inggeris tidak banyak di kalangan ibu bapa kita yang memang boleh bertutur atau menguasai bahasa Inggeris. Jadi sebab itu kalau pun mereka gesa dengan tidak ada dukungan lain seperti kelas tuisyen dan sebagainya itu tidak akan menjadi.

Soal isu ini sebenarnya kita dah ambil kira daripada perspektif yang agak lebih besar, bukan mudah termasuklah apa Yang Berhormat Labuan sebutkan tadi. Kalau kita menghantar ke *nursery* yang memang di mana yang mengajar itu semua mahir dalam bahasa Inggeris, dia boleh kata berkomunikasi semuanya dalam bahasa Inggeris. Saya bagi contoh cucu saya sendiri. Saya lihat dihantar oleh emak bapanya ke *nursery* dan dia fasih, dalam umur dua tiga tahun dan boleh bercakap dalam bahasa Inggeris macam orang kata macam airlah tetapi tidak semuanya begitu. Di setengah-setengah *nursery* pula pengajar yang jadi pembimbing guru itu tidak mahir dalam bahasa Inggeris.

Namun tetapi untuk memperbaiki keadaan itu, saya telah bincang kerana yang ini melibatkan soal kementerian saya, JPNIN dan KEMAS ada masalah-masalah di mana guru-guru ini pun tidak berapa mahir dan terlatih dalam bahasa Inggeris. Jadi kalau kita nak naikkan taraf di peringkat awal-awal prasekolah, maka inilah yang perlu kita beri tumpuan iaitu latihan, penguasaan bahasa Inggeris di peringkat guru-guru pembimbing di kelas-kelas tadika dan sebagainya.

Kalau itu boleh kita mulakan, maka kurikulum yang saya dah cadangkan supaya ditambah *content* bahasa Inggeris itu daripada segi dalam permainan, interaktif dan sebagainya itu supaya ada lebihkan bahasa Inggeris selain daripada bahasa Melayu untuk membolehkan anak-anak ini lebih terdedah dengan penggunaan bahasa Inggeris. Ini pun sudah pun kita putuskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai bangun, Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sikit, sikit.

Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Ya, okey.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Tan Sri. Saya ingin menekankan sedikit lagi tentang apa Yang Amat Berhormat Tan Sri beritahu tadi tentang pergaulan pelajar-pelajar ini sendiri. Kebimbangan yang wujud apabila negara nak jadi maju, apabila penguasaan bahasa Inggeris jadi penting dan apabila kita dicadangkan tadi peningkatan *band* dalam bahasa Inggeris ditingkatkan, ada kebimbangan takut pelajar-pelajar tercicir dan sebagainya.

Saya tidak ada pengalaman macam yang lain-lain yang mengajar bertahun-tahun tapi saya nak cakap sikit tentang pengamatan saya. Saya melihat orang-orang Bangladesh ini, orang Bangladesh yang datang ke Malaysia ini selang beberapa bulan dah fasih berbahasa Malaysia. Kita pergi dekat pam minyak, dekat kedai, dekat kilang, kita cakap dan dia boleh berbahasa Malaysia. Dia tak pergi kelas pun, dia tak ada tuisyen pun tetapi oleh sebab pergaulan dia itu setiap hari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tapi sebutan dia berbeza, Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebutan Bangladesh itu berbeza sikit.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, dia memang ada goyang-goyang kepala sedikitlah. Tapi apa yang saya nak cadangkan, sebab saya lihat ada yang pernah saya jumpa di klinik semasa bertugas, yang dapat keputusan 'A' tapi tak berani berkomunikasi. Ada juga yang dapat keputusan dalam bahasa Arab bagus tetapi tak dapat berkomunikasi dengan baik.

Jadi saya rasa di situ, di situ letaknya itu. Kalau kita sama-sama gembleng tenaga seperti yang Yang Berhormat yang lain perkatakan, satu hari, *the whole day* kita bertutur dalam bahasa Inggeris dan sudah tentu dalam masa yang singkat sahaja penguasaan bahasa Inggeris akan *power* dan tidak ada masalah dengan MUET ini dan kita boleh capai negara maju dengan cepat. Terima kasih.

Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Orang Bangladesh ini dia datang duduk sini dia nak *survive*. Dia sama ada dia *legal*, sah ataupun tidak sah, kalau dia tidak boleh berkomunikasi ataupun dia bertutur dalam bahasa Inggeris sedangkan orang tempatan cakap bahasa Melayu, dia tak boleh *survive*. Jadi sebab itu dia mahu tak mahu dalam keadaan sebegini, dia kena pelajari bahasa tempatan supaya dia boleh hidup di sini. Tapi tak apalah, itu mungkin satu pengalaman tapi

kita di sini kalau ikut cara macam itu dengan semangat dan gesaan *to survive*, untuk hidup dan kita mahu berkomunikasi bahasa Inggeris, saya fikir mungkin lebih cepat kita menguasai bahasa itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan mengarusperdanakan pendidikan teknik dan vokasional. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengerang. Dengan wujudnya 80 kolej vokasional (KV), 91 kolej komuniti, 33 politeknik dan 20 IPTA yang beroperasi ketika ini, kerajaan telah pun menyediakan peluang dan akses terbaik kepada anak muda untuk mengikuti dan meneruskan pengajian dalam pelbagai bidang termasuk bidang kemahiran, vokasional dan teknikal berdasarkan kelayakan dan minat masing-masing.

Demi untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir di samping menyediakan peluang yang lebih luas kepada pelajar, KPM sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan program-program kemahiran termasuklah program yang berkaitan dengan gas dan minyak (*oil and gas*) melalui jalinan kerjasama dengan pihak industri, swasta dan pihak-pihak yang berkepentingan dan ini bertujuan untuk memastikan tenaga kerja telah mendapat pendedahan, latihan yang sebaiknya serta memenuhi keperluan dan kehendak pasaran.

Menyentuh cadangan daripada Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Lawas supaya menubuhkan lebih banyak institusi kemahiran, perkara tersebut memang dalam tindakan kementerian. Selain Kementerian Pelajaran Malaysia, pelbagai agensi kerajaan lain dan pihak swasta turut menyediakan peluang pengajian kemahiran dalam pelbagai bidang. Secara amnya, penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi awam, politeknik ataupun kolej komuniti perlu mengambil kira kemampuan pembiayaan kerajaan, kepentingan bidang tujahan ataupun *niche area* tertentu terhadap pembangunan sosioekonomi setempat serta keperluan sumber tenaga negara. Justeru, sebarang penubuhan baru institusi pengajian tinggi perlu diteliti secara terperinci bagi memastikan institusi yang dibina terus lestari dan berkembang serta memenuhi keperluan semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat Sabak Bernam, sejumlah RM1.2 bilion telah diperuntukkan dalam Bajet 2015, belanja mengurus dan menaik taraf pendidikan teknikal dan vokasional dan peruntukan ini meliputi pembangunan infrastruktur dan fasiliti, latihan pengurusan atasan, kolej vokasional, program sangkutan guru vokasional dalam dan luar negara, menyediakan kolej vokasional sebagai pusat bertauliah bagi pensijilan antarabangsa, sistem pencegahan kebakaran, penyediaan bilik kuliah yang bersesuaian dan latihan peningkatan kemahiran guru vokasional dan pendidikan asas vokasional. Selain itu, sebanyak RM100 juta telah pun diperuntukkan untuk menempatkan 10,000 pelajar di kolej-kolej teknikal dan vokasional swasta secara *buying of services*.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penajaan dan pinjaman pendidikan, menyentuh tentang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Tanjung Karang, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Pasir Gudang, ingin saya mengambil kesempatan di sini untuk menjelaskan serba ringkas berkaitan pengoperasian PTPTN terutama yang melibatkan isu kutipan balik pinjaman.

Dalam dunia pekerjaan yang kompetitif, para graduan sememangnya berhadapan dengan cabaran yang besar untuk mendapatkan pekerjaan. Secara langsung, mereka terkesan untuk membuat bayaran balik ke atas pinjaman PTPTN. Oleh itu seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beberapa insentif baru diperkenalkan kepada peminjam PTPTN bagi menggalakkan bayaran balik dilakukan oleh mereka.

Namun sekiranya peminjam masih sukar untuk mendapatkan pekerjaan dan tidak mampu untuk membuat bayaran balik seperti yang dijadualkan, mereka boleh memohon penangguhan bayaran balik sehingga 24 bulan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan atau menstruktur semula jadual bayaran balik mengikut kemampuan masing-masing. Walaupun pelbagai insentif dan inisiatif dilakukan oleh PTPTN untuk menggalakkan peminjam membayar balik pinjaman mereka, tetapi masih terdapat peminjam yang gagal membuat bayaran balik pinjaman mereka.

Sehingga 30 September 2014, PTPTN hanya dapat mengutip RM5.4 bilion daripada keseluruhan jumlah pinjaman yang patut dikutip iaitu sebanyak RM12 bilion dan berdasarkan kepada rekod sehingga 1 Oktober 2014, terdapat seramai 123,985 orang peminjam tegar yang tidak pernah membuat sebarang bayaran balik bagi tempoh 1999 sehingga 2010 iaitu melebihi tiga tahun yang dianggarkan sebanyak RM1.23 bilion. Bagi mendidik peminjam tegar ini agar lebih berdisiplin dan bertanggungjawab dalam membuat bayaran balik secara teratur, kerajaan bersetuju mereka akan disenaraikan dalam *Central Credit Reference Information System (CCRIS)* mulai tahun 2015.

■ 1250

Namun demikian, peminjam yang terlibat boleh hadir ke PTPTN bagi menyelesaikan hutang mereka dan mendapat 20% diskaun atau membuat penyelesaian secara ansuran selama 12 bulan untuk mendapat 10% diskaun. Sekiranya mereka tidak mampu, mereka dibenarkan membuat penstrukturan semula dengan memanjangkan tempoh bayaran balik sehingga umur 60 tahun.

Mengenai pelaksanaan MyBrain15 seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan bangun.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ini berkaitan dengan PTPTN kerana ada satu laporan bahawa jumlah pinjaman akan dikurangkan sebanyak 5% untuk pemohon-pemohon IPTA dan sebanyak 15% untuk IPTS. Apakah rasional pengurangan pinjaman ini kerana dalam keadaan ekonomi sekarang di mana semua harga barangan naik. Baru-baru ini pun harga petrol naik. Saya rasa pinjaman ini seharusnya dinaikkan. Akan tetapi kalau tidak dinaikkan pun dikekalkan tetapi untuk dikurangkan memang adalah tidak munasabah. So harap Yang Amat Berhormat boleh menimbang semula cadangan ini supaya sekurang-kurangnya pinjaman ini dapat dikekalkan kepada semua pemohon IPTA dan IPTS.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Ya soalnya kita kalau boleh kekalkan atau tambah lagi. Akan tetapi soal pertama adalah jumlah permohonan yang ramai. Keduanya ialah kerana gagal sebahagian atau sebilangan besar tadi yang saya kata tidak

membayar langsung. Jadi tabungan kita tidak mungkin boleh *sustain* dalam keadaan sebegini.

Kalau Yang Berhormat kaji dari segi *burden* pinjaman tadi agak begitu besar dan keupayaan kita pun tidaklah sebesar mana kerana sebahagian besar daripada tabungan yang ada di dalam tabung ini adalah dipinjam daripada sumber kewangan luar yang mana kerajaan sendiri terpaksa menanggung kos pinjaman tadi 4% atau 5%.

Jadi oleh sebab itu kos ini harus ditanggung bersama oleh peminjam-peminjam yang akan datang kecuali pinjaman yang masih tertanggung tidak dibayar tadi dibayar balik. Itu kalau boleh Yang Berhormat semua bantu saya gesa sebab dalam hukum mana sekalipun pinjaman mesti dibayar bali, hukumnya wajib. Berdosa kalau pinjam tidak bayar balik. Bukan Islam pun faham itu.

Akan tetapi kita bagi kemudahan. Tidak bayar sekarang tangguh lagi. Sudah bayar bagi diskaun lagi. Saya tidak tahulah apa langkah lain. Kalau boleh buat begitu mungkin tabungan kita tidak akan terjejas. Akan tetapi kalau hendak *continue to sustain this of landing* atau pinjaman sebegini saya bimbang satu hari mungkin kita tidak dapat meneruskan. Itu kemungkinan boleh berlaku tetapi insya-Allah kita harap tidak akan berlaku. Oleh sebab itu pinjaman masih diteruskan. Kalau kadar pun dikurangkan, saya fikir tidak menjejaskan bebanan ibu bapa dan keluarga mestilah mampu untuk menanggung kerana jumlah yang besar itu masih ditanggung oleh pihak kerajaan lagi insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kemasukan MyBrain15 seperti yang disebutkan tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang. Penajaan pengajian hanya akan dianugerahkan kepada pemohon yang mengikuti pengajian pascaijazah di institut pengajian tinggi di dalam negara dan kelulusan permohonan dibuat secara bersama melalui penglibatan Kementerian Pendidikan Malaysia, MOSTI dan juga wakil-wakil universiti yang lain.

Mengenai kemasukan pelajar ke IPTA dan IPG, ini mengenai pengambilan lebih ramai anak tempatan Sabah sebagai pendidik seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sipitang. Saya hendak maklumkan seramai 350 orang calon dari Sabah layak untuk ditawarkan bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISM) untukambilan Jun 2014 yang sedang meneruskan pengajian di IPG seluruh negara.

Manakala bagi kemasukan pelajar di IPTA dalam pelbagai bidang seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru, seramai 3,069 orang calon yang memohon bagi sesi akademik 2014/2015 adalah calon yang mempunyai PNGK4 dan daripada angka ini hanya tujuh orang atau 0.23% calon dari STPM/setaraf tidak mendapat tawaran bagi sesi akademik 2014/2015 kerana tidak melepasi syarat am universiti iaitu tidak memperoleh MUET sekurang-kurangnya tahap band1 pada atau sebelum tarikh tutup permohonan melalui Sistem Permohonan Aplikasi Dalam Talian BPKPUPU iaitu pada 7 April 2014.

Seperti mana semua sedia maklum, prinsip meritokrasi yang diguna pakai sebagai syarat kemasukan ke IPT adalah berasaskan kepada 90% pencapaian akademik dan 10% pencapaian kokurikulum. Oleh itu sebarang perubahan baru seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Lenggong perlu dikaji dengan teliti supaya tidak memberikan impak yang tidak baik terutamanya terhadap kualiti graduan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian pendidikan Bumiputera Sabah dan Sarawak. Melalui Pelan Transformasi Pendidikan Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak ia dilancarkan pada tahun 2013, KPM telah pun merangka strategi pelbagai etnik, strategi merapatkan jurang pendidikan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik, budaya dan sosioekonomi khususnya bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat Permatang Pauh, pada tahun 2014 kadar transisi murid pelbagai etnik di Sabah dan Sarawak pada peringkat sekolah rendah ke tingkatan satu adalah 89.5%. Malah kumpulan etnik Bidayuh, bumiputera yang lain di Sabah, Iban, Kayan, Kenyah menunjukkan kadar transisi ke tingkatan satu yang tinggi iaitu di antara 91% sehingga 100%. Kadar transisi murid ke tingkatan satu untuk kumpulan etnik seperti Bajau, Dusun, Kadazan, Kelabit, Milanau, Murut dan lain-lain bumiputera adalah di antara 81% sehingga 89%.

Ini ditegaskan bahawa jelas menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid tanpa mengira lokasi dan latar belakang ekonomi selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi meningkatkan kebolehpasaran graduan, untuk maklumat Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Selayang, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Kuala Kangsar terdapat pelbagai faktor yang boleh menyumbang kepada pengangguran siswazah. Tidaklah boleh dinafikan bahawa *mismatch* di antara disiplin ataupun bidang pengajian dengan kehendak pasaran pekerjaan menjadi salah satu punca kepada masalah yang berlaku.

Oleh itu, KPM telah mengambil langkah tertentu untuk mengurangkan *mismatch* yang antaranya termasuk melibatkan penyertaan industri dalam pembinaan kurikulum baru universiti. Keduaanya, menetapkan supaya universiti mengadakan semakan semula kurikulum setiap lima tahun tetapi universiti digalakkan untuk menyemak semula kurikulum setiap tiga tahun.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [Bangun]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Mengadakan pertemuan dan dialog secara berkala dengan pihak industri. Keempatnya, menjadikan latihan industri sebahagian syarat untuk bergraduan. Kelima, menggalakkan program sangkutan pensyarah di industri. Keenam ialah melibatkan industri sebagai tenaga pengajar dan ketujuh mengadakan kursus dalam bidang-bidang tertentu di luar daripada kurikulum yang ditawarkan oleh universiti seperti Pusat Kecemerlangan Industri dengan izin *industry centre of excellent* berasaskan kepada *industry demand driven* dengan penumpuan untuk mempertingkatkan kedua-dua kemahiran *soft skill* dan *hard skill* para pelajar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, mengenai kebolehpasaran graduan, pendek sahaja. Kita lihat hari ini graduan yang berkelulusan pendidikan daripada universiti kebanyakannya masih lagi tidak mendapat tawaran ke mana-mana sekolah untuk bekerja. Apakah dengan isu ini kementerian mempunyai hasrat untuk barangkali memberi kemahiran tambahan kepada graduan berkenaan supaya mereka bukan hanya kepada guru tetapi bidang yang lain. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ringkaskan Yang Berhormat. Sekarang sudah hampir jam 1 tengah hari.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, soalan juga. Tadi menteri kata bahawa kemasukan ke universiti adalah berdasarkan kepada STPM dan juga matriks dan adalah berdasarkan kepada meritokrasi. Saya dapat jawapan daripada menteri bahawa selama ini saya ringkaskan. Saya juga kira bahawa STPM kalau dari tahun 2003 sampai tahun 2013, hanya 0.5% pelajar yang menduduki STPM yang mendapat CGPA PGNK 4.0 iaitu bersamaan 0.5% sahaja.

Akan tetapi melalui matriks, kalau pelajar yang memasuki matriks lebih kurang 20% pelajar matriks yang dapat CGPA atau PGNK 4.0. Maksudnya ada perbezaan yang begitu besar tetapi apabila pelajar yang masuk matriks kerana umum kita tahu bahawa kurikulum matriks lebih rendah dan senang berbanding dengan STPM maka berlaku pula ada perbezaan di mana ketidakadilan berlaku. Pelajar-pelajar yang masuk STPM bersusah-susah baru boleh dapat PGNK yang baik. Akan tetapi pelajar yang masuk matriks, kurikulum mereka senang sedikit maka boleh masuk universiti dengan begitu mudah sekali.

Jadi apa cara kementerian MOE untuk *reconcile* perbezaan dan jurang yang begitu besar ini. Okey itu soalan pertama. Kedua, sedikit sahaja. Sama juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tidak. Ini berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Matriks juga tidak *directly* oleh IPTS. Jadi ada ramai pelajar yang masuk matriks dapat keputusan yang mungkin tidak begitu cemerlang, okeylah cemerlang tetapi tidak dapat masuk universiti maka mereka tidak dapat tempat di IPTS kerana tidak *recognize*. Jadi bagaimana MOE boleh mendapatkan *recognizing* sedunia untuk pelajar-pelajar matriks juga. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Pertama ialah kelulusan bidang pendidikan. Ini yang mengambil Ijazah Sarjana Muda Pendidikan yang kata tidak dapat ditempatkan. Saya sedar perkara itu sebahagiannya daripada kelulusan UPSI, sebahagian daripada IPTA kita yang lain. Masalahnya ialah kerana ada peralihan sedikit yang menjejaskan penempatan kita iaitu di mana usia permasalahan dilanjutkan kepada 60.

Jadi oleh sebab dengan itu mereka yang sepatutnya bersara tahun lalu tidak bersara lagi sedangkan pelajar yang masuk universiti sepatutnya sudah ditempatkan. Jadi itu ada sedikit masalah yang saya fikir hanya berbaki agak 1000 orang bilangannya. Kita akan mengambil mereka secara berperingkat-peringkat. Insya-Allah mana yang telah pun

ditempatkan di UPSI dan lain-lain itu maka kita akan masukkan tetapi yang datang daripada kelulusan IPTA yang bukan daripada graduan kita maka itu ini tidak boleh kita tempatkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sambung petang ataupun habiskan?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Saya perlu sambung sedikit sahaja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat dtempohkan sehingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

2.32 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk meneruskan penggulungan dalam perbahasan yang menyentuh tentang Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan kajian TalentCorp. dan Bank Dunia pada tahun 2014, faktor utama yang menjejaskan peluang seseorang graduan untuk mendapatkan pekerjaan adalah kurangnya keupayaan daripada sudut kemahiran insaniah seperti komunikasi, kreativiti dan tidak memiliki pemikiran yang kritis dan analatikal. Justeru, program-program intervensi telah pun diwujudkan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan terutamanya untuk pelajar tahun ataupun semester akhir yang mempunyai CGPA rendah ataupun dari bidang pengajian yang kurang mendapat permintaan industri. Program-program intervensi yang sedang dijalankan oleh kementerian telah dirangka dengan kerjasama erat bersama pihak industri dan merangkumi tiga kelas terutama iaitu dengan izin:

- (i) *Structured Internship Programme* iaitu penempatan pelajar latihan industri selama dua hingga enam bulan di sesebuah industri sebelum dianugerahkan sijil, diploma ataupun ijazah;
- (ii) Program Pentauliah Professional iaitu program untuk mendapatkan sijil yang diiktiraf badan bertauliah dan profesional; dan
- (iii) Dengan izin, *Bridging the Gap* iaitu program berbentuk latihan untuk melengkapkan pengetahuan dan kemahiran mengikut keperluan majikan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai ranking universiti.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri, sebelum sesi rehat tadi saya ada minta Yang Amat Berhormat Menteri untuk menjawab satu soalan tentang matrikulasi. Saya telah terangkan bahawa menurut data jawapan daripada kementerian MOE bahawa sebenarnya kalau kita bandingkan matriks dengan STPM, STPM punya kecemerlangan, pelajar yang mendapat CGPA atau PGNK yang 4.0 itu pada secara purata 0.8% sahaja tetapi matriks adalah 16%. Jadi kita nampak ada perbezaan yang begitu ketara antara 0.8% tidak sehingga 1% pun tetapi matriks 16%. Umum kita tahu bahawa STPM itu adalah *GCE A-Level* tetapi matriks belum dapat capai *international recondition A-Level*.

Jadi saya hendak minta Menteri, apabila UPU menerima matrikulasi dan STPM pada tahap yang sama, maka berlaku satu jurang yang besar. *Student* yang ambil matrikulasi senang masuk universiti kerana mereka senang dapat keputusan yang cemerlang. Pelajar yang daripada STPM ada ramai daripada Sabah dan Sarawak yang dari kawasan pedalaman atau kawasan luar bandar, mereka tidak dapat masuk ke matriks maka mereka pergi belajar STPM. Akan tetapi apabila mereka masuk ke satu kursus atau STPM yang sungguh susah dan susah dapat pelajaran dan akhirnya susah hendak masuk universiti. Maka tidak berlaku adil kepada mereka yang ambil STPM. Jadi saya minta Menteri, kalau boleh cadangkan bagaimana untuk *reconcile* supaya naikkan taraf matrikulasi kepada tahap *GCE A-Level* dan juga kita pun tahu bahawa matrikulasi pada tahap sekarang tidak ada *recognition of CGPA A-Level*.

Maka apabila pelajar-pelajar yang ambil matrikulasi, apabila mereka gagal dapat masuk ke universiti, maka mereka tidak mempunyai kelayakan *A-Level*, mereka hanya SPM sahaja. Jadi ini pun berlaku satu masalah kepada pelajar matrikulasi. Jadi saya hendak cadangkan kepada pihak kementerian, naikkan matrikulasi ke satu tahap bersamaan dengan STPM supaya mereka lebih seimbang dan berlaku keadilan kepada semua pelajar STPM dan juga matrikulasi supaya mereka boleh sama-sama masuk ke universiti dengan tahap akademik yang sama iaitu *A-Level*. Minta penjelasan daripada Menteri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Ya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pandangan itu. Memang ada inisiatif yang sedang dibuat sekarang ini untuk meneliti kedudukan matrikulasi. Ada pandangan-pandangan mengatakan ia tidak setara kerana ia lebih merupakan *fast track* dan kesan bila masuk universiti, kadang-kadang mereka tidak dapat meningkatkan keupayaan mereka dan menjejaskan pencapaian akhirnya. Itu sedang kita teliti.

Keduanya, hampir semua pelajar yang masuk ke universiti lulusan STPM yang katakan dapat CGPA 4, semuanya diterima masuk ke universiti kalau CGPA 4 itu, semuanya. Tidak jadi masalah bagi kita dan ini terbukti kecuali mereka tidak mempunyai kelulusan MUET yang saya sebutkan tadi dan peratusannya hanya 0.23% sahaja, bilangannya ialah tujuh orang sahaja. Jadi atas sebab itu bagi saya tidak jadi isu dan masalah, yang penting memang betul ada lain laluan yang kita sediakan untuk memudahkan supaya ada keseimbangan dari segi *participation* di peringkat institusi pengajian tinggi di kalangan beberapa kaum dan sebab itu kita berikan satu laluan yang lebih mudah sedikit. Namun begitu saya bersetuju dalam satu peringkat kita mesti menandaaraskan di mana mereka ini juga setanding. Walau

apa pun laluan masuk ke universiti, mereka ini tidak banyak berbeza fasal yang penting akhirnya ialah bila mereka *bergraduate* bermakna kelayakan yang mereka peroleh di universiti itu adalah setara walaupun dia datang daripada aliran-aliran yang pelbagai. Ini memang ada dalam perhatian kita.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, bolehkah matrikulasi di kementerian adakan sesuatu program, meletakkan atau *applied* supaya matrikulasi mendapat *international recognition* sebab saya rasa itu penting sebab kalau kita bagi pelajar-pelajar masuk matrikulasi kerana kita mahu mereka berjaya.

■1440

Walaupun *fast track*, dia kena capai satu tahap yang tinggi supaya mereka ada *guarantee* kerana kalau mereka masuk matrikulasi dua tahun atau matrikulasi satu tahun, lepas mereka masuk matriks tetapi gagal masuk universiti, maka mereka tidak ada *guarantee* langsung kerana dia kembali hanya pemegang SPM sahaja. Jadi tidak baguslah untuk pelajar-pelajar mereka.

Saya tidak pertikaikan bahawa ada *fast track. No problem* kerana kita hendak bantu pelajar-pelajar daripada luar bandar, pelajar-pelajar bumiputera supaya mereka boleh masuk ke universiti tapi saya rasa akademik itu penting supaya dia kena tingkatan ke satu tahap supaya *guarantee* dia punya tahap pencapaian tersebut.

Walau bagaimanapun, saya hendak tunjukkan satu – kita kena *compare apple to apple*. Kalau STPM, saya bukan kata pelajar-pelajar yang dapat CGPA 4.0 kerana itu memang pelajar cemerlang tetapi pelajar-pelajar yang kurang cemerlang katakan 3.5 *compare* pelajar-pelajar STPM yang 3.5 atau 3.2 tidak boleh masuk universiti tetapi matriks 3.3 dia boleh masuk universiti. Maka pelajar-pelajar yang STPM, tahap pencapaian akademik mereka secara sebenarnya lebih tinggi daripada matriks yang mendapat 3.3 tetapi pelajar-pelajar STPM tidak dapat ke masuk universiti. Maka berlaku sesuatu yang tidak seimbang. Itu yang saya hendak *point out*. Pelajar *4 flat no issue*.

Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih. Pandangan Yang Berhormat tadi, saya terima pandangan itu. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, memang kita membuat kajian dan penelitian tentang baik aliran daripada matrikulasi ataupun STPM dan sebagainya supaya setidak-tidaknya setara. Itu memang ada langkah-langkah tetapi kita kena buat secara teliti. Saya ambil perhatian itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ranking universiti. Untuk makluman Yang Berhormat Gombak dan juga Gelang Patah, hakikatnya kedudukan universiti di negara kita telah pun banyak berubah dan meningkat ke suatu tahap yang lebih baik. Berdasarkan penarafan 2014/2015 oleh *QS World University Ranking*, kesemua lima universiti penyelidikan kita ataupun *research university* di Malaysia berada pada kedudukan 400 universiti yang terbaik di dunia. Universiti Malaya sebagai contoh, di tangga ke-151; Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di tangga ke-259; Universiti Teknologi Malaysia di tangga ke-254; Universiti Sains Malaysia berada di tangga ke-309; dan Universiti Putra Malaysia di tangga yang ke-376.

Setakat ini, universiti-universiti di Malaysia tidak mengambil bahagian dalam *Times Higher Education* pada tahun 2014. Namun demikian, kementerian akan terus mengambil pelbagai inisiatif dan membuat persediaan yang bersesuaian bagi membolehkan universiti-universiti ini mengambil bahagian mulai tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembangunan dan penyenggaraan *facility* pendidikan. Menyentuh tentang pembangunan dan penyenggaraan *facility* pendidikan yang sering dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian saya akan memberikan perhatian yang sewajarnya dan meneliti perkara tersebut secara *case by case* untuk setiap isu yang dibangkitkan. *Insyah-Allah*, semua peruntukan yang telah pun diberikan ini akan dimanfaatkan semaksimum mungkin bagi memastikan kualiti *facility* institusi pendidikan di seluruh negara berada pada tahap yang selesa untuk mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berkongsi maklumat berkaitan beberapa pencapaian kementerian sepertimana yang telah pun saya umumkan dalam beberapa majlis sebelum ini. Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, beberapa indikator positif telah pun berjaya ditunjukkan walaupun usia pelaksanaannya baru melangkaui usia setahun. Pada pertengahan Jun 2014 yang lalu, Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 telah melaporkan pelbagai pencapaian yang amat positif dan membanggakan dan secara keseluruhannya saya amat berpuas hati. Akan tetapi, pada hemat saya, masih banyak yang perlu kita lakukan agar objektif transformasi pendidikan dapat direalisasikan menjelang tahun 2025.

Selaras dengan itu juga...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, sedikit tentang isu *university ranking* yang Yang Amat Berhormat umumkan tadi.

Salah satu pencapaian tentang *university ranking* ialah bahawa pelajar kita dapat – dia ada banyak faktor untuk mendapat ranking yang lebih baik. Walau bagaimanapun, salah satunya ialah bagaimana pelajar kita dapat berfikir secara kritis dan sebagainya. Akan tetapi baru-baru ini, kita tahu bahawa ada beberapa insiden terutamanya dari Universiti Malaya yang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya akan tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hal baru atau apa?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Related, related*. Yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu Yang Berhormat. Suka saya ingatkan kepada Ahli Yang Berhormat, apabila dalam hal soal minta penjelasan atau laluan di bawah Peraturan Mesyuarat 37, hati-hati. Jangan bawa perkara-perkara yang baru yang menimbulkan perbahasan baru. Ingat itu. Saya sengaja tadi Yang Berhormat saya membiarkan. Saya kurang pasti sama ada yang ditimbulkan itu sudah ditimbulkan oleh Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, saya terima nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua tapi saya rasa Yang Amat Berhormat Menteri mampu menjawablah kerana Yang Amat Berhormat Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soal mampu atau tidak Yang Berhormat, bukan soal mampu jawab atau tidak. Soalnya Yang Berhormat, dalam perbahasan kalau tidak dibenarkan, ada objektif tertentu iaitu masa tidak mengizinkan. Ini baru kementerian yang pertama, Yang Berhormat. Kita cuma ada tiga hari lagi selepas ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Betul, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya tanya soalan. Yang Amat Berhormat Menteri, bolehkah kita bagi ada satu memorandum yang kita terima tadi, saya minta bentara memorandum hantar memorandum kepada Yang Amat Berhormat Menteri supaya dikaji supaya pelajar-pelajar diberi kebebasan dan ruang untuk kritis, ruang untuk buat aktiviti pelajar supaya mereka janganlah *prosecute* mereka di Universiti Malaya pada Jumaat ini. Saya minta kalau Yang Amat Berhormat Menteri bagi pertimbangan. Saya minta Bentara bagi memorandum kepada Yang Amat Berhormat Menteri.

Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih. Kalau memo itu serah kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat kena pegang. Amanah. Akan tetapi kalau memo untuk Menteri Pendidikan, tidak apa, kita boleh terima. Bukan pertama, Tuan Yang di-Pertua. Memang banyak kali pun kita terima. Kita bersikap terbuka. Tujuannya asal yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan itu juga, sektor pengajian tinggi sedang menggubal Pelan Induk Pengajian Tinggi Negara untuk diselaraskan dengan pelaksanaan PPPM 2013-2025 dan ini akan memberikan satu *seamless continuity* dengan izin, dalam rangkaian nilai pendidikan dari prasekolah hinggalah ke peringkat *tertiary* dan seterusnya ke alam pekerjaan. *Insyah-Allah*, sekiranya berjalan lancar, Pelan Pembangunan Malaysia Pengajian Tinggi akan dilancarkan pada suku tahun pertama 2015.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saja yang dapat dijelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi kementerian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Wahid Omar. Sila.

2.49 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2015. Pada kesempatan ini, saya juga ingin menjelaskan ke atas beberapa perkara yang dibangkitkan

oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh secara langsung bidang tugas Jabatan Perdana Menteri khususnya Unit Perancang Ekonomi, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Statistik dan Johor Petroleum Development Corporation.

■1450

Terdapat 53 isu yang telah dibangkitkan. *Insyah-Allah*, saya akan cuba menjawab kesemuanya dalam lima bahagian iaitu:

- (i) bahagian ekonomi;
- (ii) bahagian pengagihan;
- (iii) bahagian pembangunan wilayah;
- (iv) bahagian infrastruktur; dan
- (v) bahagian isu tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan isu ekonomi yang menyentuh tentang Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Rancangan Malaysia Kesebelas. Yang Berhormat Pengkalan Chepa ingin tahu sama ada sasaran kerajaan untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh telah dicapai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu tahun 2011 hingga tahun 2013, kadar pertumbuhan purata tahunan bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah 5.2% setahun.

Berdasarkan kepada anggaran pertumbuhan bagi tahun 2014 dan 2015, antara 5% hingga 6% setahun semasa pembentangan Bajet 2015 baru-baru ini, pertumbuhan KDNK bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh dijangka mencecah 5.3% setahun iaitu lebih rendah berbanding sasaran asal sebanyak 6% setahun. Ini disebabkan Malaysia sememangnya sebuah ekonomi yang sangat terbuka yang mana saiz sektor luar merupakan satu setengah kali ganda saiz keseluruhan ekonomi negara. Oleh itu, pertumbuhan ekonomi kita sangat bergantung kepada perkembangan ekonomi dunia dan rakan dagangan utamanya.

Dalam tempoh tahun 2011 hingga tahun 2013, ekonomi dunia telah mencatatkan pertumbuhan yang sederhana pada kadar 2.7% setahun berbanding dengan andaian 4.5% setahun semasa Rancangan Malaysia Kesepuluh dirumuskan. Ini berikutan banyak negara maju yang terjejas dengan krisis kewangan tahun 2008 dan 2009 dan masih belum pulih sepenuhnya. Oleh itu, pertumbuhan ekonomi Malaysia turut mengikuti arah aliran berkenaan.

Namun begitu, ekonomi dunia dijangka pulih dalam tempoh 2014 hingga 2015 dengan pertumbuhan 3.3% hingga 3.8%. Dengan itu, prospek ekonomi negara juga dijangka akan turut sama mengukuh dan bagi tahun ini, separuh tahun pertama, KDNK mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan pada kadar 6.3%. Ini menunjukkan ekonomi berada di landasan yang kukuh dan berdaya tahan untuk mencapai pertumbuhan yang lebih memberangsangkan.

Walaupun sasaran pencapaian pertumbuhan ekonomi RMKe-10 mungkin sederhana berikutan perkembangan di luar kawalan, kerajaan tidak mengabaikan usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat. Strategi Rancangan Malaysia Kesepuluh yang dilaksanakan telah membawa kepada peningkatan ketara dalam tahap pendapatan rakyat. Pertumbuhan pendapatan per kapita negara mengikut harga semasa meningkat daripada RM26,999 pada

tahun 2010 kepada RM31,843 pada tahun 2013. Ia dijangka mencecah RM37,486 menjelang tahun 2015.

Kedua ialah kadar kemiskinan pula dapat dikurangkan dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan dalam taraf hidup rakyat. Kadar kemiskinan telah berkurangan kepada 1.7% pada tahun 2012 iaitu lebih baik daripada yang disasarkan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh sebanyak 2% menjelang tahun 2015.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: [Bangun]

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Daripada segi pekali Gini yang menjadi...

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Menteri, boleh Yang Berhormat Sungai Siput? Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Beri laluan?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri.

Seorang Ahli: Menteri duduk.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Ini berkenaan dengan kemiskinan 1.6%, ini didasarkan pada paras kemiskinan yang saya rasa tidak realistik. Ini kerana kita katakan paras kemiskinan sekarang RM800 tetapi katakan di Kuala Lumpur, saya ingat RM2,000 pun saya ingat itu pun miskin. So, saya rasa sekarang kita katakan kita sasarkan menjadi sebuah negara yang maju, negara-negara maju di Eropah, mereka pakai paras kemiskinan yang 50% daripada pendapatan median. Jadi di Malaysia, katakan pendapatan median ialah RM4,200. Kadar kemiskinan yang kita harus pakai, jadi kita pakai kadar yang dipakai di *Europe*, kaedah di *Europe*, adalah RM2,100. So, jika RM2,100 kita kena tengok berapa *percentage* yang di bawah itu, itulah kadar kemiskinan kita. Bukan 1.6% yang berdasarkan pada satu *level* yang terlalu rendah, *unrealistic in law*. So saya mahu tengok pandangan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput tadi sebenarnya ada telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang saya akan jawab dalam isu pengagihan nanti. Izinkan saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Daripada segi pekali Gini, sebagai pengukur ketidaksamaan pendapatan juga berkurangan daripada 0.441 kepada 0.431 dalam tempoh yang sama manakala pendapatan purata isi rumah berpendapatan 40% terendah terus meningkat daripada RM1,440 pada tahun 2009 kepada RM1,847 pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 8.7% setahun. Seterusnya, ia telah meningkat kepada tahap RM2,312 pada tahun 2014 berdasarkan data awalan penyiasatan pendapatan dan perbelanjaan isi rumah tahun 2014.

Sementara itu, kadar pengangguran pula juga terus kekal rendah pada purata 3.1% dalam tempoh tahun 2011 hingga tahun 2013 iaitu hampir menyamai sasaran 3% yang

ditetapkan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Ini bermakna negara terus menikmati suasana guna tenaga penuh. Kelima Tuan Yang di-Pertua, kedudukan fiskal negara juga bertambah baik...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, boleh tanya satu soalan?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Kalau bersangkutan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ya, bersangkutan dengan kemiskinan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak nampak kesungguhan pihak kerajaan menolong pihak yang termiskin di dalam negara kita ini kerana di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang bertanggungjawab untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat, hanya lebih kurang RM200 juta yang diperuntukkan untuk mereka. Akan tetapi saya nampak RM13 bilion wang pembangunan diperuntukkan untuk Jabatan Perdana Menteri. Saya sudah cadangkan agar sekurang-kurangnya projek-projek mewah di bawah Jabatan Perdana Menteri perlu digugurkan dan peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terutamanya Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh dinaikkan kepada RM1 bilion. Ini jumlah kecil untuk menunjukkan kita sungguh-sungguh menjaga mereka yang miskin. Harap dapat satu jawapan.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya daripada segi program-program untuk membasmi kemiskinan ini, ia terletak di dalam beberapa buah kementerian dan termasuklah di bawah Jabatan Perdana Menteri juga. Ini bukan sahaja dalam konteks memberi bantuan *income support*, dengan izin tetapi juga dengan memberikan peluang-peluang pekerjaan dan *upskilling programme* yang banyak dilaksanakan. Ini termasuklah program-program di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya akan *cover* banyak isu pembiayaan sebentar nanti. Saya sekarang ini menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa yang bertanyakan sasaran ataupun pencapaian RMKe-10 berbanding dengan sasaran kita yang seawalnya. Jadi, yang kelima yang saya hendak sebut tadi ialah tentang kedudukan fiskal negara yang juga turut bertambah baik dari setahun ke setahun yang mana peratusan defisit fiskal negara pada KDNK telah pun menurun kepada 4.5% pada tahun 2012 kepada 3.9% pada tahun 2013 dan dijangka akan menurun kepada 3.5% pada tahun ini dan 3% untuk tahun 2015 sebagaimana yang disasarkan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Jadi, secara keseluruhannya, berdasarkan kepada sosioekonomi semasa serta prospek pemulihan pertumbuhan ekonomi dunia, kerajaan yakin bahawa sasaran yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh sebahagian besarnya akan dapat dicapai menjelang tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Gopeng ingin mengetahui sama ada Ahli Parlimen diberi peluang untuk membahaskan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesebelas.

■1500

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bermula dengan Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan tidak lagi menyediakan kajian separuh penggal (*midterm review*) dengan

izin, sebaliknya kerajaan telah memperkenalkan pendekatan baru mengenai konsep *rolling plan* dengan izin, setiap dua tahun di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Pelaksanaan konsep *rolling plan* ini adalah bagi memastikan perancangan pengagihan peruntukan dan pelaksanaan program serta projek pembangunan berjalan dengan lebih efisien dan lancar berdasarkan kedudukan kewangan negara sejajar dengan penilaian semula sasaran pertumbuhan ekonomi. Pada masa ini, kerajaan belum lagi membuat keputusan sama ada akan menyediakan kajian separuh penggal bagi Rancangan Malaysia Kesebelas. Sekiranya kerajaan memutuskan untuk menyediakannya, maka semua Ahli Yang Berhormat akan diberi peluang untuk membahaskannya selepas ia dibentangkan di Parlimen nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jasin ingin mengetahui impak kepada Wawasan 2020 susulan *global economic downturn* dan Yang Berhormat Lanang pula ingin mengetahui sama ada Malaysia boleh mencapai Wawasan 2020. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkembangan ekonomi dunia yang perlahan semenjak beberapa tahun ini dijangka tidak akan menjejaskan landasan pertumbuhan jangka masa panjang ekonomi kita ke arah mencapai Wawasan 2020 di mana kita akan mencapai status negara berpendapatan tinggi seperti yang disasarkan.

Bagi tempoh tahun 2011 hingga tahun 2013, ekonomi global telah berkembang secara sederhana sebanyak 2.7% setahun dan negara maju telah mencatat pertumbuhan perlahan sebanyak 1.4% setahun. Namun begitu, negara kita telah berkembang sebanyak 5.2% dalam tempoh tersebut. Dengan pertumbuhan yang mampan ini, pendapatan per kapita negara telah meningkat kepada USD10,106 pada tahun 2013 dan menghampiri paras minimum USD12,616 mengikut klasifikasi antarabangsa negara berpendapatan tinggi yang telah ditetapkan oleh Bank Dunia.

Namun begitu, matlamat Wawasan 2020 adalah lebih luas dari aspek ekonomi semata-mata. Ia merangkumi pelbagai aspek pembangunan masyarakat, termasuklah membentuk masyarakat yang bersatu padu, bermoral dan beretika, liberal dan bertolak ansur, saintifik dan progresif serta masyarakat yang penyayang dan makmur. Kita perlu mencapai semua matlamat ini sebelum kita boleh menganggap Malaysia sebagai satu negara yang benar-benar maju.

Selanjutnya Yang Berhormat Sungai Siput telah menyarankan agar EPU dan MOF merujuk kepada tokoh-tokoh dunia seperti Sukarno dari Indonesia, Nehru dari India, Mossadegh daripada Iran, Nasser daripada Mesir dan Nkrumah daripada Ghana dalam usaha kerajaan untuk membentuk negara maju dan adil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 telah dirangka berdasarkan aspirasi dan acuan kita sendiri setelah mengambil kira ciri-ciri terbaik model pembangunan di pelbagai negara dan dari pelbagai aspek termasuklah ekonomi, pengagihan kekayaan negara serta pembangunan masyarakat yang mampan.

Berikutan dengan pelaksanaan pelbagai dasar dan strategi yang dibuat oleh kerajaan, secara keseluruhannya negara telah mencapai prestasi sosioekonomi yang lebih mampan dan *inclusive* berbanding dengan negara-negara yang Yang Berhormat Sungai Siput sebutkan tadi. Sebagai contohnya dari segi pendapatan KDNK per kapita untuk tahun

2013, kita sebanyak USD10,106 berbanding dengan USD5,780 untuk Iran, USD3,580 untuk Indonesia dan USD3,160 untuk Mesir. Keduanya dari segi kadar kemiskinan untuk tahun 2013, 1.7% untuk Malaysia berbanding dengan 11.4% untuk Indonesia, 21.9% untuk India, 24.2% untuk Ghana dan 25.2% untuk Mesir. Ketiganya ialah dari segi kadar pengangguran untuk tahun 2013 di mana kita pada kadar 3.1% berbanding dengan 6.3% di Indonesia, 9.2% di India, 13.3% di Mesir dan 15.5% di negara Iran.

Yang Berhormat Jelebu mencadangkan EPU melihat kembali garis panduan, elemen dan faktor dalam menentukan tahap prioriti sesuatu projek. Yang Berhormat juga mencadangkan agar kerajaan membina dan menempatkan projek-projek berimpak tinggi di kawasan yang kurang membangun sebagai *catalyst* kepada pembangunan setempat untuk mengurangkan jurang ekonomi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, keutamaan sesuatu projek akan ditentukan berdasarkan kepada pendekatan Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) dengan menggunakan pakai elemen indeks kreativiti ataupun *creativity index* dengan izin, untuk mengukur impak projek tersebut berbanding dengan kos pelaksanaannya. Ini bagi memastikan pemilihan projek dapat memberi impak yang maksimum kepada rakyat.

Di samping itu, kerajaan juga akan terus melaksanakan projek berimpak tinggi sebagai perangsang ataupun *catalyst* pembangunan setempat seperti mana model pembangunan koridor yang terbukti menjadi pemangkin pembangunan ekonomi di sekitar kawasan berkenaan. Sebagai contohnya, Koridor Iskandar Malaysia telah pun berjaya menarik pelaburan sebanyak RM156.34 bilion dan menyediakan 610,000 peluang pekerjaan daripada tahun 2006 hinggalah pada bulan September 2014.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada bahagian kedua iaitu berkaitan dengan isu-isu pengagihan. Isu ini mendapat perhatian ramai termasuklah 19 orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh kerana isu ini adalah luas, saya akan rangkumkan jawapan mengikut tiga pecahan iaitu pertamanya pegangan ekuiti. Kedua, agihan pendapatan dan ketiga pembangunan *inclusive*.

Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Ipoh Barat telah membangkitkan isu pegangan ekuiti. Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Rantau Panjang telah membangkitkan isu tentang *wealth accumulation* serta ingin mengetahui tindakan kerajaan bagi menyelesaikan masalah pegangan ekuiti bumiputera. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dari segi pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat, terdapat peningkatan yang ketara iaitu daripada 2.4% pada tahun 1970 kepada 23.5% pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, sasaran pemilikan ekuiti bumiputera untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% menjelang tahun 2020 masih belum tercapai. Kadar pemilikan bumiputera adalah lebih rendah berbanding dengan bukan bumiputera pada kadar 34.9% pada tahun 2011.

Oleh itu, kerajaan komited untuk meneruskan usaha meningkatkan pemilikan aset kewangan dan bukan kewangan kaum bumiputera melalui beberapa pendekatan termasuklah tiga pendekatan yang berikut. Pertama sekali, untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam pegangan dan penguasaan saham serta membantu Bumiputera menguasai lebih

banyak ekuiti syarikat melalui agensi dan institusi bumiputera seperti Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas).

Sehingga Disember tahun 2013, Ekuinas telah membuat pelaburan ke atas 24 buah syarikat dengan nilai kira-kira RM1.8 bilion. Ditambah dengan modal swasta, Ekuinas telah berjaya membantu kemasukan modal sebanyak RM2.4 bilion yang membantu memberi impak positif kepada ekonomi Malaysia. Selain daripada itu, Ekuinas juga telah berjaya meningkatkan nilai ekuiti bumiputera sejumlah RM2.8 bilion ataupun 1.7 kali ganda modal dilabur dan jumlah kesemua nilai pemegang saham sebanyak RM4.1 bilion ataupun 2.5 kali ganda modal yang dilabur. Ini telah menyumbang kepada peningkatan nilai pegangan ekuiti untuk...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Menteri.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Bumiputera dan nasional secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Ya, Sibu sini.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Kalau berkaitan.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Berkaitan dengan ekuiti bumiputera yang dicapai. Saya mahu tanya, berapa peratusan bagi bumiputera Sabah dan Sarawak dalam keseluruhan itu?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh tambah sedikit?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Minta maaf, saya tidak ada data pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, akan dikemukakan kemudian.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang di-Pertua, juga dalam peratusan kalau boleh tanya sedikit sahaja. Tadi dikatakan peratusan yang di tangan bumiputera dan yang lain, saya hendak tanya berapakah peratusan ekuiti negara sekarang ini di tangan warga asing ataupun syarikat asing?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut data yang saya ada sebelum ini, kalau 23.5% di tangan bumiputera dan 35% di tangan kaum bukan bumiputera, makna selebihnya merupakan pegangan daripada pelabur asing pada ketika itu. Ini akan saya *confirmkan* dengan izin, kemudian. Terima kasih.

■1510

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan aspek kedua, meningkatkan pemilikan ekuiti melalui pelaburan dalam unit amanah saham di bawah Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan sehingga kini sebanyak RM10.8 juta ataupun 89.3% pemegang unit Amanah Saham Nasional Berhad adalah bumiputera.

Ketiga ialah menggalakkan penyertaan bumiputera di dalam sektor hartanah melalui pegangan unit amanah hartanah di bawah Pelaburan Hartanah Berhad (PHB). PHB telah melancarkan Amanah Hartanah Bumiputera dengan saiz dana bernilai RM2 bilion kepada 54,516 orang pelabur dan sehingga akhir tahun 2013, PHB telah pun membuat pelaburan sebanyak RM3.2 bilion melalui pembelian bangunan dan projek pembangunan hartanah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Barat pula ingin mengetahui tindakan kerajaan untuk mencapai ekuiti kaum India sebanyak 3%. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

pemilikan ekuiti korporat kaum India adalah sebanyak 1.6% dengan nilai RM9.56 bilion pada tahun 2008.

Kerajaan menasaskan taraf ekonomi kaum India akan dapat dipertingkatkan dan mencapai pemilikan ekuiti sebanyak 3% menjelang tahun 2020. Kerajaan sentiasa komited dan berusaha menyediakan pelbagai perancangan dan program yang memberi faedah terus kepada masyarakat India. Izinkan saya menyebut tiga daripada langkah-langkah tersebut yang telah dijalankan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Pertama sekali tentang unit amanah saham. PNB telah pun menawarkan pelaburan unit-unit amanah saham berjumlah RM3.39 bilion kepada masyarakat India bagi meningkatkan pemilikan ekuiti masyarakat India. Ini termasuklah Amanah Saham 1Malaysia yang bernilai RM1.795 bilion, Amanah Saham Malaysia (ASM) bernilai RM1.09 bilion dan juga Amanah Saham Wawasan yang bernilai RM453.9 juta.

Program kedua ialah pembangunan keusahawanan. Program pembangunan keusahawanan bertujuan membantu masyarakat India memulakan dan mengembangkan perniagaan di peringkat mikro ke peringkat sederhana dan besar. Antara agensi yang menyediakan program bantuan ini ialah Amanah Ikhtiar Malaysia dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN).

Setakat ini sejumlah RM471.7 juta telah pun dibelanjakan yang melibatkan 21,467 orang usahawan. Ketiga ialah program pembangunan sosioekonomi bagi masyarakat India. Program pembangunan sahsiah dan pembangunan sosioekonomi masyarakat India telah pun diperuntukkan sebanyak RM206.05 juta bagi tempoh tahun 2011 hingga tahun 2014. Program ini bertujuan memberi latihan kemahiran, keusahawanan, peningkatan pencapaian pendidikan dan peningkatan sahsiah diri. Antara program yang dilaksanakan adalah Program i-Sinar dan i-Cemerlang dan ianya dilaksanakan dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan dan NGO serta institusi latihan kemahiran swasta.

Kumpulan sasaran program ini termasuklah ibu bapa, ibu tunggal, pelajar dari peringkat prasekolah sehingga menengah dan belia. Selain dari itu, lebih daripada 50,000 orang peserta telah lebih mendapat manfaat sepanjang tempoh pelaksanaan program ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Oh! Saya minta maaf tidak nampak.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang banyak ulasan dan penerangan tentang penyertaan bumiputera. Akan tetapi kadang-kadangnya bila bercerita tentang penglibatan bumiputera akan timbul satu tafsiran kononnya yang manfaatnya warga bumiputera sahaja. Sebagai contoh baru-baru ini, bila PNB – Syabas kepada PNB. Meningkatkan penyertaan bumiputera dan mengambil alih saham SP Setia saya tidak tahu berapa kos, mungkin boleh jelaskan.

Oleh itu, pengasas SP Setia itu mendapat satu pulangan yang amat besar sehingga dapat mewujudkan satu syarikat baru Eco World, melabur juga banyak daripada pulangan itu juga, Eco World melabur juga di England dan negara-negara lain. Bermakna bila satu usaha membela bumiputera, bukan hanya memberi memanfaatkan kepada kaum bumiputera sahaja. Rakyat lain, rakyat Malaysia itu mendapat manfaat juga. Adakah Yang Berhormat

sedar bahawa sebagai contohnya, apa jua usaha untuk membina masyarakat bumiputera, bukan warga bumiputera sahaja mendapat manfaat, rakyat Malaysia yang lain juga mendapat manfaat seperti juga dalam pengambilalihan SP Setia oleh PNB, Eco World mendapat satu pulangan yang besar.

Ini kerana tidak mungkin satu syarikat dapat diambil alih Eco World, saya ingat RM2 hingga RM3 bilion kosnya, sehingga Eco World dapat membentuk syarikat baru Eco World yang bernilai berbilion ringgit. Bermakna, manfaat kaum bukan bumiputera ada juga kerana DAP selalu menceritakan yang apa jua untuk kaum bumiputera sahaja. Sehingga kononnya menafikan kepentingan bukan bumiputera, ini satu diayah politik DAP sebenarnya.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Tuan Yang di-Pertua, memang benar dalam konteks kerajaan menjalankan program pemerksaan bumiputeram apa yang kita laksanakan ialah untuk memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi itu lebih rancak dan apa juga peningkatan harta atau kekayaan itu diagihkan dengan secara yang saksama. Apabila terdapat peluang untuk menguasai sesuatu syarikat itu, ia sentiasa dilaksanakan secara yang adil. Maknanya *it must be market friendly*, dengan izin dan berdasarkan kepada penilaian yang adil dan saksama.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri soalan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kita tahu banyak jabatan atau agensi yang mengurus dan melakukan pelbagai usaha untuk membangunkan bumiputera di dalam negara ini. Apakah kerajaan Yang Berhormat bersetuju kalau kita hendak cadangkan supaya Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang sekarang ini berada di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya agenda bumiputera ini dapat benar-benar diberi fokus.

Ini kerana MARA ini sebuah agensi yang begitu besar dan mungkin dari segi kementerian tidak boleh bagi fokus yang begitu teliti kepada agensi ini. Kalau diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, maknanya Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab dan banyak lagi agenda bumiputera kerana di MARA ini Yang Berhormat Menteri tahu dengan pendidikannya, pembangunan usahawan dari segi ekonomi dan sebagainya. Saya hendak cadangkan supaya diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks MARA ini, sebenarnya sebelum ini MARA diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MECD) dengan izin sebelum kementerian tersebut dibubarkan dan fungsi-fungsi pemantauan agenda bumiputera ini dibahagikan kepada 8 buah kementerian yang berasingan. Pada ketika ini ia di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Bagi saya tidak kira di mana letaknya MARA ini dan di bawah kementerian mana, yang penting adalah MARA terus diberi kuasa dan diberi mandat untuk melaksanakan program-program agenda bumiputera mereka dengan berkesan.

Untuk itu, dari segi cadangan Yang Berhormat Lenggong itu akan disampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak penjelasan kalau kita tengok dalam bajet ini terdapat peruntukan RM600 juta diberikan kepada Ekuinas. Kita tahu bahawa salah satu dari misi Ekuinas ini ialah untuk mempertingkatkan ekuiti bumiputera di dalam sektor swasta. Soalan saya ialah kalau kita lihat banyak aktiviti yang *merges* dan *acquisition* yang dibuat oleh Ekuinas ini mengambil alih syarikat-syarikat yang dikuasai oleh bukan bumiputera.

■1520

Jadi, saya cuma hendak bertanya bahawa kadang-kadang peningkatan ini juga tidak semestinya dilakukan melalui pembelian syarikat-syarikat bukan bumiputera. Akan tetapi kewangan ini disalurkan kepada syarikat-syarikat bumiputera yang berdaya saing supaya mereka ini boleh mendapat penambahan modal untuk membesarkan syarikat dan akhirnya syarikat ini menjadi satu syarikat yang boleh disenaraikan di papan saham Kuala Lumpur.

Ini kerana kalau kita ambil syarikat yang sedia ada, jadi kebanyakan daripada peruntukan yang kita beri ini adalah untuk membeli nilai syarikat tersebut. Akan tetapi apabila kita hendak perkembangan syarikat tersebut, kita terpaksa mempunyai dana tambahan kepada proses ini. Jadi, saya nak bertanya, adakah kerajaan bercadang dalam penambahan RM600 juta ini, adakah RM600 juta ini khas untuk kita mengembangkan atau menjadi *partner to create a partnership* dengan syarikat-syarikat bumiputera yang berwibawa, terutama syarikat-syarikat yang wujud dalam senarai teras di dalam TERAJU? Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ekuinas ini diwujudkan untuk memberi peluang kepada usahawan bumiputera yang sebelum ini tidak mempunyai akses, dengan izin, kepada *private equity*. Pendekatan Ekuinas adalah kedua-duanya sekali iaitu melabur dalam syarikat bumiputera dan memberikan mereka akses bumiputera dan juga mengambil alih syarikat yang berdaya maju yang mungkin pada awalnya tidak dimiliki oleh bumiputera. Dengan pengambilan ekuiti ini dan mereka mempertingkatkan penglibatan pengurusan bumiputera dalam syarikat tersebut.

Jadi, seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, sebenarnya terdapat banyak syarikat-syarikat bumiputera yang telah mendapat modal *private equity* ini daripada syarikat Ekuinas. Dalam konteks RM600 juta yang diperuntukkan untuk tahun 2014 ini, sebanyak RM456.9 juta telah pun dibelanjakan ataupun dilaburkan. Ini termasuklah dalam syarikat bumiputera seperti Orkim Sdn Bhd dan beberapa syarikat yang lain termasuklah perkembangan San Francisco Coffee.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta sikit? Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apakah langkah-langkah strategi yang telah dirancang oleh pihak EPU ataupun kerajaan ke arah untuk membantu mempertingkatkan ekonomi ataupun pendapatan masyarakat luar bandar ke arah menuju negara maju? Lepas tahun ini, tahun depan bermakna kita ada lima tahun. Ini bermakna apakah sasaran negara maju ini akan tercapai sekiranya pendapatan ekonomi di antara wilayah itu tidak *balance*. Tidak seimbang. Contohnya, pendapatan masyarakat luar bandar di luar bandar dengan di bandar. Apa penyusunan strategi, sama ada adakah satu *blue ocean strategy* dilaksanakan iaitu memberi penekanan kepada agensi-agensi Persekutuan dan kerajaan negeri mungkin bekerjasama

untuk melihat peluang-peluang baru ke arah untuk memberi membantu mempertingkatkan ekonomi masyarakat bumiputera luar bandar itu sendiri.

Ini kerana kalau kita tidak melihat satu strategi yang lebih komprehensif, mungkin matlamat kita menuju negara maju ini tidak akan tercapai dan cuma tinggal nama sahaja. Jadi, persoalan saya, apa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam pengisian lima tahun ini untuk mencapai status negara maju itu supaya tidak ada puak ataupun kelompok yang tertinggal ke belakang. Negara maju tetapi masyarakat masih mundur.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab soalan tersebut di dalam bahagian ketiga iaitu bahagian pembangunan wilayah sebentar lagi.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri soalan. Klang. Depan, depan sini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mencapai sasaran 3% untuk ekuiti kaum India pada tahun 2020.

Soalan saya adalah dua. Pertama, apakah ekuiti kaum India pada masa sekarang? As of 2014. Itu satu. Kedua, adakah kerajaan telah membuat apa-apa ulang kaji mengenai pencapaian 3% dalam 2020 sebab pada pendapat saya ada masalah dengan dua-dua isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Menteri yang berkait dengan usahawan iaitu AIM dan juga dengan TEKUN.

Saya diberitahu oleh peniaga-peniaga India yang telah mohon wang daripada TEKUN iaitu susah untuk mendapat wang daripada TEKUN dan *the requirements are very high*. Itu satu. Kedua, berkait dengan Amanah Saham Nasional dan juga Amanah Wawasan dan sebagainya, adakah kerajaan telah membuat satu kajian di mana adakah 1% daripada golongan kaya kaum India yang membeli semua saham ataupun *it is distributed equally among all the different classes within the Indian community*? Terima kasih. Minta penjelasan.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dari segi isu peratusan, kita belum ada peratusan yang terkini tahun 2014. Ini akan dilaksanakan kemudian. Akan tetapi untuk yang terakhir yang kita ada, adalah sekitar 1.6%. Dari segi akses kepada program pembiayaan di bawah TEKUN yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, setakat ini pinjaman TEKUN di bawah program SPUMI untuk masyarakat India ialah sebanyak RM168 juta telah pun dikeluarkan.

Sementara untuk pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia untuk kaum India, sejumlah RM64 juta yang melibatkan 7,140 orang Sahabat telah pun dilaksanakan. Dari segi ekuiti Amanah Saham Wawasan 1Malaysia dan juga Amanah Saham Malaysia, saya minta maaf saya tidak ada perincian tersebut sekarang ini. Perkara ini akan diberikan secara berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan sebab banyak lagi nak cover. Terima kasih. Isu agihan pendapatan telah mendapat perhatian dan dibahaskan oleh 12 Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Johor Bahru dan juga Yang Berhormat Kalabakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berhubung dengan isu ketidakseimbangan dan jurang pendapatan, kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan apa-apa dasar baru memandangkan dasar sedia ada telah dapat menangani isu-isu tersebut. Ini ditunjukkan melalui pengurangan pekali Gini berasaskan pendapatan daripada 0.443 pada tahun 1999, telah bertambah baik kepada 0.431 pada tahun 2012.

Berdasarkan kepada dapatan awal penyiasatan, pendapatan dan perbelanjaan isi rumah ataupun HIES 2014, ia menunjukkan pekali Gini telah berkurangan kepada 0.421. Indeks pekali Gini menggunakan indikator perbelanjaan hanyalah pada 0.337 pada tahun 2010 dan nilai ini adalah lebih rendah berbanding dengan Indonesia pada 0.381 dan di Thailand pada kadar 0.394. Ini menunjukkan kedudukan Malaysia adalah lebih baik berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini.

Peningkatan pendapatan purata dan penengah ataupun median isi rumah juga adalah lebih tinggi daripada peningkatan harga barangan. Dapatan awal HIES 2014 menunjukkan pendapatan purata isi rumah telah meningkat 8.4% setahun daripada RM5,000 sebulan pada tahun 2012 kepada RM5,919 sebulan pada tahun 2014. Manakala harga barangan meningkat sebanyak 3.5% dalam tempoh yang sama.

Pendapatan penengah isi rumah pula turut meningkat daripada RM3,626 kepada RM4,258 ataupun 8% setahun bagi tempoh yang sama. Ini telah menyumbang kepada pengurangan dalam jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar daripada nisbah 1:1.86 pada tahun 2012 kepada 1:1.85 pada tahun 2014. Namun demikian, kerajaan sentiasa menumpukan usaha ke arah merapatkan lagi jurang ketidakseimbangan tanpa mengira kaum dan juga lokasi. Daripada perspektif geografi, ia bertujuan memastikan rakyat tanpa mengira lokasi, berpeluang menikmati akses yang saksama kepada infrastruktur dan kemudahan awam.

■1530

Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi mengurangkan pendapatan. Ini termasuklah empat pendekatan berikut.

Pertama, merangsang pertumbuhan ekonomi bagi mencipta peluang-peluang baru terutamanya kepada isi rumah berpendapatan rendah melalui peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan.

Kedua, memperluaskan program pendidikan dan latihan kepada rakyat dengan memberi fokus kepada pembangunan kapasiti dan *capability* dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40% terendah. Ini termasuklah masyarakat Orang Asli, bumiputera, minoriti Sabah dan Sarawak.

Ketiga, pembangunan infrastruktur asas di luar bandar bagi menggalakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan produktiviti. Tumpuan kepada pembangunan infrastruktur asas di luar bandar bagi menggalakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan produktiviti manakala bagi meningkatkan tahap ekonomi dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh, tumpuan diberikan kepada pendidikan dan latihan serta penyediaan kemudahan asas seperti kesihatan, bekalan air, bekalan elektrik dan sebagainya.

Keempat, pembangunan secara bersepadu seperti Agropolitan, *contract farming* dan sebagainya. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, peruntukan sebanyak RM685.5

juta telah pun disediakan dan program ini telah pun memanfaatkan seramai 3,486 orang peserta di 14 lokasi yang telah dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Rantau Panjang telah menyatakan bahawa terdapat jurang pendapatan yang masih tinggi di antara yang kaya dengan yang miskin serta jurang pembangunan antara Wilayah Timur dan wilayah lain yang semakin melebar, contohnya pembangunan di negeri Kelantan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya tidak dinafikan terdapat jurang pendapatan antara golongan kaya dan yang miskin. Walau bagaimanapun, dapatan awal HIES 2014 menunjukkan jurang pendapatan antara golongan berkenaan telah pun berkurangan daripada satu kepada 6.58 pada tahun 2012 kepada satu kepada 6.618 pada tahun 2014. Bagi mengurangkan jurang pendapatan ini, kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif dan program termasuklah program peningkatan kapasiti dan *capability*, program peningkatan pendapatan secara bersepadu, program pembangunan keusahawanan di samping penyediaan infrastruktur asas dan ameniti sosial di luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan kepada statistik Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Wilayah Timur, menunjukkan peningkatan daripada RM15.8 bilion pada tahun 2005 kepada RM22.3 bilion pada tahun 2013 dan dalam tempoh yang sama, pendapatan per kapita turut meningkat daripada RM12,874 pada tahun 2005 kepada RM20,240 pada tahun 2013.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah dan antaranya ialah dengan menubuhkan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur ataupun ECERDC pada tahun 2007 sebagai agensi bagi merangsang, menggalakkan dan mempercepatkan pertumbuhan wilayah ekonomi Pantai Timur yang melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Daerah Mersing di negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan, Yang Berhormat Menteri. Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya ingin penjelasan yang berkaitan untuk mewujudkan keseimbangan antara Wilayah Timur dan Barat yang mana kita tengok dalam bajet yang lepas, dari sudut infrastruktur khususnya, seolah-olah menampakkan cukup jelas ketidakseimbangan di mana peruntukan untuk pembangunan terutama dari segi kemudahan bagi merangsang ekonomi tidak diberi laluan yang begitu cara.

Saya memberi contoh ialah kemudahan jalan ataupun lebuhraya yang mana tidak langsung ada dalam peruntukan untuk ke Pantai Timur. Begitu juga kemudahan menaik taraf *airport*, kemudahan pelabuhan tidak ada sedangkan ini ialah infrastruktur asas untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Macam mana kilang-kilang ataupun pelabur-pelabur hendak melabur banyak di Pantai Timur sedangkan jauh daripada segala kemudahan? Itu yang kami pertikaikan.

Jadi kalau kita betul-betul mahu mewujudkan keseimbangan, sepatutnya dalam penyusunan untuk infra untuk merangsangkan ekonomi ini seharusnya diutamakan negeri-

negeri yang masih lemah kemudahannya. Begitu juga kemudahan-kemudahan asas yang lain. Termasuk juga di antara perkara yang mengancam ekonomi Pantai Timur ialah banjir itu sendiri. Saya beberapa kali sebut di dalam Dewan ini, tidak langsung disebut atau diperuntukkan. Jadi sebab itulah saya mempertikaikan kenapa dalam bajet ini seolah-olah menambahkan lagi wujudnya jurang yang terus melebar antara pembangunan Wilayah Timur dan Barat. Minta penjelasan.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak program dan projek dilaksanakan di Pantai Timur. Cuma, mungkin tidak diperincikan dalam Bajet 2015 baru-baru ini. Kalau kita lihat dari segi jalan raya dan juga banyak program di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur, ia bukan sahaja melibatkan pelaburan di pihak kerajaan tetapi juga melibatkan pelaburan di pihak sektor swasta. Sebagai contohnya, sebanyak RM112 bilion telah pun dikenal pasti untuk dilaburkan antara tahun 2007 hingga tahun 2020 dan ini melibatkan 50,000 pekerjaan yang baru.

Dalam konteks pembangunan infrastruktur yang baru seperti *rail* di Pantai Timur, ini telah dikenal pasti dan kini sedang melalui proses kajian *feasibility*, dengan izin.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya yang pertama kali, saya fikir, dalam Dewan Rakyat ini pertama hari saya ada ucap dan juga hari kedua, yang pertama saya ucap. Jadi saya sudah dengar lama tetapi tiada langsung ada disebut ucapan dari Kota Kinabalu. Jadi mungkin saya belum dikenaliliah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mahu beritahu, saya mahu tanya, saya ada tanya isu yang penting. Perkara pertama saya kata, mungkin Dewan Rakyat di sini jarang dengar Batu Sumpah punya hal. Apa itu Batu Sumpah? Batu Sumpah ialah untuk rakyat pedalaman di Keningau, itu Batu Sumpah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kerana saya ada tanya soalan dalam saya punya ucapan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Batu Sumpah tidak ada kena-mengena dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sekarang.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Belum jawabkah? Saya tidak tahu kerana saya yang pertama tetapi dia banyak jawapan sudah, belum sampai lagi. Jadi saya mahu itulah, tidak ada jawabankah itu Batu Sumpah?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Duduklah Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri teruskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu sumpah belum lagi Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini sumpah ini serius ini, yang penting...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Kota Kinabalu duduk Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, bagus saya..

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya, ya, okey. Kalau ada jawapan, saya tunggu lah.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu Yang Berhormat Menteri. Kita selesaikan hal ini dahulu.

Ini dalam soal apabila minta penjelasan kepada Menteri menjawab isu-isu yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan, ambil perhatian kepada Peraturan Mesyuarat 37(1), 37(2) di mana kalau ada menimbulkan kesamaran daripada jawapan Menteri, minta penjelasan dibolehkan tetapi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat setiap yang berdiri itu membawa satu lagi perkara baru yang perlu juga dijawab oleh Menteri, berbulan-bulan kita di sini tidak selesai hal. Jadi cuma timbulkan perkara yang menimbulkan kesamaran daripada jawapan Menteri yang menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ataupun perkara yang perlu penjelasan. Jangan bawa perkara baru yang menimbulkan perbahasan seperti Batu Sumpah yang tidak ada kena-mengena dengan jawapan di sana. Macam mana?

Sila. Saya mahu satu, Yang Berhormat Menteri. Kalau Menteri fikir bahawa jawapan itu terlalu panjang dan tidak ada masa untuk dijawab semula, Menteri tidak payah kasi laluan, dan kalau juga saya dapati bahawa tidak ada masa, saya boleh gunakan kuasa juga di bawah Peraturan Mesyuarat 37 untuk tidak membenarkan penjelasan.

Yang Berhormat Ipoh Barat berdiri. Kalau Yang Berhormat benarkan, saya akan benarkan.

Tuan Charles Anthony [Klang]: Klang pun berdiri juga.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jangan lama sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

■1540

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, ini jurusan pendapatan. Yang Berhormat Menteri, saya berterima kasih baru-baru ini satu *conference* minggu dulu di mana saya pun hadiri di mana Yang Berhormat Menteri telah membuka *conference* tersebut.

Saya terima baik strategi yang kena di sana dan di sana kita telah belajar bahawa jurus pendapatan di antara satu kaum dan lain yang teruk sekali dalam masyarakat India.

Yang Berhormat Menteri semestinya mengenali faktor tersebut. Soalan saya ialah saya ada bangkitkan mengenai jurusan pendapatan. Saya hendak tahu apakah *implementation force*, kaedah-kaedah yang ada supaya apa yang dibincangkan, apa yang diterima boleh diguna pakai supaya semua akan menerima manfaat dan dalam tempoh masa berapa kita boleh tengok dalam *realization* hal ini. Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat tadi kerana telah mengambil bahagian dalam seminar yang kita adakan untuk ekonomi kaum India. Saya sedang menanti laporan yang bakal dikemukakan kepada pihak EPU. Laporan itu sebenarnya ditaja oleh EPU antara lain untuk mendapatkan satu *feedback* dengan izin, pengumpulan yang boleh diperbaiki lagi. So, ini akan diperincikan kemudian Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, soalan berkaitan.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa banyak lagi.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Ini isu penting Yang Berhormat sebab saya telah bangkitkan isu ini dalam ucapan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Dua minit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Cuba Ahli-ahli Yang Berhormat baca Peraturan Mesyuarat 37. Kalau Ahli Yang Berhormat yang sedang berhujah itu tidak memberi laluan, maka jangan lagi paksa. Sila.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Merayu boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan, jangan lagi campur. *[Ketawa]* Sila.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya baru separuh jalan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, banyak lagi hendak *cover*. Jadi minta pertimbangan daripada rakan-rakan semua. *We seek your understanding*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gombak ingin mengetahui berapa lama Malaysia akan terus terperangkap dalam negara bertaraf berpendapatan pertengahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan yakin bahaya Malaysia mampu beralih daripada status negara berpendapatan pertengahan tinggi ataupun *upper the income* dengan izin untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi sebelum tahun 2002 seperti disasarkan. Ini berikutan pelaksanaan agenda transformasi negara yang akan memacu pertumbuhan ekonomi antara 5% hingga 6% setahun. Dengan pertumbuhan ini, pendapatan negara kasar per kapita dijangka meningkat kepada USD18,000 melebihi paras minimum status negara berpendapatan tinggi mengikut definisi Bank Dunia.

Seterusnya Yang Berhormat Ipoh Barat telah mencadangkan agar satu *Select Committee* ditubuhkan untuk mengkaji masalah yang dihadapi oleh semua orang yang berpendapatan kurang ataupun *hardcore poor*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

kerajaan berpandangan pada masa ini tidak ada keperluan bagi mewujudkan *Select Committee* untuk mengkaji masalah kumpulan berpendapatan rendah dan miskin memandangkan dasar sedia ada telah dapat menangani isu tersebut.

Ini terbukti melalui strategi pembangunan ekonomi yang dirancang oleh kerajaan yang berjaya mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan rakyat. Dapatan awal **HIES 2014** menunjukkan kadar kemiskinan telah pun berkurangan daripada 1.7% pada tahun 2012 kepada 1% pada tahun 2014, manakala kadar miskin tegar turut berkurangan daripada 0.2% kepada 0.1% dalam tempoh yang sama. Memandangkan kemiskinan bukan lagi merupakan satu isu, kerajaan telah meluaskan fokus kepada pembangunan sosioekonomi isi rumah berpendapatan 40% terendah ataupun B40 dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Walau bagaimanapun, isi rumah miskin dan miskin tegar masih diberi tumpuan bagi mengeluarkan isi rumah daripada kepompong kemiskinan. Program pembangunan kumpulan isi rumah B40 telah berjaya meningkatkan pendapatan purata isi rumah B40 daripada RM1,847 sebulan pada tahun 2012 kepada RM2,312 pada tahun 2014. Program berkenaan akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Yang Kesebelas nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Johor Bahru menyarankan agar definisi...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Perlu kalau berkaitan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bila saya memohon agar satu *Select Committee* ditubuhkan, asasnya saya telah beritahu semasa hujahan saya tetapi yang mustahak adalah di mana kita nampak walaupun ada polisi-polisi kerajaan yang sedia ada untuk menolong masyarakat berpendapatan kurang atau miskin tegar dan sebagainya tetapi sasaran atau pihak-pihak yang betul-betul perlukan itu masih lagi dalam keadaan yang daif. Jadi itulah sebab kalau kita ada satu *all party conference*, *all party* terlibat dalam perkara ini, itu adalah satu di antara perkara yang dahulu, lebih kurang 10 tahun dahulu telah dipersetujui oleh beberapa Menteri. Itu cadangan saya. Saya harap kerajaan akan fikir balik bahawa itu adalah a *win-win situation* untuk semua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh buat tambahan tak?

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, duduk dulu, duduk dulu Yang Berhormat Menteri. Ini cadangan saya, pandangan saya. Yang Berhormat Menteri juga kena konsisten. Apabila menolak satu di sana, selepas itu terima sana, kita kenampakan bahawa selektif. Okey, kalau Yang Berhormat Menteri tidak boleh konsisten, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dengar, saya akan gunakan kuasa saya di bawah Peraturan 37(2) di mana kalau saya fikir masa untuk berbahas dalam peringkat dasar ini tidak mencukupi, saya tidak benarkan pencelahan kerana untuk JPM sahaja, tujuh Menteri menjawab. Kita cuma ada tiga hari lagi. Jadi tolong...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pencelahan untuk rakyat, Tuan Yang di-Pertua boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Maksud saya..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sikit sahaja, untuk rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, mahu benarkan kepada Yang Berhormat Kinabatangan? Kalau tidak, bagi tahu tidak. Saya suruh Yang Berhormat Kinabatangan duduk.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: *Last one.*

Tuan Yang di-Pertua: *Last one.* Okey, penghabisan Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa saya pernah juga mencadangkan kenapa kementerian kerajaan tidak mewujudkan data bank setiap daerah, setiap Parlimen. Minta pegawai-pegawai daerah dibantu dengan berbagai-bagai agensi ketengahkan masalah pembangunan. Berapa orang miskin, macam mana hendak membangun, macam mana hendak menyelesaikan. Saya jarang bersetuju dengan Yang Berhormat Ipoh Barat ini tetapi ini hari saya bersetuju dengan dia, sebab ini baik untuk menyelesaikan masalah rakyat pada masa-masa akan datang.

Jadi apabila rakyat kita bela, nampak kerajaan ini benar-benar konsisten membela rakyat. Jadi pembangkang tak ada lagi isu kerajaan tak membangun rakyat. Negara maju, rakyat miskin buat apa. Negara maju tetapi rakyat miskin. Pada saya tidak sesuailah kita menjadi negara maju. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk rakyat.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tentang *Select Committee* tadi, saya berpendapat bahawa kita tak perlu menunggu penubuhan *Select Committee* tersebut kerana apa juga isu-isu boleh dibangkitkan terus kepada pegawai-pegawai kita di Unit Perancang Ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Johor Bahru menyarankan agar definisi kemiskinan perlu dikaji dengan mengambil kira *median income* berbanding dengan *average income*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, definisi kemiskinan adalah berdasarkan kepada pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan sesebuah isi rumah memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat. Berdasarkan kepada definisi ini, faktor yang menentukan sama ada sesebuah isi rumah adalah miskin bergantung kepada tahap pendapatan bulannya dibandingkan dengan pendapatan garis kemiskinan (PGK).

Untuk tahun 2014, kerajaan telah menetapkan pendapatan garis kemiskinan untuk Semenanjung Malaysia pada tahap RM907 sebulan, di Sabah RM1,158 dan di Sarawak RM990 sebulan. Namun begitu kerajaan turut menggunakan pendapatan penengah atau pun *median income* bagi mengukur kemiskinan *realities* seperti yang diguna pakai dalam mengenal pasti kumpulan golongan berpendapatan rendah.

Selanjutnya Yang Berhormat Kalabakan telah menyatakan bahawa kadar kemiskinan di Sabah perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan dan seterusnya mencadangkan agar satu Jawatankuasa Parlimen untuk menilai beberapa kadar peratus miskin di Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada dapatan awal HIS 2014, pendapatan purata isi rumah di Sabah adalah RM4,268 sebulan iaitu meningkat sebanyak 3.1% setahun daripada RM4,013 pada tahun 2012.

■1550

Di samping itu, pendapatan menengah isi rumah Sabah turut meningkat daripada RM2,860 sebulan kepada RM3,252. Peningkatan sebanyak 6.4% setahun dalam tempoh

yang sama. Peningkatan pendapatan isi rumah tersebut telah menyumbang kepada pengurangan kadar kemiskinan di Sabah daripada 8.1% kepada 6.4%.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak betul itu Yang Berhormat Menteri, itu kenyataan macam salah itu.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]: Ini berdasarkan kajian penyiasatan pendapatan dan juga perbelanjaan isi rumah yang sedang kita jalankan dan ini mengikut standard-standard *international*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Dari segi pengurangan kadar kemiskinan saya sebutkan tadi di Sabah kurang daripada 8.1% kepada 6.4%. Ini berdasarkan kepada pendapatan garis kemiskinan di negeri Sabah yang lebih tinggi berbanding dengan Semenanjung Malaysia iaitu pada kadar RM1,158 berbanding RM907 di Semenanjung. Ini menunjukkan usaha-usaha kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan telah membuahkan hasil walaupun masih banyak yang kita akui perlu dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai inisiatif telah pun dilaksanakan oleh kerajaan bagi membantu golongan miskin dan isi rumah berpendapatan rendah termasuklah di Sabah. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, program yang telah dirangka dan dilaksanakan termasuklah Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus yang bertujuan meningkatkan pembangunan modal insan terutama dalam latihan kemahiran untuk kumpulan minoriti bumiputera yang berpendapatan rendah dan sehingga bulan September tahun 2014, sebanyak RM 11 juta telah pun diperuntukkan untuk program tersebut dan telah memberi manfaat kepada lebih daripada seribu orang pelatih. Banyak lagi program-program yang telah dijalankan.

Jurang ketidaksamaan pendapatan untuk negeri Sabah juga telah bertambah baik dan ini ditunjukkan oleh pengurangan perkara ini daripada 0.427% pada tahun 2012 kepada 0.389% pada tahun 2014. Sehubungan itu bagi kami tiada keperluan untuk mewujudkan Jawatankuasa Parlimen untuk menilai kadar kemiskinan di Sabah dan kami percaya bahawa banyak perkara yang dikenal pasti dapat diadakan ataupun diambil perhatian di kalangan pegawai-pegawai di peringkat EPU.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh telah mencadangkan kerajaan mewujudkan *Equal Opportunity Commission* agar dapat memberi peluang kepada bangsa Melayu menceburkan diri dalam perkhidmatan swasta dan bukan Melayu menceburi sektor perkhidmatan awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan *Equal Opportunity Commission* memandangkan inisiatif di bawah Dasar Pembangunan Ekuisif serta mekanisme sedia ada dapat menangani isu-isu berkaitan. Di bawah model baru ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh pendekatan pembangunan ekuisif yang diamalkan adalah selaras dengan prinsip pertumbuhan dengan pengagihan ataupun *growth with distribution*, dengan izin. Pendekatan ini mengambil kira aspek penting seperti keperluan ataupun *need based*, merit, ketelusan dan mesra pasaran dan langkah-langkah ini adalah selaras dengan prinsip yang termaktub dalam Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh hak kesamarataan.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesepuluh menyediakan peluang yang saksama kepada semua rakyat untuk turut terlibat dalam pembangunan ekonomi sama ada

di sektor swasta mahupun di sektor awam. Bagi tujuan tersebut kerajaan telah pun menguatkuasakan *disclosure of diversity* dengan izin, satu polisi yang mana mulai bulan Januari tahun 2015, semua syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia diperlukan untuk melaporkan polisi diversiti syarikat dari segi jantina, umur dan kaum di kalangan pekerja-pekerja mereka. Di samping itu, kerajaan turut menggalakkan penyertaan 30% kaum wanita bagi jawatan pembuat keputusan di sektor korporat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk sektor awam pula, kerajaan sentiasa berusaha menarik minat lebih ramai calon-calon daripada kalangan bukan bumiputera untuk menceburi sektor awam melalui pelbagai program turun padang bagi menyampaikan maklumat yang tepat berkaitan dengan peluang-peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan bagi memupuk minat bukan Melayu dalam perkhidmatan awam adalah:

- (i) mengadakan sesi taklimat kerjaya di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil;
- (ii) mewujudkan kerjasama pintar dengan badan-badan bukan kerajaan dan wakil-wakil masyarakat pelbagai kaum termasuk kaum Cina, India, Iban dan masyarakat keturunan Siam;
- (iii) mengadakan kursus, tips dan panduan memasuki perkhidmatan awam kepada orang ramai di seluruh negara secara percuma;
- (iv) mewujudkan kerjasama dengan media berbahasa Cina dan Tamil bagi mempromosikan peluang-peluang pekerjaan di sektor awam;
- (v) mengadakan Karnival Kerjaya di seluruh negara yang bertujuan mendekati masyarakat pelbagai kaum;
- (vi) mengadakan Program Outreach kepada guru-guru kaunseling pelbagai kaum; dan
- (vii) mewujudkan kerjasama pintar bersama RELA bagi mempromosi dan menyampaikan maklumat mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam berhubung fungsi dan jawatan-jawatan yang ditawarkan.

Hasil daripada usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ini telah dapat menarik minat lebih ramai calon-calon bukan Melayu ataupun bukan bumiputera untuk memohon jawatan dalam perkhidmatan awam. Permohonan daripada kaum Cina sebagai contohnya telah meningkat daripada 19,702 pada tahun 2012 kepada 44,633 orang pada tahun 2013. Manakala permohonan daripada kaum India telah meningkat daripada 35,717 orang kepada 75,361 orang pada tahun 2013.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Hari itu saya mahu tanya Sabah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini awam punya hal.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Seterusnya Yang Berhormat Batu Gajah ingin mengetahui peruntukan yang diberikan kepada Sri Murugan Centre. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun memperuntukkan RM157.8 juta bagi pelaksanaan program pembangunan sosio-ekonomi masyarakat India bagi tahun 2014. Program ini bertujuan untuk penyelidikan program latihan kemahiran, pembangunan keusahawanan, peningkatan pencapaian dalam pendidikan dan pembangunan sahsiah diri. Kumpulan sasar program ini adalah ibu tunggal, belia tercicir yang berisiko tinggi, pelajar-pelajar yang tercicir ataupun *drop out* dengan izin, dan lain-lain kumpulan di bawah B.40. Program ini dilaksanakan melalui badan bukan kerajaan ataupun NGO dan Institut Latihan Kemahiran Swasta.

Sri Murugan Centre merupakan salah sebuah daripada NGO-NGO yang terlibat dalam pelaksanaan program untuk masyarakat India ini. SMC melaksanakan dua program iaitu i-Cemerlang dan i-Sinar dan sebanyak RM23.8 juta telah pun diperuntukkan bagi pelaksanaan program i-Cemerlang dari tahun 2010 hingga tahun 2014. Peruntukan pada tahun 2014 adalah berjumlah RM8.8 juta bagi pelaksanaan Program i-Cemerlang di empat kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk kaum India yang tinggi iaitu di Ijok, Rawang, Sungai Way dan juga di Pelabuhan Klang.

Sementara untuk Program i-Sinar pula ia mula dilaksanakan pada tahun 2013 dan sejumlah RM26 juta telah diperuntukkan untuk tahun 2013 dan 2014. Program ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar India di luar bandar dan sekolah rendah yang mencatat kelulusan di bawah 40% dalam UPSR dan melalui program-program ini ia telah berjaya meningkatkan kadar kelulusan di pelbagai sekolah. Sebagai contohnya di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Wellesley di Kedah, peratusan lulus untuk tahun 2012 adalah 44.6% dan meningkat kepada 76.1% untuk tahun 2013. Iaitu peningkatan sebanyak 31.5%.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sri Aman ingin mengetahui secara terperinci mengenai pembangunan ekonomi yang telah diberikan kepada kaum di Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekonomi Sarawak telah pun berkembang pada kadar 3.8% dalam tempoh 2011 hingga 2013. Pertubuhan ekonomi negeri aktiviti ekonomi Sarawak ini berdasarkan kepada sektor adalah terutama di sektor pembinaan yang mencatat pertumbuhan sebanyak 7%, perkhidmatan – 6.3% dan pertanian sebanyak 3.4%

■1600

Perkembangan ekonomi Sarawak turut memberi kesan yang baik kepada prestasi syarikat dan penempatan rakyat melalui pembayaran gaji dan dapatan awalan HIES 2014 menunjukkan pendapatan purata isi rumah di Sarawak telah meningkat daripada RM4,293 sebulan kepada RM4,926 sebulan iaitu peningkatan sebanyak 6.9% setahun.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan mesyuarat]***

Manakala pendapatan median rumah meningkat pada kadar 9.4% setahun iaitu daripada RM3,047 sebulan kepada RM3,679. Insiden kemiskinan pula telah berkurangan

daripada 2.4% pada tahun 2012 kepada hanya 0.9% dalam tahun 2014. Pencapaian tersebut adalah hasil daripada pelaksanaan program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi menyediakan peluang terutamanya kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah untuk menikmati pendapatan dan kualiti hidup yang lebih tinggi. Ini termasuklah pertamanya, program peningkatan keupayaan dan kebolehan ataupun *capacity building* dengan tumpuan khusus diberikan kepada ketua isi rumah yang produktif serta ahli isi rumah supaya mereka menjadi lebih *employable* dan *marketable* dalam bersaing mendapatkan pekerjaan bergaji dengan lebih tinggi.

Keduanya, program peningkatan pendapatan secara bersepadu melalui pelaksanaan program agropolitan dan perladangan kontrak. Ketiga, pembangunan infrastruktur asas di luar bandar bagi menggalakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan produktiviti. Keempat, program Rasionalisasi perlindungan sosial ataupun *social protection* dan jaringan keselamatan sosial ataupun *social safety net* dengan izin, yang meliputi bantuan kewangan secara langsung kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas dan orang kurang upaya.

Selain daripada itu, masyarakat di Sarawak juga akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan pelbagai program pembasmian kemiskinan dan inisiatif peningkatan kapasiti bagi isi rumah 40% terendah seperti Program Bantuan Rumah di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara, infrastruktur asas luar bandar dan Program 1AZAM di bawah NKRA isi rumah berpendapatan rendah melalui pelbagai agensi serta program pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas khususnya di luar bandar. Bagi golongan minoriti pula kerajaan telah meluluskan peruntukan khusus sebanyak RM100 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan peruntukan tersebut akan membiayai pelaksanaan projek-projek ekonomi, pendidikan, pembangunan infrastruktur, pembangunan *native customary land* serta projek-projek bagi pembangunan kaum Penan.

Selanjutnya, Yang Berhormat Jasin mencadangkan agar kerajaan memperkenalkan Akta Anti Diskriminasi dalam usaha meningkatkan pendapatan bulanan pekerja bumiputera yang didakwa beliau tidak mendapat gaji setimpal berbanding dengan kaum lain. Ahli Yang Berhormat, akta yang dicadangkan ini perlulah diteliti dengan lebih mendalam supaya pelaksanaannya selaras dengan objektif yang ingin dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin beralih pula pada bahagian ketiga iaitu isu pembangunan wilayah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Sarikei, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Sri Aman, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Kangar dan Yang Berhormat Kota Melaka. Yang Berhormat Gombak telah mencadangkan agar segala projek pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan akan mengambil kira pandangan kerajaan negeri dan masyarakat setempat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pendekatan ini memang pun telah diambil oleh kerajaan. Sebagai contoh, untuk mendapatkan pandangan daripada semua kerajaan negeri, sesi dialog Unit Perancang Ekonomi bersama kerajaan negeri mengenai

Rancangan Malaysia Kesebelas telah pun diadakan di antara 3 Julai 2014 sehingga 18 September 2014. Ini termasuklah perbincangan dengan Kerajaan Negeri Selangor yang telah pun diadakan pada 8 Ogos 2014. Antara tujuan sesi ini adalah untuk memberikan penerangan terhadap peranan kerajaan negeri dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kesebelas dan juga untuk mendapatkan pandangan daripada kerajaan negeri dan membincangkan isu-isu serta cadangan serta strategi pembangunan khususnya di peringkat negeri.

Selain daripada itu kerajaan negeri telah dipohon untuk mengemukakan kertas strategi yang lengkap bagi isu-isu dan cadangan strategi pembangunan dan kertas strategi, khususnya sekiranya terdapat keperluan spesifik bagi sektor-sektor tertentu kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Kesemua input yang telah diperolehi daripada kerajaan negeri akan diberi pertimbangan oleh Kerajaan Persekutuan dalam perancangan Rancangan Malaysia Kesebelas. Pihak kementerian juga disarankan supaya mengambil kira keperluan dan keutamaan projek ataupun pihak kerajaan negeri sebelum mengemukakan cadangan keutamaan projek kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Kota Kinabalu membangkitkan isu tiadanya projek mega ataupun pembangunan di Kota Kinabalu semasa pengumuman Bajet 2015 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dakwaan Yang Berhormat Kota Kinabalu yang mengatakan tiada projek mega ataupun permohonan di Kota Kinabalu adalah tidak benar. Meskipun tidak diumumkan semasa pembentangan Bajet 2015, kerajaan telah pun menyediakan peruntukan sebanyak RM4 bilion bagi tahun 2015 untuk membiayai projek pembangunan di negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM415 juta telah pun diperuntukkan untuk pembangunan di Kota Kinabalu. Antara peruntukan...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan Kota Kinabalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya harus patuh kepada keputusan yang dibuat oleh Tan Sri tadi, tidak ada pencelahan bermula dari tadi sampai sekarang.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang ini *mention about* Kota Kinabalu, jadi saya mahu tanya, dia cakap tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya hanya mahu tanya peruntukan itu...

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Telah diputuskan tidak ada pencelahan Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya hendak tanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak faham kah telah diputuskan tidak ada pencelahan?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Antara peruntukan yang telah disediakan untuk membiayai projek yang sedang berjalan adalah Program Perumahan Rakyat Bersepadu... yang kemudahan-kemudahan peralatan di Hospital Queen Elizabeth. Selain daripada itu, kerajaan turut menyediakan peruntukan bagi projek baru untuk menambah baik sistem penghantaran elektrik di sekitar Kota Kinabalu bagi menampung permintaan bekalan elektrik yang dijangka meningkat pada tahun 2015. Selaras dengan tema Bajet 2015 yang berteraskan '*Ekonomi Keperluan Rakyat*' kerajaan juga memberi tumpuan kepada projek-projek di kawasan luar Kota Kinabalu seperti jalan luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan juga bekalan air luar bandar.

Yang Berhormat Kota Kinabalu juga mendakwa bahawa Sabah ketinggalan jauh dari aspek infrastruktur dan pembahagian sumber yang tidak adil berbanding dengan Semenanjung. Dalam pada yang sama Yang Berhormat Kalabakan juga telah menyatakan agar kerajaan memberi perhatian agar pembangunan di Sabah seiring dengan pembangunan di Semenanjung.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa pembahagian sumber di negeri Sabah tidak adil berbanding dengan Semenanjung. Negeri Sabah telah menerima peruntukan terbesar jika kita tidak masukkan Wilayah Persekutuan, sebanyak RM20.3 bilion ataupun 8.83% daripada jumlah peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan di antara tahun 2006 hingga 2010. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu 2011-2015 pula, negeri Sabah masih menerima peruntukan terbesar iaitu sebanyak RM20.6 bilion iaitu 8.6% daripada jumlah peruntukan pembangunan.

Untuk makluman Yang Berhormat, tumpuan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas adalah untuk mempercepatkan lagi pembangunan di wilayah dan negeri kurang maju terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak. Bagi mempertingkatkan lagi pembangunan di negeri Sabah, sehingga kini Koridor Pembangunan Sabah ataupun *Sabah Development Corridor* dengan izin, telah berjaya menarik masuk pelaburan terkumpul sebanyak RM127.58 bilion dan mewujudkan sebanyak 23,311 peluang pekerjaan. Selain daripada itu, usaha membangunkan negeri Sabah terutamanya di kawasan luar bandar telah dilipatgandakan dengan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara ataupun NKRA, memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman. Antara program yang dilaksanakan adalah jalan luar bandar, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan program bantuan rumah.

Sehingga kini program tersebut telah berjaya mencapai sasaran yang telah pun ditetapkan dan sebagai contoh, dari tahun 2010 sehingga Ogos 2014, kerajaan telah berjaya membina jalan sepanjang 144.8 kilometer, melebihi daripada sasaran yang telah ditetapkan iaitu 1223.6 kilometer. Dalam tempoh yang sama juga kerajaan telah menyediakan bekalan air bersih dan terawat kepada tambahan 105,530 buah rumah di luar bandar negeri Sabah. Dalam usaha dan pelaksanaan projek tersebut dijangka dapat menghasilkan pertumbuhan ekonomi dan sosial bagi negeri Sabah dan ianya akan terus dipertingkatkan lagi dalam Rancangan Malaysia Kesebelas nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bandar Kuching telah mendakwa rakyat Sarawak...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta tambahan? Minta soalan? Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: ...diperdaya dan dianaktirikan oleh Kerajaan Persekutuan daripada segi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sebentar, sebentar Yang Berhormat. Saya ingin ingatkan bahawa Tan Sri Speaker telah membuat *ruling* tadi bahawa tidak ada pencelahan sepanjang Menteri ini menjawab.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya hanya mahu tanya sahaja mengenai *flyover*. Dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Pencelahan, *no interjection*.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Bajet, tiada bajet. Jadi, saya mahu tanya apa masalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya kena *abide* pada *decision* oleh Tan Sri Speaker.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, itu bukannya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *You have been given the chance earlier*.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Akan tetapi ini kita kasi peluang untuk tak faham kasi terangkan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *It has been ruled by the Speaker*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *I know*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sepanjang Menteri ini menjawab, tidak ada pencelahan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya rasa bukan *ruling* itu, *That is not the ruling*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, *I have the note here. I have the note here by Tan Sri*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Ruling* tadi kata sekiranya menteri bagi, tak ada masalah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Akan tetapi Yang Berhormat Kinabatangan boleh berucap, kenapa kami tak boleh?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya, *ruling* dia sekiranya Menteri bagi, tak ada masalah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kami hanya mahu tambahan sahaja mahu tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak ada isulah Yang Berhormat, janganlah jadikan isu besar. Speaker dah buat *ruling*.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Sudah janji mahu buat *flyover* tapi tiada bajet. Saya mahu tanya itu, mana itu bajet untuk *flyover*? Dua *flyover* di Kota Kinabalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Susahlah macam ini kalau Menteri jawab kita tak boleh celah.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya masih banyak lagi isu nak *discover* selepas ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *It is not Parliament anymore.*

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Isu yang lebih kurang sama juga turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Sri Aman dan Yang Berhormat Lanang. Untuk makluman, tanggapan bahawa negeri Sarawak dianaktirikan oleh Kerajaan Persekutuan daripada aspek pembangunan seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat Bandar Kuching adalah tidak berasas dan tidak benar. Bagi mengurangkan jurang pembangunan di negeri Sarawak, Kerajaan Persekutuan telah pun menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM15.3 bilion ataupun 6.7% daripada jumlah Rancangan Malaysia Kesembilan dan jumlah ini adalah ketiga tertinggi selepas negeri Sabah dan Selangor.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu merangkumi 2011 hingga tahun 2015 pula, negeri Sarawak diperuntukkan sebanyak RM18.6 bilion ataupun 7.8% daripada jumlah peruntukan pembangunan yang merupakan kedua terbesar selepas negeri Sabah. Peruntukan pembangunan diberikan berdasarkan kepada keperluan dan tumpuan kerajaan dalam tempoh rancangan Malaysia.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan terus berusaha untuk memastikan pembangunan yang seimbang di semua wilayah dan juga negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat, infrastruktur dan kemudahan asas yang baik adalah penting untuk pertumbuhan dan perkembangan kesejahteraan rakyat di Sarawak. Bagi meningkatkan lagi pembangunan di negeri Sarawak sehingga kini, Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak ataupun SCORE telah berjaya menarik masuk pelaburan terkumpul sebanyak RM45.09 bilion dan mewujudkan sebanyak 14,471 peluang pekerjaan.

Kerajaan Persekutuan turut memberi penekanan dan melipat gandakan usaha dalam meningkatkan pembangunan di kawasan luar bandar negeri Sarawak termasuklah melalui pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan ataupun GTP. Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara ataupun NKRA, memperkasa pelaksana luar bandar dan pedalaman, antara program yang dilaksanakan sama seperti yang di Sabah tadi. Termasuklah jalan luar bandar, bekalan air luar, elektrik luar bandar dan juga program bantuan rumah. Sehingga kini, kalau kita lihat daripada segi pencapaian, pembinaan jalan raya sepanjang 1173.79 kilometer telah

pun dibina. Melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 1129.25 kilometer. Dalam tempoh yang sama juga, kerajaan telah menyediakan bekalan air bersih dan terawat kepada tambahan 80,942 buah rumah di luar bandar di negeri Sarawak.

Usaha dan pelaksanaan projek tersebut dijangka dapat menghasilkan pertumbuhan ekonomi dan sosial bagi negeri Sarawak dan ianya akan terus dipertingkatkan lagi dalam Rancangan Malaysia Kesebelas nanti. Yang Berhormat Lanang menyarankan agar Sarawak dapat diberi peruntukan yang lebih dalam Rancangan Malaysia Kesebelas agar dapat merencanakan pembangunan di negeri Sarawak. Selain daripada yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2015, kerajaan juga telah menyediakan peruntukan pembangunan berjumlah RM3.1 bilion untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan di negeri Sarawak. Jumlah peruntukan tersebut merupakan ketiga tertinggi berbanding negeri-negeri yang lain. Selain daripada itu, peruntukan sebanyak RM340 juta telah diluluskan bagi melaksanakan program di bawah Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak ataupun SCORE.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tumpat menyatakan tiada projek pembangunan yang besar untuk pertumbuhan Wilayah Pantai Timur dalam Bajet 2015. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam Bajet 2015, kerajaan telah menyediakan peruntukan pembangunan berjumlah RM4.24 bilion untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan di Wilayah Pantai Timur. Daripada jumlah tersebut, peruntukan sebanyak RM1.11 bilion adalah bagi melaksanakan program ataupun projek di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Antara projek pembangunan utama Wilayah Pantai Timur ataupun ECER adalah Projek Taman Industri Makanan Halal Pasir Mas Fasa Kedua, Program Agropolitan Kelantan Selatan Fasa Kedua dan Projek Pembangunan Kuala Terengganu City Centre Fasa Kedua, juga Taman Industri Bio Polimer Kerteh di negeri Terengganu serta Projek Peluasan Pelabuhan Kuantan dan Taman Teknologi Pahang di negeri Pahang.

Kesemua projek tersebut telah diluluskan dan sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaannya. Sehingga akhir bulan Ogos 2014, ECER telah pun berjaya menarik pelaburan asing dan tempatan berjumlah RM72.2 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM7.22 bilion telah pun direalisasikan. Di samping itu, lebih daripada 60,000 peluang pekerjaan telah pun diwujudkan di dalam pelbagai sektor ekonomi di Wilayah Pantai Timur.

Yang Berhormat Kangar ingin tahu apakah kesinambungan NCER yang dilihat masih belum membawa kesan positif kepada rakyat Perlis. Yang Berhormat Kangar ingin tahu apakah perancangan pihak berkaitan terhadap pembangunan NCER yang melibatkan negeri Perlis. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perancangan pembangunan sosio ekonomi negeri Perlis yang dilaksanakan oleh *Northern Corridor Investment Authority*, dengan izin, adalah berdasarkan kepada rancangan yang sedia ada. Terutamanya rancangan ataupun rangka tindakan sosio ekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Rancangan Lima Tahun Malaysia, Rancangan Struktur Negeri Perlis yang diwartakan, pelan strategik pembangunan negeri Perlis 2012-2030 dan Program Transformasi Ekonomi Sempadan ataupun *Border Economic Transformation Program* dan Pelan Strategik Fasa Kedua Koridor Utara.

Hasil daripada rancangan-rancangan ini telah membolehkan NCIA dan Kerajaan Negeri Perlis mengenal pasti aktiviti-aktiviti ekonomi utama yang berupaya memacu pembangunan negeri ke arah mencapai wawasan Perlis Negeri Bandaraya menjelang tahun 2030. Sebagai contoh, Pelan Strategik Pembangunan Negeri Perlis 2012-2030 telah mengenal pasti 64 inisiatif yang sebahagian daripadanya sedang dan akan dilaksanakan oleh NCIA dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis.

Pada masa yang sama, kerajaan ataupun kajian *Border Economic Transformation Program* pula telah mencadangkan 9 projek-projek utama yang tiga daripadanya terletak di negeri Perlis iaitu Inland Clearance Depot, dengan izin dan kini dikenali sebagai Perlis Inland Port dan juga gudang di Padang Besar serta penambahbaikan bazar di Wang Kelian. Fokus NKIA ataupun NCIA ini adalah untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perlis dalam merealisasikan aktiviti-aktiviti ekonomi seiring dengan inisiatif-inisiatif strategik NCIA yang telah dirangkumkan kepada lima projek *flagship* iaitu Bandar Maritim Kuala Perlis, Zon Ekonomi Khas Padang Besar, infrastruktur bertaraf dunia, penjenamaan semula Kangar dan juga destinasi pelancong antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada bahagian keempat iaitu isu infrastruktur yang telah menarik perhatian beberapa orang Ahli Yang Berhormat antaranya Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Jelebu dan juga Yang Berhormat Langkawi. Yang Berhormat Kota Kinabalu juga menyatakan dalam pembangunan Koridor Sabah, satu *feasibility study* telah mencadangkan pembinaan sistem pengangkutan LRT dibangunkan di Kota Kinabalu. Yang Berhormat juga telah menyarankan agar kerajaan mengambil perhatian terhadap cadangan tersebut.

■1620

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, cadangan pelaksanaan kajian kemungkinan mengadakan sistem pengangkutan kereta api aliran ringan ataupun LRT di Bandar raya Kota Kinabalu dan kawasan sekitarnya pernah dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di bawah Koridor Pembangunan Sabah. Namun, pada masa tersebut, pengangkutan awam sedia ada seperti bas, van dan teksi didapati masih mampu untuk menampung keperluan pengangkutan awam di Kota Kinabalu dan juga di kawasan sekitarnya.

Walau bagaimanapun, pada masa ini, Kerajaan Negeri Sabah sedang dalam proses melaksanakan satu kajian *Sustainable Integrated Public Transportation System Master Plan for Greater Kota Kinabalu* dengan izin, untuk mengkaji semula dan melihat secara menyeluruh keperluan sistem pengangkutan yang bersepadu di Kota Kinabalu dan kawasan sekitarnya. Kajian ini akan meneliti dan mencadangkan mod pengangkutan awam yang paling sesuai untuk dibangunkan di Kota Kinabalu. Dalam hal ini, UPEN Sabah sedang memuktamadkan terma rujukan dan pelantikan konsultan dijangka akan diadakan pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh menyarankan agar segala rundingan dan perjanjian berkaitan KIDEX akan diteliti dan dibuka kepada awam demi ketelusan, dan kenyataan bahawa keperluan pembinaan Lebuhraya KIDEX berdasarkan

kepada penurunan kesesakan trafik sebanyak 1.5% adalah tidak tepat. Ini kerana setiap penurunan ataupun pertambahan jumlah trafik perlulah dilihat bagi kesemua jalan yang terlibat bagi mengenal pasti impak trafik sama ada penambahbaikan perlu dilaksanakan atau tidak bagi jalan yang terlibat. Selain itu, terdapat beberapa parameter yang perlu diambil kira bagi mengenal pasti impak trafik terhadap jalan iaitu kapasiti jalan dan juga *develop service*.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kesuntukan masa, izinkan saya memberikan jawapan bertulis kepada ramai Ahli Yang Berhormat yang tidak hadir pada petang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh Yang Berhormat.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Boleh ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ada satu perkara yang Menteri tidak jawab. Boleh saya memohon Menteri jawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Yang Berhormat, jadi saya akan berikan jawapan yang bertulis. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Jerai.

4.22 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2015 di peringkat dasar dan menyentuh perkara-perkara berkaitan hal ehwal Islam. Saya telah meneliti semua isu yang dibangkitkan. Sesungguhnya, Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin memberikan penjelasan berkaitan isu sekolah pondok dan sekolah agama rakyat ataupun ringkasnya SAR yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Rantau Panjang membangkitkan peruntukan RM25 juta kepada sekolah pondok tidak mencukupi dan ingin penjelasan berapa orang jumlah pelajar yang terlibat dan berapa peruntukan mengikut kepala?

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa pengajian pondok masih tetap utuh dan berkembang dengan sistem yang lebih tersusun. Walaupun begitu, sekolah-

sekolah pondok ini perlu kepada bantuan berterusan sama ada daripada sumbangan masyarakat dan juga pihak kerajaan. Justeru, peruntukan bagi Bajet 2015 adalah bagi memastikan kelangsungan sekolah-sekolah pondok yang berdaftar supaya dapat seiring dengan sekolah-sekolah arus perdana. Peruntukan ini akan disalurkan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pada masa ini, sebanyak 91 buah sekolah pondok yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri di seluruh negara yang melibatkan 3,475 orang pelajar. Berasaskan jumlah ini, maka peruntukan dalam Bajet 2015 adalah memadai untuk memenuhi keperluan warga sekolah pondok daripada segi kemudahan pembelajaran, menyelenggara *facilities* dan juga sekolah serta latihan guru.

Yang Berhormat Pasir Puteh dan Yang Berhormat Kubang Kerian pula menyarankan supaya kerajaan lebih bersikap terbuka dan juga memberikan lebih peruntukan kepada sekolah agama negeri swasta serta peruntukan per kapita diberikan semula kepada sekolah agama.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pentadbiran dan pembangunan sekolah agama negeri ataupun ringkasnya SAN adalah di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama meliputi aspek kewangan, perjawatan dan lain-lain. Manakala bagi sekolah-sekolah agama swasta tertakluk di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah Agama serta pengurusan sekolah negeri berkenaan.

Sesungguhnya kerajaan tidak pernah meminggirkan sekolah agama rakyat (SAR) dan juga sekolah pondok di seluruh negara dan sentiasa mengambil berat terhadap pembangunannya dengan menyediakan peruntukan kewangan melalui bajet tahunan secara khusus sejak tahun 2011 sehingga sekarang di mana peruntukan ini adalah bagi membantu pembangunan SAR atau sekolah agama rakyat meliputi bantuan latihan dan baik pulih sekolah agama rakyat di seluruh negara yang disalurkan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bagi tahun 2014, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta di mana...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, Menteri, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai bangun.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Sekejap. Saya habiskan sedikit jawapan, kemudian kita masuk tajuk ini.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Pada tahun 2014, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta di mana agihan dibuat mengikut skala murid seperti RM350,000 bagi 1,000 orang murid, RM250,000 bagi 501 hingga 600 orang murid dan sebagainya. Peruntukan ini bertujuan untuk pembangunan dan baik pulih sekolah agama rakyat di seluruh negara.

Di samping itu, Bantuan SAR KAFA bagi tahun 2014 juga turut diperuntukkan oleh kerajaan yang berjumlah RM9.48 juta dalam pembentangan Bajet 2015 baru-baru ini seperti

dinyatakan di awal tadi. Peruntukan RM25 juta juga telah disediakan bagi memastikan kelangsungan pembangunan sekolah pondok yang berdaftar di seluruh negara.

Di samping itu juga, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM sentiasa memastikan kelangsungan pembangunan SAR dan juga SAN, sekolah agama rakyat, sekolah agama negeri, dengan memberikan latihan guru, pentadbiran, pelajaran pelajar serta bantuan buku bahasa Arab dari semasa ke semasa. Bagi sekolah agama negeri yang menggunakan kurikulum kebangsaan, kerajaan memperuntukkan Skim Pinjaman Buku Teks secara percuma.

Di samping itu, sekolah agama rakyat yang berdaftar sebagai sekolah agama bantuan kerajaan atau ringkasnya SABK akan mendapat bantuan dan peruntukan seperti sekolah-sekolah di arus perdana. Sila.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya terpenggil apabila bercakap tentang SAR ini. Saya rasa memang patut sangatlah kerana SAR ini adalah sangat penting kerana ini ialah usaha asas untuk kita membina insan yang cemerlang.

Saya dapati khususnya di Parlimen Bagan Serai, saya melihat SAR ini keadaan yang agak menyedihkan. Terima kasihlah atas bajet yang akan disediakan dalam tahun depan ini. Contohnya ada sebuah sekolah agama rakyat yang saya lihat itu hanya menyewa bangunan yang terlalu uzur yang saya kira memang bahaya untuk anak-anak ini kalau terjadi sesuatu. Di satu kawasan di Simpang Lima, Parlimen Bagan Serai.

Satu lagi sekolah agama rakyat di Lembah Beriah. Sekolah agama rakyat di sini bagus, cantik tetapi tidak cukup kerana pelajarinya terlampau ramai. Jadi ada pelajar yang duduk dalam stor, ada pelajar yang duduk tempat *parking* basikal. Jadi ini sudah pasti mereka memerlukan bangunan lain. Saya lihat tanahnya ada, tempatnya ada, pelannya ada tetapi mungkin duit tidak dapat lagi.

Satu lagi di sebuah kampung namanya Kampung Sama Gagah. Mereka tidak ada bangunan langsung dan mereka tumpang di tepi masjid. Baru-baru ini saya lihat mereka telah berpindah dan tumpang di sekolah kebangsaan di kampung itu. Jadi saya sangat berharap Menteri dapat fikirkan bagaimana kita dapat wujudkan dan mantapkan sekolah agama rakyat di tempat kita.

Terima kasih Menteri.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri ada beritahu berkenaan dengan bantuan kepada SABK yang dapat bantuan sama seperti mana sekolah-sekolah di arus perdana.

Persoalan saya ialah, aduan yang sampai kepada saya, guru-guru yang mengajar subjek STAM atau Sijil Tinggi Agama Malaysia, mereka ini tidak diberikan peruntukan gaji, sebaliknya mereka itu mendapat gaji daripada sekolah ataupun daripada jabatan agama.

■1630

Saya minta untuk pengesahan dan kalau ini berlaku, maka kita harapkan supaya dapat diperbetulkan. Ini kerana STAM ini ialah subjek yang diiktiraf oleh kementerian. Tiba-tiba bajet untuk gurunya tidak didapati. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rantau Panjang bangun Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan begitu juga soalan saya yang asal yang dalam perbahasan berkaitan dengan sekolah agama rakyat. Saya mengharapkan supaya penyelarasan yang lebih baik dibuat terutama dari sudut penempatan guru. Maklumat yang kita terima daripada sekolah bantuan kerajaan ini, daripada sekolah-sekolah agama bantuan kerajaan ini, penghantaran guru tidak mengikut keperluan sekolah sebab sekolah itu sudah ada guru di peringkat negeri, contohnya yang telah sedia. Tiba-tiba kementerian hantar lagi tambahan guru yang mana berlaku, contoh lebihan guru daripada beberapa subjek. Ini saya dapat aduan daripada pihak sekolah sendiri. Jadi, ketidakseimbangan penyelarasan, mungkin perkara ini boleh diselaraskan dengan lebih baik di masa akan datang.

Seterusnya, berkaitan dengan sekolah pondok. Jadi, institusi pengajian agama seperti mana disebut oleh sahabat kita tadi mendapat sambutan yang cukup baik daripada ibu bapa. Jadi, harapan kita supaya kerajaan mengambil perhatian sepenuhnya sama ada sekolah pondok, sekolah agama rakyat dan sebagainya supaya ia dapat diselaraskan, dapat *diupgraden* supaya dapat memberi penyelesaian terhadap isu yang ada sekarang ialah apabila ibu bapa tidak puas hati dengan aliran kebangsaan yang tidak dapat melahirkan anak-anak yang mempunyai mutu nilai akhlak yang berkualiti. Ini menyebabkan ramai ibu bapa memilih sekolah agama sebagai pilihan mereka. Jadi, apa perancangan pihak kementerian, khususnya dari segi pendidikan negara pada masa akan datang. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada rakan-rakan. Yang pertamanya daripada Bagan Serai sebentar tadi iaitu berkaitan pemerksaan sekolah agama rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita telah sedia maklum bahawa sejak dari tahun 2004, kerajaan mengambil pendekatan yang agak lebih bersistematik ataupun mengambil pendekatan berdasarkan kepada untuk menguruskan sekolah-sekolah agama rakyat yang oleh kerana ramai daripada kalangan anak-anak kita dan saya sendiri datang daripada sekolah-sekolah yang bentuk seperti ini. Maka, kita melihat atas keperluan pemerksaan tersebut, kita faham juga di Bagan Serai termasuk juga Rantau Panjang, di Bukit Gantang yang disebutkan juga bahawa di sekolah-sekolah ini ada masalah tentang prasarana bangunan, masalah guru, masalah latihan, masalah buku-buku teks pengajian, masalah anak-anak pelajar kita yang kurang mendapat pendekatan dalam konteks yang bersistematik dalam pengajian mereka. Maka, atas sifat itulah satu perkara yang saya mengajak bersama termasuk daripada Yang Berhormat Bagan Serai dan rakan-rakan sebelah sana untuk kita saling memberikan kefahaman, khususnya kepada sekolah-sekolah agama ini.

Yang menjadi masalah sekolah-sekolah ini selain daripada atas nama sekolah agama rakyat, atas nama sekolah agama negeri yang masih lagi terbatas kemampuan dari sudut menyalurkan dana kewangan, ditambah pula dengan sekolah-sekolah agama persendirian yang juga seperti mana yang disebutkan tadi ada tempat tetapi tempat terlalu daif, ada pelajar yang ramai tetapi tidak mencukupi tempat dan sebagainya untuk supaya sekolah ini berdaftar di bawah SABK. SABK ini ialah sekolah agama bantuan kerajaan. Yang menjadi satu kekangan ataupun kadang-kadang ada juga di sana kesilapan faham di banyak pihak apabila sebut sekolah agama bantuan kerajaan (SABK), dia kata sekolah agama serah kepada kerajaan.

Jadi, apabila serah kepada kerajaan itu, seolah-olah semacam kalau dia daripada kelompok pembangkang dan sebagainya, dia merasakan bahawa maruahnya itu terasa tercabar. Jadi, maka sebab yang demikian menyebabkan pandangan-pandangan yang seperti ini, berlakulah penolakan ke atas apa yang telah disebutkan bahawa mereka tidak bersetuju untuk masuk.

Akan tetapi sebenarnya, maksud SABK itu ialah bukan soal penolakan, bukan soal pengambilan tetapi sebenarnya ialah untuk membantu sekolah-sekolah tersebut. Saya melihat di kawasan terutamanya kawasan yang berdekatan di negeri Kedah sebagai contoh. Ada beberapa buah sekolah yang boleh saya bagi bandingkan di antara Sekolah Bukit Besar hari ini dan Sekolah Agama Gurun yang satu ketika dulu berada dalam keadaan yang cukup daif. Akan tetapi bila mana mereka berdaftar dengan SABK, sekolah agama bantuan, prasarana juga telah dipertingkatkan, guru-guru telah dihantar untuk mengajar di sana dengan guru yang mempunyai tauliah daripada keluaran universiti dalam bidang pendidikan dan mempunyai diploma pendidikan.

Ini di antara yang kita harapkan supaya peranan ini bukan sahaja di pihak kerajaan, di pihak rakan-rakan sebelah sana juga untuk memainkan peranan menasihati. Oleh sebab saya hendak puji Kelantan ini bilamana kerajaan memperkenalkan SABK, hampir semua sekolah agama yang berada di Kelantan di bawah yayasan terutamanya telah mendaftar di bawah SABK dan mereka mendapat bantuan-bantuan yang seperti ini. Dalam erti kata mudah, dalam hal pendidikan kita tidak mempolitikkan hal pendidikan ini untuk semua dan juga untuk rakyat. Di samping yang sama, berhubungan dengan soalan yang berkaitan dengan Yang Berhormat Bukit Gantang, STAM di mana guru-guru yang mengajar STAM ini tidak diberikan bajet ataupun gaji kepada guru-guru STAM ini tidak dibayar. Saya mendapat maklumat yang diberikan kepada saya bahawa STAM telah dijadikan kokurikulum kebangsaan mulai tahun 2012. Jadi, pihak KPM sedang menyelaras keperluan dan juga untuk guru-guru di SABK yang mengajar bagi pendidikan kepada peringkat sijil tinggi agama (STAM).

Jadi *Insyallah*, apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gantang sebentar tadi diambil perhatian dan juga akan diambil tindakan bagi menyelesaikan masalah ini. Oleh sebab sebelum daripada ini, belum lagi berada dalam pendaftaran kepada kokurikulum kebangsaan. Walaupun peperiksaan STAM ini telah pun berjalan begitu lama untuk diterima serap untuk guru-guru ini dibayarkan gaji yang sepatut dan sewajarnya.

Yang Berhormat Rantau Panjang telah menyebut tentang soal sekolah agama rakyat...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Ya.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berminat dengan penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya hendak bertanya sedikit mengenai soal silibus dalam sekolah-sekolah agama, terutamanya di bawah Kerajaan Persekutuan sama ada SMKA ataupun SABK. Kita tahu bahawa kebanyakan sekolah agama kita sekarang ini telah meliputi, dalam silibusnya silibus akademik dan silibus agama. Dalam silibus agama ini, antara yang diberikan penekanan ialah soal mata pelajaran berkaitan Akidah, Syariah dan juga Akhlak. Sebagai contohnya, dalam aspek Syariah ini ada diajar mengenai hukum-hukum dan juga perundangan Islam.

Jadi, persoalan yang saya hendak tanya, adakah kerajaan bercadang untuk menambah atau menambak baik silibus sekolah-sekolah agama ini dengan memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar sekolah agama ini sistem perundangan negara sendiri. Mungkin dengan itu mereka boleh membuat sesuatu *comparison* ataupun perbandingan. Ini hukum-hukum dan sistem perundangan Islam yang ditetapkan oleh agama dan ini adalah sistem perundangan negara yang juga menitikberatkan soal agama tetapi ada aspek-aspek lain yang perlu difahami oleh pelajar. Saya mohon penjelasan, terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Bharu dan sebelum saya pergi kepada Yang Berhormat Kota Bharu, saya ingin menjelaskan Yang Berhormat Rantau Panjang tadi berkenaan dengan sekolah agama rakyat iaitu penempatan guru. Saya bersetuju kalau mungkin di sana ada penghantaran yang lebih. Kalau lebih itu patutnya Yang Berhormat Rantau Panjang kita terima kasih, *buh lebih biaoq pi la kat dia kan?* Akan tetapi apa pun ini bukan soal untuk kita hendak lebih tetapi kita hendak supaya penyelarasan dibuat bagi penghantaran tersebut dengan mengambil perhatian untuk supaya di sekolah agama rakyat ini tidak berlaku penempatan guru-guru yang terlebih pada tempat yang sepatutnya.

Berbalik kepada soal untuk pondok tadi, buat masa sekarang, saya juga hendak mengajak kepada Ahli Yang Berhormat supaya mengajak kepada anak-anak kita dan juga kepada pengurus-pengurus ataupun pentadbir-pentadbir yang mengendalikan sekolah-sekolah pondok ini supaya berdaftar di bawah kerajaan negeri masing-masing.

■1640

Sebab saya tengok sekarang daripada jumlah pondok yang baru berdaftar, baru hanya 91 buah pondok. Ini yang berdaftar dengan kerajaan negeri masing-masing dalam erti kata melalui Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing. Jadi saya nampak tidak banyak daripada jumlah yang didaftarkan sedangkan daripada perbincangan yang ditimbulkan banyak sekolah yang ada daripada kawasan Parlimen Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tetapi buat masa sekarang daripada pengamatan kita hanya 91 *feedback* yang kita dapat daripada Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing.

Selain daripada itu juga daripada Yang Berhormat Kota Bharu tadi iaitu berkenaan dengan *syllabus* dan juga kurikulum akademik dan juga kurikulum agama. Dwi kurikulum ini iaitu Dini dan juga termasuk akademik yang ada di sekolah ini saya boleh amat bersetuju kalau Yang Berhormat Kota Bharu hendak mencadangkan tadi supaya kurikulum agama itu ditambah baik lagi untuk anak-anak kita di sekolah itu didedahkan dengan mata pelajaran yang termasuk berkaitan dengan undang-undang Islam. Walaupun mungkin barangkali ini diajar di peringkat universiti yang berkaitan dengan Fiqh Jina'i dan sebagainya. Tetapi mungkin di peringkat asas ini juga harus diberikan penekanan kepada mereka selain daripada akidah, syariah dan juga akhlak.

Yang terkandung di bawah syariah itu termasuk hal yang berkaitan dengan perundangan. Yang terkandung dalam perundangan itu termasuk Islam yang berkaitan hudud, ta'zir dan juga qisas. Tentunya pendedahan awal akan lebih memberikan kekuatan untuk anak-anak ini dapat memahami tentang perundangan Islam untuk masa hadapan mereka dan sebagainya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Bharu dengan pandangan tersebut.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Temerloh bangun.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Silakan.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sedikit saya ingin mendapat penjelasan berkait dengan isu sekolah agama rakyat khususnya yang berkait dengan institusi pengajian pondok. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa perlu didaftarkan kepada pihak kerajaan negeri. Apakah jika sekiranya institusi pondok ini ataupun sekolah agama rakyat ini maka mereka dinafikan hak dan juga peluang untuk mendapatkan bantuan. Itu yang pertama.

Kemudian antara yang menjadi igauan ataupun yang menjadi persoalan kepada institusi pengajian ini ialah apabila mereka berdaftar kepada kerajaan negeri bawah jabatan agama dan seumpamanya mereka bimbang nanti akan berubah *syllabus* pengajian ataupun format pengajian yang mereka warisi sejak sekian lama. Mereka mahu mengekalkan format yang telah sedia ada. Jadi apakah dengan mendaftarnya nanti ia akan mengganggu *syllabus* asal sehingga memaksa memasukkan *syllabus* tertentu yang ditetapkan oleh pihak jabatan agama ataupun pihak kerajaan negeri. Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Sedikit lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu berkenaan dengan yang disebut tadi ialah ada kebimbangan dari sekolah-sekolah yang tidak hendak jadi SABK. Sebab itu antara bendanya ialah mereka bimbang takut jadi macam SMKA kerana semua subjek ini ia akan bertukar yang hanya bahasa Arabnya hanyalah bahasa Arab sahaja sedangkan subjek Sejarahnya, Tarikh, Feqah, Tauhid tidak diajar di dalam bahasa Arab seperti mana Yang Berhormat Menteri sendiri yang pernah melalui sewaktu di Maktab Mahmud. Kita belajar lebih kurang hampir dekat 70% hingga 80% semuanya subjek dalam bahasa Arab. Dengan sebab itu saya mengharapkan supaya kalaulah ini dikekalkan subjek Dini ataupun subjek ini dikekalkan dengan 80% ataupun 70% pengajiannya di dalam bahasa Arab maka ini tidak menimbulkan rasa kebimbangan sangat.

Yang keduanya ialah berkenaan dengan pondok yang kata 91 pondok berdaftar. Bagaimana cara untuk dapat bantuan ini sama ada berdasarkan kepada per kapita ataupun berdasarkan kepada *one-off* yang diberikan untuk setiap pondok tadi? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Temerloh. Berkenaan dengan 91 buah pondok yang telah pun berdaftar sebagaimana yang telah dinyatakan sebentar tadi saya ingin memberikan perbezaan. Sebenarnya 91 yang berdaftar ini dalam erti kata bukan berdaftar sebagaimana SABK. Daftar dengan kerajaan negeri dalam erti kata melalui jabatan agama ialah untuk tujuan disenarainamakan mereka ini bagi tujuan memudahkan penyaluran bantuan-bantuan yang hendak disampaikan. Berbeza dengan pendaftaran untuk SABK tadi iaitu untuk didaftarkan di bawah tujuan mereka ini ada satu perjanjian secara bersama untuk dipersetujui bersama kerana ada beberapa syarat yang tertentu yang diikat melalui SABK.

Jadi yang pondok tadi ialah untuk tujuan pendaftaran bagi senarai nama mereka itu dinamakan dan mudah untuk dikenal pasti tempat-tempat saluran. Dalam erti kata yang lain pula bukanlah tujuan bila mereka tidak daftar itu, mereka dinafikan untuk mendapat bantuan. Jadi mereka kena cepat segera sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa yang akan menyalurkan bantuan kepada sekolah-sekolah pondok berdasarkan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan selaku Perdana Menteri ialah untuk tujuan mengambil kira jumlah yang telah pun berdaftar sedia ada dan kalau ada yang lain diberikan pertimbangan-pertimbangan dan penyalurannya ialah melalui Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Bukit Gantang tadi telah menimbulkan SABK bahawa kebimbangannya ialah kurikulum yang dwi kurikulum iaitu akademik dan juga Dini. Saya faham bahawa menjadi kebimbangan mereka ialah soal Dini ini adakah ia dikurangkan mata pelajaran ataupun *maddahnya* ataupun dikurangkan mata pelajaran-mata pelajaran tertentu yang dihilangkan. Sebenarnya saya juga bersetuju bahawa ada perkara-perkara yang perlu dirundingkan.

Namun saya melihat jalan penyelesaian yang ada untuk tujuan SABK ini, hal itu boleh dipraktikkan juga dalam mata pelajaran yang sedia ada tetapi kalau memerlukan mungkin pada setiap hari tambahan masa satu jam ataupun satu jam lebih dibuat setelah menyelesaikan mata pelajaran-mata pelajaran yang telah dipersetujui bersama kemudian ditambah pula dengan mata pelajaran yang tambahan yang terasa mungkin pada sekolah tersebut dia ada mempunyai satu maddah mata pelajaran yang hendak dijadikan sebagai juga mata pelajaran teras kepada sekolah tersebut, maka ini boleh dirundingkan tambahan masa yang telah diambil awal persetujuan. Bukan persetujuan bukan hanya dengan guru-guru tetapi dengan ibu bapa termasuk pelajar.

Jadi maknanya jalan rundingnya ada bagi penyelesaian yang menjadi halangan kepada pendaftaran di bawah SABK. Di samping itu, kalau balik kepada soal sekolah-sekolah pondok itu tadi bahawa sekolah-sekolah pondok ini kita amat mengharapkan nanti kalau bilamana didaftarkan dengan pihak Jabatan Agama Islam Negeri, maka ini akan dapat memudahkan bagi kita menyalurkan peruntukan kepada sekolah-sekolah pondok tersebut.

Saya akan pergi kepada Yang Berhormat Kubang Kerian untuk yang telah menyeru JAKIM dan pihak berwajib melakukan sesuatu yang lebih baik dalam menjaga keharmonian dan penyampaian berkaitan agama di negara ini. Kerajaan melalui JAKIM sebagai agensi penyelarasan bagi hal ehwal Islam bertanggungjawab untuk menjaga keharmonian masyarakat umum yang diterjemahkan melalui penjelasan terhadap isu-isu berkaitan akidah, syariah, muamalah dan juga isu-isu halal, kefatwaan dan lain-lain. Penerangan dan penyampaian tersebut telah disebarluaskan melalui pelbagai medium seperti penggunaan media cetak dan media elektronik, penganjuran seminar, forum, dialog dan juga muttaka dan sebagainya bagi memberikan kefahaman yang jitu dan tuntas kepada masyarakat awam berhubung isu-isu yang dibangkitkan.

JAKIM juga turut merangka program yang menjurus kepada perhubungan antara masyarakat Islam dengan bukan Islam. Antara program yang dilaksanakan ialah seperti ziarah dan lawatan ke rumah-rumah dan institusi-institusi berkaitan, menjalankan aktiviti pengukuhan agama melalui kelas-kelas pengajian, seminar dan diskusi agama serta program penerapan nilai-nilai Islam kepada agensi-agensi kerajaan dan masyarakat Islam.

JAKIM juga telah memperkemas hubungan kerjasama pintar ataupun *Smart Partnership* dengan izin dengan badan bukan kerajaan, NGO Islam agar segala gerak kerja dakwah dapat dijalankan lebih berkesan berteraskan konsep wahdatul fiqh, kesatuan berfikiran dan wahdatul amal iaitu kesatuan amal.

■1650

Atas keperluan ini, JAKIM telah mengambil pendekatan dengan menubuhkan sekretariat NGO Islam yang akan menjadi platform ke arah mewujudkan kerjasama pintar dalam program-program dan tugas-tugas dakwah. Usaha tersebut bertepatan dan selaras dengan konsep kesyumulan Islam dalam memelihara kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Justeru, program-program yang dilaksanakan adalah berteraskan konsep wasatiyyah dapat memperkukuh dan membantu kerajaan bagi mencapai hasrat untuk menjaga keharmonian dan perpaduan masyarakat di negara ini.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Barat membangkitkan isu pertukaran agama anak bawah umur 18 tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Temerloh bangun Yang Berhormat.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi Yang Berhormat Menteri. Menyentuh soal pemerksaan gerak kerja dakwah di negara kita Malaysia. Apakah pihak kementerian memantau dan memerhati beberapa keadaan yang saya lihat tercetusnya provokasi dan akhirnya memberikan satu gambaran yang salah kepada beberapa NGO yang menjalankan gerak kerja dakwah. Sebagai contoh yang terbaharu yang melibatkan sebuah NGO Yayasan Amal Malaysia cawangan Sarawak yang telah difitnah kononnya telah membayar sebanyak RM6,000 kepada mereka yang mahu menganut agama Islam dan pihak Yayasan Amal telah pun membuat *police report* dan menafikan perkara itu.

Akan tetapi malangnya beberapa aktiviti Yayasan Amal untuk mengadakan ziarah dan mahabbah kepada kawasan-kawasan Islam di pedalaman telah pun dihalang oleh pihak Jabatan Agama Islam Sarawak. Jadi, apakah kementerian menyedari perkara ini dan bagaimanakah untuk bertindak adil supaya tidak nanti usaha-usaha murni itu akhirnya terfitnah hanya kerana ada beberapa provokasi dan juga fitnah yang dilemparkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Temerloh. Bagi pihak kerajaan, kita mengambil perhatian yang tinggi dan merasai sensitiviti yang tinggi bila mana ada NGO-NGO dan juga yayasan-yayasan yang diwujudkan. Apatah lagi yang bukan bersifat untuk mencari keuntungan tetapi ialah gerak kerja ke arah untuk memberikan kesedaran, membina akhlak, membina budi pekerti, membina ketamadunan dan apatah lagi ke arah untuk menyeru kepada jalan kebenaran Islam yang sebagaimana yang sewajarnya yang juga didukung di dalam perlembagaan negara. Tentunya kita merasakan apabila usaha-usaha murni ini yang dilakukan ke arah untuk mengajak jalan kebaikan menuju kebenaran dan juga mencari untuk membina akhlak dan budi pekerti masyarakat dan juga kelangsungan untuk kita membangunkan ummah negeri dan juga negara yang kalau sekiranya berlaku yang sedemikian, ia akan memberikan impak yang negatif kepada kita. Kesan provokasi ini sama ada ia dilakukan dalam bentuk dalaman ataupun daripada pihak luaran yang sengaja menimbulkan kesengajaan ini, adalah amat tidak wajar dan tidak patut.

Namun, walau bagaimanapun, yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Temerloh sebentar tadi, kita mengambil perhatian yang tinggi. Kalau di Sarawak sana ada yayasan yang telah pun diprovokasikan secara negatif sehingga tidak dibenarkan untuk bergerak, mereka melaksanakan aktiviti yang benar. Apa sekalipun bagi pihak kerajaan, kita akan mendapat maklumat nanti kemudian yang tidak ada pada saya pada waktu ini, kedudukan sebagaimana Yayasan Amal yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah menjelaskan satu sikap yang cukup baik dalam menyebarkan Islam iaitu kesederhanaan ataupun yang disebut tadi wasatiyyah. Cuma saya ada beberapa persoalan yang kemungkinan persoalan itu juga melibatkan komitmen pihak JAKIM sendiri dalam berhadapan dengan jalur Islam hari ini yang bergerak secara ekstrem dalam pandangan-pandangannya terhadap membina masyarakat yang pelbagai. Ini termasuk juga maklumat yang kita terima bahawa ada semacam satu *indoctrination* dalam kalangan orang Islam terhadap fahaman yang boleh dianggap boleh menjurus kepada ekstremisme, bukan menjurus kepada kesederhanaan seperti mana yang disebutkan.

Sempena soalan itu juga saya minta pihak JAKIM memberikan apakah pendekatan yang dilakukan dalam membawa Islam ini kerana kalau kita melihat hubungan dengan bukan Islam, mungkin kadangkala pandangan dan persepsi cara JAKIM membawa Islam itu kadangkala boleh dianggap sebagai terlalu *rigid* tanpa melihat keluasan Islam khususnya dalam bab rampasan *Bible*, walaupun ia bukan hak JAKIM tetapi itu telah memberi satu persepsi yang agak negatif bahawa Islam itu tidak dilihat sebagai agama yang *tolerant*

kepada yang lain. Saya minta juga dan saya telah jelaskan dalam ucapan saya dahulu bahawa tindakan-tindakan ekstrem sebegini bukan mewakili pandangan Islam yang sebenarnya dan tidak dibuat atas nama Islam.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Buntar yang secara umumnya memohon untuk supaya Islam disebar. Apatah lagi bagi pihak kerajaan yang di sana JAKIM yang bertanggungjawab untuk menjadi faktor yang lebih berada di hadapan dalam menjelaskan dan menyampaikan Islam. Kita sebenarnya daripada awal sebab itu daripada peringkat sejarah Islam dibawa dalam konteks negara kita Malaysia adalah bersifat bersederhana. Ditambah kukuhkan lagi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib telah pun meletakkan asas gerakan bukan hanya sekadar untuk dalam konteks dakwah dan agama tetapi termasuk segala macam, baik dalam membangunkan ekonomi, politik, sosial, pendidikan dan segala yang ada dalam konteks negara ialah berasaskan kepada konsep yang dinamakan wasatiyyah. *[Berucap dalam bahasa Arab]* Konsep kesederhanaan, konsep sederhana berimbang ini menjadi salah satu daripada neraca perimbangan dan juga salah satu mekanisme pentadbiran negara dalam menguruskan bukan hanya dalam konteks dakwah semata-mata tetapi berada dalam semua segenap segi dimensi dalam pemerintahan kerajaan.

Saya mengambil kira Yang Berhormat telah sebutkan tadi bahawa ada di sana gerakan-gerakan yang tidak kiralah sama ada NGO ataupun dalam bentuk badan-badan ataupun perorangan individu yang bergerak secara ekstrem sebab balik kepada persoalan yang saya sebutkan dan ayat kita sama-sama imani itu, ia tidak sepatutnya sebagai seorang umat Islam membawa kepada ajaran dan juga pendekatan yang bersifat ekstrem. Apatah lagi Islam itu bahawa bukan dengan pendekatan yang paksaan, Islam bukan dalam erti kata memaksa. Begitu juga pendekatan ekstrem yang boleh menjauhkan mereka dalam memahami Islam yang sebenarnya yang indah dan cantik itu. Apatah lagi kepada yang bukan Islam, sebenarnya Islam mengajar bahawa kita menyantuni daripada semua pihak, Islam, bukan Islam dan makhluk-makhluk ciptaan Allah SWT.

Maka sebab itulah kalau kita melihat bahawa dalam pendekatan yang apa sahaja sekalipun, kita juga kena faham dalam konteks tindakan undang-undang yang berkaitan dengan agama Islam dan juga untuk pencegahan, ia tertakluk kepada undang-undang yang telah pun sedia wujud di bawah enakmen-enakmen negeri masing-masing. Kalau kita dapat melihat secara telus dan jelas, Perlembagaan telah memberikan peruntukan di bawah perkara 3(ii) bahawa Islam adalah di bawah kuasa Raja-raja negeri masing-masing yang diperturunkan melalui negeri-negeri dan juga jabatan majlis agama Islam negeri masing-masing. Jadi sebarang tindakan perundangan, ia tidak terkait dengan pihak JAKIM tetapi ia adalah di bawah kuasa dan bidang peruntukan yang mutlak daripada kuasa negeri masing-masing.

Berbalik kepada soal ekstrem, saya juga mengharapkan bahawa Islam ia tidak datang secara yang begitu kasar, Islam tidak ada secara yang semberono tetapi Islam datang dalam suasana yang disebutkan bahawa *[Berucap dalam bahasa Arab]* "Dengan rahmat, nikmat Allah SWT, kamu Muhammad telah menjadi begitu halus budi pekerti, indah

perbahasaan yang digunakan, ungkapan yang baik. Maka sebab itu mereka menjadi lembut kepada kamu”.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Barat membangkitkan isu pertukaran agama anak berumur 18 tahun dan jawapan bertulis kepada pertanyaan lisan pada 11 Jun 2014 dan 17 Jun 2014 yang dikatakan berbeza serta apakah komitmen kerajaan dan bilakah undang-undang berkaitan dipinda?

■1700

Suka saya jelaskan bahawa pertanyaan lisan Yang Berhormat Puchong pada 11 Jun 2014 adalah berkaitan tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah kes-kes cerai sivil dan hak-hak penjagaan anak di mana salah seorang daripada suami isteri memeluk agama Islam. Saya telah menyatakan, memandangkan ketiga-tiga undang-undang berkaitan iaitu Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] melibatkan undang-undang kuasa Kerajaan Persekutuan dan juga negeri-negeri serta menyentuh kepentingan masyarakat beragama Islam dan bukan Islam. Maka, kerajaan berusaha mewujudkan mekanisme terbaik bagi menyelesaikan masalah tersebut dengan mengambil kira kedudukan kedua-dua Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah di samping tetap memelihara kuasa-kuasa negeri dalam hal berkaitan agama Islam sebagaimana yang diperuntukkan oleh perlembagaan.

Manakala, pertanyaan Yang Berhormat Ipoh Barat pada 17 Jun 2014 pula bertanya bilakah kerajaan akan membuat perubahan undang-undang yang akan mengimplementasikan ke atas keputusan Kabinet pada tahun 2009 supaya tidak membenarkan pengislaman anak-anak tanpa mendapat keizinan daripada ibu dan bapa. Saya telah menjawab bahawa kerajaan menyedari permasalahan agama anak yang berbangkit daripada pemeluk agama Islam oleh salah seorang ibu ataupun bapa berkenaan dengan pemeluk Islam anak-anak yang berumur bawah 18 tahun.

Dalam hal ini, apa-apa penyelesaian yang hendak dibuat perlu merujuk juga kepada peruntukan perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan di mana agama bagi anak yang berumur di bawah 18 tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapa atau penjaganya. Lebih lagi pengkhususan dalam kes Subashini a/p Rajasingam lawan Saravanan a/l Thangathoray [2008] 2 MLJ 147, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa berdasarkan perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan, persetujuan salah satu pihak sahaja adalah memadai dalam penentuan agama seorang kanak-kanak kerana perkataan yang digunakan dalam perkara 12(4) itu adalah '*parent or guardian* bukannya '*parents or guardians*' yang mana bermaksud ibu atau bapa atau penjaga.

Merujuk kepada jawapan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Ipoh Barat tersebut, maka tidak timbul isu perbezaan jawapan kerana jawapan yang diberikan adalah berdasarkan kepada perkara dan persoalan yang berbeza.

Berhubung dengan pindaan undang-undang berkaitan Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Pentadbiran Undang-undang

Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*] dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [*Akta 303*], pada masa ini usaha rundingan semula sedang dijalankan dengan negeri-negeri dalam usaha mencari penyelesaian terhadap kes-kes hak penjagaan anak membabitkan pasangan di mana salah satu daripada ibu atau bapanya memeluk agama Islam.

Dalam kes hak jagaan anak, pertimbangan utama yang perlu diambil perhatian adalah kebajikan kanak-kanak tersebut walaupun pihak ibu atau bapa yang terlibat juga turut mempunyai kepentingan. Dalam penjagaan kanak-kanak, kepentingan kanak-kanak lebih mengatasi kepentingan pihak-pihak yang lain sama ada ibu atau bapa atau penjaga. Dalam hal ini, kerajaan sedang meneliti semua sudut secara holistik dengan mengambil kira kepentingan dan keadilan semua pihak demi menjaga kepentingan masyarakat Islam dan bukan Islam.

Walau bagaimanapun, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa segala pandangan dan cadangan perkara yang membabitkan agama Islam adalah hak mutlak pihak berkuasa negeri-negeri sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada isu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Barat bangun.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini dua hal Yang Berhormat Menteri. Satu, mengenai interpretasi '*parent*'. Itu salah tafsir bila menggunakan kes Subashini kerana ia telah ditolak pandangan kes tersebut. Saya sendiri telah memberitahu melalui media bahawa '*parent*' mengikut *article* 15 bukan dibaca *singularly*, perlu dibaca sebagai *plural*. Itu adalah interpretasi dan berapa kes di negara ini. Kes yang dirujuk oleh Yang Berhormat, dengan rendah diri saya hendak katakan adalah tidak terpakai. Itu nombor satu.

Kedua, saya terima baik pandangan bahawa ada *holistic approach* dalam penukaran agama kerana ini menjadi satu masalah yang sangat besar. Saya harap satu tindakan susulan diambil dengan seberapa segera yang boleh kerana perkara ini telah lama wujud dan masalah yang berbangkit. Ramai keluarga terlibat dalam hal ini.

Sejak dahulu pada tahun 2009, bila saya membangkitkan perkara itu dan kerajaan menubuhkan satu komiti yang khas. Akan tetapi sehingga sekarang tidak ada apa-apa resolusi yang tertentu mengikut pandangan komiti tersebut iaitu undang-undang akan dibawa ke Parlimen untuk membawa perubahan. Jadi, bilakah perkara-perkara itu akan dijalankan?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Ipoh Barat, saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat tadi bahawa rujukan berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan itu tidak terpakai dalam kes ini. Walau bagaimanapun, buat masa sekarang kerajaan berpegang kepada keputusan yang telah pun diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan berdasarkan kepada...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Mungkin saya boleh tolong...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Nanti. Saya habiskan sekejap, saya beri berdiri. Saya beri laluan kepada Yang Berhormat, beri saya habis sekejap.

Kerajaan mengguna pakai bahawa keputusan yang dibawa kepada Mahkamah Persekutuan dalam mentakrifkan maksud dan perkataan '*parent*' dalam pengertian adakah kedua pihak ataupun satu pihak. Jadi, dalam buat masa sekarang, sebarang pertikaian yang dipertikaikan oleh mana-mana pihak, kita berpegang kepada keputusan yang diputuskan oleh pihak mahkamah. Buat masa sekarang, mahkamah yang tertinggi yang memutuskan kepada keputusan tersebut adalah Mahkamah Persekutuan. Jadi dalam hal ini, kerajaan berpegang kepada keputusan yang diambil tersebut. Jadi sebab itu, ini pegangan kita.

Keduanya, berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat supaya kita mengambil pendekatan yang holistik ataupun mengambil pendekatan yang penyelesaian dalam hal-hal yang berkaitan dengan penjagaan anak dan juga untuk tujuan pemeliharaan anak bagi ibu bapa yang salah seorang daripada mereka itu masuk kepada agama Islam. Jadi, sebagaimana yang saya jelaskan awal tadi bahawa pertimbangan yang paling tinggi ialah berdasarkan kepada kebajikan, kepentingan anak-anak tersebut, bukan salah seorang daripada ibu atau bapa mereka. Jadi, mahkamah memutuskan berdasarkan kepada itu.

Namun walau bagaimanapun, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa untuk pendekatan holistik ini, saya balikkan kepada tadi bahawa peruntukan yang ada dalam peruntukan soal penjagaan anak-anak dan juga termasuk kepada *conversion* termasuk hal yang berada di bawah kuasa negeri masing-masing. Di peringkat sama ada Kabinet ataupun Parlimen, tidak boleh mengarahkan kuasa yang telah diperuntukkan oleh peringkat negeri yang telah diberikan kuasa oleh perlembagaan, terutamanya di bawah perkara 3(2) iaitu Agama Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri masing-masing.

Di bawah kuasa inilah, maknanya kalau sekiranya kita mengambil pendekatan ialah kita mengadakan perjumpaan, memberikan pandangan dan juga mencadangkan kepada negeri-negeri supaya mereka mengadakan pindaan-pindaan yang bersesuaian bagi menangani masalah ini.

Namun walau bagaimana sekalipun, pandangan daripada peringkat sama ada Kabinet sekalipun, ia amat tertakluk kepada negeri masing-masing dalam memutuskan sama ada mengadakan pindaan ataupun tidak. Namun bagaimana sekalipun, sebagaimana yang saya sebutkan bahawa kita sedang mengusahakan sampailah sekarang supaya pihak negeri mengambil langkah untuk tujuan sama ada mencari penyelesaian yang terbaik kepada kes dan juga hal yang berkaitan perkara ini. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Menteri. Tahun dahulu 2013, ada satu rang undang-undang yang dibawa ke Dewan Rakyat tetapi telah ditarik balik oleh kementerian kerana reaksi masyarakat adalah pandangan dan interpretasi '*parent*' dan '*parents*' adalah berbeza. Ini kerana bila kita mula *Federal Constitution* pada tahun 1957, makna '*parent*' itu adalah *plural* bukan *singular*. Kes yang disebut itu perlu dianalisa dan kes-kes yang sedia ada yang *in detail* di mana *parent* itu dikatakan bukan *singular but plural*. Itu nombor satu.

■1710

Kedua, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, kita sudah lebih kurang tujuh tahun perkara ini telah dibangkitkan. *No political will, no seriousness*. Kita hendak selalu dalam satu *committee* demi satu *committee*, tahun 2009 satu *committee*, dulu satu *chairman*, sekarang dua *chairman*, nampaknya ada cara dan macam-macam polisi yang baru tetapi tidak ada. *No meaning to the people who are affected*. Itu yang kita kuarir. Orang tanya apa guna ada Parlimen, apa guna undang-undang, *it doesn't bring any benefit but more conflict than rationality*.

Jadi ini yang kita perlu, *because* kita rasa ramai di antara orang yang menukar agama itu ada sebab-sebab yang tertentu. Macam kes-kes yang ada, *none out of the 10*. *These are bad apples* yang perlu untuk mengatasi masalah ini. Dalam hal ini Yang Berhormat Menteri, tidak ada masalah di negara Islam yang terbesar di dunia di Indonesia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No problem* di India. Seramai 200 juta di Indonesia tidak ada *problem*, kenapa? Ada undang-undang yang tertentu. Kenapa kita tidak boleh pakai undang-undang tersebut? *Don't go very far*. Ambil bas pergi ke *Singapore*, *you can find the answer*, ada undang-undang yang tertentu. *No need to go very far*, semua ada tetapi *no political will* untuk membawa perpaduan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi terus Yang Berhormat Menteri atau sebentar?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Bagi, bagi, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berada di luar tetapi apabila timbul isu ini, saya berminat untuk mengambil bahagian.

Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, saya rasa isu ini semenjak saya belajar undang-undang isu ini sudah timbul. Saya rasa sudah banyak kertas yang ditulis. Isunya ialah pertembungan bidang kuasa dua mahkamah iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah khususnya dalam berkaitan dengan isu perkahwinan di mana salah satu pihak daripada yang melangsungkan perkahwinan itu masuk Islam.

Saya rasa Yang Berhormat Menteri, saya punya pandangan ialah, oleh sebab perkahwinan yang pertama itu, *the original marriage* itu dengan izin, dilangsungkan atau *solemnize* di bawah undang-undang sivil, *Law Reform Act*, jadi saya merasakan apa sahaja yang timbul daripada perkahwinan itu sama ada penceraian kah, *custody* kah yang dipanggil *ancillary matters* itu mestilah diselesaikan di Mahkamah Sivil. Itu pandangan saya. Ini kerana walaupun... Saya rasa orang Islam tidak perlu takut walaupun diselesaikan di mahkamah.

Sekarang ini yang timbul kena pergi ke Mahkamah Syariah kerana kelemahan seksyen 51 itu di mana pihak yang masuk Islam itu, mereka kalau dia seorang isteri, dia tidak boleh hendak dapatkan penceraian sebab suami masih lagi bukan Islam. Kalau suami tidak

bawa ke Mahkamah Sivil, tidak boleh cerai. Itu yang timbul pergi ke Mahkamah Syariah. Sebaliknya begitu juga. Kalau suami yang masuk Islam, begitu juga ada masalah.

Jadi saya mencadangkan seksyen 51 itu mesti dipinda bagi membolehkan segala masalah yang timbul daripada perkahwinan yang dilangsungkan di bawah *Law Reform Act* itu mestilah diselesaikan di mahkamah yang ada bidang kuasa. Jadi di situlah.

Cumanya, dari segi untuk mengelakkan sebab ini melibatkan benda perasaan dan emosi ini, jadi saya mencadangkan, mahkamah yang hendak dengar itu mestilah dia tidak boleh kita macam mahkamah biasa, dia mestilah dalam bentuk mahkamah keluarga yang lebih bentuk *consultation*. Mungkin seorang hakim tidak boleh dengar, dia mesti seorang hakim dengan ada *assessor*, ada pembantu, mungkin ada wakil orang Islam dan sebagainya. Jadi kita boleh selesaikan masalah itu di mahkamah yang itu.

Selagi mana kita tidak buat pindaan ini, selagi kita tidak ada *political will* untuk berani berhadapan dengan isu ini, saya yakin isu ini akan terus berlangsung. Oleh sebab itu saya mencadangkan kerajaan mestilah ada keberanian untuk selesaikan kes ini di Mahkamah Sivil tetapi kita cari penyelesaian untuk menyelesaikan secara adil dan saksama.

Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Barat yang pertamanya.

Persoalannya begini, Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya sudah sebutkan sebentar tadi bahawa hal ini kita mengusahakan di peringkat Persekutuan, di peringkat Parlimen. Namun, saya ulangkan, bahawa kuasa untuk pindaan hal yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah adalah kuasa negeri masing-masing. Bukan di sini. Yang dibawa untuk di Parlimen ini ialah untuk pindaan kepada Akta 303, 505, 167 Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan, Putrajaya, Kuala Lumpur dan juga termasuk di Labuan. Itu bidang kuasa semata-mata. Namun, kita melihat ada keperluan di sana untuk pindaan yang lebih holistik yang sedang disusun, diatur di peringkat Wilayah Persekutuan.

Namun, saya fikir tidak ada *political will* yang Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi, Yang Berhormat kena fikir juga bahawa Yang Berhormat boleh mulakan di peringkat negeri masing-masing yang dikuasai oleh pihak Yang Berhormat dan sebagainya, untuk segala pindaan-pindaan yang seperti ini. Ini kerana, apa sekalipun yang diputuskan oleh pihak sama ada Kabinet dan juga Persekutuan, dia tidak akan memberikan bekas melainkan pindaan dibuat di peringkat Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Ini di antara yang perlu difahami juga dan tentunya kenapa pula pasal – Yang Berhormat boleh sampaikan juga. Boleh naik bas untuk pergi ke *Singapore* melalui kepada negeri-negeri yang Yang Berhormat boleh sampaikan maklumat ini.

Jadi kalau meletakkan *political will* ini hanya semata-mata kepada bahu pihak Kerajaan Persekutuan sedangkan kita memahami amat bahawa Perkara 31 Perlembagaan mengatakan, *Islam is religious of Federation*, Perkara 32 mengatakan Islam adalah di bawah kuasa negeri masing-masing. Sama juga sebagaimana hal yang berkaitan air dan sebagainya adalah kuasa negeri.

Berbalik kepada Yang Berhormat Sepang tadi, saya setuju Yang Berhormat Sepang kalau sekiranya ada...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Jadi bila hendak ambil bas ini? Bila hendak ambil bas?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Nanti sat. Nanti sat. Sudah panjang sudah, Yang Berhormat. Saya sudah cukup jelas sudah.

Saya sebutkan bahawa Yang Berhormat Sepang, bila berkaitan dengan soal, saya setuju bahawa ada di sana boleh kita katakan kelompangan ataupun kita boleh sebutkan sebagai *loophole* di antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah bila mana salah satu daripada yang masuk Islam tersebut.

Saya setuju bahawa sebenarnya kes-kes yang berlaku di Malaysia ini sebagaimana Yang Berhormat Ipoh Barat tadi, bukanlah keseluruhan kes yang berlaku pertukaran agama itu menjadi pertikaian dan juga menjadi sensitiviti. Mungkin satu daripada puluhan atau ratusan kes yang berkaitan dengan *conversion*.

Walau bagaimanapun, di peringkat yang awal ini, asas ini, kita setuju bahawa bila dia *convert*, dia tidak ada peruntukan yang termasuk dari seksyen 51 itu yang disebutkan bahawa yang masuk Islam itu dia tidak ada ruang untuk dia hadir ke Mahkamah Sivil untuk melaporkan. Walau bagaimanapun, bagi yang bukan Islam, dia berhak untuk pergi ke Mahkamah Sivil untuk membubarkan perkahwinan tersebut untuk tujuan dia setelah sama ada suami ataupun isteri dia yang tidak masuk Islam boleh hadir ke Mahkamah Sivil untuk melaporkan kes tersebut bagi tujuan memisahkan ataupun hendak memecahkan penceraian ataupun memutuskan tentang kedudukan perkahwinan mereka. Begitu juga yang berikut-berikutnya.

Jadi sebab itu kita bersetuju bahawa, balik kepada sekali lagi yang saya sebutkan kepada Yang Berhormat Ipoh Barat, bahawa hal ini bukan hanya di peringkat untuk Persekutuan sebab, sekali lagi, kuasa untuk pindaan dan sebagainya adalah kuasa di kerajaan negeri masing-masing.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Yang Berhormat Menteri. Saya mempunyai pandangan yang berbeza.

Saya rasa isu ini tidak perlu pergi kepada negeri sebab sekarang isunya senang. Isunya ialah yang berlaku ialah satu perkahwinan yang telah dilangsungkan di bawah Akta *Law Reform* yang mana akta ini terpakai untuk orang-orang bukan Islam. Tiba-tiba perkahwinan itu yang masih lagi dilangsungkan dalam akta itu tiba-tiba salah satu pihak yang kahwin di bawah akta itu masuk Islam.

Persoalan sekarang, oleh sebab seksyen 51 tidak membenarkan pihak yang Islam itu untuk pergi ke Mahkamah Sivil sama ada mendapat penceraian ataupun dapatkan *custody*, sebab itu mereka pergi ke Mahkamah Syariah. Jadi apabila pergi ke Mahkamah Syariah, dapat perintah, perintah itu tidak terpakai kepada pasangan yang bukan Islam. Itu jadi berlakunya *clash of jurisdiction* itu.

Jadi saya mencadangkan dan ini pun saya difahamkan sudah ada cadangan iaitu apabila perkahwinan dilangsungkan di bawah *Law Reform Act*, segala remedi atau persoalan mesti dibangkit ke Mahkamah Sivil. Maknanya kalau orang itu orang Islam sekalipun, dia

mesti berhak pergi Mahkamah Sivil. Sekarang dia tidak boleh pergi. Oleh sebab itu saya cakap tadi Yang Berhormat Menteri punya jawapan bahawa kita kena dapatkan negeri, tidak betul.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini boleh dibuat oleh Kerajaan Persekutuan di bawah bidang kuasa Menteri, di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat, terima kasih. Yang Berhormat, saya fikir mungkin barangkali Yang Berhormat lebih memahami tentang undang-undang daripada saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Betul, betul.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Namun, kefahaman Yang Berhormat silap.

■1720

Dalam melaksanakan segala pindaan dan sebagainya, peruntukan yang telah sedia ada adalah di bawah kuasa negeri masing-masing. Sebab itu di bawah Majlis...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Di mana pula di bawah Majlis terpakai untuk negeri? *It's a federal law.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Itu yang mustahak Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Saya bercakap soal Mahkamah Syariah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak, tak.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: *No.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dalam kes ini, Mahkamah Syariah tak timbul. Ia Mahkamah Sivil.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat, orang tadi bila dia masuk Islam dia sudah berada di bawah kuasa Mahkamah Syariah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sebab itu saya kata tadi kena pinda undang-undang itu.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Sebab itu bila sebut pindaan, balik kepada negeri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak boleh. Negeri nak pinda macam mana?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tak ada kena mengena.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat. Okey. Okey...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Akta pusat macam mana negeri nak pinda?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No, ini-ini law reformat – federal law.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *I think*, minta maaf ya, Menteri silap faham.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Federal law.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Federal law* macam mana nak dekat itu?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Law reformat – federal law.*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: No. No. Saya tak bercakap soal Mahkamah Sivil. Saya bercakap soal Mahkamah Syariah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Itu yang masalahnya. Kalau dia kahwin, di bawah Akta 55, tiba-tiba pergi Mahkamah Syariah. Itu jadi *problem* nya. *That's the problem.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kalau Menteri tidak faham macam mana ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri, cara penyelesaiannya ialah kita bawa kes ke Mahkamah Sivil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat seorang, seorang Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Di Mahkamah Sivil...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Sebab itu Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kita boleh minta...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Wakil-wakil orang Islam duduk dalam panel itu.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Sebab itu Yang Berhormat, sebenarnya dalam jawatankuasa kita dah tubuhkan dan kita dah bincang. Namun, bila kita panjangkan kepada Majlis Agama Islam, mereka mempunyai pertimbangan dan pandangan-pandangan yang tersendiri. Ini pandangan daripada Majlis Agama.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sampai bila pun – sampai kiamat pun tak selesai lagi.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Datuk sikit saja. Datuk Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tak. Walau bagaimanapun – Yang Berhormat terima kasih...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit saja. Cukup seksyen 51. Saya rasa...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Saya tak nak panjangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Speaker, saya tak izinkan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Hanya satu *sentence* saja.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Speaker, saya tak benarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat. Tak payah buat kelam kabut macam ini Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: No, sedikit.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Cukuplah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Minta maafah.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat panjang sangat dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri tak bagi jalan duduklah Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit. Betul. Hanya seksyen 51.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat cukup.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya harap, saya harap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Menteri tak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kerana ini telah dijanji...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat, berhubung dengan pindaan undang-undang berkaitan Akta Memperbaharui Undang-undang Perkahwinan dan Penceraian 1976 yang berkaitan tadi telah saya perelaskan.

Berkaitan seterusnya Yang Berhormat Kuala Nerus minta penjelasan sejauh mana kerajaan telah bertindak dan pada tahap manakah usaha dalam memartabatkan Mahkamah Syariah. Sebagaimana penjelasan saya dalam persidangan Dewan yang lalu, persiapan yang menyeluruh ke arah memperkasakan lagi Mahkamah Syariah adalah perlu bagi menaik taraf Mahkamah Syariah.

Usaha naik taraf mahkamah tersebut akan melibatkan pertambahan hierarki Mahkamah Syariah daripada tiga peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah kepada lima peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Majlis Rayuan Syariah.

Usaha ini juga akan melibatkan naik taraf perjawatan dan emolomen kepada para hakim Mahkamah Syariah supaya setaraf dengan Mahkamah Sivil. Perkara ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-51 (MKI) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi MKI bagi 22 Ogos 2011.

Berikutan itu pada tahun 2012 kertas cadangan naik taraf Mahkamah Syariah telah dibentangkan di 14 Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) di seluruh Malaysia dan beberapa isu perundangan serta cadangan telah dibangkitkan isu-isu ini perlu diperhalusi kerana ia melibatkan agama Islam. Maka, Majlis Agama Islam Negeri-negeri perlu dirundingi sebelum dimuktamadkan. Pada 26 Jun 2012, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil Jawatankuasa Teknikal telah bersetuju untuk membuat kajian penyelidikan komprehensif mengenai cadangan MAIN tersebut.

Seterusnya pada 7 Ogos 2014, JAKIM dan Jabatan Peguam Negara telah mengadakan perbincangan bagi membincangkan hasil kajian tersebut dan memutuskan untuk mengadakan rundingan semula dengan pihak-pihak berkenaan bagi menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit mengenai naik taraf Mahkamah Syariah ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu yang menyentuh Lembaga Tabung Haji. Yang Berhormat Kota Baharu mencadangkan Tabung Haji merangka bagi menubuhkan sebuah Universiti Al-Quran ataupun Universiti Tabung Haji di Malaysia sebagai pusat ilmu-ilmu Islam. Tabung Haji menghargai cadangan Yang Berhormat dan akan mengambil perkiraan, perhatian cadangan tersebut. Namun, saya suka menjelaskan bahawa buat masa sekarang pihak JAKIM dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia sedang dalam proses akhir bagi menaik taraf Darul Quran kepada Kolej Universiti Al-Quran.

Yang Berhormat Sabak Bernam pula menyarankan sebuah peruntukan RM200 juta oleh Tabung Haji untuk kredit kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) agar digunakan untuk memajukan PKS bumiputera khususnya dalam industri halal. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, peruntukan RM200 juta ini adalah melalui usaha sama antara Tabung Haji dengan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dalam pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Setiap permohonan adalah tertakluk kepada penilaian pihak bank dan Tabung Haji dalam mandatnya kepada BIMB menekankan bahawa dana ini diuruskan kepada pengusaha PKS bumiputera dalam pelbagai sektor ekonomi berstatus industri halal. Langkah ini adalah sejajar dengan misi dan visi Tabung Haji dalam memperkasakan ekonomi ummah di samping menggembleng dan memperkayakan modal pendeposit bagi menjana pulangan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah saja perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai hal ehwal Islam yang sempat saya jawab.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Menteri...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Mana-mana perkara yang tidak...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Sedikit sahaja. Yang terakhir ayat tadi itu mengenai kerjasama Tabung Haji dengan BIMB ini. Dana ini diberi sebagai pinjaman ataupun geran? Kalau geran, tak bertambah modal penyimpan ini.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Kita sentiasa prihatin kepada 8.3 juta pendeposit kita dan ini diberikan sebagai pinjaman dan akan diuruskan oleh Bank Islam Malaysia Berhad dan segala pengaturan untuk pembayaran semula dan sebagainya adalah diuruskan oleh melalui bank kerana Tabung Haji tidak memiliki akta untuk memberikan pinjaman. Jadi, sebab itu diserahkan melalui Bank Islam Malaysia Berhad.

Sekadar itu Tuan Yang di-Pertua, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil perhatian sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri bagi yang tak sempat dijawab khususnya oleh agensi-agensinya yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pensiangan.

5.27 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin sekali untuk

mengambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2015 dan yang telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan soal perpaduan negara kita yang sememangnya penting dalam memastikan kesinambungan keharmonian dan kesejahteraan rakyat terpelihara dalam usaha kita mencapai wawasan negara berpendapatan tinggi.

Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Parit Buntar telah mengemukakan beberapa soalan mengenai usaha-usaha kerajaan untuk menyemarakkan perpaduan dan mengelakkan masalah polarisasi kaum serta *extremism* di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya sentiasa peka berkenaan perkara yang telah disarankan demi menjaga perpaduan dalam usaha memastikan kepentingan dan kesejahteraan rakyat terjamin. Pelbagai program dan aktiviti baru dirangka sebagai pendekatan baru untuk melaksanakan program Outreach secara lebih berkesan dan bersistematik dengan penglibatan penduduk setempat.

Pendekatan damping dan didik dengan izin *engage and educate* merupakan mekanisme yang akan diketengahkan dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat bertujuan untuk menyatupadukan rakyat lagi. Pendekatan didik dan damping yang diketengahkan ini berupaya mencapai matlamat dan objektif Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dalam menangani pelbagai isu dan masalah di peringkat komuniti dengan cepat dan pantas.

Antara usaha-usaha yang dapat dilihat dari aspek mekanisme, jentera yang dapat menyatupadukan masyarakat adalah seperti berikut:

Program Skuad *Unity* yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 9 Mac tahun 2014.

■1730

Skuad Uniti akan menjadi perantaraan antara agensi-agensi kerajaan dengan masyarakat yang berperanan untuk mengukuhkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat sejajar dengan penyatuan nasional. Manakala dalam usaha memantapkan perpaduan di peringkat akar umbi Program Sayangi Komuniti diperkenalkan.

Program ini yang mendapat sambutan orang ramai yang memberi penekanan keselamatan, kebersihan, keselesaan, pendidikan, kesejahteraan dan semangat perpaduan di kawasan kediaman dan di peringkat akar umbi. Manakala untuk menggalakkan penyertaan belia seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Lenggong dalam bajet yang lepas, lebih banyak siri wacana, perbincangan meja bulat, seminar dan forum bagi percambahan idea untuk meningkatkan kefahaman mengenai konteks sosial dan Perlembagaan Persekutuan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, jabatan saya juga menjalankan pendidikan perdamaian yang merupakan strategi memperkasakan komuniti melalui pendekatan pencelahan atau intervensi. Untuk mencapai objektif ini kami melatih pasukan *mediator* komuniti sebagai kumpulan yang dirujuk oleh masyarakat dalam hal melibatkan perselisihan antara dua pihak.

Saya sendiri menegaskan kepada pegawai-pegawai saya bahawa kita harus balik kepada Rukun Negara kita. Menghayati prinsip Rukun Negara sebagai asas perpaduan

nasional. Oleh yang demikian, program My Rukun Negara diperkenalkan di 1,781 Tabika Perpaduan dan pada 6,068 Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah rendah, di peringkat menengah serta 140 sekretariat Rukun Negara di peringkat IPTA dan IPTS juga.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Buntar bangun.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang tertarik tugas dan tanggungjawab pihak menteri dalam memastikan perpaduan dan itu bukan tugas yang mudah. Saya sendiri berada di bawah Jabatan Perpaduan di dalam NUCC dan ia bukan satu tugas yang mudah. Cuma saya ingin minta pandangan daripada pihak Menteri tentang perpaduan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Setelah kita mendengar semua jawatankuasa yang ditubuhkan memang kita setuju tetapi apa yang berlaku pada waktu yang sama, kita juga mendengar Menteri Kerajaan Tempatan juga ia menubuhkan satu jawatankuasa yang di peringkat jawatankuasa di peringkat taman-taman contohnya. Adakah ini bertentangan sedangkan sudah ada sudah semua jawatankuasa-jawatankuasa ini?

Kedua, soalan saya ialah apa pandangan Menteri apabila hari ini negeri-negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat, apa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Kampung Persekutuan (JKKP). Bukankah ini juga satu bentuk yang tidak harmoni dalam konteks hendak menyelesaikan permasalahan di peringkat bawahan sedangkan JKK peringkat negeri sudah pun wujud. Saya harap pihak Menteri boleh bagi satu *solution* supaya tidak boleh berlaku usaha Jabatan Perdana Menteri untuk menyatukan tetapi pada waktu yang sama ada unsur-unsur yang juga tidak harmoni dalam konteks ini. Minta pandangan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih. Berkaitan dengan penubuhan badan-badan oleh Kerajaan Tempatan ini sebelum ia ditubuhkan sebenarnya kita sudah berbincang secara panjang lebar dan ia juga telah diangkat ke pengetahuan pihak Kabinet dan ia juga dipanjangkan secara panjang lebar.

Tugas mereka ini bukan percanggahan. Tujuan kita ialah cukup baik. Kita ingin memantapkan lagi tugas keberkesanan tugas-tugas JPNIN dan juga badan-badan lain. Pendek sahaja dia punya jawapan Yang Berhormat. Kita anggap ia sebagai *complimentary* bukan bercanggah. *Complimentary* supaya kita boleh mencapai matlamat kita untuk menyatukan perpaduan yang lebih kental lagi di antara rakyat yang terdapat sebagai berbilang kaum di negara kita ini.

Begitu juga saya punya jawapan dengan persoalan yang kedua itu asal sahaja tujuan kita itu baik untuk menyatukan rakyat kita fikir tidak ada apa-apa salah. Itu sahaja saya punya jawapan itu. *It looks at the complimentary*, jangan pula kedua-dua pihak ini semata-mata menimbulkan isu-isu yang berbau politik. Kalau itulah berlaku tentu sekali kita tidak dapat menjalankan tugas kita seperti yang saya katakan awal-awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya di bawah JPNIN telah mengambil langkah untuk melatih beberapa pegawai dalam usaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan

pegawai-pegawai dalam mengurus dan menangani isu-isu perpaduan yang berbangkit serta untuk menghadapi cabaran-cabaran yang baru perpaduan terutama berkenaan media sosial yang baru juga.

Antara program inovasi baru yang diperkenalkan sebagai *The Way Forward* ialah program latihan industri perpaduan atau *Unity Internship Programme*. Program ini bertujuan untuk menangkis persepsi bahawa syarikat-syarikat bukan bumiputera hanya mengambil pekerja yang terdiri daripada kelompok kaum tertentu sahaja. Objektif kedua program latihan industri perpaduan dijalankan sebagai kaedah menggalakkan silang kerjaya untuk pengukuhan perpaduan dan penggalakan silang budaya atau dengan izin, *cross-cultural*, pemahaman antara agama, *inter-faith* dan penerimaan antara kaum atau *inter-race*.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memberitahu Dewan yang mulia ini, program ini sebenarnya telah diangkat, program *internship* ini telah diangkat sebagai program pemerksaan ekonomi bumiputera oleh EPU baru-baru ini. JPNIN juga memantapkan perpaduan melalui program informasi yang disampaikan melalui slot program tema dan mesej perpaduan iaitu, "*Membudayakan perpaduan, merayakan kepelbagaian*".

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam memastikan agar perpaduan dapat dicapai di negara ini terutamanya menggalakkan penglibatan NGO-NGO seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar yang telah menyarankan kerajaan melangkah dasar yang mesra *civil society* untuk menangani kebangkitan sikap ekstrem di kalangan penduduk di negara ini melintasi semua kaum, bangsa dan agama.

Kerajaan berpandangan bahawa dasar mesra *civil society* ini boleh diterjemahkan dan ditafsirkan matlamatnya dari pelbagai usaha menyatupadukan masyarakat yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Sebagai *The Way Forward*, program Rakan Perpaduan atau *partners in unity* diperkenalkan juga untuk mengukuhkan jaringan sosial dengan pertubuhan persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan.

■1740

Dengan pendekatan *smart partnership* yang holistik dengan pelbagai pihak luar seperti Hua Zhong, Xiao Zhong, ACCIN, *the Young Buddhist Association of Malaysia* dan *The Malaysian Christian Youth Association* telah diadakan.

Jalinan juga dikukuhkan melalui pelbagai aktiviti bersama NGO-NGO seperti Kempen 'Say Something Nice', Usman Awang Award, *Merdeka Peace Prayer*, *Run for Peace*, *My Hero Award*, Sinar Harapan dan *Dialog for Peace*. Usaha-usaha ini mampu memberi sinergi dan membuka jalan kepada JPNIN untuk menyebarkan luas matlamat yang tepat mengenai hasrat dan aspirasi kerajaan. Pendekatan ini berupaya menipiskan polarisasi kaum di kalangan rakyat. Tuan Yang di-Pertua...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi Yang Berhormat?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Boleh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh ya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. ‘*Say Something Nice*’, ini slogan yang sangat bagus. Adakah pihak jabatan Yang Berhormat Menteri, adakah pernah ada dialog dengan Biro Tatanegara di mana selalu mereka yang menyebarkan ajaran yang...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sesat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Ketawa*] Sesat ya? Ya, yang benci kaum lain dan membakar hati kaum lain dan juga kadang-kadang kita juga terima aduan daripada orang muda yang pergi ke Kem Khidmat Negara, yang mana mereka kompelin sesetengah pensyarah yang menyebarkan fikiran perkauman di kalangan mereka. Jadi, ini ialah aduan daripada *public and* bagi BTN, semua orang tahulah.

Jadi, adakah kementerian juga adakan mungkin dialog dengan jabatan-jabatan ini supaya objektif di bawah jabatan Yang Berhormat untuk menyatupadukan semua kaum ini juga boleh tercapai. Kita juga dengar yang komen daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Ketua Bahagian UMNO yang kata hendak tutup sekolah Cina dan sebagainya. Semua kenyataan ini tidak sepatutnya dikeluarkan tetapi diperkatakan oleh orang-orang politik kita dan macam kita lihat juga *double-standard* dipastikan atas isu Perkasa bila presidennya kata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Kata kita ini dibenarkan tetapi NGO yang cuba mesra dengan rakyat, menyatupadukan kaum macam ‘Negaraku’. Hanya kerana namanya ‘Negaraku’, itu diharamkan. Jadi semua *double-standard* ini diadakan, macam mana menyatupadukan rakyat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi bangun Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya hendak mencelah sedikit, boleh? *Sorry* serak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri, kalau cakap perpaduan ini, saya pun lagi lama perpaduan, 14 tahun. Saya pun kebetulan dengan Khidmat Negara. Kalau satu, dua orang tak reti cakap bahasa Malaysia, itu pun masalahlah juga. Termasuk dalam Dewan ini, ada wakil rakyat cakap bahasa Malaysia pun tak boleh. Macam mana nak faham? Kadang-kadang cakap langsung tak ada sensitiviti kaum.

Jadi, bila bercakap *double-standard*, saya minta Yang Berhormat Seputeh pun cakaplah, jangan tuduh tertentu macam Perkasa. Saya ingat ini semua niat tak baik. Kalau hendak cakap, biar *general*, biar secara menyeluruh. Jadi, saya hendak bercakap perpaduan dari jiwa. Kalau bercakap hati lain, mulut lain, tak jadi. Akan tetapi antara kita pergi luar negara, bantai negara. Inikah hendak bercakap pasal semangat perpaduan? Cakap jangan *double-standard*, minta tolong. [*Tepuk*]

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Apa yang dia cakap, ngamlah itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cakap sebentar tadi berkaitan dengan *something*

nice, itu merupakan satu kempen bagi kita supaya kita membuat kesedaran, *awareness* kepada seluruh rakyat bahawa usaha kita untuk menyepadukan rakyat itu ialah sepatutnya tidak mengeluarkan kata-kata yang merupakan provokasi. Jadi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Seputeh itu, saya tak tahu betul atau tidak tetapi sebenarnya sayapnya tugas ini seperti mana saya katakan tadi itu ialah untuk menyatupadukan rakyat. Akan tetapi tidak ada *double-standard*. Kalau mereka mengeluarkan kata-kata begitu, kalau benar, kalau benarlah. Kalau benar, maka saya percaya itu mungkin mempunyai asas-asas tertentu. Jadi, saya berpendapat tidak payahlah bagi saya untuk menjawab sebagai satu jawapan yang panjang lebar.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Pensiangan, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Boleh, kalau boleh selalu ringkas-ringkas saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak minta laluan kepada Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat. Hendak bagi laluan?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Sahabat kita, sama-sama.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: [*Dewan riuh*] Sahabat, kalau dia kasi laluan pun malu juga. Okey, ini ada kaitan dengan perpaduanlah, *unity and harmony*. Jadi Yang Berhormat Menteri dari Pensiangan pun dari Sabah, dari pedalaman, *interior*. Jadi seorang orang asal juga. Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, apakah erti 'Batu Sumpah' yang kita simpan di Keningau? [*Dewan riuh*] Apakah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Apakah maksud-maksud 'Batu Sumpah'? Ini untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tak kena pada tajuklah Yang Berhormat. Tak kena pada tajuk.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini untuk satu komuniti. Tuan Yang di-Pertua, ini saya ada ucap, ini harmoni. Ini satu 'Batu Sumpah' apa pentingnya juga dalam masyarakat orang asal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak kena pada tajuk Yang Berhormat. Kita bincang tentang perpaduan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ada kena mengena dengan perpaduan, ada kena dengan perpaduan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Siapa tidak jawab, kena sumpah ya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, ini untuk perpaduan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ini bukan mesyuarat JKKK Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...Ini satu komuniti orang asal yang kena... kerana Kerajaan Malaysia janji hilang. Ini macam mana kita menjawab? Ini hak, hak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Proceed*, Yang Berhormat Menteri tak payah jawab ya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey, tak payah jawab, tak payah jawab. Sudah saya kasi peluang sama Yang Berhormat Kota Kinabalu tadi. Dia mengatakan bahawa kalau tidak kasi peluang, merasa malu juga. Saya sudah cukup terang-terang, kalau saya kasi peluang sama Yang Berhormat, engkau pun merasa malu juga. *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri tidak jawab, Yang Berhormat Menteri kena sumpah.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Oleh sebab atas arahan Tuan Yang di-Pertua tidak payah jawab, tidak payah jawab bagi saya ya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, itu tak kena pada tajuk.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tak boleh, mesti mahu jawab. Jadi saya mahu tanya, siapa yang bawa 'Batu Sumpah'?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Isu Batu Sumpah, tadi masa ekonomi pun dia tanya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, mana satu Yang Berhormat Menteri yang jawab 'batu sumpah'?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *No, you are in a wrong platform.* Kita dalam perpaduan...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya tunggu, siapa yang menjawab sekarang?

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Tanya Menteri Luar.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kalau bukan *harmony and unity*, siapa lagi? Ha! Siapa? Beritahu saya. Allah kah atau siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak payahlah, kita... *it does not reflect good to you* Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Batu Sumpah ini sepatutnya you untkit semasa engkau berbahas, sama sekali *you* tidak untkit. *So, I reserve...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, dia ada bangkit 'Batu Sumpah' ini, ada. Akan tetapi masa Yang Berhormat Menteri Ekonomi menjawab pun dia tanya 'Batu Sumpah'. *[Ketawa]* Perpaduan pun 'Batu Sumpah'. *[Dewan riuh]*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, ini ada kaitankan? Ini yang ngam-ngam itu. Ini yang dia punya tanggungjawab. Ini Menteri yang tanggungjawab, *unity and harmony*. Jadi, siapa lagi kita tanya kedudukan kita?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Kerajaan sememangnya bimbang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tolonglah...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Kerajaan sememangnya bimbang dan prihatin dan sentiasa memberi perhatian ke atas tindakan-tindakan provokasi yang membangkitkan kebencian terhadap agama dan kaum. Sekiranya tidak ditangani segera, akan mencetuskan huru-hara dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Gelang Patah, kerajaan sentiasa berusaha dalam mengurangkan polarisasi kaum melalui Majlis Konsultasi Perpaduan Negara atau MKPN dan meningkatkan persefahaman di kalangan pelbagai penganut agama di negara ini dengan menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPA). Majlis Konsultasi Perpaduan Negara yang telah ditubuhkan pada 11 September 2014 bertanggungjawab dalam usaha penyatuan nasional atau *national reconciliation*.

■1750

MKPN atau NUCC pada masa kini sedang dalam usaha penyediaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara yang dijangka akan siap pada akhir tahun 2014. Pelan ini akan dijadikan asas dalam melaksanakan, program dan aktiviti untuk memupuk perpaduan di negara ini. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, JKMPA yang terdiri daripada wakil pemimpin Islam dan bukan Islam seperti Hindu, Buddha, Kristian, Sikh, Tao dan Bahai. JKMPA adalah platform terbaik untuk membincang isu-isu perpaduan berkaitan hal ehwal agama secara berhemah dan harmoni.

Kerajaan secara berterusan meningkatkan persefahaman di kalangan penganut agama Melayu JKMPA dengan mengadakan dialog-dialog keagamaan di kalangan penganut-penganut agama, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *servicing as a catalyst dialog among various religions and religious groups can bring about improvement in the attitude of our communities that will straighten our bond further. Only through dialog we can enable building a trusting relationship, can the world of suspicious and hostility begin to crumble and lead to united Malaysia for our future generation.*

Selain itu, sambutan Minggu Keharmonian antara penganut agama sedunia diadakan setiap tahun bertujuan untuk mempromosikan keharmonian dan muhibah di antara semua lapisan masyarakat tanpa mengira kepercayaan dan agama yang diamalkan. Malahan buat pertama kali tahun ini jabatan saya dengan kerjasama Universiti Limkokwing akan melancarkan sambutan Hari Toleransi Sedunia pada 16 November kelak. Tuan Yang di-Pertua, kebebasan beragama yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah menjadi cara hidup dan tradisi bagi orang-orang kita di Malaysia. Sejak dahulukala lagi kita menghormati kepercayaan dan amalan agama masing-masing. Rakyat dari pelbagai

agama telah hidup dan duduk bersama sebelah menyebelah dengan aman dan damai dan geseran agama hampir tidak wujud selama beberapa generasi.

Tuan Yang di-Pertua, pada kita di sebelah sini atau sebelah sana supaya kita mengelakkan mengeluarkan kata-kata yang boleh memprovokasikan pihak lain. Oleh itu saya berpendapat adalah wajar bagi kita semua mengamalkan sikap atau mengamalkan pantang larang untuk mengelakkan kata-kata seperti saya katakan tadi itu yang mengguriskan perasaan orang lain. Mengelakkan untuk menggunakan agama atau perkauman untuk menjadi seorang popular atau mendapat *political mileage* seperti membakar *bible*. Oleh yang demikian, perkara membakar *bible* ini telah menarik suara yang tidak berpuas hati daripada orang ramai. Suara itu begitu lantang sekali kedengaran kebelakangan ini dan kalau ini berterusan, ini akan tentu sekali menghalang usaha-usaha untuk rakyat yang berbilang kaum bersatu padu dan suara rakyat itu sentiasa kita mendengar.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Kita sentiasa mendengar kesemua itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Fasal *bible*, boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bukan fasal Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Subang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya bersumpah tidak akan cakap fasal Yang Berhormat Batu, sumpah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak tanya pada Yang Berhormat Menteri, Menteri kata tadi isu bakar *bible* ini mewujudkan kegelisahan di kalangan masyarakat. Akan tetapi persoalannya sekarang Yang Berhormat Menteri, kita telah dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri juga bahawa ada orang di Malaysia ini yang telah pun mengeluarkan kenyataan hendak bakar *bible*, tidak diambil tindakan. Jadi, sebagai Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya satu soalan mudah saja. Yang Berhormat Menteri setuju tidak dengan tidak ada tindakan yang dibuat ke atas Ibrahim Ali kerana mengeluarkan kenyataan ingin membakar *bible*. Adakah Yang Berhormat Menteri setuju atau tidak, itu saja.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: *I'm going into that*, Ahli Yang Berhormat. Saya belum habis lagi. Seperti saya katakan sebentar tadi itu, kita sentiasa mendengar daripada rakyat dan suara ramai itu begitu lantang sekali. Oleh yang demikian, maka saya menggesa agar Peguam Negara membuka dan mengkaji semula kes Ibrahim Ali demi memastikan kelangsungan perpaduan kita dan untuk membolehkan kita, dengan izin, *to battle against rising religious intolerance*. Bukankan semula untuk memuassakan hati rakyat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun] Okey.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: ...Sama ada kemudian *he will be convicted in court or not*, itu lain kira. Akan tetapi bukakan semula kes ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, sekejap ya Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat sedar tidak daripada jawapan Yang Berhormat Menteri begini, Yang Berhormat Menteri telah bertindak melawan dengan keputusan Kabinet. Yang Berhormat Menteri seharusnya letak jawatan sebab dari segi undang-undang, Kabinet mesti *collective responsibility*. Kalau Yang Berhormat Menteri ambil satu kenyataan yang berlainan dengan Kabinet, Yang Berhormat Menteri kena *step down*. Jadi, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat, adakah Menteri...

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini keputusan peribadi... [Disampuk] Hei, ini undang-undanglah! Tidak faham kah?

Seorang Ahli: Hoi!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa hoi, hoi? *Debate* kalau hendak bangun.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa hoi, hoi ini? Apa ini Tuan Yang di-Pertua, apa hoi, hoi? Senang-senang, suka hati saja. Kena ketuk baru tahu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Your first question* mungkin dijawab. Yang *second question* tidak payahlah sampai sana Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Pertanyaan Ahli Yang Berhormat sama ada saya setuju atau tidak supaya tindakan akan diambil. Akan tetapi cadangan saya oleh kerana ketetapan boleh dibuat oleh Peguam Negara, hanya saya mencadangkan supaya kes ini dibuka semula supaya memuaskan suara ramai yang begitu lantang sekali. Kemudian kita tengok sama ada dia bersalah atau tidak. Untuk menentukan sama ada beliau ini bersalah sebenarnya atau tidak, *I'm not going to say what he said is seditious or not. That is for the court to say.*

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey, Tuan Yang di-Pertua, semangat taksub yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat bangun.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Cukuplah, cukup lapan jam sudah. Sikit minta bolehlah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sikit Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya terima baik pandangan Yang Berhormat Tan Sri bahawa kemungkinan besar...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Saya belum kasi jalan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Itu adalah *seditionous*, maka itu perlu dibuat, dirujuk kepada mahkamah kenapa Kabinet enggan memberi amaran kepada AG, *Attorney General* supaya rujuk *charge* itu kepada...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ini satu tuduhan yang tidak baik Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No*, Yang Berhormat baru kata...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: *No*, sila duduk. Saya kasi kefahaman. Kabinet *never get itself interfere in* apa Peguam Negara buat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Okey, AG, AG.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: *It's independent*.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya tahu tapi kita ada pandangan, kita ada *political will* kah tidak ada. Yang Berhormat sendiri baru kata bahawa itu adalah *seditionous*. Kalau sedemikian kenapa ia tidak dirujuk, kenapa ia tidak *discharge*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *He didn't say seditionous* Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *He said so, yes he said*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sama ada *seditionous* kah tidak dia cakap tadi.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dia ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *He didn't say seditionous*.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Let him said*.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Apa Ibrahim cakap itu *whether seditionous or not, that is for the court to decide* melalui- itu yang saya cakap.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Pendek sudah, pendek lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai bangun lagi Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Maksud yang keterlaluan...

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Menteri...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: ...Dalam memperjuangkan kepentingan sesuatu kaum serta memperlekehkan dan menghinakan penganut agama lain sewajarnya dihindari sama sekali. Bagi mengelak konflik kaum dan agama yang boleh meruntuhkan perpaduan sesuatu masyarakat Malaysia.

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Menteri, sikit Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1800

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Menteri, selepas itu boleh saya sedikit?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai dengan cadangan Menteri supaya Peguam Negara membuka semula kes ini untuk memuaskan hati rakyat yang marah. Saya rasa tujuan pendakwaan bukan untuk memuaskan hati, kita hendak mencari keadilan. Kalau setakat hendak memuaskan hati, kemudian kita mengatakan *sedition* atau tidak letak kepada mahkamah, saya rasa Menteri macam tidak berapa serius tetapi hanya untuk melegakan pandangan rakyat. Saya rasa ini tidak cukup serius bagi pihak Menteri.

Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat itu. Bukan sahaja untuk memuaskan hati pada rakyat tetapi untuk mendapat keadilan.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Menteri. Saya amat bersetuju dengan sikap Yang Berhormat Menteri...

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Buntar, sila.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih. Saya rasa perkara begini tidak hanya terbatas kepada nama atau individu tertentu. Benda ini akan sentiasa berulang. Kalau kita menyebut tentang *religious intolerance* yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ketidaktoleransian kepada agama itu bukan kepada individu, tetapi ia menjadi satu budaya.

Apakah mungkin kita memerlukan satu undang-undang yang menyatakan bahawa setiap kebencian agama itu perlu dijadikan sebagai jenayah? Apabila ia dijadikan jenayah, barulah budaya ini dapat dikawal. Saya tidak berminat untuk menyebut nama orang-orang tertentu. Saya lebih berminat kepada budaya yang disebut *intolerance* tadi itu akan menjadi satu masalah, maka itu kita perlu satu undang-undang yang hingga hari ini negara kita tidak ada iaitu kita menganggap kebencian agama dan kaum itu sebagai satu jenayah dan kemudian dikenakan tindakan tertentu. Saya rasa NUCC ada mengemukakan sesuatu bagi pihak jabatan dan kementerian.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tidak panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ini nanti akan ambil untuk menjalankan kajian dan saya percaya Yang Berhormat sendiri pun terlibat di dalam perbincangan ini dan kami sedang menunggu berkaitan dengan perkara ini daripada laporan-laporan yang saya sedang menunggu sekarang ini.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sungai Petani boleh tanya? *Last, last.* Satu minit sahaja.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Cukuplah, cukuplah.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Batu Sumpah tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia begini. Yang Berhormat Menteri kalau benarkan, saya benarkan. Saya tanya Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tidak. Saya fikir sudah cukup. Batu Sumpah sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, sila Yang Berhormat Menteri. Sila, sila.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak bersetuju berkaitan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gelang patah pada 22 Oktober yang dimuatkan di *online News Portal* pada 27 Oktober melalui ucapan bajetnya di Dewan yang mulia ini. Kenyataan beliau bahawa JPNIN atau Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional gagal mengawal ekstremisme adalah amat tidak adil kepada beribu warga JPNIN yang bertungkus-lumus setiap hari, setiap minggu, tahun demi tahun sejak penubuhan Jabatan ini untuk memastikan kelangsungan perpaduan di negara tercinta.

Dari peringkat Ketua Pengarah kepada pengarah negeri sehingga kepada guru di Tadika Perpaduan, warga JPNIN sentiasa berpegang kepada prinsip berat sama dipikul, ringan sama dijinjing agar amanah yang ditugaskan dapat dilaksanakan sesempurna mungkin dalam memastikan perpaduan rakyat Malaysia sentiasa berada dalam keadaan yang lebih baik dari yang lalu.

Sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan saya Tuan Yang di-Pertua pada hari ini, sememangnya menjadi sesuatu yang amat dikagumi sekiranya semangat yang boleh diterjemahkan melalui jata negara, "*Bersekutu Bertambah Mutu*", seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Kepong itu difahami, dihayati dan dibudayakan oleh rakyat dalam kehidupan seharian. Sama ada suka ataupun tidak, tanpa perpaduan nasional, apa pun cita-cita kebangsaan yang lain seperti usaha mencapai taraf hidup yang lebih baik untuk setiap warga akan tinggal angan-angan kosong. Kerajaan dan Jabatan saya akan terus memperjuangkan nilai-nilai kesederhanaan yang boleh dijadikan asas bagi memupuk perpaduan lebih meluas di kalangan pelbagai kaum dan agama.

Saya mengakhiri ucapan penggulungan saya dengan menegaskan di Dewan yang mulia ini, usaha bersungguh-sungguh yang dilakukan oleh kerajaan diyakini berupaya membendung elemen ekstremis dan pendekatan kesederhanaan atau *wasatiyyah* yang dibuat oleh Malaysia mampu membentuk jati diri rakyat Malaysia yang kental.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya menjemput Menteri Ahli Parlimen Selangau. Sila.

6.06 ptg

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jelebu yang telah menyentuh agensi di bawah portfolio saya iaitu Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia ataupun MAMPU semasa perbahasan Bajet 2015 di peringkat dasar pada minggu lepas. Sesungguhnya, saya amat menghargai cadangan dan pandangan Yang Berhormat.

Cuma, seorang sahaja iaitu Yang Berhormat Permatang Pauh ada juga menyentuh tentang SPA tetapi sudah dijawab oleh seorang rakan saya di Jabatan Perdana Menteri. Oleh yang demikian, saya cuma perlu menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelebu.

Yang Berhormat Jelebu membangkitkan isu birokrasi yang keterlaluhan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan kerajaan dan memohon penjelasan berkaitan usaha-usaha memperbaiki sistem penyampaian kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha memartabatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan berintegriti, kerajaan sentiasa berusaha meminimumkan birokrasi keterlaluhan yang boleh menjejaskan prestasi dan imejnya. Usaha mengurangkan kerenah birokrasi yang dilaksanakan telah mendapat pengiktirafan antarabangsa melalui Laporan Daya Saing Global 2014/2015 yang menyenaraikan kedudukan Malaysia meningkat ke tangga 20 daripada kalangan 144 buah negara.

Selaras dengan usaha kerajaan untuk merakyatkan perkhidmatan awam juga, usaha mengurangkan kerenah birokrasi ini berfokus kepada aspek perekayasaan proses dan prosedur kerja ataupun BPR, bukan Biro Pencegahan Rasuah, *it is an English* punya akronim, di semua peringkat agensi kerajaan. BPR merupakan pendekatan strategik untuk meningkatkan kecekapan proses dan prosedur kerja melalui penghapusan langkah-langkah yang tidak cekap, bertindih, berulang melibatkan kos yang tinggi, mengambil masa yang panjang serta melibatkan terlalu banyak pihak dan peringkat kelulusan.

Antara aspek yang diteliti dalam proses ini ialah seperti kewujudan syarat yang terlalu ketat dan tidak menyokong objektif, undang-undang lapuk, bilangan borang yang banyak dan kaedah pengesahan dokumen yang rumit. Kesemua ini dinilai semula bagi memberi kemudahan dan kesenangan kepada rakyat dalam berurusan dengan agensi kerajaan.

Dalam hal ini, antara contoh kejayaan BPR yang membantu mengurangkan kerenah birokrasi adalah seperti berikut. Pertama, pemansuhan keperluan mengemukakan laporan polis yang tidak merupakan suatu kehendak undang-undang dalam berurusan dengan agensi kerajaan melalui Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2011.

■1810

Contoh bagi laporan polis yang bukan merupakan kehendak undang-undang ialah seperti bagi mendapatkan penggantian sijil kelahiran yang dikeluarkan oleh Jabatan

Pendaftaran Negara, pasport oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan penggantian sijil-sijil peperiksaan oleh Kementerian Pendidikan.

Kedua, pemansuhan keperluan pengesahan yang tiada nilai tambah pada borang rasmi kerajaan dan salinan dokumen sokongan melalui Pekeliling Am Bil. 1 2012. Pekeliling ini diwujudkan memandangkan kebanyakan keperluan pengesahan borang atau dokumen ini sebenarnya merupakan amalan pentadbiran yang tidak diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang.

Ketiga, proses permohonan pasport Malaysia antarabangsa yang kini dikeluarkan dalam tempoh satu jam selepas pembayaran permohonan dibuat berbanding dua jam sebelum ini. Proses ini dipercepatkan sejak tahun 2010. Selain itu, bagi membantu melaksanakan proses BPR ini juga, kerajaan telah menubuhkan dua buah *focus group* iaitu *focus group* pengurusan persijilan halal dan *focus group* BPR. *Focus group* pengurusan persijilan halal bermatlamat untuk merekayasa pengurusan persijilan halal di Malaysia manakala *focus group* BPR berperanan untuk merekayasa proses kerja berhubung pelesenan oleh agensi-agensi kerajaan.

Setakat bulan September 2014, sebanyak 1,845 perkhidmatan telah direkayasa yang mengambil kira elemen penurunan kuasa yang merupakan sebahagian daripada usaha mengurangkan kerenah birokrasi. Penurunan kuasa untuk meluluskan lesen permit dan kelulusan lain dikuatkuasakan di bawah perundangan dan peraturan yang termaktub di bawah agensi-agensi berkaitan sama ada di peringkat persekutuan, negeri mahupun pihak berkuasa tempatan.

Perundangan dan peraturan tersebut telah dimansuhkan dan ditambah baik bagi membolehkan elemen penurunan kuasa kelulusan daripada peringkat tertinggi ke peringkat yang lebih rendah dapat direalisasikan. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan sesuatu program dan projek pula, agensi kerajaan turut diminta melaksanakan penilaian bagi memastikan keberkesanan dan keberhasilan sesuatu program yang dilaksanakan. Hasil penilaian akan dijadikan asas dalam membuat keputusan sama ada sesuatu projek perlu digugurkan, ditambah baik, diperluaskan atau dikekalkan. Dalam proses perkhidmatan ini, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ataupun ICT telah dimanfaatkan melalui penyediaan perkhidmatan secara atas talian kepada rakyat. Dengan peningkatan penyediaan perkhidmatan kerajaan secara atas talian, aspek campur tangan manusia ataupun *human interference* dapat dikurangkan dan seterusnya menjadikan perkhidmatan kerajaan lebih cekap, cepat dan berintegriti.

Kesimpulannya, inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi meminimumkan kerenah birokrasi dan sekali gus meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam membantu menjadikan Malaysia lebih berdaya saing di arena global serta memacu negara menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Menteri dari Batang Sadong. Sila.

6.13 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Ya, dinanti-nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menanyakan soalan-soalan berkenaan dengan agensi di bawah portfolio saya. Pertama sekali saya nak menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Kota Kinabalu ada sini ya? Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Kuala Nerus.

Seorang Ahli: [Menyampuk] Nanti kena sumpah jadi Gunung Kinabalu.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ha ha, nanti kena sumpah nanti Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Padang Besar, Yang Berhormat Setiawangsa.

Mengenai menaik taraf sistem pengangkutan awam. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menyambut baik perhatian dan saranan yang telah diberikan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dalam memantapkan lagi sistem pengangkutan awam negara. Dalam hal ini, ingin dijelaskan di sini bahawa kerajaan komited dalam menambah baik mutu perkhidmatan pengangkutan awam darat dalam pelbagai mod sama ada bas, teksi mahupun *rail*. Tumpuan tidak hanya diberikan di Lembah Klang ataupun kawasan-kawasan bandar sahaja tetapi perhatian dan rancangan juga disediakan bagi menaik taraf perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan luar bandar.

Perancangan pengangkutan awam memerlukan pendekatan yang berbeza dan unik bagi setiap tempat. Sebagai contoh, penggunaan sistem *rail* seperti LRT amat diperlukan sebagai teras pengangkutan awam di kawasan berpopulasi tinggi manakala sistem perkhidmatan bas berhenti-henti yang cekap di perlukan bagi memastikan ke saling hubungan ataupun dengan izin, *connectivity* di kawasan luar bandar. Setiap perancangan turut mengambil kira kesesuaian dari segi penggunaan serta penjana pendapatan untuk menampung kos operasi dalam memenuhi permintaan.

Bagi tujuan ini Tuan Yang di-Pertua, perancangan dan fokus meningkatkan mutu sistem pengangkutan awam diselaraskan dengan objektif dan dasar Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat untuk 20 tahun dari tahun 2010 hingga 2030 secara berperingkat-peringkat. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Petaling Jaya selatan telah mencadangkan agar sistem pengangkutan awam yang lebih sistematik membabitkan bas dan *rail* di Petaling Jaya diwujudkan berbanding membina lebuh raya baru.

Selain itu, Yang Berhormat Bukit Gantang dan Yang Berhormat Permatang Pauh turut mencadangkan agar diwujudkan sistem *shuttle bus* dengan izin yang efektif. Yang Berhormat Permatang Pauh turut mengambil contoh sistem bas Rapid Transit atau BRT yang dilaksanakan di Colombia. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat bagi kawasan *Greater KL* ataupun Lembah Klang telah mengenal pasti beberapa laluan *rail* dan BRT yang turut akan membabitkan kawasan Petaling Jaya. Bagi BRT, sebanyak 12 koridor Bas Rapid telah dikenal pasti. Laluan BRT pertama yang sedang dibina akan menghubungkan stesen komuter Setia Jaya dan Bandar Sunway. Selain

itu, pembinaan laluan BRT Koridor I dari Kuala Lumpur ke Klang dijangka akan dimulakan pembinaannya pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, laluan koridor BRT ini merupakan teras kepada sistem bas berhenti-henti di laluan tersebut dan akan disokong dengan perkhidmatan *shuttle bus* dengan izin, yang akan dikenal pasti bagi menghubungkan kawasan pinggir bandar ke laluan koridor berkenaan. Dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan bas henti-henti, sukacita dimaklumkan kerajaan sedang melaksanakan skim transformasi perkhidmatan bas berhenti-henti di setiap ibu negeri di Malaysia secara berperingkat. Transformasi ini membabitkan antara lain perancangan tahap liputan kesalinghubungan rangkaian bas yang berdasarkan bekalan ataupun dengan izin, *supply base* serta sistem kontrak di kalangan pengendali bas berhenti-henti sedia ada. Laluan bas akan dirancang oleh SPAD, pengendali bas akan menyediakan perkhidmatan, kerajaan melalui SPAD akan membayar pengendali melalui kontrak. Dengan ini dapat memastikan perkhidmatan bas berhenti-henti dapat panjangkan di laluan yang tidak menguntungkan tetapi diperlukan iaitu dari segi laluan sosial. Skim ini akan bermula pada tahun hadapan dengan lima ibu negeri iaitu Seremban, Kuching, Ipoh, Kuala Terengganu dan Kangar serta akan diperluaskan secara berperingkat ke semua ibu negeri.

Bagi industri teksi pula, secara umumnya pihak SPAD sedang melaksanakan pelan transformasi industri teksi yang terdiri daripada empat teras utama iaitu pertama, membantu industri mengurangkan kos beroperasi. Kedua, memperbaiki taraf hidup pemandu. Ketiga, meningkatkan struktur perundangan dan keempat, membangunkan sistem teksi bertaraf dunia.

■1820

Tuan Yang di-Pertua, di antara inisiatif yang telah diperkenalkan adalah program migrasi Teksi 1Malaysia ataupun TEKS1M yang memperkenalkan jenis kenderaan yang lebih selesa dan selamat serta kawasan operasi yang lebih fleksibel bagi meningkatkan taraf hidup pemandu teksi. Selain itu antara inisiatif lain yang akan diperkenalkan pada masa yang akan datang termasuklah Sistem Penempahan Teksi Berpusat ataupun dengan izin CTSS yang akan memudahkan orang awam mendapatkan perkhidmatan teksi dan mengurangkan masa menunggu penumpang bagi pemandu teksi.

SPAD juga sedang merangka program penambahbaikan perkhidmatan kereta sewa di seluruh Malaysia termasuk Bandar raya Ipoh. Dalam masa yang sama SPAD juga sedang melakukan satu kaji selidik bekalan dan permintaan untuk industri teksi di Kuala Lumpur, Selangor, Ipoh, Johor Bahru, Pulau Pinang, Melaka dan Kuantan. Hasil kaji selidik ini akan digunakan untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif utama untuk menambahbaikkan perkhidmatan teksi di bandar-bandar tersebut.

Sementara itu cadangan oleh Yang Berhormat Kangar mencadangkan agar SPAD...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Limbang. Silakan.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dengan menteri tadi menyebut tentang Teksi 1Malaysia. Kita tahu di Sarawak program ini tidak ada. Apakah kerajaan bercadang juga untuk menyediakan

servis Teksi 1Malaysia dipanjangkan ke Sarawak di mana mereka diberikan bantuan sebanyak *certain amount of* – saya tidak pasti tetapi *certain cost* di mana untuk membantu operator-operator teksi untuk membeli teksi? Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat selaku Pengerusi LPKP di Sarawak. Kita akan panjangkan perkara ini kepada SPAD untuk dipertimbangkan oleh mereka. Saya tidak berani berjanji di sini kerana ini belum dijadikan satu polisi bagi mereka. Kalau dapat dipertimbangkan, *insya-Allah* kita akan maklumkan kepada LPKP Sarawak. Ya terima kasih.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: [Bangun]

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena boleh?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila-sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini pasal teksi. Syarikat-syarikat operator yang mengendalikan teksi ini depa dapat permit, kemudian mereka sewa kepada sewa beli dan sebagainya kepada pemandu-pemandu teksi dengan kos lebih kurang. Kalau teksi merah ini RM50 atau RM30 sehari untuk kereta. Kemudian RM20 caj atas permit teksi sedangkan mereka hanya membayar kepada kerajaan permit itu untuk setahun kalau tidak silap saya dalam RM10 atau RM20 sahaja setahun.

Akan tetapi mereka pungut dan ambil daripada pemandu teksi ini RM20 sehari. Jadi saya kira bahawa tidak adillah untuk mereka mendapat untung atas permit sahaja, RM20 sehari itu saya kira untung besar kalau jumlah dengan sebulan dan sebagainya, tidak sewajarnya untuk mereka mendapatkan keuntungan atas itu.

Jadi bolehkah kerajaan melalui SPAD memastikan supaya kadar sewa permit itu mesti ditentukan terlebih dahulu oleh pihak kerajaan sendiri. Maknanya kena diletakkan bahawa macam mana dibayar kepada kerajaan RM10, begitulah diambil daripada pemandu teksi ini RM10 atau RM20 setahun atau RM2 sehari.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang bertanya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Izinkan saya jawab satu-satu dahulu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini berkaitan dengan – bukan batu satu.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tidak saya jawab. Soalan yang sama kah?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini bukan 'Batu Sumpah'. Ini hanya motosikal punya hal.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tidak, adakah soalan yang sama?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Bukan, motosikal punya hal. Tadi itu permit di Sabah ada motosikal punya masalah kerana Menteri, ini satu undang-undang tidak patut kepada Sabah kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya sengaja tutup *mike*. Yang Berhormat Kota Kinabalu tidak pedulikan Tuan Yang di-Pertua. Minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua jemput baru mula, ikut peraturan. Okey kalau kita menegur Menteri untuk penjelasan, dapatkan ikut peraturan. Kita kena ikut peraturan. Yang Berhormat Menteri benarkan Yang Berhormat Kota Kinabalu?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Sebenarnya kalau boleh Yang Berhormat Kota Kinabalu soal selepas saya jawab kepada ini supaya kita dapat ingat. Okey terima kasih. Saya takut lupa tadi. Yang Berhormat Pokok Sena terima kasih di atas soalan itu. Cadangan itu amat baik tetapi cuma sekarang ini saya hendak nyatakan sekarang ini sebenarnya kita menggalakkan supaya teksi itu kita bagi permit kepada individu. Kita tidak lagi menggalakkan permit kepada syarikat-syarikat supaya kita dapat mengelakkan masalah seperti ini berlaku Yang Berhormat.

Oleh sebab itu sekarang ini kita lihat kalau ada syarikat-syarikat yang tidak aktif penggunaan teksi tersebut kita akan menggunakan kuota yang ada itu diberi kepada individu. Kita tidak lagi memberi kepada syarikat. Jadi maklumat seperti ini amat baik untuk kita siasat dan kalau ada tolong beritahu syarikat yang mana. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cuma Yang Berhormat Menteri saya ingatkan di bawah peraturan kita 35(4) kalau perkara baru Yang Berhormat mencelah pun tidak boleh timbulkan...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Bukan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tetapi berkaitan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Biar saya habiskan dahulu ayat saya, yang lain duduk. Kalau perkara baru tidak boleh ditimbulkan dan Yang Berhormat Menteri pun tidak perlu respons. Kalau tidak kita panjang-panjangkan empat hari tidak cukup. Ya sila. Yang mana satu?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat Pokok Sena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isunya bukan saya hendak kena pergi buat *report* syarikat mana. Sepatutnya SPAD panggil pemandu-pemandu teksi ini untuk mendapat laluan. SPAD kena proaktif dan inilah luahan, rungutan yang dibuat oleh mereka. Saya bersetuju bahawa permit perlu diberikan *direct* kepada individu tetapi saya lihat bahawa permit yang syarikat ini pun tidak pernah berkurangan dan ia tidak akan berkurangan. Mana ada syarikat operator teksi ini yang sudah tidak aktif ini, mesti dia hendak berniaga. Makna dia dapat untung RM20 permit dan RM30 kereta.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih tetapi jangan mengandaikanlah. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang ada. Oleh sebab itu kita dapat memberi permit itu

kepada individu. Jadi yang saya maksudkan tadi ini minta Yang Berhormat beri maklumat oleh sebab Yang Berhormat telah menyatakan perkara itu mungkin Yang Berhormat ada maklumat dan ada kesahihan dan buktinya kalau boleh beri kepada kita. Terima kasih. Tadi saya janjikan kepada batu sumpah, Yang Berhormat Kota Kinabalu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri saya pun tidak faham.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, bukan batu sumpah punya hal.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Ipoh Timur.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini motosikal punya hal.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat, ini bukan kena-mengena dengan motosikal. Kita ini bercakap mengenai Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, bukan kena-mengena dengan motosikal, tidak ada bawa.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini berkaitan dengan undang-undang.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Itu isu lain Yang Berhormat. Tolong tanya pada masa lain, okey terima kasih. Jadi saya hendak sambung jawapan ini. Sementara itu tadi cadangan oleh Yang Berhormat Kangar mencadangkan agar SPAD mengkaji kemungkinan kenderaan-kenderaan yang kecil dan ekonomi digunakan bagi memenuhi permintaan pengangkutan awam di kawasan-kawasan kampung dan pekan-pekan kecil sangat dialu-alukan dan akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Berhubung dengan sistem pengangkutan awam antara Johor Bahru dan Singapura yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tebrau adalah dimaklumkan bahawa pada waktu ini pengangkutan awam sedia ada yang ditawarkan kini adalah mencukupi berdasarkan keperluan semasa. Masalah utama kesesakan lalu lintas di kawasan ini bukanlah berpunca daripada kekurangan pengangkutan awam tetapi disumbangkan oleh beberapa faktor yang lain seperti pemeriksaan di ICQ dan sebagainya.

Walau bagaimanapun kerajaan sedang meneliti masalah ini dan akan mengambil langkah sewajarnya untuk mengatasinya. Seterusnya saya hendak menjawab mengenai – Yang Berhormat Simpang Renggam ada di sini?

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Menteri hendak minta penjelasan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Adakah mengenai SPAD juga, pengangkutan awam darat?

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Ya. Berkaitan dengan SPAD.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya. Daripada jawapan tadi telah mengatakan SPAD sedang membuat kajian untuk menambahbaikkan perkhidmatan teksi di bandar raya seperti Ipoh. Penjelasan saya hendak tanya adalah berapa lamakah tempoh yang diperuntukkan

untuk kajian tersebut dan adakah pihak-pihak pengguna iaitu *end user* iaitu orang ramai terlibat dalam kajian ini.

Oleh sebab ini adalah penting sebab lagi satu adalah adakah kajian dibuat terutamanya di Ipoh tentang infrastruktur yang sedia ada sekarang. Adakah ia mencukupi dan apakah yang akan dibuat kerana di Ipoh sekarang terutamanya hentian-hentian teksi ini langsung tidak ada ataupun hanya satu dua tempat sahaja. Jadi, apakah langkah SPAD untuk mengatasi masalah-masalah ini?

■1830

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat, kerana pada masa ini memang oleh kerana mereka sedang menjalankan kajian. Kalau dikira sama ada orang awam dilibatkan, memang ada secara *random* ya, *random survey*. Dari segi infrastruktur memang juga dalam proses untuk dinaiktarafkan semuanya tetapi oleh kerana bergantung kepada peruntukan tetapi dari segi Ipoh, Selangor, Johor Bahru, Pulau Pinang, Melaka dan Kuantan semuanya sudah termasuk di dalam perancangan. Cuma dari segi hentiannya pula, dari segi hentian teksi bukan di bawah tanggungjawab SPAD kerana itu di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT).

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Itu saya faham, itu sebab saya hendak katakan di sini SPAD patut melibatkan semua pihak, *local authority* untuk membuat satu perancangan yang berintegrasi. Jangan hanya SPAD buat kajian secara tersendiri.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Okey, terima kasih, saya faham. Sebenarnya memang SPAD melibatkan semua dalam perancangannya. Memang SPAD terpaksa melibatkan pihak-pihak tempatan dalam negeri kerana dari segi *bus station* nya, dari segi undang-undang tempatan yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tempatan, mereka terpaksa melibatkan pihak berkuasa tempatan. Jadi sebab itu mereka tidak dapat secara terus untuk pergi ke satu-satu kawasan dan menguatkuasakannya, tidak. Terutama sekali dari segi perkara-perkara yang melibatkan tanah, semuanya memerlukan pihak negeri. Jadi ini bukan hanya melibatkan SPAD. Jadi sebab itu kalau apa pun perancangan, mereka perlu berbincang dengan pihak kerajaan negeri. Okey, terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: [Bangun]

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ini soalan baru kah? Mengenai?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Teksi.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Teksi, terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya berkenaan dengan adakah pihak SPAD sedar bahawa teksi yang ada pada hari ini yang disewa oleh pemandu-pemandu teksi, teksi mereka itu insuransnya ialah insurans *third party*. Maka sebab itu apabila berlaku sesuatu terhadap teksi, terpaksa di kalangan mereka ini kebanyakannya terpaksa pinjam dengan along untuk menyelesaikan apabila berlaku *accident* dengan izin ataupun apa-apa musibah yang berlaku terhadap mereka. Minta penjelasan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat dari ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bukit Gantang, dari Bukit Gantang.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat Bukit Gantang, terima kasih. Yang Berhormat, dari segi insurans tadi memang dari segi insurans oleh kerana apabila ia di bawah satu syarikat, maka setiap kali – ada sekejap ya sebab saya dipesankan banyak lagi isu supaya menjimatkan masa. Dari segi insurans ini, oleh kerana memang ianya di bawah satu syarikat maka itu perlu diuruskan bersama dengan syarikat masing-masing kerana mudah bagi syarikatnya untuk mengawal selia atau memonitor pembaharuan insurans semuanya. Jadi, setakat ini SPAD tidak bertanggungjawab terhadap insurans-insurans secara individu sebegitu sebab itu diperlukan. Sebenarnya insurans memang perlu dibeli, polisi perlu ada untuk setiap pemandu. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Soalan mengenai apa ini Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mengenai SPAD dengan bas di Kuala Lumpur. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, saya ada bangkit dalam ucapan saya yang mana saya minta DBKL haruslah bila mereka meluluskan semua projek bangunan baru, khususnya kondominium yang *density* yang tinggi, mereka harus juga jadi koordinasi kepada pengangkutan awam kerana sekarang kita ada banyak projek baru khususnya projek kediaman di Kuala Lumpur. Jadi, setiap orang yang pindah masuk kena bawa kereta. Sekarang sesak sangat di pusat bandar Kuala Lumpur. Jadi saya hendak tanya, tadi saya dengar jawapan Yang Berhormat Menteri yang kata SPAD ada rancangan di banyak-banyak tempat tetapi tidak sebut Kuala Lumpur.

Jadi, saya hendak tahu apakah perancangan SPAD di Kuala Lumpur khususnya tentang perkhidmatan bas kerana di banyak tempat kediaman termasuk di kawasan saya, bas tidak lalu tetapi semua projek yang *density* tinggi diluluskan oleh pihak DBKL. Saya hendak tahu apakah koordinasi tentang aspek ini?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih. Yang Berhormat, sebenarnya ada soalan berkaitan dengan itu, nanti saya jawab ya. Saya teruskan dengan soalan mengenai *high speed rail* oleh Yang Berhormat Simpang Renggam.

Tuan Koo Soo Seang [Tebrau]: Yang Berhormat Menteri, minta mencelah.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Saya sudah ke soalan yang kedua Yang Berhormat, soalan seterusnya. Tadi saya sudah jawab Yang Berhormat Tebrau. Tidak apa, nanti kalau ada berkaitan saya akan jawab sebabnya banyak lagi isu ini. Kalau tak pun, keluar kita boleh bercakap Yang Berhormat ya.

High speed rail oleh Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Kota Melaka dan Yang Berhormat Kubang Kerian. Semua ada di sini ya? Ada ya? Okey, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Simpang Renggam dan Yang Berhormat Kota Melaka ingin mengetahui status projek *high speed rail* antara Kuala Lumpur dan Singapura. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek tersebut kini berada di peringkat penentuan parameter yang melibatkan penstrukturan butiran terperinci projek termasuk pengenalpastian jajaran dan lokasi stesen, kaedah-kaedah pelaksanaan dan perolehan bersama pihak-pihak berkepentingan termasuk Kerajaan Singapura. Pembinaan dijangka bermula setelah persetujuan terperinci dicapai bersama pihak Singapura dan setelah proses perolehan tamat. Projek ini disasarkan siap dan beroperasi pada tahun 2020.

Jadi bagi menjawab lanjut pertanyaan Yang Berhormat Kota Melaka yang ingin mengetahui mengapakah Melaka tidak dijadikan terminal untuk projek ini. Ingin dimaklumkan bahawa Ayer Keroh di Melaka adalah salah satu tempat yang telah dikenal pasti dan dicadangkan untuk dijadikan salah satu daripada stesen HSR ataupun *high speed rail* berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi lokasi-lokasi stesen HSR yang lain adalah di Kuala Lumpur, Putrajaya, Seremban, Muar, Batu Pahat, Nusajaya dan juga Singapura. Selain itu, Yang Berhormat Kubang Kerian telah mencadangkan agar projek HSR atau kereta api laju ini turut dilaksanakan di Kelantan. Bagi melaksanakan sesuatu projek, *feasibility study* dengan izin, akan dilaksanakan bagi menilai kesesuaian dan pulangan sesuatu projek itu dari segi teknikal dan juga kewangan. Pada masa yang sama, akan dilakukan juga kajian sebagai alternatif bagi mendapatkan pilihan-pilihan lain yang lebih baik untuk dilaksanakan. Pada masa ini, fokus bagi perkhidmatan kereta api bagi sektor Pantai Timur adalah untuk menaik taraf dan membaik pulih landasan pada skala besar. Dalam pada masa yang sama kajian turut sedang dijalankan bagi melihat kesesuaian untuk jajaran baru di Pantai Timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seremban.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak tanya model HSR itu akan menggunakan landasan kereta api yang sedia ada, selari dengan landasan kereta api yang sedia ada ataupun landasan yang baru, dengan *alignment* yang baru. Adakah stesen-stesen kereta api itu akan menggunakan stesen kereta api yang sedia ada terutamanya di Seremban? Adakah ianya akan dibina sebuah stesen yang baru ataupun stesen yang sedia ada?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Okey Yang Berhormat, dari segi...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, tentang adakah kita menggunakan landasan yang sedia ada, saya ingin tanya adakah ini akan juga melibatkan dengan pembelian tanah kerana pembinaan stesen-stesen atau terminal-terminal yang akan membabitkan mungkin tapak yang lebih besar seperti *car park* dan sebagainya. Adakah ini akan terlibat dengan pembelian tanah? Jika ada, sudah kah perancangan atau kerja-kerja mengambil tanah telah dimulakan? Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tumpat, perkara yang sama?

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih, sebab saya sebut tentang kereta api Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua ingat. Adakah juga kerajaan ingin memikirkan bahawa laluan yang direka dan dibentuk oleh penjajah *British* dahulu iaitu kalau dari Kuala Lumpur naik kereta api ke Kelantan hingga ke Tumpat itu, kena turun ke selatan dahulu, ke Gemas, baru naik semula ke utara. Adakah kerajaan mahu menganggap bahawa

pemikiran dan pembentukan laluan seperti itu sudah tentunya tidak sesuai lagi dan oleh itu memikirkan dengan segera dan memutuskan dengan segera tanpa kajian yang berleretan bahawa laluan yang lebih efisien ialah terus dari Kuala Lumpur naik ke utara sampai ke Kelantan misalnya. Terima kasih.

■1840

Terima kasih. Setakat ini, Kelantan belum lagi Yang Berhormat ya. Menyentuh kepada soalan pertama tadi, sama ada— ini sama soalan dengan Yang Berhormat Kota Melaka, sama menggunakan jajaran kereta api yang sedia ada. Dari segi aspek teknikal, kita harus melihat kesesuaian jajaran yang sedia ada. Misalnya, contoh yang boleh diambil adalah HSR memerlukan jajaran yang agak lurus berbanding kereta api biasa bersesuaian dengan kelajuannya. Jadi, terdapat sesetengah laluan pada jajaran kereta api sedia adalah sesuai untuk penggunaan HSR. Selain itu, kesesuaian bagi lokasi stesen HSR turut diambil kira dalam mengenal pasti jajarannya. Jadi, pelan memang sudah ada. Kalau dari segi tanah juga kebanyakannya menggunakan tanah di pesisiran itu yang kebanyakan adalah tanah kerajaan. Kalaupun ada melibatkan tanah orang awam, maka *insya-Allah* ia akan diganti. Akan tetapi setakat ini ia hanya memerlukan tanah di tepi-tepi, *the edge*, dengan izin. Itu adalah kebanyakan tanah kepunyaan kerajaan.

Jadi, soalan Yang Berhormat Tumpat tadi mengenai sama ada kita hendak menggunakan idea orang British dahulukah. Setakat ini mengikut pelan itu, tidak kita terikat kepada itu. Cuma kita mengikut dari segi praktikaliti untuk laluan. Jadi, kita telah nyatakan tadi kawasan-kawasan ataupun lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti setakat ini. Sama ada perlu stesen baru atau tidak, memang perlu ada tempat untuk berhenti di setiap stesen ini melainkan di kawasan Wilayah Persekutuan ataupun di Putrajaya, kita sudah ada stesennya. Jadi, yang lain itu sudah tentu memerlukan stesen yang baru kerana ia satu lokasi yang baru. Maka, ia memerlukan stesen yang baru.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan lagi dengan soalan mengenai— ada Yang Berhormat Gerik di dalam ini? Ada Yang Berhormat Gerik? Kalau Yang Berhormat Gerik tidak ada, saya *limpas* ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, bertulis.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Satu lagi Yang Berhormat Seremban, ada? Tidak ada?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ada, ada.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat Seremban, terima kasih. Mengenai pengangkutan awam antara Seremban ke Kuala Lumpur, mengenai diskaun 30% bagi bas dan adakah diskaun yang sama untuk perkhidmatan komuter ataupun KTM ataupun kereta api. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seremban inginkan maklumat lanjut berhubung pelaksanaan diskaun sebanyak 30% bagi tambang bas untuk laluan Seremban ke Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, diskaun ini akan ditawarkan oleh semua pengendali bas yang beroperasi di laluan berkenaan. Pelaksanaan diskaun sebanyak 30% yang diumumkan tersebut tidak membabitkan perkhidmatan komuter yang disediakan oleh pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian

Yang Berhormat bahawa KTMB telah pun memperkenalkan tiket bulanan yang menawarkan perjalanan bulanan di dalam rangkaian KTM komuter.

Melalui pembelian tiket bulanan ini pengguna perkhidmatan KTM komuter akan menikmati penjimatan sebanyak 33% daripada jumlah sebenar tambang sebulan iaitu pembayaran tambang pergi dan balik hanya untuk 20 hari sahaja untuk penggunaan selama sebulan selain penawaran perjalanan tanpa had di antara destinasi perjalanan yang dicetak di atas tiket bulanan berkenaan.

Yang Berhormat Bukit Bintang ada di sini? Tidak ada. Saya *limpas* sahaja. Sekarang ini Yang Berhormat Seputeh dengan Yang Berhormat Seremban. Dengar ya? Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah mendakwa bahawa sukar untuk SPAD dan kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan untuk menyelaraskan keperluan pengangkutan awam dan menjadi punca mutu perkhidmatan bas berhenti-henti yang tidak memuaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak SPAD sentiasa mengadakan kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri dan PBT dalam merancang dan melaksanakan pembaharuan yang boleh meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam. Sebagai contoh, SPAD dan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negeri di setiap negeri di Semenanjung Malaysia. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Negeri. Di antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah program perintis penambahbaikan bas berhenti-henti yang akan dimulakan di beberapa buah daerah.

Selain itu, punca masalah pengangkutan awam terutamanya bas berhenti-henti bukanlah dari segi pengeluaran permit tetapi antara punca utamanya adalah kerana model perniagaan atau, dengan izin, *business model* yang sedia ada yang tidak lagi *efficient*. Bagi mengatasi masalah ini, model baru perkhidmatan bas berhenti-henti akan diperkenalkan di ibu-ibu negeri secara berperingkat. Model baru ini telah dirancang melalui perbincangan, kajian dan kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri dan PBT seperti yang dinyatakan sebentar tadi. Tadi ada soalan yang menyatakan melibatkan negeri-negeri. Jadi, itulah di antara perkara yang mana kita melibatkan negeri-negeri.

Seterusnya, saya jawab soalan dari Yang Berhormat Bukit Katil. Ada dekat sini? Yang Berhormat Bukit Katil tidak ada. Okey, kita ke...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri, jadi tahun depan kita ada bas berhenti-henti di banyak tempat di Kuala Lumpur. Betul?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: *Insyallah.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Seputeh pun sama.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Sebab Yang Berhormat, kita mengambil kira tempat-tempat yang orang tidak ramai tinggal pun kita ambil sebagai menjalankan *social responsibility* kita. Itu ialah laluan sosial kita kata. Walaupun tidak untung kita tolong. Itulah Kerajaan Barisan Nasional. [*Tepuk*] Terima kasih.

Saya kenakan Yang Berhormat Seputeh supaya dengar hari ini, terima kasih. Akan tetapi saya tahu Yang Berhormat Seputeh memang suka dengan tajuk yang seterusnya. Yang Berhormat Penampang ada sini? Okey, saya jawab soalan mengenai perbezaan di antara definisi perkara 1 dan Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Penampang telah mencelah dan bertanya mengapa terdapat perbezaan definisi *Federation* dalam Perkara 1 dan Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan. Seperti yang kita semua sedia maklum, Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang yang tertinggi di negara ini.

Dalam konteks ini tafsiran Persekutuan di bawah fasal 2, Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan adalah merujuk kepada Persekutuan Tanah Melayu pada hari merdeka. Manakala, konteks maksud Persekutuan yang sedia ada sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 1, perlembagaan adalah merujuk kepada Malaysia yang terdiri daripada negeri-negeri yang disebut satu persatu di dalam fasal 2, Perkara 1, Perlembagaan Persekutuan iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, ingin dijelaskan di sini bahawa Perkara 1, Perlembagaan Persekutuan adalah satu pernyataan bahawa Malaysia merupakan sebuah Persekutuan yang dinamakan Malaysia dengan 13 buah negeri yang terkandung di dalamnya. Dari segi latar belakang sejarah, pada masa negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk menjadi satu Persekutuan yang dinamakan Persekutuan Tanah Melayu.

Seterusnya, pada hari berkuat kuasa Akta Malaysia iaitu pada 16 September 1963, Persekutuan yang dinamakan Malaysia telah terbentuk dengan anggotanya terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sabah pada ketika itu ialah North Borneo, Sarawak dan Singapura. Justeru, tidak berbangkit persoalan adanya perbezaan antara tafsiran Persekutuan dalam Perkara 1 dengan tafsiran Persekutuan dalam Perkara 160.

Seterusnya, kita jawab soalan Yang Berhormat Parit Buntar. Ada di dalam? Yang Berhormat Parit Buntar.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *[Bangun]*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Apa pula hendak suruh Yang Berhormat Penampang bangun?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ini apa Yang Berhormat Kota Kinabalu? Mengenai apa ini? Sumpah lagi? Saya bagi *chancelah you* tanya fasal sumpah.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, beri saya peluang juga nanti.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mahu tanya mana satu Menteri jawab batu sumpah?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Demi Borneo saya tolong jawablah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini bukan main-main punya.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Demi Borneo saya jawab.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tidak. Biarlah saya sambung menjawab.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, sekejap. Berkenaan dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, bolehkah saya minta keterangan lebih terperinci? Dalam definisi Artikel 160(2), maksud *Federation of Malaysia*, dengan izin, adalah *Federation* yang ditubuhkan pada tahun 1957. Walhal, tiada Malaysia sebelum 16 September 1963. Bagaimanakah Artikel 160(2) itu boleh menginterpretasikan Malaysia sebagai wujud tahun 1957? Sila *explain it*, Menteri.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: 'Batu Sumpah', sekejap ya. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Menteri, saya pun sudah tersilap catat 'Batu Sumpah' pula. Yang Berhormat Kota Kinabalu. *[Ketawa]* Sila.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tidak apa. Itu menunjukkan kemesraan Borneo. Di sini saya cuba menghuraikan mengenai Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan. Ia merupakan peruntukan yang mentafsirkan takrif-takrif dan ungkapan-ungkapan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, berdasarkan fasal 2 Perkara 160, melainkan jika konteksnya mengehendaki ataupun *requires*, dengan izin, makna yang lain, tafsiran bagi takrif-takrif dan ungkapan-ungkapan yang dinyatakan dalam fasal 2 Perkara 160 tersebut mempunyai erti sebagaimana yang dinyatakan dalam fasal tersebut dan ini termasuklah ungkapan '*the Federation*'. *The federation*, dengan izin, ditafsirkan di bawah fasal 2 Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan sebagai Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *[Bangun]*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Dengan izin, "*The Federation established under the Malaya Agreement 1957*".

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, *there was no Federation of Malaysia in 1957*.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Belum, belum ini. Oleh sebab itu saya nyatakan ini *Federation of Malaya. I never said Federation of Malaysia*.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Tahu tetapi itu *Article 160 defines Malaysia as a Federation of Malaya*.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Artikel 160 yang saya nyatakan tadi ialah merupakan peruntukan yang mentafsirkan. Mentafsirkan. *Not just a particular provision* mengenai *Malaysia Agreement* sahaja ataupun Malaysia sahaja. Ia mentafsirkan takrif-takrif dan ungkapan-ungkapan dalam Perlembagaan Persekutuan. *You know, it is explained what is the Federal Constitution*, dengan izin bagi memudahkan *explanation*.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *Minister*, minta maaf. Saya cadang bahawa, *to make this right*, dengan izin, *the Federation should be defined as the Federation which is established in 1963 or Malaysian Agreement 1963*.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Saya hendak habiskan. *Can I finish* bagi membolehkan... Terima kasih.

Namun demikian, tafsiran tadi tidak terpakai bagi perkataan '*Federation*' dalam Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana tafsiran dalam fasal 2 Perkara 160 tersebut digunakan dalam konteks yang berlainan daripada peruntukan dalam Perkara 1 yang merujuk kepada Malaysia sebagai sebuah Persekutuan. *That is answered you.* Tafsiran dalam fasal 2 Perkara 160 tersebut mempunyai tujuan lain iaitu antaranya bagi menjelaskan maksud Persekutuan iaitu *the Federation*, dengan izin, pada masa Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957.

Hal ini dapat dilihat...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Minta maaf Menteri. Dengan itu, mana Malaysia? Mana Federasi Malaysia? *Where is the Federation of Malaysia? I understand because the definition is very definite. It says, any reference basically to the Federation is Malaya 1957.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Penampang.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Minta maaf.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Okey, saya sambung...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, sekejap. Tunjukkan saya peraturan mana Yang Berhormat Penampang guna pakai boleh berdialog macam ini?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Oh! Minta maaf, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Saya pun minta maaf. Saya pun terbawa-bawa juga Tuan Yang di-Pertua oleh kerana *excited* hendak jawab. Okey.

Selanjutnya, penubuhan sebuah persekutuan yang dinamakan Malaysia adalah hasil persetujuan yang telah dicapai antara pihak British dengan Persekutuan Tanah Melayu, *North Borneo*, Sarawak dan Singapura melalui Perkara 1 Perjanjian Malaysia yang telah dimeterai oleh wakil pihak-pihak tersebut pada 9 Julai 1963. Perkara 2 Perjanjian Malaysia seterusnya memperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meluluskan suatu akta iaitu Akta Malaysia untuk membuat peruntukan undang-undang bagi melaksanakan persetujuan-persetujuan tersebut. Masih tidak ini ya? *Nevermind, you go back to the Constitution* lah. Terima kasih.

Okey, saya hendak jawab ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tajuk lain.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Saya hendak jawab tadi. Kasihan kawan saya, asyik hendak bertanya siapa yang boleh tolong jawab pasal Batu Sumpah. Saya demi semangat Borneo, saya tolong sahajalah. Saya cuba usahakan kalau ada.

Saya tengok di sini soalan Yang Berhormat Kota Kinabalu yang mengatakan kerajaan... Tadi dia jumpa saya di luar, dia kata Kerajaan Persekutuan telah lupa dan sengaja mengubah fakta pada Batu Sumpah Keningau. Perkara-perkara yang dinyatakan pada Batu Sumpah berkenaan tidak pernah dikhianati. Malah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini ditimbulkan dalam perbahasan?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ya, termasuk dalam perbahasan. Tadi beliau bertanya, "*Sama ada Menteri itu jawabkah*". Jadi saya cuba menjawablah.

Bukan sahaja itu, malah dipelihara dalam Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kenyataan bahawa Batu Sumpah yang terletak di Keningau, Sabah merupakan bukti perjanjian dan sumpah antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah berhubung dengan penubuhan Malaysia adalah tidak tepat sama sekali. Ini adalah kerana penubuhan Malaysia adalah berdasarkan persetujuan yang telah dicapai antara pihak British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah yang pada ketika itu dikenali sebagai *North Borneo*, Sarawak dan Singapura melalui suatu perjanjian bertulis, juga sama seperti saya sebutkan tadi, pada 9 Julai 1963.

Jadi pada Batu Sumpah tersebut ditulis...

"Batu Sumpah peringatan mengikut Perlembagaan.

(i) *Ugama bebas dalam Sabah;*

(ii) *tanah-tanah dalam Sabah dikuasai oleh Kerajaan Sabah..."*

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, ada sikit mahu...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Biarlah saya habiskan dahulu. Minta jawapan, saya jawablah.

"(iii) adat istiadat anak rakyat Sabah dihormati dan dipelihara oleh kerajaan.

Sebalik pula rakyat-rakyat Sabah di dalam interior bersumpah taat setia kepada Kerajaan Malaysia."

Pertama, batu sumpah yang terletak di hadapan Mahkamah Keningau telah didirikan pada tahun 60-an atas perjanjian di antara Parti Pasok Momogun yang diketuai oleh mendiang Yang Berbahagia Datuk G. S. Sundang @ Datuk Gunsanad Samson Sundang dan mendiang OKK Sodomon bin Gunsanad dengan Kerajaan Persekutuan Malaysia untuk menghormati hak kebebasan beragama, adat istiadat anak rakyat negeri Sabah oleh Kerajaan Malaysia dan rakyat negeri Sabah, Penduduk Bahagian Pedalaman Atas (Keningau) bersumpah taat setia kepada Kerajaan Malaysia.

Okey, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri begitu kasi muka kepada Kota Kinabalu. Akhirnya ada satu Menteri yang bertanggungjawab supaya ini Batu Sumpah boleh dapat dijawab.

Akan tetapi Menteri, saya mahu bagi tahu, bukan hanya... Ada di sini, kalau kita lupa. Oleh kerana ada Pakatan, kita yang bisinglah. Ini kerana dalam Batu Sumpah, ada *sentence* sana, "*Kerajaan Malaysia jamin*". *Means*, tiga perkara itu. Jadi dalam tiga perkara ini, tadi kita sebut itu betul tapi Menteri saya buat soalan ini di dalam Parlimen, ia begitu serius kerana ini Batu Sumpah ialah orang asal dalam pedalaman Sabah angkat ini Batu Sumpah jadi dia punya *constitution*, perlembagaan. Jadi dia orang boleh nampak, *smell and touch*. Itu yang

dia orang boleh nampak. Jadi ada satu *ceremony*, tiap-tiap tahun dijanji mesti mahu ada satu *ceremony* di Batu Sumpah oleh dia orang punya *high priest*, oleh orang asal.

Jadi Menteri, saya mahu bagi tahu, ini Batu Sumpah sudah kena lupa pula. Dalam kita punya *history*, di buku pun, Samson pun tiada disebut dalam ini Batu Sumpah kerana ini satu yang menjadi hormat kepada orang asal. Jadi saya mahu tanya Menteri, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk kembalikan syarat-syarat itu? Kerajaan Malaysia jamin, itu yang penting. Sekarang rakyat tanya, apa hal, Kenapa itu Batu Sumpah kena ubah? Kenapa hilang?

■1900

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Okey. Baik Yang Berhormat. Ya, tidak perlu diulang. Saya tahu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Jadi, Batu Sumpah itu yang palsu punya, bukan yang betul punya.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Biarlah saya jawab. Saya menjawab bukan dari segi fizikal Batu Sumpah itu. Saya menjawab berdasarkan apa yang ditulis di Batu Sumpah, itu yang dijadikan pengisian untuk dinyatakan dalam Perlembagaan. Di sini saya nyatakan bahawa kenyataan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak memelihara hak-hak negeri Sabah di bawah Perjanjian Malaysia adalah tidak benar. Ini kerana berdasarkan kepada Perjanjian Malaysia, Akta Malaysia, apa yang tertulis di Batu Sumpah tersebut pada tahun - Akta Malaysia 1963 serta peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan, negeri Sabah diberikan beberapa kedudukan istimewa dari segi kuasa perundangan dan eksekutif berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, di samping kedudukan istimewa anak negeri Sabah yang turut dilindungi di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Di antara kedudukan istimewa yang diberikan kepada negeri Sabah dan Sarawak juga yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan adalah berkenaan dengan imigresen, kewarganegaraan, perwakilan negeri Sabah dan Sarawak dalam Parlimen, bidang kuasa mahkamah di negeri Sabah dan Sarawak, tanah, kerajaan tempatan, pengagihan kuasa perundangan, kuasa eksekutif negeri Sabah dan Sarawak ke atas perkara-perkara dalam kuasa perundangan negeri-negeri tersebut.

Perkiraan khas mengenai kewangan, agama, bahasa dan kedudukan istimewa anak-anak negeri Sabah dan Sarawak. Kelayakan, kemastautinannya untuk menjalankan amalan di hadapan mahkamah di dalam negeri Sabah dan Sarawak iaitu dengan izin, *residence qualification to practice before court in Sabah and Sarawak*. Turut dijamin adalah *constitutional safeguards* dengan izin, yang memperuntukkan bahawa apa-apa pindaan terhadap keistimewaan yang diberikan kepada negeri Sabah dan Sarawak tidak boleh dipinda tanpa persetujuan negeri-negeri tersebut.

Jadi dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, perjanjian bagi menubuhkan sebuah persekutuan yang dinamakan Malaysia telah ditandatangani antara pihak-pihak yang telah saya nyatakan tadi. Sebenarnya kalau hendak cerita panjang, tetapi memadai Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Apa yang dihasratkan di hati, yang ada tertulis di batu sumpah itu memang sudah terbuku di dalam Perlembagaan. Jadi saya rasa...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ini Sabah punya hal. Saya hendak sambung soalan lain lagi.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat, saya hendak tanya sedikit boleh?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Mengenai?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Berkaitan dengan Batu Sumpah juga.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ini bukan orang Sabah, hendak tanya juga?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tidak apalah. Ini hal Malaysia.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Saya hendak nyatakan di sini sebab ini adalah maklumat yang *additional*. Kalau cukup dapat dimaklumkan kepada Yang Berhormat, saya jawab. Kalau tidak, saya mohon maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Beralih kepada isu lain.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat, boleh ya?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Itulah, sebab Yang Berhormat...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Sedikit sahaja. Saya hanya hendak tanya berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu tadi, dia ada satu poin, dia kata kenapa dalam Batu Sumpah dari segi fizikalnya perkataan 'Kerajaan Malaysia jamin'. Perkataan itu sengaja dikaitkan. Itu soalnya. Kenapa dalam...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat, apa yang penting ialah perkataan-perkataan yang ada di situ yang dijadikan satu perjanjian, yang dijadikan syarat dalam Perlembagaan, sudah ada dalam Perlembagaan perjanjian itu. Jadi, tidak ada masalah lagi.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Jadi kenapa...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kalau ditanya dengan saya fizikal itu, saya bukan orang Sabah, saya tidak tahu. Kalau mengikut sejarah, kita tidak tahu. Mungkin bagaimana ia hilang, mungkin oleh sebab di atas batu. Kita tidak tahu macam mana ia boleh hilang. Minta maaf Yang Berhormat, itu saya tidak boleh jawab. Apa yang penting, hak-hak dan syarat-syarat ataupun kelayakan keistimewaan untuk orang Sabah termaktub di dalam Perlembagaan. Itu Yang Berhormat penting Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Saya teruskan untuk...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Sudahlah Yang Berhormat. Sudahlah saya tolong jawab...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Akan tetapi dalam Perlembagaan, tiada tertulis 'Kerajaan Malaysia jamin'. Orang asal tidak mahu...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Saya tidak boleh jawab lagi itu sebab yang penting isi kandungannya sudah tertera di dalam Perlembagaan. Itu yang penting. Kita punya hak

keistimewaan orang Sabah dan Sarawak termasuk di dalam Perlembagaan. Itu yang penting. Kita tidak mahu cerita fasal batu...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, pada masa itu orang asal pun ada Perlembagaan tetapi dia tidak mahu percaya Perlembagaan, dia mahu percaya Batu Sumpah.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit Buntar ada di sini tidak? Itu Yang Berhormat yang tidak percaya, bukan orang tidak percaya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Itu sumpah dengan darah. Jadi sekarang tiap-tiap tahun *ceremony*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat Parit Buntar tidak ada ya? Yang Berhormat Parit Buntar tidak ada, saya jawab untuk Yang Berhormat Bandar Kuching. Ini kawan saya, tetapi dia sekejap-sekejap jadi bukan kawan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kami pun kawan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Putatan mengenai – Saya rasa ini sudah dijawab tadi oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Abdul Wahid mengenai dianaktirikan. Oleh sebab saya tidak dapat jawab dari segi pembangunan, jadi saya *let go*. Itu sudah dijawab oleh rakan kita Yang Berhormat Senator.

Saya teruskan. Senyum rakan saya Yang Berhormat Bandar Kuching. Itulah semangat Borneo dia, baik. Yang Berhormat Batu Kawan ada di sini tidak? Yang Berhormat Batu Kawan tiada, *pass*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bukan *pass*, jawapan bertulis.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Silam ada di sini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tiada.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tiada, *pass*. Kita boleh beri jawapan bertulis. Seterusnya, ini Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Bandar Kuching, ada lagi. Yang Berhormat Bandar Kuching ada, Yang Berhormat Seputeh ada. Ini soalan cepu emas mengenai pendakwaan terpilih. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah mendakwa ada amalan pendakwaan terpilih serta penyalahgunaan dakwaan di bawah Akta Hasutan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Peguam Negara tidak mengamalkan pendakwaan terpilih terhadap mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang. Ini sebagai peguam perlu memahami ini.

Untuk makluman, sebelum pendakwaan dimulakan, terdapat beberapa proses yang perlu dipatuhi di bawah Kanun Tatacara Jenayah. Pertamanya, perlu ada aduan dilaporkan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang, misalnya pihak polis, di bawah seksyen 107 Kanun Tatacara Jenayah. Setelah itu, siasatan akan dijalankan oleh agensi berkenaan dan kuasa-kuasa siasatan adalah seperti yang diperuntukkan di bawah Bab 13, Bahagian V kanun yang sama. Jadi setelah siasatan dilengkapkan, kertas siasatan akan dikemukakan

kepada pendakwa raya. Sekiranya terdapat keterangan dan bukti yang kukuh bahawa seseorang individu telah melakukan kesalahan di bawah sesuatu undang-undang, individu tersebut akan didakwa mengikut peruntukan undang-undang. Undang-undang tersebut tanpa mengira status individu berkenaan.

Kuasa untuk memulakan pendakwaan ini terletak hak ataupun dengan izin, *vested* pada Peguam Negara seperti mana fasal 3 Perkara 145 Perlembagaan yang memperuntukkan kuasa budi bicara Peguam Negara untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan selain prosiding di hadapan Mahkamah Syariah, Mahkamah Anak Negeri atau Mahkamah Tentera. Keputusan tersebut dibuat dengan adil, tidak memihak kepada sesiapa dan berlandaskan teras integriti bagi memastikan mangsa, saksi, tertuduh dan orang awam memperoleh keadilan dengan sewajarnya.

Ada juga berkaitan dengan perkara yang sama di sini...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Belum habis saya rasa. Ada lagi perkara yang – Kalau *you* hendak tanya yang ada sebab ada berkaitan dengan isu yang sama.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ada. Kita ada.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Saya hendak jawab ini, kuasa pendakwaan oleh Peguam Negara. Yang Berhormat Gelang Patah tidak ada di sini. Yang Berhormat Indera Mahkota tidak ada di sini. Kalau Yang Berhormat Indera Mahkota tidak ada di sini, saya hendak terus kepada...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya fasal...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Peguam Negara menjawab di Parlimen. Yang Berhormat Bakri ada? Yang Berhormat Bakri tidak ada. *[Disampuk]* Mana? Yang Berhormat Bakri di sana. Okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Nanti ada sebab saya tahu *where your are heading*. Terima kasih. Saya *reserve* itu untuk kamu semua.

Jadi untuk Yang Berhormat Bakri Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga cadangan untuk membolehkan Peguam Negara untuk hadir dan menjawab sendiri isu-isu di bawah Jabatan Peguam Negara di Parlimen. Sebagai Ahli Parlimen, kita sedia maklum bahawa kita membolehkan seseorang menjawab apa-apa isu yang dibangkitkan di Parlimen. Seseorang itu hendaklah merupakan Ahli Parlimen iaitu sama ada seorang Ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli Dewan Negara.

Pada masa ini, jawatan Peguam Negara disandang oleh seorang yang bukan merupakan Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Negara. Ia tidak seperti amalan di beberapa negara lain di mana seseorang Menteri itu juga merupakan pemegang portfolio Peguam Negara. Oleh itu, Peguam Negara Malaysia pada masa ini tidak boleh menjawab apa-apa isu berkaitan yang dibangkitkan di Parlimen secara langsung kerana bertentangan dengan

peruntukan dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Jadi itu Yang Berhormat Bakri ya, jawapannya.

■1910

Seterusnya mengenai Ibrahim Ali tidak didakwa? Saya jawab dahulu baru *you* tanya ya. Saya tahu *you* hendak tanya fasal itu. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan mengapa tiada pendakwaan ke atas Dato' Ibrahim Ali yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Saya hendak nyatakan di sini Jabatan Peguam Negara telah pun mengeluarkan kenyataan media yang telah memaklumkan secara terperinci terhadap justifikasi mengapa pendakwaan tidak dilakukan di dalam kes tersebut.

Kenyataan penuh ini boleh dirujuk di laman web www.agc.gov.my. Tuan Yang di-Pertua, kita mengamalkan kesederhanaan dalam keagamaan dan kita tidak sesekali pernah atau akan menyokong ekstremisme dalam hal ini. Seperti yang telah saya jelaskan sebentar tadi berhubung kuasa memulakan pendakwaan telah jelas termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Kanun Tatacara Jenayah bahawa ia terletak hak pada Peguam Negara. Jadi sebagai anggota pentadbiran, kita tidak pernah dan tidak akan campur tangan dalam mana-mana penyiasatan kes yang dikemukakan kepada Peguam Negara untuk dipertimbangkan.

Terpulanglah kepada Peguam Negara untuk mengkaji kes tersebut dan menimbang keterangan yang ada dan kebarangkalian untuk kes pendakwaan berjaya dibuktikan di mahkamah mengikut rukun asas dan prinsip undang-undang, prosedur dan amalan yang telah mantap di negara ini. Saya bagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri pertamanya saya hendak betulkan sedikit. Tadi Yang Berhormat Menteri kata sebarang tindakan jenayah mesti ada laporan di bawah seksyen 107 CPC. Saya rasa telah ada kes mahkamah, telah diputuskan bahawa *first information report* itu bukan satu kewajipan. *It's not an obligation for the police to initiate investigation*. Dengan erti kata lain, jika tiada polis *report* pun tidak ada *first information report* still pihak polis boleh siasat.

Saya rasa apa yang menteri kata tentang peruntukan Perlembagaan, Artikel 145, sub artikel 3 itu, kita tidak pertikaikan ada di situ. Akan tetapi persoalannya Menteri ialah orang ramai dapat melihat berlakunya amalan pendakwaan terpilih itu. Kalau kita bercakap tadi bahawa kita mengamalkan Islam yang sederhana. Kalau sederhana itu *wasatiyyah* itu kita tidak boleh mengeluarkan kenyataan tidak menghormati agama lain iaitu dengan kita mengatakan untuk membakar bible. Itu adalah kitab suci yang dipercayai oleh sesetengah agama lain.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Soalan Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Soalan saya ialah...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Soalnya...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bagaimanakah jawapan Menteri mengatakan Islam sederhana, tiba-tiba apabila ada amalan yang melampau yang tidak

sederhana, tiba-tiba tidak ada tindakan. Jadi jawapan Menteri itu, menunjukkan jawapan yang bertentangan dengan apa yang dikatakan Islam sederhana itu. Kalau kita mengatakan Islam sederhana, sebarang tindakan yang melampaui...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Mesti diambil tindakan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Saya rasa saya sudah faham soalan itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kedua, kedua sekejap Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Itu sudah berceramah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang keduanya saya hendak tanya...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Itu sudah berceramah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan ceramah. Soalan, Yang Berhormat Menteri kena faham benda ini.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Sebab itu saya hendak jawab. Takut saya terlupa nanti, salah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sikit, sikit lagi. Keduanya saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Saya hendak katakan kalau kita katakanlah kita tidak hendak dakwa Ibrahim Ali kerana dia memberikan kenyataan mempertahankan agama. Sampai sekarang saya tidak faham di manakah kenyataan Ibrahim Ali itu dikatakan mempertahankan agama Islam. Ajaran Islam mana yang membenarkan kita membakar bible? Itu kedua.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau hendak bercakap tentang kebebasan bersuara sepatutnya dua orang individu yang sepatutnya betul-betul dijaga hak dia iaitu Profesor Azmi Shahrom bercakap sebagai seorang Profesor Undang-undang diambil tindakan, itu yang pertama. Keduanya, mendiang Karpal Singh bercakap tentang bidangnya undang-undang, tiba-tiba didakwa di mahkamah inilah perbuatan yang terang-terang bertentangan dengan Perlembagaan. Bukan apa yang dilakukan oleh Ibrahim Ali itu. Itu perbuatan melampau yang bertentangan Islam sederhana.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tidak perlu teriak Yang Berhormat saya boleh dengar.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan teriak kita hendak bagi *emphasize* penekanan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tidak perlu teriak. Kita ini Dewan ini senyap sunyi, saya boleh dengar. Saya belum 'bengar' lagi. Okey, cukup-cukup.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sebab di luar lagi orang teriak salah guna kuasa ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi – saya hendak Yang Berhormat faham. Saya menjawab keadaan di mana perkara itu telah berlaku. Apabila telah berlaku, saya tidak dapat mengubah keadaan yang telah berlaku jadi saya

menjawab apabila ditanya kenapa perkara itu berlaku, kenapa tidak dijawab masa itu. Masa itu. Jadi jangan samakan saya dengan keadaan di mana saya mengatakan kita tidak menyokong ekstremisme, memang betul pun. Kita sedangkan sampai kerajaan kita mewujudkan *GMM, The Global Moderate* macam-macam untuk mempromosi *moderation* dalam negara kita.

Akan tetapi, apabila soalan itu diajukan perkara itu telah berlaku bertahun yang lalu. Jadi saya kalau Yang Berhormat menonton wayang, kalau ditanya bagaimana keadaan wajah wayang itu. Dijawab mengenai wayang itu. Jadi tidak semestinya saya menyokong apa yang dilakukan oleh Ibrahim Ali. Akan tetapi saya hanya menjawab apakah yang berlaku dalam konteks itu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya minta pencelahan...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [*Bangun*] Menteri berkuasa ini, Menteri berkuasa dia boleh buat tindakan, boleh ambil tindakan. Itu sebab...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Duduk dulu Yang Berhormat saya belum habis. Saya – kalau begitu Yang Berhormat jangan terus menyambung sebab saya hendak jawab soalan. Kita...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya masih menunggu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat bayan Baru dan Yang Berhormat Kapar ikut peraturan, ikut peraturan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat kena tahu beza di antara keadaan itu bagaimana berlaku. Saya menjawab keadaan itu berlaku pada masa itu dan yang mempunyai kuasa di bawah undang-undang yang saya nyatakan di dalam kuasa pendakwaan tadi. Yang Berhormat menyatakan, "*Oh polis boleh conduct investigation.*" Memang kalau ada dimaklumkan makna kalau polis tidak dimaklumkan, tidak ada *information* atau aduan mana polis dapat bertindak.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Adakah itu bermakna tidak ada laporan polis?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Apa dia?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ada, kan?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ada.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kah tidak? Kalau ada laporan polis tapi kenapa...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat duduk. Yang dilaporkan adalah dari segi kes yang saya jawab tadi mengenai Ibrahim Ali dalam kes di mana apabila yang tiga orang yang telah membawa kes tersebut membawa bible dan seterusnya ini semua telah dinyatakan dan telah dilaporkan kepada pihak polis. Pihak polis berpendapat itu bukan dalam kuasa kita masa itu. Kalau pada masa ini kalau saya menyatakan kalau perkara itu berlaku pada masa ini, saya boleh bertanya. Ini cerita ini sudah lama. Jadi saya hanya merujukkan...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [*Bangun*]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat, saya hanya merujuk kepada soalan yang berlaku pada masa itu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, minta pencelahan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Dalam konteks pada masa itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri setuju kah tidak dibuka semula kalau dikatakan sekarang ini dibuka semula seperti mana perjuangan kata?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat saya menyerahkan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Betulkah tidak?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat, okey.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri lama minta...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Setujukah dibuka semula kes Ibrahim Ali ini didakwa

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat saya serahkan kepada pihak yang bertanggungjawab iaitu pihak *Attorney General*. Saya percaya mereka mendengar keluhan kita ini dan mempunyai pandangan sendiri.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kalau saya katakan AG tolong buka kes itu balik. Kalau dia katakan, kalau pihak Peguam Negara mengatakan tidak ada cukup bukti, apa yang kita hendak katakan.

Seorang Ahli: Menteri, Karpal...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri jangan lari tanggungjawab! [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, ya Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk sekejap. Semua duduk, semua duduk. Yang Berhormat Sepang...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Mereka ini belum lagi menjadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Barat duduk sekejap.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Adakah ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri duduk sekejap, duduk sekejap. Kita ini bercakap tentang undang-undang. Kita bercakap fasal hak. Yang Berhormat Bandar Kuching, saya sedang bercakap ini. Kalau kita bercakap tentang undang-undang, kita patuhilah undang-undang dan peraturan yang kita telah bersetuju dalam Dewan ini. Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, benar tak lagi mencelah lagi? Kalau tidak benarkan saya hendak...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya dari tadi minta.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tidak ada lagi mencelah tapi saya jawabkan ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Okey, sedikit sudahlah.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kalau kita sebagai ahli pentadbiran kami merasakan Peguam Negara dan pegawai-pegawainya, mungkin merekalah yang mempunyai kuasa yang kita tahu. Kita tahu mereka mempunyai kuasa dan mereka mendengar keluhan kita apa yang dijadikan rungutan kita semua.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Saya hendak nyatakan di sini jawapan ini adalah jawapan seperti mana – saya tidak mahu lagi dipermainkan oleh pihak-pihak pembangkang...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Mana ada mainkan, mana boleh samakan jawapan dengan tengok wayang.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Cukup-cukup.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jawapan Menteri melibatkan rakyat mempermainkan. *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Hendak samakan jawapan Menteri dengan tengok wayang. Apa ini, samakan jawapan Menteri dengan tengok wayang.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Menteri setuju pandangan daripada AG?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: *Anyway*, soalan yang ditanya tadi sudah dijawab okey. Sudah dijawab di mana kuasa...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Lepas itu suruh kita...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Menteri tidak boleh berkata sedemikian.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: ...Kepada Peguam Negara yang menjadi pendakwa raya di bawah Perlembagaan. Okey, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kalau kasar sangat, tidak bawa, jawablah.

■1920

Jadi, saya rasa sekianlah jawapan saya sebab saya memang sediakan... *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini cara lagi. Bila kita desak...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No*, ini...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Mengenai Shahrom, Profesor Sharom...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: ...Terima kasih duduk. Ini cara dia.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sudah habis?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kita tak dapat bincangkan kini kerana kes itu masih dalam mahkamah sekarang ini. Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri daripada Ahli Parlimen Muar. Sila.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No*, *arm security* belum jawab lagi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya minta tentang Akta Hasutan, alternatif Akta Hasutan belum jawab.

7.20 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, ini *acting* paling bagus. Memang wayang punya.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar. Ya. Sila Yang Berhormat Menteri Muar.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Datuk sekejap.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sekejap. Saya rasa perkara ini...

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Kenapa tanya saya pula? Tanya Tuan Yang di-Pertua...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sekejap.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri berkenaan telah siap menjawab dan sila Yang Berhormat Muar.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Boleh saya dapat kepastian kerana...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Barat sila duduk. Ya, sila. Sila.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Ya, *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Datuk...

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: ...Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk menyambung atas perkara-perkara terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh 18 orang Ahli Yang Berhormat berkaitan agensi Jabatan Perdana Menteri iaitu FELDA, PEMANDU dan SPRM sepanjang perbahasan Belanjawan 2015 peringkat dasar pada tahun ini.

Ahli Yang Berhormat Lenggong merujuk kepada isu perumahan generasi kedua FELDA. Ingin saya maklumkan bahawa FELDA menyedari hakikat bahawa selain ladang-ladang kelapa sawit dan getah, aset terpenting FELDA adalah generasi baru. Justeru, generasi baru inilah yang bakal menjadi generasi pewaris legasi FELDA yang mempunyai tanggungjawab dan peranan besar dalam memastikan masa depan FELDA terus terjamin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa projek perumahan telah dilaksanakan di dalam kawasan FELDA bermula dengan Perbandaran FELDA Jaya dan Perumahan Warga FELDA (PWF). Ia diikuti dengan Perumahan Generasi Baru FELDA (PGBF) Sentuhan Kasih FELDA dan Pinjaman Pembesaran Rumah Peneroka. Pelaksanaan projek-projek ini adalah setelah meneliti kepada kedudukan lokasi, kesesuaian tapak dan permintaan daripada generasi baru. Mengenai pembiayaan pembinaan perumahan ini, harga tawaran PGBF adalah seperti yang diputuskan oleh pengurusan FELDA telah pun mengambil kira beberapa perkara utama seperti kos pembinaan bangunan, infrastruktur serta kos tanah. Harga PGBF ini masih lagi rendah berbanding kos pembinaan sebenar.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan agar inisiatif penyediaan kemudahan perumahan ini dapat memberi manfaat kepada generasi baru FELDA, usaha mencari kaedah terbaik agar generasi FELDA mampu memilikinya sedang dijalankan. Beberapa siri perbincangan bersama pihak-pihak institusi kewangan tentang kaedah terbaik bagi

permohonan pinjaman generasi baru termasuk bagi pemohon yang tiada slip gaji turut diperbincangkan.

Perbincangan bersama Syarikat Jabatan Kredit Perumahan (SJKP) iaitu syarikat milik penuh Kementerian Kewangan dan beberapa buah bank tempatan turut diadakan bagi menangani masalah pembelian PGBF ini. Beberapa kaedah telah disyorkan yang mana masih menjadi kajian Lembaga FELDA dan akan diputuskan tidak lama lagi. Ini termasuklah melihat kepada kaedah yang dilaksanakan oleh lain-lain agensi seperti skim sewa beli. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kalabakan...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong, Lenggong sedikit.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Ya.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Isu perumahan kepada generasi muda FELDA penting dan saya percaya kerajaan melalui kementerian dan Yang Berhormat Menteri mempunyai pelbagai pendekatan dan usaha untuk menyelesaikan isu dan masalah ini. Ini kerana apabila generasi muda FELDA tidak ditempatkan di tengah rancangan FELDA, ia memberi pelbagai kesan. Antara kesannya ialah kekurangan jumlah pelajar di sekolah-sekolah.

Hari ini kita dapat perubahan yang ketara. Ia juga kerana generasi awal yang duduk di FELDA adalah sudah, kalau boleh saya istilah tidak produktif lagi untuk itu. Jadi, apakah FELDA tidak boleh mengkaji kalau dibenarkan tanah yang dimiliki diberi kepada setiap peneroka FELDA itu dibenarkan untuk – kalau anak peneroka FELDA mampu untuk membina rumah sendiri. Benarkan. Bila ini dibenarkan dia boleh menyelesaikan juga masalah yang sedia ada.

Kalau ini boleh dilakukan oleh FELDA, saya ingat banyak juga anak-anak peneroka mampu untuk membina sendiri. Sekarang ini hanya dibenarkan ialah kalau nak kita sambung kepada rumah sedia ada. Akan tetapi kalau boleh dibenarkan hal ini. Saya rasa ini satu cara dan pendekatan yang baik. Yang lainnya, saya harap dah diluluskan perumahan generasi muda FELDA di Lenggong itu, minta dipercepatkan lah.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Sebenarnya apa yang dibangkitkan Yang Berhormat Lenggong itu sangat menarik dan sangat mustahak untuk diperhatikan. Oleh sebab itu saya mulakan dengan melihat generasi baru FELDA ini sebagai generasi yang penting. Ini sebab sewaktu saya bersama Yang Berhormat Lenggong ketika pergi ke wilayah Trolak di kawasan Yang Berhormat, maklumat mengenai kebanyakan sekolah di kawasan FELDA Yang Berhormat sudah tidak mempunyai murid ataupun menjadi sekolah kurang murid merupakan satu indikator yang mustahak.

Maknanya memang perlu disegerakan, cumanya cadangan untuk membina sebuah lagi rumah di atas tapak peneroka itu tidak dapat saya katakan boleh pada hari ini kerana ia

disebut secara jelas di dalam perjanjian, di mana satu suku ekar itu hanya untuk sebuah rumah. Walaupun saya setuju boleh dikembangkan. Ada juga kawasan FELDA di mana kawasan rumah *indoor* itu dibuat pertambahan untuk anak duduk. Akan tetapi untuk mengatakan dalam satu tapak lot untuk dua buah rumah sebenarnya tidak boleh kita benarkan kerana ia disebut secara jelas di dalam perjanjian ataupun di dalam Akta Tanah, *settlement* FELDA itu.

Namun begitu, apa yang ingin saya tekankan ialah penekanan kepada keperluan untuk menyediakan rumah agar kalau tidak semua pun, ada anak-anak generasi baru ini dapat terus tinggal bagi kita terus menjaga dan menjamin masa depan FELDA itu sangat mustahak untuk kita laksanakan. Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Kalabakan...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Paya Besar bangun.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Lenggong tadi, kenapa tidak FELDA mengkaji balik tanah-tanah yang tidak bersesuaian ataupun tidak ekonomik untuk ditanam dengan kelapa sawit ini? Tak bolehkah tanah ini kita sub-lot kan dan kita beri kepada anak-anak peneroka untuk membina rumah? Terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Ini pun ada satu lagi cadangan iaitu melihat kawasan yang tidak produktif. Akan tetapi masalahnya kalau tidak ditanam sawit maka tidak ada hasil. Akan tetapi saya rasa mungkin Yang Berhormat juga berpandangan masih ada lagi tanah-tanah kawasan FELDA yang belum dibangunkan langsung. Cumanya kawasannya di pinggir bukit yang perlu kita lihat. Sebab itu kita akan teruskan Yang Berhormat, kita minta untuk mencadangkan seperti di kawasan Segamat dikemukakan kepada FELDA. Kawasan itu memang tidak adapun kelapa sawit, tidak pun ada rumah tetapi tanah itu milik FELDA dan dicadangkan untuk pembinaan. Itu pun kita akan lihat bergantung kepada permintaan keperluan kos dan juga kemampuan pembiayaan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri... Masih lagi perkara yang sama...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Lenggong. Sila.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat perkara ini penting. Saya faham tentang perjanjian yang ada mengenai beberapa buah rumah yang perlu disediakan. Akan tetapi, saya minta kalau FELDA dan kerajaan kaji, benarkan. Saya percaya ramai anak FELDA yang berkemampuan untuk bina sendiri. Maknanya yang ini satu lagi program. Kalau dia ada, barangkali ada sesetengah peneroka FELDA ada anak seorang saja, dua orang saja. Jadi, benarkan dan dia bina rumah di tanah suku ekar tadi dan di tanah-tanah yang disebut oleh Yang Berhormat Paya Besar tadi.

Saya minta kalau boleh dikaji perkara ini dan dibenarkan di samping kita meneruskan program generasi muda yang lain. Itu Yang Berhormat Menteri.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih saya akan bawa perkara itu. Saya faham kenapa perkara itu nampak boleh dilaksanakan apabila kita menyediakan pembiayaan pembesaran rumah peneroka sebanyak RM40,000 pinjaman untuk membina. Ramai peneroka menggunakan dana tersebut bukan hanya untuk membaik pulih rumah sedia ada tetapi juga menambah rumahnya untuk didiami oleh anak-anak mereka.

Cumanya buat masa ini berikutan adanya sekatan tersebut, saya hanya boleh menyatakan di Dewan yang mulia bahawa di atas tanah itu hanya boleh dibina sebuah rumah peneroka, tidak boleh diwujudkan unit-unit lain. Namun begitu, pandangan ini akan saya angkat kepada pihak lembaga, sama ada mengekalkan apa yang ada atau nak mengambil itu sebagai satu perkara atau pendekatan yang boleh menyelesaikan masalah perumahan warga generasi baru di kawasan FELDA.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan rumah generasi kedua ini, saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, kalau tadi Yang Berhormat Lenggong ada cadangkan satu tapak rumah yang suku ekar milik peneroka itu diberikan juga untuk generasi kedua membina rumah ini.

Oleh sebab untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya dapat maklumat ada di kalangan rakan-rakan dah pun membina rumah-rumah generasi kedua di tapak rumah peneroka tersebut. Cuma oleh sebab syarat itu meletakkan mesti ada sambungan antara rumah peneroka dengan rumah generasi kedua maka mereka buat juga sambungan tetapi sambungan macam susur gajah sahaja dari rumah peneroka kepada rumah generasi kedua itu.

■1930

Adakah itu dibenarkan dalam syarat yang terkandung dalam perjanjian itu atau jika katakan ada dua, tiga keluarga juga hendak melaksanakan perkara yang sama, adakah boleh dibenarkan kaedah tersebut?.

Dato' Razali bin Ibrahim: Dari segi undang-undang, saya anggap saya tidak berapa dengarlah soalan itu ya. Memang ada dakwaan yang mengatakan bahawa- dia macam-macam helah yang dibuat oleh orang kita, rakyat kita. Saya tidak boleh kata benda itu boleh. Namun begitu, kita tahu bahawa penyambungan itu dibuat kalau macam rumah *separate wings*, dengan izin, yang didiami oleh keluarga yang tidak pun langsung tetapi masih menggunakan meter dan dalam erti kata mudah, satu rumah. Berapa besar dia buat di atas tanah dia itu tidaklah kita ambil kira sangat tetapi kalau jelas ada pelanggaran memang pada saya itu ialah suatu kesalahan.

Saya tidak mahu mengatakan bahawa perkara itu wujud dan pihak FELDA membiarkan ianya dilaksanakan kerana tidak boleh. Akan tetapi saya faham apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang kerana rumah itu sangat besar. Menunjukkan bahawa kemampuan orang FELDA ini sangat tinggi dan diletakkan anak ataupun ahli

keluarga di *extension* ataupun tambahan kepada rumah asal yang diberikan kepada peneroka.

Akan tetapi untuk mengatakan boleh, saya tetap mengatakan bahawa mengikut peraturan yang ada, tidak boleh dibenarkan membina lebih daripada satu rumah di atas lot rumah yang disediakan kepada peneroka. Namun begitu, saya rasa semua 50 lebih kawasan Parlimen yang ada kawasan FELDA mengalami masalah ini. Kita akan secara bersama berbincang bagaimana dapat kita mengatasi masalah perumahan yang sangat diimpikan oleh generasi baru.

Yang Berhormat Kalabakan juga menyentuh tentang perancangan projek perumahan generasi baru FELDA PGBF di FELDA Umas. Disebut juga semasa berbahas yang beliau lancarkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pelaksanaan projek PGBF di FELDA Umas sama seperti perancangan di Semenanjung. Di mana sebelum satu-satu projek dilaksanakan, pihak FELDA Engineering Services Sdn. Bhd. akan melakukan kajian selaku *project management consultant* dan cadangan itu akan dikemukakan kepada pihak Lembaga FELDA untuk diputuskan. Bagi projek PGBF FELDA Umas, 5 buah syarikat telah disenarai pendek untuk dinilai harga kontrak iaitu syarikat pembangunan An-Nur Jaya Sdn. Bhd., Diamond Nations Sdn. Bhd., Inti Utama Sdn. Bhd., Marudu Engineering Sdn. Bhd., Ladang Sri Delima Sdn. Bhd. yang ditawarkan secara *design and build*.

Walau bagaimanapun, disebabkan perbezaan pematuhan piawaian dan garis panduan setempat berbanding di Semenanjung, masalah logistik dan spesifikasi bahan binaan, telah menyebabkan nilai tawaran terendah dari kelima-lima kontraktor yang terpilih masih tinggi dari anggaran asal projek seperti yang disediakan oleh FELDA Engineering Sdn. Bhd. menyebabkan pihak FELDA terpaksa membatalkan tender ini dan membuat proses tender semula bagi projek PGBF FELDA Umas ini. Tawaran tender yang akan dikemukakan kali ini akan turut mengambil kira kepada spesifikasi rumah dan kos binaan yang lebih bertepatan dengan keperluan semasa serta lokasi setempat dan jangkaan lantikan kontrak akan dibuat pada awal tahun 2015.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Datuk Speaker, saya menyuarakan ini kerana saya yang pecah tanah sewaktu pilihan raya. Jadi, tidak ada masalah, tanah ada, semua cukup. Hanya mungkin anggaran yang dibuat itu anggaran yang dibuat oleh FELDA ialah mengenai pembinaan rumah di Semenanjung. Jadi, bagus saya nyatakan di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa di Sabah bukan sejak perumahan yang lebih mahal daripada yang di Semenanjung. Gula mahal, tepung mahal, semua barang-barang 30% mahal.

Jadi, kita tidak boleh samakan semua. Jadi, kalau begitu, saya minta kalau boleh beritahu kita punya *consultant* bahawa di Sabah ini berlainan. Sabah, Sarawak ini berlainan. Saya boleh lebankan semua ini dengan harga-harga barang. Kedai 1Malaysia pun harga mahal di Sabah. Jadi, ini kita minta supaya untuk Sabah dan Sarawak *special case*. Kalau sekiranya RM1 juta dibuat di Semenanjung, di Sabah RM1.3 juta atau RM1.4 juta.

Ini semua kenyataan. Tidak boleh kita kata kenapa di Sabah mesti kita kasi istimewa. Mahal dia punya harga-harga barang, mahal. Kalau kita beli satu zink di sini mungkin RM18, di Sabah RM25 satu zink. Jadi, apa macam kita mahu bandingkan. Jadi, kita minta, perkara ini kita janji dua tahun sudah selesai, habis saya rasmikan, saya mahu itu perkara *immediatly* dibuat untuk kita janji ditepati.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih atas ulasan itu. Itulah maksudnya FELDA Engineering Services sebagai PMC, dia ambil kos seolah-olah macam sama dekat Semenanjung. Akhirnya, kita mendapat kelima-lima syarikat membuat bidaan pada harga yang paling rendah pun melebihi spesifikasi yang kita tetapkan. Jadi, kita buat balik supaya perkara itu dapat juga kita laksanakan dalam keadaan yang lebih sempurna kerana di FELDA Umas, masalah tanah seperti Yang Berhormat sebut memang betul. Tidak timbul. Terima kasih kerana Yang Berhormat telah melakukan...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Kalau bercerita Yang Berhormat Timbalan Menteri, fasal FELDA di Umas ini barangkali dalam semua orang yang ada dalam Dewan ini, saya yang paling layak bercerita fasal FELDA Umas. Ini kerana sewaktu itu waktu berjaya, saya yang bawa FELDA ke Kalabakan. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan hubungi Yang Berhormat untuk memberitahu tentang tender yang bakal kita umumkan setelah mengambil kira perkara yang saya nyatakan tadi. Tuan Yang di-Pertua, seramai empat orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh berkaitan hal-ehwal PEMANDU. Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu telah membangkitkan agar peranan PEMANDU harus dikaji semula semenjak penubuhan di mana kepakaran penjawat awam dikatakan tidak digunakan, malah PEMANDU dikatakan mengganggu urusan tadbir dan gerak kerja kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi kewujudan dan konsep, PEMANDU ditubuhkan untuk menambah baik peranan kementerian-kementerian dari segi mengukur dan melaksanakan indeks prestasi utama (KPI) setiap kementerian. Seperti yang kita semua sedia maklum, kebolehpapaian KPI telah ditetapkan bagi setiap kementerian adalah dengan penglibatan kementerian yang terbabit. Dalam erti kata lain, dalam perbincangan penetapan KPI, pihak kementerian juga terlibat dalam perbincangan penentuan kebolehpapaian KPI.

Nilai tambah PEMANDU termasuk meninjau dan memantau pelaksanaan secara *big fast result* (BFR), dengan izin, dalam membantu mempercepatkan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi. Pada masa itu, PEMANDU turut membantu mencari jalan penyelesaian yang cepat terhadap sebarang masalah yang dihadapi selain menilai kemajuan program-program yang tersebut.

Penyelesaian isu dibuat melalui mesyuarat berjadual yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di bawah *Steering Committee* dan juga dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di bawah *delivery task force* (DTF), dengan izin. Semua pencapaian dan kejayaan ialah hasil usaha dan kerjasama dari kepakaran penjawat awam.

Negara telah melakar pencapaian-pencapaian yang memberangsangkan sejak empat tahun kebelakangan ini berkat usaha terus-menerus dan sokongan padu daripada semua agensi kerajaan termasuk sektor-sektor awam dan sektor swasta. Walau

bagaimanapun, sememangnya di dalam proses pelaksanaan kebarangkalian terdapat pertindihan antara agensi-agensi.

Akan tetapi dengan wujudnya kerjasama dan persefahaman daripada semua pihak yang membincangkan jalan penyelesaian daripada mesyuarat-mesyuarat *problem solving*, dengan izin, pelaksanaan program dapat dipercepatkan. Secara ringkas, peranan PEMANDU masih diperlukan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan tetapi ruang penambahbaikan tetap dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Berhormat Ketereh dan Yang Berhormat Gombak, terdapat isu yang secara langsung atau tidak langsung menyentuh berkaitan GTP dan ETP. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketereh tentang cadangan mengkaji semula penguasaan para pelajar untuk belajar di luar negara dan berkhidmat secara profesional di Malaysia dan luar negara serta semakan semula tajaan pelajar dalam bidang-bidang strategik telah dirancang dan diteliti oleh pihak kementerian dan agensi yang terbabit. Termasuk apa yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pagi tadi di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Namun begitu, dalam konteks bidang keberhasilan utama ekonomi negara (NKEA) yang khusus kepada pendidikan, tujuan utamanya adalah untuk memastikan bahawa kedudukan Malaysia adalah setaraf dengan standard antarabangsa sama ada dalam menarik pelajar antarabangsa dari luar negara atau menyediakan pelajar dan profesional Malaysia dengan peluang-peluang melanjutkan pelajaran di luar negara. Pada masa ini, Kementerian Pelajaran turut menyediakan biasiswa untuk pengajian lepasan ijazah bagi pensyarah di dalam bidang yang tidak ditawarkan di Malaysia.

■1940

Malah, APP yang dilaksanakan di bawah NKEA Pendidikan telah pun dikaji untuk meningkatkan taraf profesionalisme para pelajar pada peringkat antarabangsa bagi membolehkan perkhidmatan di luar negara sekiranya ada peluang untuk berbuat demikian.

Selain daripada itu, di bawah Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Jabatan Statistik telah menubuhkan ILMIA, Institut Buruh Pasaran Analisis Maklumat yang berperanan untuk mengumpul dan menyelaras data berkenaan permintaan dan bekalan sumber manusia dalam bidang-bidang yang diliputi oleh NKEA. Selain itu, ILMIA juga menganjur dan menjalankan kajian-kajian mengenai bidang keutamaan tertentu untuk mengenal pasti jurang kemahiran. Contohnya dalam bidang minyak, gas dan tenaga, elektrik dan elektronik serta pelancongan yang turut merangkumi koridor seperti di Iskandar Malaysia dan Koridor Utara.

Yang Berhormat Gombak, tak ada dalam Dewan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk tidak membacakan di sini kerana ada lapan muka surat berkaitan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Razali bin Ibrahim: Akhir sekali Yang Berhormat Lumut yang memetik kenyataan Dato' Sri Idris Jala di mana negara akan bankrap pada tahun 2019.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah pun dibincangkan kerana Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala sendiri telah membentangkan pada 19 Mac 2012 di sudut

'*Transformation Blues*' dengan izin yang diterbitkan oleh media cetak *The Star*. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala telah pun membuat dua kali penerangan tentang kenyataan tersebut. Satu, pada Mei 2010 dan kemudiannya pada tahun 2011.

Secara mudah, untuk makluman Dewan, apa yang telah cuba disampaikan adalah amaran negara akan mufliis pada tahun 2019 jika dan hanya jika negara kita terus meningkatkan subsidi dan pinjaman, dan jika dan hanya jika pertumbuhan ekonomi kita adalah kurang daripada kadar 3% setiap tahun. Jadi mengambil kira bahawa kalau perkara ini tidak dikekang dengan inisiatif-inisiatif yang sepatutnya, maka kita boleh terjerumus kepada beban hutang yang tinggi. Oleh sebab itu perkara tersebut telah dinyatakan dan telah pun dijelaskan dengan panjang lebar.

Berkaitan SPRM, seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat telah terlibat dalam membahaskan perkara-perkara berkaitan SPRM.

Pertama berhubung isu yang disentuh tentang kedudukan indeks persepsi rasuah (CPI). Adalah dimaklumkan bahawa kedudukan Malaysia dalam CPI pada tahun 2011 adalah 60 daripada 183 buah negara dengan skor 43 kepada 100 mata. Pada tahun 2012, kedudukan ke-54 daripada 176 buah negara dengan skor 49 kepada 100 mata dan pada tahun lepas, Malaysia telah memperbaiki skornya kepada 50 daripada 100 mata dan kedudukan negara juga sudah naik satu anak tangga ke tangga 53.

Daripada fakta tersebut, ini menunjukkan bahawa usaha kerajaan telah menunjukkan hasil yang positif. Kerajaan akan terus melaksanakan usaha-usaha memerangi rasuah di negara ini kerana kerajaan sendiri memandang serius rasuah adalah musuh nombor satu negara seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa berucap di Majlis Perasmian Program Pegawai Integriti Bertauliah di PICC, Putrajaya pada 27 Februari 2012.

Usaha-usaha membanteras rasuah bukanlah untuk menuju ke satu destinasi penamat tetapi merupakan satu perjalanan yang tiada penamatnya. *It is not a destination but it is a journey*, dengan izin.

Dalam menangani isu rasuah di Malaysia, SPRM menggunakan strategi serampang tiga mata yang merangkumi penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan. Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif pencegahan rasuah meliputi sektor awam dan swasta. Di sektor awam, Unit Integriti di agensi kerajaan dan syarikat berkaitan GLC serta penubuhan Jawatankuasa Integriti Tadbir Urus (JITU) di setiap kementerian juga telah dilaksanakan.

Kerajaan bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Kuala Selangor bahawa usaha memerangi rasuah dan menegakkan integriti bukan satu tanggungjawab eksklusif SPRM semata-mata. Ini kerana seluruh warga perkhidmatan awam turut sama bertanggungjawab terhadap pematuhan undang-undang, polisi dan prosedur yang telah ditetapkan.

Justeru itu, penubuhan Unit Integriti adalah satu pendekatan baru ke arah memantapkan penginstitutionan integriti dan anti rasuah di kalangan anggota pentadbiran perkhidmatan awam di mana setiap agensi awam itu adalah bertanggungjawab atau dengan izin, sebagai *owner* kepada inisiatif yang telah dibina.

Objektif penubuhan Unit Integriti Agensi adalah untuk menyepadukan semua pengurusan hal-hal yang berkaitan dengan integriti di bawah satu unit. Ia bertujuan agar Unit

Integriti Agensi ini dapat dilaksanakan dengan secara lebih fokus dan terancang supaya elemen penginstitutionan integriti, pencegahan, pematuhan dan pengesanan salah laku dapat dikuatkuasakan secara efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum.

Bagi menjayakan inisiatif ini, SPRM telah menempatkan pegawai-pegawainya di agensi awam termasuk di Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia serta GLC sebagai usaha kawalan dalaman untuk meningkatkan integriti dan memerangi rasuah di agensi-agensi berkaitan.

Berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah, kerajaan telah bersetuju untuk menempatkan pegawai SPRM di APMM yang akan bertindak sebagai pegawai integriti. Namun begitu, kerjasama dengan APMM telah pun terbentuk sebelum ini dan menghasilkan beberapa kejayaan.

Antaranya, pada tahun 2013, SPRM dengan kerjasama APMM telah diadakan bertujuan untuk menangkap dalang sindiket penangkapan ikan secara haram oleh nelayan Vietnam di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Sepanjang operasi dijalankan pada bulan Mac sehingga Oktober 2013, seramai tujuh orang awam yang merupakan orang tengah kepada sindiket ini telah ditangkap atas kesalahan memberi rasuah kepada pegawai APMM dan SPRM berjaya menyita wang tunai berjumlah RM1.09 juta dan empat buah bot milik nelayan Vietnam. Susulan daripada itu, lima orang telah dituduh di mahkamah.

Yang Berhormat Padang Besar menyarankan agar SPRM turut dapat terlibat dengan bersungguh-sungguh dalam membanteras rasuah di kalangan GLC.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah yang telah dibuat ialah mewujudkan *Corporate Integrity Pledge* (CIP) atau Ikrar Integriti Korporat. CIP merupakan satu dokumen yang membenarkan sebuah syarikat untuk membuat komitmen bagi mendukung prinsip pencegahan rasuah bagi syarikat dan korporat di Malaysia.

Selain daripada itu, pegawai SPRM juga telah ditempatkan sebagai pegawai integriti di beberapa GLC. Antaranya Petronas, TNB, Telekom, Tabung Haji, Johor Corporation, Prasarana, Amanah Raya, FELDA dan FELCRA.

Beberapa GLC juga telah melaksanakan beberapa inisiatif tambahan untuk membanteras rasuah. Antaranya yang boleh saya kongsi ialah Petronas yang telah melaksanakan *no gifts policy*. Adalah jelas bahawa usaha memerangi rasuah yang dinyatakan ini membuktikan bahawa kerajaan sentiasa memandang serius tentang keperluan peruntukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dari semasa ke semasa bagi membolehkan SPRM melaksanakan fungsi-fungsinya dengan berkesan.

Justeru, tidak timbul bahawa dakwaan Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Ampang dan Yang Berhormat Pengkalan Chepa bahawa perkara tentang SPRM tidak disebut secara jelas dalam bajet kali ini.

Malahan, kerajaan juga bersetuju untuk menambah keanggotaan SPRM seramai 150 orang setiap tahun sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2012 sehingga mencapai 5,000 orang sebagai tanda kesungguhan tersebut.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat Gelang Patah bahawa SPRM hanya mampu menangkap dan mendakwa pesalah rasuah kecil atau 'lalat' berbanding agensi anti rasuah China yang mampu menangkap 'harimau' atau dalam konteks Malaysia, 'ikan jerung'.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Gelang Patah, SPRM ialah agensi penguat kuasa yang menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang termaktub di bawah Akta SPRM 2009. Semua kes yang disiasat termasuk kes-kes yang tidak didakwa akan dibentangkan ke Panel Penilaian Operasi setiap tiga bulan sekali termasuklah sebab-sebab kenapa ia tidak didakwa. Ingin saya nyatakan bahawa Akta SPRM tidak membezakan taraf atau status seseorang individu tetapi menekankan kepada kesalahan yang dilakukan.

Namun begitu, saya ingin berkongsi dengan memetik kata-kata mantan Peguam Cara Negara Hong Kong yang juga mantan Pesuruhjaya ICAC Hong Kong iaitu Mr. Bertrand de Speville dengan izin, "*Small fish can have a distress affect, for instance to the country's security, public health and education. The ultimate objective is not about what people think of the commission but also what the extend personel attitude towards corruption can be changed*".

Seterusnya Yang Berhormat Permatang Pauh ingin mengetahui sama ada SPRM akan menyiasat syarikat Malaysia yang melibatkan Tan Sri Ananda Krishnan dalam bidaan Maxis di Malaysia di mana syarikat tersebut telah didakwa untuk kes rasuah di India.

Untuk makluman Yang Berhormat, semakan mendapati *Central Bureau of Investigations* India telah menyiasat dan mendakwa lapan orang serta beberapa syarikat swasta dalam kes Aircel Maxis. Antara yang dituduh adalah *Minister of Communication and Information Technology* India, sebuah syarikat swasta berpangkalan di Chennai dan promoternya, tiga buah syarikat yang berpangkalan di UK, Malaysia dan Mauritius termasuk pengarah dan promoter bagi ketiga-tiga syarikat berkenaan. Kes ini telah dituduh di bawah *Prevention of Corruption Act 1988* yang difailkan di *Court of Special Judge, Patiala Court House, New Delhi*.

■1950

Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu mencadangkan agar SPRM diletakkan di bawah Jawatankuasa Khas Parlimen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) pada tahun 2009, lima mekanisme pemantau telah diwujudkan dan bertindak sebagai *check and balance* terhadap SPRM dalam melaksanakan tugas, fungsi dan peranannya. Pelantikan ahli-ahli pemantau bebas ini mewakili orang awam yang terdiri daripada bekas pegawai-pegawai kanan kerajaan, ahli-ahli politik kerajaan dan pembangkang, golongan profesional dari kalangan ahli perniagaan dan sektor korporat, ahli akademik, peguam dan individu-individu yang dihormati.

Salah satu daripada lima panel pemantau adalah Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR). Jawatankuasa ini diwujudkan secara perundangan mengikut seksyen 14 Akta SPRM 2009. Ahli-ahli JKMR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong yang terdiri di kalangan Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat mewakili parti pemerintah dan pembangkang. Peruntukan seksyen tersebut juga menetapkan tidak ada seorang pun anggota pentadbiran boleh dilantik menganggotai jawatankuasa khas ini.

Terma rujukan bagi JKMR adalah untuk menasihati Perdana Menteri mengenai apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia untuk memeriksa laporan tahunan suruhanjaya, untuk memeriksa ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah tentang perjalanan oleh suruhanjaya akan fungsinya di bawah Akta SPRM dan untuk mendapatkan penjelasan serta penerangan mengenai laporan suruhanjaya dan ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah. JKMR juga dikehendaki menyediakan laporan tahunannya kepada Perdana Menteri yang kemudiannya akan dibentangkan di Parlimen. Justeru didapati bahawa mekanisme sedia ada ini adalah memadai.

Akhir sekali Yang Berhormat Kota Bharu mencadangkan agar SPRM dijadikan sebagai sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan SRPM. Sukacita dimaklumkan bahawa cadangan ini telah dikemukakan oleh JKMR yang mana Yang Berhormat sendiri juga menjadi salah seorang ahli dan telah diberi pertimbangan serius oleh kerajaan. Kerajaan sedang mencari kaedah bagaimana pindaan ini boleh dilaksanakan. Ini termasuklah mendapat kelulusan majoriti dua per tiga Ahli Dewan Rakyat di Parlimen ini.

Engagement yang berterusan dengan izin sedang dijalankan oleh pihak kerajaan dengan semua pihak berkepentingan bagi mendapatkan maklum balas dan apabila pindaan perlembagaan ini dibuat, pihak kerajaan amat berharap agar sokongan majoriti dua per tiga Ahli Dewan Rakyat dapat diberikan kepada kerajaan nanti. Saya juga berharap supaya Yang Berhormat Kota Bharu yang mewakili JKMR dapat memastikan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama memberi sokongan sekiranya dibentangkan di Parlimen kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan saranan. Yang mana yang baik kita akan laksanakan di bawah agensi-agensi yang berkaitan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Menteri daripada Parlimen Arau, sila.

7.52 mlm.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada yang berpuasa, selamat berbuka puasa. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2015 peringkat dasar yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Parlimen Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya, Jabatan Perkhidmatan Awam, Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Majlis Keselamatan Negara, ESSCOM, Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA) dan juga isu-isu am di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran dan saranan serta cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Terdapat 53 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap mengenai tajuk yang telah saya sebutkan. Oleh kerana mungkin di saat-saat terakhir saya mungkin tidak dapat menyentuh semua Ahli-ahli Yang Berhormat, jadi eloklah saya sebut nama mereka yang telah bercakap mengenai tajuk ini.

Yang pertama sekali ialah Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Pulai, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Selayang, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Mukah, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Dungun dan juga Yang Berhormat Serdang.

Yang Berhormat dari Permatang Pauh minta penjelasan berhubung dengan peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri yang meningkat sebanyak RM22.6 bilion. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan bajet yang diluluskan kepada Jabatan Perdana Menteri bagi 2015 adalah berjumlah RM19,060,008,500 merangkumi belanja mengurus sebanyak RM6,250,000,000 dan belanja pembangunan sebanyak RM 13,340,769,500 iaitu peningkatan sebanyak 2.65% bagi belanja mengurus dan 23.19% bagi belanja pembangunan. Bajet 2014, memandangkan terdapat 84 jabatan, agensi di bawah JPM, peningkatan peruntukan belanja mengurus adalah bagi menampung kadar kenaikan emolumen tahunan bagi tahun 2015 bagi 51,123 penjawat awam di JPM, dan untuk menampung kos operasi bagi semua jabatan, agensi di bawah JPM. Manakala peningkatan peruntukan belanja pembangunan adalah bagi melaksanakan projek-projek pembangunan yang telah diluluskan di bawah RMKe-10 dan selaras dengan tujuh *touch point* Bajet 2015 yang bertemakan ekonomi keperluan rakyat.

Yang Berhormat Kluang ingin mengetahui peruntukan pembangunan JPM 2015 meliputi 25% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan 2015 berbanding dengan peruntukan pada tahun-tahun sebelumnya. Untuk makluman Yang Berhormat sekali lagi saya ingin memaklumkan bahawa JPM mempunyai 84 jabatan dan juga agensi. Jumlah agensi, jabatan ini adalah terbanyak berbanding dengan kementerian-kementerian yang lain. Peruntukan Pembangunan JPM 2015 adalah bertujuan bagi menampung keperluan agensi dan juga jabatan di bawah JPM termasuk agensi, jabatan utama seperti EPU, ICU, UKAS dan juga Parlimen.

Yang Berhormat Beruas membangkitkan isu peruntukan JPM yang lebih banyak daripada Kementerian Wanita dan seterusnya mencadangkan JPM mengurangkan projek-projek mewah dan peruntukan tersebut diagihkan kepada orang miskin. Bajet 2015 yang

diluluskan oleh JPM adalah lebih besar daripada bajet Kementerian Wanita kerana JPM sekali lagi menampung perbelanjaan emolumen dan juga operasi bagi 84 jabatan di bawah JPM. Manakala projek yang diluluskan di bawah JPM ialah projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang menjurus kepada projek yang bercirikan mesra rakyat atau *people centric*.

Suruhanjaya Pilihan Raya. Mengenai cadangan Yang Berhormat Bayan Baru supaya semua Ahli Parlimen menolak penambahan kerusi Parlimen bagi kajian persempadanan semula yang akan datang kerana pertambahan kerusi akan membolehkan pihak kerajaan memecahbelahkan kesepakatan Ahli-ahli Parlimen dan mengurangkan peluang mereka untuk berucap di Parlimen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam melaksanakan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri, Suruhanjaya Pilihan Raya mematuhi sepenuhnya peruntukan undang-undang sebagaimana yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Kajian semula persempadanan yang terakhir bagi negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah adalah pada tahun 2003. Berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan, tempoh lat lapan tahun sepatutnya berakhir pada tahun 2011. Namun pada pertengahan 2011, SPR telah memutuskan untuk memulakan kajian tersebut secara rasmi selepas Pilihan Raya Umum Ke-13. Ini mengambil kira tempoh kajian semula persempadanan perlu diselesaikan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun daripada tarikh bermulanya kajian semula itu. Sekiranya ia dilaksanakan pada tahun 2011, dikhuatiri kajian ini akan terganggu sekiranya pilihan raya umum berlaku dalam tempoh tersebut dan ia akan melangkaui tempoh dua tahun yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Umum telah mengetahui Pilihan Raya Umum Ke-13 telah diadakan pada 5 Mei 2013. Dalam tempoh yang sama juga tempoh lat lapan tahun bagi negeri Sarawak juga berakhir pada tahun 2013.

■2000

Justeru SPR telah menetapkan untuk menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya secara serentak bagi semua negeri-negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Dalam menyediakan syor kajian semula persempadanan SPR melihat secara keseluruhan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya yang tepat di seluruh negara dengan mengambil kira faktor-faktor pembangunan, pertambahan penduduk dan pertambahan bilangan pengundi semasa selaras dengan prinsip-prinsip yang diperuntukkan di bawah Jadual Ketiga belas, Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang penambahan atau pengurangan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen atau negeri akan diketahui oleh semua pihak apabila SPR mempamerkan selama sebulan syor kajian semula persempadanan untuk semakan dan bantahan yang akan dibuat oleh pihak-pihak yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan iaitu kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan atau sekumpulan pemilih berdaftar 100 orang atau lebih yang nama mereka ditunjukkan dalam data pemilih semasa bagi bahagian pilihan raya yang berkenaan. SPR hanya membuat syor persempadanan semula sama ada berlaku pertambahan atau pengurangan bahagian-

bahagian pilihan raya yang ditentukan oleh kelulusan Dewan Rakyat selepas dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Ipoh Barat supaya daftar pemilih pilihan raya mempunyai gambar pemilih dan tempat mengundi dilengkapi dengan CCTV bagi mengelakkan berlakunya pengundi hantu. Untuk makluman Yang Berhormat, isu pengundi hantu tidak wujud di dalam pilihan raya di negeri ini. Isu ini sangka diadakan oleh pihak tertentu untuk memburukkan imej SPR di mata umum. Apa yang berlaku sebenarnya adalah terdapat pemilih berdaftar yang tidak bermastautin di alamat mereka didaftar sebagai pemilih...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Dan pulang untuk mengundi pada hari mengundi. Pemilih berkenaan ialah seorang pengundi yang sah dari segi undang-undang dan bukannya pengundi hantu puaka sebagaimana yang sering didakwa. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri tadi ada berkata bahawa proses persempadanan semula akan dimulakan untuk menambah kerusi Parlimen. Dalam ucapan saya berkata masalah di Malaysia bukan penambahan kerusi. Kita tidak payah penambahan kerusi kerana 222 kerusi sudah cukup. Yang paling penting adalah menjadikan ia lebih adil.

Sekarang Ahli-ahli Parlimen mempunyai pengundi lebih kurang 40,000, ada 120,000. Itulah yang menjadikan ketidakseimbangan tetapi masalahnya adakah SPR betul-betul ingin menjadikannya lebih adil supaya menjadikan lebih baik. Ada satu NGO namanya Tindak Malaysia telah memaparkan satu cadangan yang bagus di mana saya dapat satu *copy*. Nanti saya boleh bagi percuma kepada Yang Berhormat Menteri. Dia telah mencadangkan persempadanan semula tetapi yang lebih adil Menteri dari Perlis dan tetapi dia menjaga semua supaya dia lebih adil, tetapi tidak perlu tambah kerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Di Amerika Syarikat atau di India pun di Amerika Syarikat kerusi kongres 435 kerusi sudah tetap, 100 tahun sudah tidak pernah tambah kerusi walaupun populasi pengundi bertambah. Di India 550 Ahli Parlimen tetapi tidak pernah tambah walaupun pengundi satu kawasan dua juta orang. Jadi masalah sekarang Suruhanjaya Pilihan Raya haruslah menjadikan ia lebih adil. Bukan tambah kerusi. Kalau tambah kerusi, Ahli-ahli Parlimen di sini akan kurang suara, kurang *time* untuk bercakap, kurang peruntukan di kawasan masing-masing kerana terlalu ramai Ahli Parlimen. Peruntukannya sama, tidak cukup untuk semua. Jadi kita mahu satu persempadanan yang lebih adil seperti yang dicadangkan oleh Tindak Malaysia. Saya boleh hantar satu *copy* kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, ada kaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Berkaitan?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Berkaitan. Saya hanya hendak tahu dari Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya belum bagi kebenaran...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Belum bagi kebenaran lagi Yang Berhormat, tengah berfikir.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri iaitu garis panduan atau bagi, prinsip keadilan digunakan dalam semasa membuat persempadanan. Saya ingin tahu minimum pengundi dan maksimum diambil kira. *What is the maximum and minimum voter* yang kita amalkan?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan CCTV, lepas itu saya akan jawab. Oleh yang demikian, SPR belum bercadang untuk memasukkan gambar pemilih dalam data pemilih dan pemasangan CCTV di tempat mengundi kerana kaedah yang digunakan sekarang iaitu agen tempat mengundi di setiap saluran dan penggunaan dakwat kekal yang dicadangkan oleh pembangkang adalah memadai dan sesuai untuk diteruskan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat untuk memberi laporan itu tidak ada masalah, kita terima laporan berkenaan. Akan tetapi apa pun Yang Berhormat kena terima hakikat bawah SPR hanya menjalankan tugasnya berdasarkan Perlembagaan. Jadi Perlembagaan mengkehendaki selepas lapan tahun, kajian semula hendaklah dibuat dan kajian tersebut hendaklah dihabiskan dalam masa dua tahun. Tugas mereka membuat kajian. Tugas kita di Parlimen untuk menentukan sama ada kita hendak tambah atau tidak. Kalau kita hendak tambah keahlian, kita boleh tambah keahlian.

Kalau tidak mahu tambahan, maka tidak bertambahlah keahlian setakat 222. Akan tetapi majoriti, saya tengok ramai orang mengatakan elok tambah kerusi sebab membolehkan lebih ramai orang berhak untuk menghantar wakil mereka. Sekarang ini kita mewakili kawasan masing-masing. Akan tetapi pertambahan penduduk sekarang ini menyebabkan ada bahagian-bahagian yang terlampau besar dan ada yang kecil yang dirasakan kita harus tambah kerusi.

Kita kena ingat kerusi kita ini bertambah sehinggalah kita capai tahap 222 seperti sekarang. Akan tetapi sudah pasti apa yang SPR buat berdasarkan yang telah ditentukan oleh Perlembagaan berdasarkan penduduk, berdasarkan kepada hubungan penduduk, berdasarkan kepada keadaan muka bumi dan lain-lain. Yang ini diambil kira dalam persempadanan semula yang dibuat. Setelah mereka dapat membuat kajian awal ini perkara ini akan dibentangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan membuat iklan dalam surat khabar berhubung dengan tarikh permulaan kepada persempadanan ini. Sekarang ini persempadanan ini belum mula lagi sehingga dibuat iklan nanti. Kita akan memulakan kajian kita selama dua tahun. Dalam sepanjang ini saya akan menjawab ada soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Kemudiannya yang kedua tentang berapakah maksimum, berapakah minimum. Yang ini SPR akan membuat cadangan, dia akan pamer. Kita akan mendapat dua kali pameran. Pameran yang pertama satu bulan. Pameran yang kedua satu bulan. Semasa pameran itu, kita boleh bagi cadangan kita boleh membantah ataupun apa-apa yang patut kita buat semasa pameran itu dibuat. Sudah pasti pihak SPR akan memberi keadilan kepada semua rakyat Malaysia. Tugas mereka ialah menegakkan keadilan, bukan membuat parti Keadilan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, tentang isu keadilan saya hendak jawab sedikit boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bukan hendak jawab.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Hendak tanya sedikit. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri sekejap. Yang Berhormat Menteri kata tugas SPR adalah untuk memastikan keadilan untuk semua rakyat Malaysia. Saya hendak minta tanya sedikit pada persempadanan yang lepas iaitu pada tahun 2005, 20 kerusi telah ditambah di Parlimen ke-11. Akan tetapi akhirnya keputusan dibuka, 19 kerusi dimenangi oleh UMNO Barisan Nasional, tetapi pembangkang hanya menang satu kerusi sahaja. Adakah itu keadilan? Saya minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya rasa itu adalah keadilan yang paling luar biasa. Pada 2004, Barisan Nasional menang undi yang terbaik dalam sejarah Barisan Nasional. Akan tetapi pada 2008, barisan kurang undi.

■2010

Jadi makna kata jangka panjang, pembangkang untung. Jangka pendek, mungkin Barisan untung, mungkin tetapi dalam jangka panjang nampaknya 2008, kita kurang kerusi. Kita tinggal 140 kerusi. Tahun 2013, kita tinggal 133 kerusi. Sebenarnya persempadanan semula itu lebih banyak menguntungkan pembangkang daripada Barisan. Jadi, kalau untung pembangkang, itulah nama adil. Kalau untung Barisan, tak adil. Jadi apakah adil bagi Yang Berhormat?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Akan tetapi Menteri kita, Pakatan Rakyat menang 52% undi popular. [*Dewan riuh*] Barisan hanya 47%.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Pakai sistem apa?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Betul tak? Kerusi dapat 60%. Adakah itu satu keadilan? Sesuatu yang adil? Saya nak minta jawapan daripada Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, Yang Berhormat sekejap ambil sistem Amerika, sekejap ambil sistem India, sekejap ambil sistem Malaysia. Kalau Yang Berhormat nak ambil Amerika, ambil Amerika semua, termasuk sistem pendidikan Amerika yang menggunakan satu bahasa, ambil Amerika semua. Kalau nak ambil ini, ambil semua. Ini yang bagus tangkap sedikit, tak boleh. Kita kena ambil semua.

Macam orang Mazhab Shafie, dia Mazhab Shafie. Dia Mazhab Hambali, Mazhab Hambali. Dia tak boleh tangkap yang bagi dia seronok sahaja, tak boleh ya. Jadi, kita kena melihat bahawa bila kita bagi contoh untuk mengatakan keadilan, kita kena ambil contoh secara semua, jangan ambil contoh negeri itu kita seronok kerana satu benda lepas itu yang lain kita ambil contoh. Ambil contoh semua, bagi puas hati sebab sistem di Amerika lain.

Amerika berdasarkan popular *vote*, kita berdasarkan jumlah *simple majority*. Yang Berhormat, ini *simple majority* di Malaysia. Makna kata lebih satu kerusi, jadi Perdana Menteri. Ada 112 kerusi, 112 kerusi akan jadi Perdana Menteri, 110 kerusi tak boleh jadi Perdana Menteri, sebagai contoh ya, *simple majority*. Kalau pun 112 kerusi popular *vote* nya ialah 70% tetapi kita berdasarkan *simple majority*. Kalau nak ubah sistem, kita kena ubah sistem.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: [Bangun]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Seremban ada apa? Yang Berhormat Seremban tak ada apa, *you* tunggu yang *you* punya penghabisan sekali, *last* sekali. Suruhanjaya pun mahu campur? Okeylah, tak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Seremban

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya nak mengingatkan Yang Berhormat Menteri, pada tahun 2012, Parlimen ini telah meluluskan Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Berkenaan Dengan Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya. Salah satu syor utama yang kita telah cadangkan pada ketika itu di mana saya merupakan seorang ahli jawatankuasa ialah untuk memastikan supaya apa-apa proses persempadanan semula itu perlu menghormati prinsip *1Man, 1Vote* iaitu perlu ada *value* yang sama rata di kalangan kawasan-kawasan Parlimen. Saya mendapat maklumat bahawa pertambahan-pertambahan kerusi yang akan dicadangkan oleh SPR ini, objektif utamanya ialah untuk memastikan kemenangan UMNO Barisan Nasional supaya kawasan-kawasan ini dibahagikan yang dapat menguntungkan pihak Barisan Nasional.

Saya nak mengingatkan Yang Berhormat Menteri supaya bagi tahu kepada SPR, jangan lupa dalam Dewan yang mulia ini kalau nak dapat kelulusan menambah kerusi perlu ada majoriti 2/3. Barisan Nasional pada hari ini tidak ada majoriti 2/3. Di kalangan Pakatan Rakyat ada lebih 1/3. Apa-apa pertambahan kerusi yang tidak adil, yang tidak menepati prinsip *1Person, 1Vote, 1Value* tidak akan dapat kelulusan Dewan yang mulia ini. Ini kita boleh pastikan, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya tahu Yang Berhormat menyebutkan bahawa 1/3 ada PR tetapi Yang Berhormat tengoklah diri Yang Berhormat sekarang. Pasti kah Yang Berhormat akan bersama bila mengundi nanti? Yang Berhormat tak boleh bercakap bagi pihak PAS. Dia orang diam itu, jaga sedikit ya. Yang Berhormat tak boleh cakap bagi pihak PKR, Yang Berhormat boleh bercakap bagi pihak DAP tetapi cuba lihat apa yang berlaku di Selangor. Sudah ada perbezaan di antara PKR dan juga PAS dan juga DAP.

Jadi bila nak mengundi nanti, saya pasti sudah kawan-kawan saya daripada PAS dan juga PKR akan melihat bahawa ini adalah untuk keadilan rakyat, rakyat memerlukan wakil. Dengan itu mereka akan menyokong supaya pertambahan kerusi didapatkan. Yang Berhormat dah jadi wakil rakyat, orang lain pun teringin jadi wakil rakyat. Bagilah peluang mereka jadi wakil rakyat. Jangan menggunakan kedudukan kita di Parlimen ini untuk mempertahankan hak kita, pertahankan juga hak orang lain.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ini hujah yang bercelarulah ini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak bercelaru Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ini bukan hujah yang logik ini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jangan. Yang Berhormat jangan takut untuk menerima jawapan-jawapan yang merupakan tusukan dan juga usikan sebab Yang Berhormat bertanya saya juga dalam bentuk yang demikian rupa maka saya jawab bahawa kalau Yang Berhormat kata bagi pihak pembangkang, tak mungkin. Saya minta Yang Berhormat Pokok Sena bangun, adakah Yang Berhormat *guarantee* kata semua pembangkang akan sebulat suara? Tidak, sebab ini kita kena ikut prinsip bahawa rakyat memerlukan wakil. Kalau Yang Berhormat kata rakyat tak perlukan wakil, terpulang. Saya tak mahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun, Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pasal dia tanya saya, dah dia tanya saya nak jawablah. Kami akan pastikan bahawa kami akan satu suara di Parlimen, *insya-Allah*. Okey?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jawapan Yang Berhormat diterima.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, apa yang penting kami hendak ialah pembentangan persempadanan yang adil, yang benar-benar memenuhi keperluan negara Malaysia.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey, saya berterima kasih tetapi saya percaya dan pasti kawan-kawan saya bersongkok putih itu tidak bersama [*Ketawa*] sebab Yang Berhormat dalam PAS, kalau tidak bagaimana PAS di Selangor dua orang lari? Kalau tidak, jadi cerita lain Yang Berhormat. Bila sampai *time* mengundi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya? Sebab dia sembang bab Selangor ini. Saya pun kesian juga Perdana Menteri punya berucap dia seorang letih dah, saya malu. [*Ketawa*] Dalam keadaan... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia isu SPR Yang Berhormat. Dia bukan Selangor, SPR.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, betul-betul. Dia SPRIah, SPR. Pasal pilihan raya. Dalam keadaan ada krisis sikit di Selangor, itu pun tak boleh nak buat apa. [*Ketawa*] Ini betul-betul lemah tenaga batin dahlah.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Pilihan raya negeri pun tak berani.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, itu ialah ucapan untuk memberi semangat kepada Barisan Nasional supaya tawan balik Selangor sebab Selangor kelam kabut.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Perdana Menteri kata malu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Kata malu?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Mana?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Bukan kata semangat, dia kata malu.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Empat lebih tahun tak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kepada sesama kami, *no problem* tetapi cuba Yang Berhormat tanya geng-geng songkok putih sana, yang Ahli-ahli Parlimen bersongkok putih. Dia berlainan, dia orang alim. Dia bagi pandangan yang sesuai untuk kehendak rakyat jadi saya berani kata...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, yang tak pakai songkok ini geng lain kah?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Songkok hitam di dalam PAS lain, songkok putih lain, yang tak pakai songkok Yang Berhormat lain.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Oh! Geng lain ini. *[Ketawa]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat lebih mirip kepada DAP. Rambut sahaja putih, songkok tak putih. Mengenai cadangan Yang Berhormat, jadi saya tak apalah ya, lebih-lebih kurang. Minta maafah ya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Ipoh Barat supaya SPR mengkaji kesesuaian pengundian secara elektronik untuk dilaksanakan pada masa hadapan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, SPR akan mengkaji kesesuaian pelaksanaan *electronic voting* dengan teliti, terperinci dan tersusun. Ini kerana pelaksanaan cadangan tersebut bukan sahaja mengikut kesesuaian teknologi semasa tetapi ia juga mesti menepati prinsip perundangan yang sedia ada serta pindaan kepada undang-undang yang berkaitan sebelum ia boleh dilaksanakan dengan lebih teratur dan sistematik.

Yang Berhormat Ipoh Timur mencadangkan supaya pelantikan penolong pendaftar pemilih daripada parti politik diteruskan kerana mereka dapat meningkatkan jumlah pemilih berdaftar di negara ini. Untuk maklumat Yang Berhormat, pada masa ini SPR belum berhasrat untuk menyambung pelantikan penolong pendaftar pemilih bagi membuat pendaftaran pemilih baru sekiranya tempoh pelantikannya telah tamat. Tiada pelantikan baru dibuat setelah tempoh pelantikan sedia ada tamat bagi membolehkan SPR membuat penyelarasan pelaksanaan kaedah pendaftaran sedia ada. Individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di kaunter pendaftaran pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, pejabat-pejabat pilihan raya negeri-negeri, pejabat-pejabat pos terpilih serta kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat nak tanya? Ya, pukul 8.00 ya.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih. Yang Berhormat Arau, penolong pendaftar ini daripada tahun 2008 hingga tahun 2013 iaitu pada Penggal Parlimen Kedua Belas. Apabila penolong-penolong pendaftar daripada parti politik khususnya daripada sebelah sini, daripada DAP, PKR dan PAS cukup aktif dalam mendaftarkan pemilih-pemilih, dalam penambahan pengundi-pengundi di mana kita telah berjaya menambah ramai pengundi-pengundi. Mengapakah SPR tak berani menyambung kita? Saya ingat ini ada agenda politik kerana mereka tak berani kerana penolong-penolong pendaftar daripada Barisan Nasional tidak seaktif penolong-penolong pendaftar dari Pakatan Rakyat.

Itu mereka tak berani, supaya disambungkan untuk penolong pendaftar. Saya tahu bahawa sekarang ini mereka mengambil pegawai-pegawai JASA, atas nama pegawai-pegawai JASA tetapi latar belakang pegawai-pegawai JASA ini kebanyakannya daripada parti-parti komponen Barisan Nasional. Daripada UMNO, daripada MCA tetapi tak berani menyambung penolong pendaftar daripada parti politik. Saya ingat saya nak minta supaya SPR mesti kembalikan. Kalau SPR benar-benar telus, kalau SPR benar-benar *independent* dan bebas, saya minta SPR kembalikan kepada penolong pendaftar daripada semua parti politik khususnya daripada Pakatan Rakyat.

■2020

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, mana ada *terminology* takut di kalangan SPR ataupun kerajaan.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Kalau tidak takut, kembalikanlah. Kembali bagi kepada penolong pendaftar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, biarkan menteri jawab dahulu Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak ada istilah takut. Kami ialah kerajaan yang berani, SPR berani. Kalau SPR takut dengan cara pertunjukan yang hebat yang ditunjukkan dalam pilihan raya kecil, tentulah SPR tidak berani pergi ke sana dan sebagainya tetapi SPR berani. Dia terus mengadakan pilihan raya dan terus menegakkan keadilan walau dihentam kiri dan kanan. Tidak ada istilah takut bagi SPR. Berani kerana benar.

Jadi, berhubung dengan perkara ini Yang Berhormat, kita buat pelantikan dan setelah mereka tamat kita tidak sambung lagi untuk membolehkan penyelarasan semula dibuat. Kita juga kena kaji apa Yang Berhormat sebut itu kita kena kaji juga. Kenapa berlaku macam ini, kenapa daftar pemilih bagi sebuah parti laju, kenapakah yang ini kurang? Kena kaji juga. Semua sekali kompelin daripada orang ramai kita sedang selaraskan. Kalau sekiranya elok, kita boleh pertimbangkan semula. Tidak ada soal takut atau tidak takut Yang Berhormat, berani. Berani kerana benar.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat Kota Bharu yang menginginkan mendapat tafsiran jelas mengenai rasuah dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 kerana terdapat tafsiran mengatakan pemberian-pemberian tertentu berbentuk projek, berbentuk janji dan sebagainya bukan merupakan rasuah dalam pilihan raya. Ini sedap macam ini. Hendak jawab dahulu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: PPS tadi, Penolong Pendaftar Pemilih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat kata tadi sedang duduk kaji balik selepas tamat tempoh mereka. Cuma saya hendak dapat kepastian, berapa lama kajian itu dan bila hendak dilantik semula? Sedangkan macam JASA, KEMAS, diberikan dan sekarang sudah dibuat pelantikan daripada pihak JASA dan KEMAS. Sudah tentu pihak JASA dan KEMAS mempunyai hubungan yang baik dengan parti pemerintah.

Jadi, saya fikir bahawa tidak sepatutnya untuk mengambil satu tempoh yang lama untuk hendak buat satu kajian. Oleh sebab saya dengar ada satu pertemuan, kami di Kedah dengan pihak SPR. SPR kata mungkin lagi dua tahun hendak pilihan raya baru- Mana kita tahu dua tahun lagi hendak pilihan raya? Bila kita hendak tahu dua tahun lagi hendak pilihan

raya? Jadi, takkanlah hendak dekat sangat dengan pilihan raya baru hendak beri. Jadi, macam mana kita hendak melonjak orang yang sudah layak memilih tetapi tidak daftar pemilih, lebih kurang 4 juta orang atau 5 juta orang yang sudah pun capai umur 21 tahun. Jadi, saya fikir bahawa perlu disegerakan isu ini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat terima kasih. Akan tetapi saya hendak beritahu sekali lagi bahawa SPR tengah menyelaraskan. Kalau Yang Berhormat kata tidak ada keperluan, ada keperluan. Sebab apa? Masih bertugas kita tidak buang, cuma yang apabila tamat, kita tidak sambung. Kita tidak sambung tujuannya kita hendak selaraskan balik tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh banyak pihak.

Kita akan selesaikan balik dan *insya-Allah* Yang Berhormat kita akan memantau...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, boleh dikatakan di kebanyakan negeri habis, sudah tamat tempoh. Di Pulau Pinang pun habis, di negeri Kedah, cuma yang saya ingat masih ada di Terengganu kalau tidak silap saya yang masih belum tamat tempoh. Akan tetapi di negeri lain semua sudah habis dan tamat tempoh.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ada lebih daripada 200 dan saya sedang mendapatkan angka yang sebenarnya yang masih lagi bertugas dengan SPR dan apabila mereka berhenti, mereka tidak dapat disambung lagi.

Berhubung dengan kenyataan tentang kehadiran JASA dan KEMAS yang telah dilantik, itu saya akan bagi jawapan bertulis. Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa SPR tengah menyelaraskan tentang penolong...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Menteri, hendak minta penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Penjelasan lagi?

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Ya, perkara ini. Kita hendak tanya, apakah yang hendak diselaraskan? Pemilih atau pendaftar itu?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Senarai pendaftar-pendaftar yang dilantik dan menjalankan tugas dengan baik. Jalankan terus. Kita tidak faham kenapa yang mereka buat kerja ini diberhentikan. Ini memang saya setuju dengan Yang Berhormat Seremban tadi kata ini memang ada agenda politik. Memang takut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Betul tak?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Arab kata, dengan izin, *maa fii musykilah* tetapi saya hendak beritahu bahawa...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Daripada rekod, pihak pembangkang di sini memang penolong pendaftar menjalankan kerja dengan amat baik sekali dengan mendaftarkan ramai pemilih baru. Kita pergi merata-rata tempat seperti pasar malam, mana-mana pun buat. Sekarang tidak boleh, sekarang hendak kena buat *appointment* dengan SPR dahulu baru hendak lantik pegawai datang. Semua mendatangkan susah sahaja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak perlu buat *appointment*. Boleh pergi terus kepada kaunter-kaunter yang telah ditentukan. Berkaitan perkara ini...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Kita kena buat *appointment*. Kita pergi ke tempat-tempat luar seperti pasar malam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: SPR akan membuat penyelarasan pelaksanaan kaedah pendaftaran sedia ada. Jadi Yang Berhormat, sabar sekejap. Sabar menunggu. Elaun Yang Berhormat yang ditunggu sudah begitu lama, sekarang baru kita hendak selaras, yang ini tidak boleh tunggu sekejap. Sabar sekejap. Tidak sabar langsung ini. Yang Berhormat Pokok Sena tidak sabar.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, saya minta itu. Isu apa yang hendak diselaraskan? Itu isu pokoknya. Sampai bila?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Menteri sudah jawab Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini isunya. Cuba beritahu spesifiknya, apa isu yang hendak diselaraskan itu apa?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Biarlah SPR yang akan menentukan nanti.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Hendak selaras antara SPR dengan PPS? Saya fikir lantik, kemudian panggil mereka untuk diberikan taklimat apa di mana kekurangan-kekurangan mereka sebelum itu. Mungkin ada, saya tidak nafi mungkin ada PPS yang ada kelemahan tetapi kita boleh perbaiki. Beritahu kepada setiap parti, "*PPS kamu ini lemah, dia tidak capai KPI untuk daftar.*" Jadi, okey, *no problem.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, hanya pelantikan Penolong Pendaftar Politik sahaja yang ditangguhkan tetapi NGO, jabatan kerajaan dan wakil universiti masih diteruskan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu yang saya bangkit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi, makna kata...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Itu yang menjadi isu sekarang. Yang Berhormat Menteri...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Yang aktifnya ialah dari politik, dari parti politik sama ada daripada pembangkang Pakatan Rakyat atau pun daripada Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur duduk Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya akui bahawa sama-sama aktif.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebelah kanan Yang Berhormat itu ramai yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, kenapa yang aktif, yang berjaya untuk membantu SPR, yang aktif ini daripada parti politik yang berjaya membantu

SPR hendak melonjakkan pertambahan jumlah pemilih tiba-tiba yang ini tidak disambung. Jadi, satu benda- sedangkan tugas SPR ialah untuk hendak memperbanyakkan jumlah pemilih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah berulang-ulang Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bagus. Kita akan kaji...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: La- tadi hendak selaras, ini hendak kaji pula. Hat mana satu ini?

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya cadangkan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Selaras kah hendak kaji?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dua-dualah. Oleh sebab apa Yang Berhormat ulang benda yang sama, saya kata selaras dan mengkaji pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Menteri...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak. Saya masih belum mendapat jawapan apa benda yang hendak diselaraskan itu? Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sudah berulang-ulang Yang Berhormat. Cukuplah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Isu apa yang dikaitkan dengan penyelarasan? Tak kan SPR tidak ada satu jawapan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu bangun Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini Yang Berhormat Pokok Sena memang tidak habis-habis. Kalau dia bawa esok orang pergi Putatan, esok kalau dia kalah, dia memang cakap kerajaan tidak adil. Bila ada undi dia adil, kalau tidak ada undi dia tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju SPR jangan politik ada masuk sekarang pasal selalu kita orang politik bawa pendaftar. Selepas itu, kalau kawasan itu kita memang, dia cakap ini ada palsu dalam sana. Kita sekarang biarkan SPR jalan dahulu sementara tengok macam mana keadaan. Kita kalau dengan pembangkang, pembangkang ini kalau Yang Berhormat Pokok Sena, semua barang kalau undi dia memang setuju, semua betul. Ini TNB pun sama jugalah, kongkalikung. Ini sama jugalah. Setuju atau tidak Menteri?

Beberapa Ahli: Setuju.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Lu pun samalah, apa kerajaan buat pun lu cakap kongkalikung. Lu cakap itu KLIA 2 kongkalikung.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Memang kita tidak boleh kongkalikung. Benda betul kita cakap betul. Salah kita minta perubahan. Betul atau tidak Yang Berhormat Pokok Sena?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi, SPR akan membuat penyelarasan berhubung dengan bilangan pendaftar untuk DUN dan juga Parlimen. Jadi Yang Berhormat, sabar menunggu sehingga benda ini diselesaikan. Jadi, berhubung dengan Akta Kesalahan 1954, untuk makluman Yang Berhormat...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Soalan terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita boleh buat secara teratur, baik-baik Yang Berhormat, sehingga menteri bagi laluan baru kita panggil.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bagi saya habiskan ini, saya panggil.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ya, berkenaan penolong pendaftar, soalan terakhir.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bagi saya habis dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Menteri hendak jawab dahulu Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Oleh sebab saya hendak jawab Yang Berhormat Kota Bharu, saya hendak habiskan sedikit. Selepas itu Yang Berhormat boleh. Saya akan panggil Yang Berhormat Seremban. *You* tahu saya seorang yang sentiasa pegang pada janji, *you* tahu kan? Saya tidak pernah mungkir janji. DAP dan yang lain tidak tahulah.

Untuk makluman Yang Berhormat, bahagian ketiga Akta Pilihan Raya 1954 memperuntukkan kesalahan akibat perbuatan rasuah sebelum, semasa dan selepas sesuatu pilihan raya. Antara kesalahan yang dinyatakan sebagai perbuatan rasuah, *corrupt practice* dalam seksyen 7, 8, 9 dan 10, Akta 5. Persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai pemberian atau kelulusan segera sewaktu berkempen pilihan raya sama ada melanggar Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 atau tidak ialah soalan fakta yang perlu disiasat dan dibuktikan di mahkamah.

■2030

Mahkamah dalam kes *Gurdial Singh vs KS Balakrishnan (1993)2 CLJ75* telah merujuk kepada kes *Teoh Teck Huat vs Lim Kean Siew & Anor (1981)1LNS1* dan memutuskan bahawa pemberian insentif serta kelulusan segera sesuatu projek dan janji untuk membina kemudahan-kemudahan asas yang dibuat semasa kempen pilihan raya umum atau pilihan raya kecil bukan merupakan satu amalan rasuah ataupun penyogokan. Pemberian insentif serta kelulusan segera sesuatu projek dan kemudahan-kemudahan asas yang dijanjikan juga adalah untuk kepentingan umum dan bukan untuk kepentingan individu.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, hakim ini telah mengeluarkan *judgment* seperti berikut... [Membaca petikan]

"I am in the opinion that what he did does not amount to corrupt practice because he merely expedited the process of the settlers getting their land title for which all dues to the government and Felda had been fully settled. His deed in this respect, even done on the eve of election, can be said to fall within the legitimate scope of the government to pursue promises,

propitiate pleas and propel and promote projects and programmes for amelioration and development in the constituency for the benefit and progress of that locality”.

Jadi ini adalah *judgment* yang telah dibawa bahawa apa yang telah dituduh itu ialah tidak rasuah. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa Yang Berhormat Menteri adalah seorang yang berpegang pada janji. Saya harap Yang Berhormat Menteri beri satu janji, berapa tempoh untuk tempoh penyelarasan... *[Disampuk]* Bagi satu tempoh, kalau tiga bulan, tiga bulan daripada hari ini, semua penolong pendaftar parti politik dibenarkan untuk mendaftar semula pengundi-pengundi baru. Saya harap janji ini diberikan oleh Yang Berhormat Arau. *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Janji saya ialah apabila semua selesai, maka kita boleh pertimbangkan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, apa yang dimaksudkan '*apabila semua selesai*'? Apa dia yang selesai? Apa?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Selesai penyelarasan yang dibuat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tunggu habis pilihan rayakah baru selesai?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, jabatan terpaksa selaraskan di antara pengundi-pengundi DUN dan juga Parlimen, baru *settle* benda ini. Bila semuanya selesai, sudah pasti kita akan pertimbangkan semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh macam ini, Yang Berhormat. *You can't force the Minister to answer*, tidak boleh.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sudah pasti kita akan pertimbangkan semula cadangan daripada Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri boleh bagi saya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, apa KPI Menteri? KPI?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Menteri, sudahlah Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi ia tentang apa yang diselaraskan, saya minta notis bertulis.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, ini mudah sahaja. Yang Berhormat cakap hendak selaras dengan pengundi-pengundi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak payahlah. Kita teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sedangkan kita pergi daftar di mana pun, bila kita serah kepada SPR, SPR akan ikut alamat penghuni yang kita daftar. *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sudah, sudah, sudah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Apa masalah nak daftar? Kita hendak pergi ke JASA dan sebagainya pun, ia akan ikut alamat kita.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kenapa dengan JASA, dengan KEMAS, dengan pihak lain kita tidak selaras penghuni-penghuni di setiap DUN pula?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, kit ...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, jangan kita ikut mereka gila-gila punya. Kalau tengok sana Yang Berhormat Putatan hari ini pun ada otak tidak betul. Dia pakai baju *milky color* sudah. Tidak lama kita pening cari dia. Ini cerita memang tidak habis punya. Dalam telur dia cari tulang, macam mana? Biarkan sahaja.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak perlu macam itu Yang Berhormat, perlahan-lahan ya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat ya, kita habis tajuk itu. Sekarang kita pergi kepada PR1MA. PR1MA ini Yang Berhormat Batu Gajah tanya ya.

Seorang Ahli: Tiada jawapan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jawapannya sedang dalam penyelarasan. Okey.

Seorang Ahli: Ah, tak payah jawab.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hendak kata Yang Berhormat, SPR begitu lemah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Hendak melantik PPM mengambil masa yang begitu panjang. Tidak tahu hendak buat apa, lemah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat di luar peraturan, di luar peraturan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: SPR lemah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Dia minta cuti, cuti. Berehat dulu, esok baru mari. Yang Berhormat Pokok Sena bagi rehat, esok baru mari.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: SPR begitu kuat. Kajian awal sedang dibuat untuk persempadanan semula. Mereka tidak ada masalah. Jadi semuanya akan diselaraskan sebab ini lantikan daripada parti-parti politik. Jadi kita akan selaraskan. Akan tetapi daripada NGO, universiti yang tidak terlibat dengan politik, diteruskan. Jadi tidak ada sesuatu yang mengatakan itu adalah lemah.

Berhubung dengan Yang Berhormat Titiwangsa yang telah mencadangkan supaya tanah-tanah kerajaan yang sesuai untuk pembangunan rumah mampu milik diberi kepada PR1MA, SPNB dan sebagainya walaupun harga tanah tersebut tinggi sebelum dibuka kepada syarikat swasta. Cadangan oleh Yang Berhormat Titiwangsa ini adalah satu cadangan yang bernas dan amat dialu-alukan.

PR1MA juga menghargai sekiranya terdapat sebarang cadangan daripada pihak Kerajaan Persekutuan, negeri, agensi-agensi kerajaan lain mahupun pihak swasta berkenaan cadangan pembangunan atau tanah yang sesuai untuk projek perumahannya. Kerjasama ini dapat membantu PR1MA ke arah mencapai bilangan unit rumah yang disasarkan di seluruh negara. Sekiranya terdapat sebarang cadangan pembangunan, ia boleh dimajukan kepada PR1MA untuk dipertimbangkan.

Yang Berhormat Titiwangsa juga mencadangkan supaya menyediakan definisi rumah mampu milik dengan membahagikan rumah mampu milik mengikut harga berdasarkan julat gaji berdasarkan kemampuan pemohon. Rumah mampu milik PR1MA adalah dikhususkan untuk membantu golongan berpendapatan sederhana memiliki rumah di bandar dan pinggir bandar pada harga purata kira-kira 20% lebih rendah daripada harga pasaran di kawasan yang sama. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, golongan berpendapatan sederhana untuk PR1MA adalah di antara RM2,500 sehingga RM10,000 mengambil kira kemampuan berdasarkan umur dan tanggungan. PR1MA sememangnya mengambil kira faktor permintaan dan kemampuan pemohon di setiap projek pembangunannya.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Tanjong Karang telah mencadangkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Titiwangsa bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Minta penjelasan ya. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut bahawa PR1MA punya pembinaan rumah ini untuk kategori mereka yang mempunyai pendapatan RM2,500 ke RM10,000. Akan tetapi kalau kita tengok, kalau orang yang berpendapatan RM2,500 ini, rumah yang mereka mampu beli saya ingat lebih kurang dalam RM80,000 atau RM100,000 ke bawah tetapi saya tidak dengar lagi PR1MA ada *launch* projek perumahan yang RM80,000, RM60,000 atau RM70,000. Minta penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, harga PR1MA ialah 20% lebih rendah daripada harga pasaran. Kalau rumah kita katalah RM100,000, jadi bererti rumah itu sebenarnya berharga RM80,000. Jadi PR1MA memperkenalkan skim yang harganya 20% lebih rendah daripada harga pasaran. Kalau harga rumah PR1MA katakanlah RM140,000, bererti RM88,000, *not very sure*. Jadi yang paling penting, harga rumah PR1MA ialah 20% lebih rendah dan harga rumah PR1MA sekarang ini ialah yang *range* daripada RM100,000 ke RM400,000.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dalam proses pembacaan ini, kita akan tengok berapa projek yang telah diluluskan ya. Semua ada ya. Okey Yang Berhormat, bersabar sekejap, saya akan teruskan.

Berhubung dengan Yang Berhormat Tanjong Karang mencadangkan supaya kerajaan negeri memberi kerjasama kepada Kerajaan Persekutuan untuk program pembangunan perumahan Kerajaan Persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat, PR1MA menghargai kerjasama yang diberikan oleh semua kerajaan negeri dan agensi di bawahnya

serta pihak swasta dalam merealisasikan projek pembangunan PR1MA terutama sekali dalam mengenal pasti lokasi dan tanah yang sesuai. Adalah menjadi hasrat PR1MA untuk mengekalkan kerjasama yang erat ini. Semoga ia menjadi pemudah cara dalam merealisasikannya.

Yang Berhormat Batu Gajah ingin mengetahui sama ada rumah mampu milik di bawah PR1MA akan dibina di Batu Gajah dan jika dibina, beliau ingin mengetahui berapa buah. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini sebanyak 4,664 unit rumah telah diluluskan bagi negeri Perak di mana projek-projek tersebut berada dalam pelbagai fasa perancangan. Walau bagaimanapun, masa ini, PR1MA masih belum punyai sebarang cadangan pembangunan di kawasan Batu Gajah. Namun begitu, PR1MA sentiasa terbuka dan mengalu-alukan sebarang cadangan sekiranya terdapat tanah-tanah yang bersesuaian di Batu Gajah atau di mana-mana kawasan sekitar negeri Perak untuk pembangunan PR1MA.

Yang Berhormat Selayang ingin mengetahui mengapa PR1MA menjalankan *joint venture* dengan pemaju swasta kerana ini akan menyebabkan harga rumah PR1MA menjadi mahal. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, PR1MA menjalinkan usaha sama dengan pemaju swasta bagi mengatasi masalah sumber tanah yang terhad di lokasi-lokasi strategik di bandar dan juga di pinggir bandar.

Yang Berhormat Selayang juga ingin mengetahui mengapa PR1MA membenarkan individu yang sudah memiliki rumah membeli rumah PR1MA.

■2040

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara dilema yang dihadapi oleh golongan sederhana di bandar dan pinggir bandar adalah akibat kos sara hidup yang semakin meningkat adalah pemilikan rumah. Oleh sebab itu golongan sasaran ini didapati telah mencari alternatif dengan membeli rumah di kawasan luar bandar dengan jarak tempat kerja yang jauh dari rumah. Sehubungan dengan itu, kerajaan peka dengan keperluan golongan ini dan berhasrat untuk meringankan beban yang ditanggung oleh golongan berpendapatan sederhana.

Yang Berhormat Sungai Siput mengatakan pasangan muda yang baru berkahwin tidak mempunyai pendapatan yang besar dan tidak mampu membeli rumah PR1MA. Untuk makluman Yang Berhormat golongan sasaran bagi rumah PR1MA termasuklah golongan muda yang baru berkahwin. Walau bagaimanapun, PR1MA disasarkan kepada golongan yang berpendapatan sederhana. Jadi saya kena ulang sekali lagi PR1MA ialah untuk pendapatan sederhana. SPNB dan juga lain-lain agensi memberi perhatian kepada golongan yang berpendapatan rendah. Golongan yang berpendapatan banyak boleh mengurus sendiri untuk membeli rumah yang mahal.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Jelutong menyatakan bahawa kertas Perintah 41 tahun 2014 tidak ada statistik spesifik tentang peruntukan PR1MA di bawah peruntukan RM2.5 bilion untuk KPKT. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PR1MA ialah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012. PR1MA merupakan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri dan segala urusan PR1MA adalah di bawah bidang kuasa jabatan ini termasuklah urusan peruntukan bajet.

Yang Berhormat Jelutong juga ingin mengetahui status pembinaan PR1MA di Pulau Pinang. Walaupun sebelum ini terdapat pelbagai pengumuman mengenainya telah dibuat pada April 2013, Ogos 2013 dan Februari 2014 mengenai pembinaan PR1MA di beberapa lokasi di Pulau Pinang. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pembinaan PR1MA dirancang secara menyeluruh di seluruh Malaysia termasuk Pulau Pinang. Setakat ini anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 21,837 unit rumah untuk dibina di negeri Pulau Pinang. Projek-projek ini sedang berada di pelbagai fasa perancangan dan PR1MA turut mengenal pasti, menganalisa dan mempertimbangkan beberapa kawasan lain untuk pembangunannya di Pulau Pinang. Kini PR1MA sedang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Berbincang dengan pihak pemaju swasta serta pihak berkuasa tempatan untuk tujuan kelulusan pembangunan di lokasi berkenaan.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Soalan Jelutong tadi.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja bangun Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Jelutong dahulu, Jelutong.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sekarang ini Kota Raja.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tetapi tadi Yang Berhormat Menteri jawab soalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Kota Raja dahulu Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sekejap lagi Yang Berhormat Jelutong.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Maaf Yang Berhormat. Saya hendak menyentuh tadi fasal perumahan rakyat termiskin itu Yang Berhormat sudah pergi kepada PR1MA. Saya hendak cuma bagi cadangan di sini saya dapati bahawa rumah PPR yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan masalah kita ialah rakyat miskin ini kadang-kadang dia tidak ada tanah Yang Berhormat.

Jadi apa yang berlaku ada ramai rakyat yang memerlukan rumah. Oleh kerana mereka tidak ada tapak untuk dibuat rumah tersebut maka kerajaan tidak boleh memberi rumah PPR ini. Mungkinkah kerajaan boleh memikirkan bersama dengan kerajaan negeri supaya kes-kes seperti ini diberi tanah oleh kerajaan negeri ataupun dianugerahkan tanah dan kemudian baru boleh Kerajaan Persekutuan memberi kebenaran untuk rumah-rumah PPR ini dibina. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menjawab perkara ini. Saya ini ditakdirkan untuk menjaga kumpulan yang sederhana.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelutong bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi kumpulan bawah sederhana dijaga oleh Yang Berhormat dan mereka yang berpendapatan sederhana yang tidak mungkin mereka boleh memiliki rumah di bandar raya ini maka PR1MA datang menghadirkan diri untuk membantu mereka. Seperti Yang Berhormat Titiwangsa sebut tadi dia hendak dengar rumah yang berharga RM80,000. Kalau rumah PR1MA RM100,000 bererti dia berharga RM80,000. RM100,000 sampai RM400,000 dibina oleh PR1MA dan ini bererti mereka yang berpendapatan N54 dan ke bawah sampai ke kerani mampu memiliki rumah PR1MA. PR1MA ialah untuk golongan yang berpendapatan sederhana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelutong bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Jelutong menyatakan, ini Yang Berhormat Jelutong saya jawab Yang Berhormat Jelutong. Menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Satu soalan sahaja. Kita bagi noktah, sekejap sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Sekejap sahaja Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak boleh macam ini Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri kata sebentar nanti.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Duduk sekejap, sekejap.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Okey, sebentar, sebentar. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Jelutong menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan mengumumkan rancangan perumahan mampu milik PR1MA sebanyak 20,519 unit akan dibina di Lembah Klang, Johor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Beliau ingin mengetahui sama ada kebenaran merancang dan kebenaran bangunan telah pun dikeluarkan oleh PBT masing-masing.

Semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum secara keseluruhannya projek PR1MA berada dalam pelbagai fasa seperti fasa perancangan dan pembangunan. Bagi projek-projek dalam fasa perancangan, setengah projek berada dalam proses penelitian sebelum kebenaran merancang dan kebenaran bangunan dipohon kepada kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan. PR1MA akan memajukan permohonan bagi kebenaran-kebenaran tersebut setelah perancangan boleh dimuktamadkan. Okey, Yang Berhormat Jelutong sudah habis ya.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kan bagus macam ini Yang Berhormat. Teratur, tidak kecoh.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Saya takut ini soalan kena *hijack* pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Okey, tidak apalah. Bagilah peluang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana sudi jawab panjang

lebar soalan daripada saya. Saya ingat akan dipetik oleh kementerian yang lain tapi walau macam mana pun terima kasih...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Menyampuk]*

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Kongkalikung diam cukup. *[Ketawa]* Ini Cina alamak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Janganlah ganggu. Tidak ada standard.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia samalah. Dekat sini ada Yang Berhormat Bintulu dekat sana ada Yang Berhormat Kuala Langat. *[Ketawa]*

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Soalannya begitu. Dalam ucapan perbahasan saya tempoh hari saya minta Yang Berhormat Menteri berkenaan untuk menjawab sebab ada juga saya ucap bahawa pengerusi PR1MA iaitu Tan Sri Datuk Seri Yang Berhormat Rompin telah memberi janji bahawa kalau dia akan balik semak tiga atau empat lokasi yang telah dipilih untuk dibuatkan perumahan PR1MA dan beliau juga berjanji supaya sekurang-kurangnya tiga lokasi PR1MA di Pulau Pinang itu akan diumumkan menjelang bulan Jun. Kongkalikung kita sudah bulan November tapi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan Yang Berhormat Rompin pun tidak nampak bayang ini. Entahlah di New York lagikah macam mana.

Jadi saya minta kalau Yang Berhormat Menteri sudah sudi jawab soalan saya tidak akanlah soalan yang saya bangkitkan itu tidak disebut langsung. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya sudi menjawabnya. Yang Berhormat Rompin saya tengok tadi masih ada di sini. Kesemua projek di Pulau Pinang masih dalam perancangan ialah 21,837 unit yang telah diluluskan dan Yang Berhormat di antaranya saya percaya termasuk apa Yang Berhormat telah berbincang dengan Pengerusi PR1MA. Jadi untuk soalan *detail* saya kena bincang dengan pengerusi sebelum saya bagi jawapan kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Simpang Renggam ingin mengetahui berapakah jumlah rumah PR1MA yang akan dibina mengikut peruntukan Belanjawan 2015. Beliau juga ingin mengetahui apakah kaedah kawalan harga rumah PR1MA yang akan dilaksanakan oleh PR1MA untuk memastikan harga rumah PR1MA tidak meningkat. Yang Berhormat Simpang Renggam ingin mengetahui kaedah pemantauan oleh PR1MA jika pemilik rumah PR1MA mahu menjual rumah yang telah dimiliki.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa PR1MA dimandatkan untuk menyediakan 80,000 unit rumah. Rumah mampu milik yang disediakan oleh PR1MA adalah dalam lingkungan harga RM100,000 ke RM400,000 bergantung kepada jenis dan juga alokasi. Rundingan dan perbincangan diadakan dari semasa ke semasa untuk memastikan harga rumah tidak melebihi harga maksimum yang ditetapkan dengan mengambil kira kemampuan golongan berpendapatan sederhana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh moratorium PR1MA ialah 10 tahun di mana individu yang berjaya tidak dibenarkan untuk menjual atau menyewa rumah tanpa

kebenaran PR1MA. Oleh yang demikian, sebarang urusan berkaitan rumah PR1MA individu tersebut hendaklah mendapatkan kebenaran daripada PR1MA terlebih dahulu.

Yang Berhormat Kota Melaka menyatakan bahawa beliau tidak yakin dengan sasaran PR1MA yang akan membina 37,000 rumah pada akhir tahun ini kerana PR1MA masih gagal menyiapkan perancangan pembinaan rumah terdahulu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, PR1MA telah mulakan pembinaan sebanyak 11,868 unit rumah di Wilayah Persekutuan, Putrajaya, Kedah, Perak dan juga Negeri Sembilan. *Insyah-Allah* menjelang akhir tahun 2014 sebanyak 40,000 unit rumah akan berada dalam fasa pembinaan. Ada faham?

Yang Berhormat Kota Melaka menyarankan agar PR1MA berhati-hati dalam terlibat mengambil alih projek-projek terbengkalai. Terima kasih atas saranan dan nasihat daripada Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat sekiranya ada perancangan tersebut PR1MA akan meneliti dan memastikan projek tersebut berkualiti dan mempunyai nilai.

Akhir sekali Yang Berhormat dari Kangar ingin tahu, akhir sekali untuk PR1MA...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

■2050

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Nanti 'sat'. Bagi habis ini sedikit sahaja Yang Berhormat Kota Melaka. *Do not worry* 'pakcik'. Saya akan bagi kebenaran.

Yang Berhormat Kangar ingin tahu setakat ini bila projek pembangunan perumahan PR1MA di Perlis dijangka siap dan berapa ramaikah warga Perlis yang akan memiliki rumah tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 1,940 unit rumah mampu milik yang telah diluluskan oleh anggota perbadanan PR1MA di sekitar negeri Perlis. Projek-projek ini sedang berada dalam proses perancangan dan ada yang telah mengemukakan pelan pembangunan. PR1MA akan membincang dan mengadakan rundingan dengan semua pihak termasuklah kerajaan negeri dan agensi-agensi di bawahnya serta pihak swasta untuk memastikan kelancaran untuk memperoleh kelulusan. Projek-projek ini akan mengambil masa selama dua tahun bagi projek bertanah dan tiga tahun bagi kediaman jenis strata untuk disiapkan.

Saya cuma hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, ini sesuatu yang luar biasa yang Kerajaan Barisan Nasional beri kepada rakyat. Bahawa pembiayaan pinjaman perumahannya ialah 110%. Ini bermakna, pemohon-pemohon tidak terbeban untuk menyediakan bayaran awalan untuk khidmat guaman, duti setem dan sebagainya. Kini terdapat tiga buah syarikat panel bank yang menyertai PR1MA yang dibenarkan untuk kita membuat pinjaman dan bila kita buat pinjaman, dia beri kelulusan, okey tidak perlu memikirkan tentang bayaran guaman dan sebagainya iaitu Maybank, CIMB Bank Berhad dan Malaysia Buildings Society Berhad. PR1MA sedang berusaha untuk mendapatkan lebih banyak bank terlibat dengan perkara ini.

Okey, *last question* bagi PR1MA, Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri, masih tidak mengaku atau terima iaitu pandangan saya bahawa kerjasama di antara kerajaan tempatan atau PTG dengan PR1MA masih tidak begitu bersungguh-sungguh. Seperti di Melaka, hampir sepuluh tahun saya dengar sudah lulus projek tetapi masih tiada sebarang pembinaan. Saya difahamkan mungkin tersangkut di mana-mana agensi kerajaan kerana masih tidak menjalankan kerjasama dengan PR1MA. Oleh sebab itu, saya ingin tahu adakah koordinasi atau kerjasama di antara PR1MA dan agensi-agensi kerajaan, baik atau tidak? Kalau tidak, apa usaha oleh PR1MA untuk menambah baik atau membaik pulihkan kerjasama ini. Kalau tidak kita dengar – saya tidak yakin, masih khuatir tentang matlamat ini boleh dicapai.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kerjasama dengan negeri-negeri Kerajaan Barisan Nasional baik. *So far okay* dan *insya-Allah* Yang Berhormat akan melihat benda ini berada di hadapan mata dalam masa yang terdekat. Pada tahun 2015, kita akan melihat satu pertumbuhan perumahan PR1MA. Sekarang ini kita tahu bahawa ia di peringkat perancangan Yang Berhormat. tahu hendak buat rumah, bukan satu benda yang mudah. Ia mengambil masa tetapi PR1MA telah 'potong' dia punya peraturan-peraturan itu untuk membolehkan kita mempercepatkan pembinaan PR1MA. Jadi pada tahun hadapan, pada akhir tahun ini, hampir 90,000 ke100,000 yang diluluskan dan ia berada di pelbagai fasa pembinaan. Jadi pembinaan yang besar akan berlaku pada tahun 2015. Saya pasti soalan-soalan Yang Berhormat pada tahun 2015 berlainan daripada soalan tahun ini sebab PR1MA baharu ditubuhkan. Baharu setahun jagung pada akhir tahun 2013, sepanjang tahun 2014 dan sekarang akan masuk tahun 2015.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:
[Bangun]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kejayaan yang dicapai oleh PR1MA luar biasa. Jadi Yang Berhormat, bersabar. Saya hanya mampu bercakap, tidak lari gunung dikejar, hilang kabus tampaklah dia. *[Dewan riuh]*

Yang Berhormat – Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya menjawab soalan yang ditanya. Jadi, kalau Yang Berhormat Bintulu ada soalan lain, kita akan ambil perhatian dan jawab bertulis ya. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Permatang Pauh mencadangkan supaya perhatian diberikan terhadap kebocoran dan ketirisan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memandang serius setiap teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara. Oleh yang demikian, kerajaan telah dan akan mengambil tindakan-tindakan tegas dan proaktif seperti berikut:

- (i) menubuhkan jawatankuasa siasatan bertujuan untuk mempercepatkan proses siasatan ke atas teguran bersifat punitif yang melibatkan kes penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuai dalam pelaksanaan tugas sebaik sahaja pembentangan Laporan Ketua Audit Negara di Parlimen. Bagi memastikan siasatan yang lebih telus dan adil, pegawai kanan di luar

kementerian yang disiasat turut dilantik menjadi anggota jawatankuasa;

- (ii) memastikan tindakan tatatertib surcaj atau penuduhan rasuah jenayah di mahkamah diambil oleh Lembaga Tatatertib atau pihak yang berkenaan ke atas pegawai yang didapati melakukan salah laku atau kecuaiian;
- (iii) memantau status tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara kepada ketua-ketua jabatan melalui Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua dan Ketua Perkhidmatan dan Mesyuarat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dengan Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kerajaan Negeri;
- (iv) membangunkan paparan susulan Laporan Ketua Audit Negara atau lebih dikenali sebagai dengan izin, *Auditor General's Dashboard*. Paparan ini dipaparkan di laman portal Jabatan Audit Negara yang dilancar pada 30 Mei 2013...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:
[Bangun]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Paparan ini menunjukkan status tindakan yang diambil oleh kementerian/jabatan/agensi mengenai isu-isu Laporan Ketua Audit Negara terkini mulai tahun 2011. Orang ramai boleh mengakses paparan ini untuk mengetahui status tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara setiap tahun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Memaparkan status tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara berhubung dengan pegawai dalam prosiding tindakan tatatertib dan pegawai yang telah dikenakan hukuman tatatertib dalam laman web Jabatan Perkhidmatan Awam;

- (v) mengadakan sesi *town hall* Ketua Setiausaha Negara dan Ketua-ketua Setiausaha kementerian bersama pihak media mengenai tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara 2012 dan Ketua Audit Negara 2013 Siri 1 dan 2. Ini memberikan peluang kepada kerajaan untuk menjelaskan isu berbangkit daripada teguran Audit kepada rakyat melalui media;
- (vi) memantapkan pelaksanaan kursus kewangan, perolehan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan di INTAN, khususnya.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:
Yang Berhormat Arau, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila YDP Manjung boleh tukar? Sudah lebih lapan tahun duduk di situ. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana soalan ini khusus, saya akan menjawab secara bertulis. Yang Berhormat telah bertanya balik kali ya dan telah pun dijawab banyak kali tetapi mengapa masih berkali-kali. *[Ketawa]* Saya akan tengok nanti ya.

Mengenai sana Yang Berhormat, berkenaan emolumen penjawat awam yang rendah dan membuatkan mereka terasa terhimpit dengan pelaksanaan GST. Yang Berhormat, tolong dengar. Inilah kedudukan sebenarnya anggota kerajaan yang paling rendah sebab saya tengok DAP, kadang-kadang meminta supaya penyertaan sesetengah kaum tertentu dalam perkhidmatan awam. Dia hanya minta yang tinggi. Yang bawah dia tidak minta. Ini saya hendak beritahu yang terbawah bagi perkhidmatan awam.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, jumlah pendapatan minimum bagi gred terendah dalam perkhidmatan awam iaitu pegawai di Gred N11 dengan kelayakan masuk PMR adalah berjumlah RM1,227. Ia meliputi komponen gaji sebanyak RM802 dan komponen elaun meliputi Imbuhan Tetap Perumahan, Imbuhan Tetap Perkhidmatan Awam dan Bantuan Sara Hidup sebanyak RM425. Di samping itu, pegawai juga layak dipertimbangkan pergerakan gaji tahunan, tertakluk kepada syarat dan peraturan yang berkuat kuasa. Gaji maksimum pegawai di Gred N11 adalah sebanyak RM2,663 elaun sebanyak RM425. Dalam pada itu, jumlah pendapatan minimum yang diterima oleh pegawai adalah lebih tinggi berbanding dengan pendapatan garis pendapatan yang dikeluarkan oleh EPU iaitu RM830 bagi Semenanjung Malaysia, RM920 bagi Sarawak dan RM1,090 bagi Sabah termasuk Labuan.

Kemudian Yang Berhormat Rantau Panjang – tidak *'mai'* pula sudah. Mencadangkan agar kelonggaran dalam bentuk cuti juga diberi untuk menjaga ibu bapa atau pasangan yang sakit. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah memperuntukkan kemudahan cuti separuh gaji kepada penjawat awam dan boleh diluluskan kepada pegawai atas sebab-sebab kesihatan sanak-saudara yang rapat. Sanak-saudara adalah termasuk keluarga pegawai sendiri, suami, isteri, anak-anak, adik-beradik, ibu, bapa, bapa mertua, datuk dan nenek. Kemudian cuti separuh gaji ini diberi di atas kadar 30 hari bagi setiap genap satu tahun perkhidmatan yang melayakkan tetapi tidak melebihi 180 hari. Selain itu pegawai boleh menggunakan kemudahan cuti rehat atau cuti tanpa gaji yang pegawai berkecukupan untuk tujuan tersebut.

Sementara itu, berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat berkaitan dengan mekanisme kemudahan cuti kepada penjawat awam wanita seperti yang dibentangkan dalam Bajet 2015. Tidak mari ya. Jadi saya maklumkan bahawa kerajaan menyediakan kemudahan cuti menjaga anak bagi tujuan menjaga dan menyusu anak.

■2100

Ini tidak termasuk Yang Berhormat Bintulu, ia merupakan cuti tanpa gaji yang boleh diambil setelah tamat tempoh cuti bersalin. Pada ketika ini, cuti bersalin ialah antara 60 hari hingga 90 hari.

Berkenaan dengan saranan Yang Berhormat Pengkalan Chepa, supaya kursus-kursus profesional seperti doktor dan sebagainya diberikan biasiswa secara automatik selaras dengan hak-hak istimewa dalam fasal 153 Perlembagaan Persekutuan. Yang Berhormat Pengkalan Chepa, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, asas pertimbangan utama penajaan biasiswa JPA adalah bagi memenuhi keperluan guna tenaga dalam perkhidmatan awam dan negara. Pada masa ini, JPA menaja pelajar mengikut pengajian dalam pelbagai bidang seperti perubatan, pergigian dan sebagainya melalui program-program berikut:

- (i) Program Lulusan Bursary;
- (ii) Program Biasiswa Nasional;
- (iii) Program Khas Kejuruteraan; dan
- (iv) Program Ijazah Dalam Negara.

Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat Kota Bharu mengenai apakah terma rujukan dan hasil dari Jawatankuasa Khas Laporan Ketua Audit Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, terma rujukan jawatankuasa siasatan adalah seperti berikut:

- (i) menyiasat, mengenal pasti serta memperincikan salah laku pegawai terlibat;
- (ii) menyiasat dan meneliti segala dokumen dan transaksi dalam urusan perolehan, peraturan kewangan dan syarat kontrak serta membuat penentuan dari sudut pelanggaran peraturan atau akta yang masih berkuat kuasa;
- (iii) meneliti kemungkinan wujudnya unsur-unsur penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, rasuah dan pembaziran wang;
- (iv) mencadangkan dan memperakukan pegawai-pegawai yang terlibat untuk dikenakan tindakan tatatertib, surcaj, laporan polis atau SPRM dan tindakan sivil di mahkamah;
- (v) menyediakan maklumat lengkap bagi pegawai yang disyorkan untuk tindakan tatatertib;
- (vi) mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan dalam melaksanakan tugas dan projek; dan
- (vii) mengemukakan pelaporan kepada sekretariat Jawatankuasa Siasatan Khas Laporan Ketua Audit Negara

Di samping itu, untuk makluman Yang Berhormat, status terkini tindakan susulan bagi Laporan Ketua Audit Negara 2012, 2013 Siri 1 dan Siri 2. Sehingga 16 Oktober 2014, 81 pegawai didapati bersalah, 20 pegawai didapati tidak bersalah dan 124 pegawai sedang dalam prosiding tatatertib.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya. Putatan, Yang Berhormat Putatan sudah pasti ada. Berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat Putatan bahawa terdapat pihak yang membuat kenyataan bahawa jika rakyat Malaysia dari negeri Sabah mohon biasiswa, ia akan

ditolak kerana bukan orang Melayu dan bukan orang Semenanjung. Siapa berani cakap macam ini? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, biasiswa yang ditaja oleh...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh saya perelaskan soalan?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bukan Yang Berhormat kata. Yang Berhormat kata, dengan pandangan bahawa terdapat pihak, bukan Yang Berhormat kata, terdapat pihak. Yang Berhormat baik, saya tahu. Kita kawan baik. Sudah pasti Yang Berhormat tidak berkata benda-benda yang begini. Yang Berhormat sayang kepada saya. Betul tidak?

Untuk makluman Yang Berhormat, biasiswa yang ditaja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan mengikut program penajaan. Pada tahun 2012 dan tahun 2013, JPA telah menaja seramai 559 orang pelajar dari Sabah di bawah beberapa program penajaan dalam dan luar negara. Bagi tahun 2014, penajaan bagi beberapa program masih dalam proses penawaran. Soalan bersangka buruk seperti ini tidak perlu ditimbulkan. Diharap tidak diulang lagi pada masa akan datang. Maklumat yang telah diberi oleh Yang Berhormat amat dialu-alukan kerajaan dan kita akan siasat mengenai perkara ini. Mengenai cadangan Yang Berhormat Sepanggar...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Menteri. Terima kasih. Rakyat Sabah, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Sepanggar, supaya elaun perumahan dan penjawat awam dinaikkan sekurang-kurangnya RM300 dan elaun sara hidup (COLA) diseragamkan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat Sepanggar, masih ada? Yang Berhormat Sepanggar tidak ada, saya jawab secara bertulis Yang Berhormat.

Berkenaan dengan saranan Yang Berhormat Kuala Krai supaya dikaji semula struktur gaji dan elaun untuk penjawat awam. *[Disampuk]* Tidak datang? Begitulah keadaannya. Akan tetapi hal ini perlu jawab sedikit sebab apa, supaya penjawat awam di seluruh Malaysia tahu dan rakyat tahu apa yang sebenarnya berlaku kepada gaji penjawat awam. Untuk makluman Yang Berhormat, gaji pegawai perkhidmatan awam telah diberi kenaikan sebanyak 7% sehingga 13% berkuat kuasa 1 Januari 2012 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.

Sementara itu di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013 yang berkuat kuasa 1 Januari 2013, gaji maksimum dalam struktur gaji bagi setiap gred juga telah ditambah sebanyak tiga kenaikan gaji tahunan untuk membolehkan pegawai yang ada pada gaji maksimum menikmati pergerakan gaji tahunan. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2013 yang berkuat kuasa 1 Julai 2013, semua pegawai perkhidmatan awam telah diberi satu lagi kenaikan gaji tahunan. Ini ialah tambahan kepada kenaikan gaji tahunan yang mereka nikmati pada tahun 2013.

Selain itu, bagi mengatasi masalah gaji dalam Sistem Saraan Malaysia (SSM), kerajaan telah bersetuju untuk menambah baik struktur gaji dari Gred 11 hingga Gred 54 yang dilaksanakan mulai 1 November 2013 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 36

Tahun 2013, termasuk ditambah sebanyak dua kenaikan gaji tahunan untuk membolehkan pegawai berada di gaji maksimum menikmati pergerakan gaji tahunan. Saya ingat Yang Berhormat dan juga rakyat Malaysia berpuas hati tentang apa yang telah diberikan. Saya pasti kalau orang yang, Allah berfirman dalam al-Quran, *[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Kalau kamu bersyukur, Aku tambah nikmat. Kalau kamu kufur dan ingkar, azabKu amat pedih."* Pegawai kerajaan yang telah mendapat nikmat daripada kerajaan hendaklah sentiasa bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan. Kerajaan tidak akan minta apa daripada mereka. Kerajaan yang minta supaya mereka sentiasa berada dalam keadaan aman dan damai dan kalau boleh undilah Barisan setiap kali pilihan raya. *[Ketawa]* Akan tetapi kalau orang itu bersyukur, perlu mengundilah.

Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat Batu Pahat, ingin mengetahui tindakan yang telah diambil oleh kerajaan terhadap mereka yang terlibat dengan kebocoran kewangan. Yang Berhormat Batu Pahat tidak ada, maka saya jawab secara bertulis. Ini kerana Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sedang menunggu.

Majlis Keselamatan Negara. Yang Berhormat Paya Besar. *[Disampuk]* Yang Berhormat Paya Besar tidak payah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada di belakang.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Mana boleh, kawan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia kecil orangnya. Tidak nampak di belakang.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya kecil orangnya, tetapi kita akan nampak dia dari jauh. Mencadangkan supaya pengurusan pemberian bantuan kewangan kepada mangsa banjir ditambah baik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha untuk membantu rakyat yang ditimpa musibah bencana. Pemberian wang ihsan RM500 oleh kerajaan merupakan bantuan yang diberikan kepada mangsa bencana banjir bagi mengurangkan beban mangsa. Ia bukanlah satu bentuk pampasan kerugian yang dialami oleh mangsa tetapi sebagai bukti keprihatinan Kerajaan Persekutuan dalam meringankan beban mangsa bencana. Bantuan ini diberikan menggunakan peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara yang dikendalikan oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Bantuan wang ihsan ini akan diberikan kepada mangsa-mangsa yang berpindah dan yang tidak berpindah ke pusat perpindahan. Bagi mangsa yang berpindah ke pusat perpindahan, pemberian wang ihsan ini akan diagihkan secepat mungkin dan akan diusahakan sebelum mangsa pulang ke rumah, kita boleh beri. Namun, prosedur kewangan perlu dipatuhi dengan memastikan senarai nama yang bersih telah diperakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mengendalikan pusat perpindahan dan disahkan oleh pejabat daerah.

Bagi mangsa-mangsa yang tidak berpindah ke pusat perpindahan seperti di Bintulu, proses pengumpulan dan pembersihan senarai nama-nama mangsa yang terlibat banjir mengambil sedikit masa sebelum ia dapat disahkan oleh pihak pengurusan daerah. Ini ialah bagi memastikan agihan bantuan wang ihsan diberikan kepada mangsa-mangsa yang benar-

benar ditimpa musibah bencana banjir serta untuk mengelakkan daripada cubaan penipuan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang mungkin ingin mengambil kesempatan.

Walau bagaimanapun, kerajaan memberi jaminan bahawa semua mangsa ditimpa bencana banjir akan diberi bantuan oleh pihak kerajaan. Agensi-agensi yang terlibat dalam menyediakan senarai nama ini sentiasa mengkaji, menyemak dan melaksanakan penambahbaikan dalam urusan bagi mempercepatkan pendaftaran dan seterusnya pengesahan senarai nama. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan menghormati hak asasi manusia, semua...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Pokok Sena, saya dahulu berdiri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Mangsa bencana banjir boleh mendaftar masuk ke mana-mana pusat pemindahan, kita akan beri sama rata daripada aspek bantuan makanan dan perlindungan sementara. Namun bagi maksud pemberian wang ihsan, bantuan ini dikhususkan kepada warganegara Malaysia sahaja.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, saya berdiri dahulu. Yang Berhormat Pokok Sena kemudian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dia dahulu?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya dahulu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Pokok Sena beri sekejap. Nanti puak-puak Barisan marah saya.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Itu masalah yang paling besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Paya Besar punya soalan Yang Berhormat. Yang Berhormat Paya Besar.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan jawapan yang begitu baik sekali kedengaran. Saya hanya hendak tanya kepastian Yang Berhormat Menteri, walaupun saya dengar tadi semua bantuan kepada mangsa-mangsa banjir yang berjumpa musibah banjir ini, agak berapakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cantik baju Yang Berhormat ya, *sport jacket*. *[Ketawa]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terus lupa soalan itu.

■2110

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya tunggu dia disuruh keluar Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Saya sedang tunggu dikeluarkan. Yang Berhormat Menteri, saya dengar bahawa Kerajaan Pusat ini sungguh prihatin kepada mangsa-mangsa banjir, terutama sekali orang yang kena pindah. Sebelum dia kena pindah, dia bagi wang ihsan dengan senarai yang begitu terbersihlah. Saya tanya Yang Berhormat Menteri, adakah pihak

Kerajaan Pusat memberi wang ihsan kepada mangsa-mangsa banjir yang berlaku di Sabah baru-baru ini? Saya minta penjelasanlah, kalau tidak ada, kenapa? Kalau ada, berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Paya Besar.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa Yang Berhormat Menteri faham apa yang saya maksudkan kerana masalahnya sudah bertahun sudah. Saya rasa dari tahun 2004 lagi bila saya mula-mula menjadi ADUN di kawasan. Bila berlaku banjir, bantuan ini seharusnya kita beri apabila mereka hendak balik ke rumah. Sebab kalau kita beri selepas sebulan dua selepas banjir sudah habis, ia tidak memberikan apa-apa makna kepada mereka. Itu sebab apabila mereka ini berpindah ke pusat pemindahan banjir, mereka orang kata *reluctant*, dengan izin, untuk balik ke rumah kerana tidak ada apa di rumah mereka.

Buka peti sejuk, barang bukan sahaja barang rosak, dengan peti sejuk itu rosak. Jadi, apa mereka hendak makan? Sedangkan duit mereka sudah habis sudah. Tambah pula sekiranya orang kampung yang kais pagi, makan pagi. Jadi, itu sebab saya minta, melalui pengalaman saya sejak tahun 2004 berhadapan dengan mangsa-mangsa banjir. Kalau kerajaan dapat bantu pemberian ini dahulu sebelum mereka meninggalkan pusat pemindahan banjir ini. Kalau kerajaan dapat memberikan bantuan kewangan ini, saya percaya mangsa-mangsa ini akan rasa lega.

Kalau tidak, kita tengok amat sedih sekali. Jadi, ini tujuan saya mengemukakan masalah ini kepada kerajaan sebab Yang Berhormat Menteri mungkin tidak bersama mereka. Saya bersama dengan mereka, sebab itu saya faham dengan masalah mereka. Jadi, saya minta kerajaan mempertimbangkan. SOP yang ada sekarang ini tolonglah ditambah baik supaya mangsa-mangsa banjir ini dapat kita kurangkan beban mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Isu bencana di bawah Majlis Keselamatan. Saya tidak tahu apakah di bawah Majlis Keselamatan itu hanya melihat bencana kepada hal yang berkaitan dengan banjir. Sedangkan satu perkembangan baru, fenomena pada tahun ini ialah taufan yang berlaku baru ini di kawasan Pokok Sena, di Pendang, di Kuala Kedah, di Alor Setar. Petang tadi berlaku lagi di Bandar Alor Setar. Taufan yang cukup kuat yang saya fikir dari segi kerugiannya lebih teruk daripada apa yang dialami oleh mangsa banjir.

Jadi, saya juga minta Majlis Keselamatan melihat persoalan perkembangan-perkembangan baru, malah baru ini di Selangor juga berlaku dan juga kawasan Yang Berhormat pun saya difahamkan juga berlaku ribut taufan. Jadi, ini juga harus diambil kira.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Paya Besar bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ada lagi?

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Satu lagi Yang Berhormat, biarlah satu agensi sahaja yang menguruskan perpindahan orang banjir ini Yang Berhormat. Sebab kalau kita tengok, pejabat daerah *handle*, JKM *handle*, MKN *handle*. Jadi, itu yang bercelaru itu. Jadi, serah sahaja kepada pejabat daerah kerana mereka mempunyai pengalaman untuk mengenali rumah mana yang banjir, rumah mana yang tak banjir. Sebab mereka pada hari pertama mula banjir melanda sehinggalah ke hari yang terakhir, mereka bersama dengan penduduk-penduduk kampung. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat tadi ada lagi hendak soalan ke tidak, Yang Berhormat Paya Besar? Okey. Yang pertama sekali Yang Berhormat Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, Putatan ya? Yang Berhormat, tentang yang berlaku di Sabah baru-baru ini, MKN sedang menunggu laporan daripada Jabatan Perkhidmatan Masyarakat yang mengendalikan pusat perpindahan itu. Walaupun sekejap, selepas itu disahkan oleh pejabat daerah, hantar kepada MKN, kita akan membuat pembayaran. Pembayaran itu boleh dibuat dalam masa- setengah keadaan kita boleh buat dalam masa 24 jam.

Kita menunggu daripada laporan Sabah. Kalau sekiranya JKM Sabah dan pejabat daerah hantar laporan, saya ingat kita boleh buat pembayaran serta-merta. Yang itu sebab saya melawat sendiri. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, banjir kali ini termasuk Yang Berhormat Paya Besar, saya melawat di semua pusat banjir yang berlaku di Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak. Termasuk Bintulu, saya pergi 3 kali ya. Pernah saya hadir di tempat itu, wakil rakyat tidak ada ya.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bukan Bintulu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bintulu?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tempat lain.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Oh! Bukan Bintulu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi Yang Berhormat, kita sedang menunggu. Yang Berhormat dan saya sudah beri arahan sebab saya sendiri melawat Penampang dan juga Kota Belud. Bukan, ini tempat Yang Berhormat Datuk Abd. Rahman Dahlan, Kota Belud. Saya sudah melawat sendiri tempat itu dan kalau saya berjumpa dengan mangsa banjir, sudah mesti mereka akan mendapat bantuan awal. Itu bukan daripada pihak kerajaan, itu daripada pihak lain.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri tidak lawat kawasan Putatan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, termasuk Putatan. Penampang, Putatan dekat-dekat semua saya...

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Akan tetapi Yang Berhormat tidak melawat Paya Besar ya?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya sudah melawat seluruh kawasan itu.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Yang Berhormat melawat Kuantan dan Indera Mahkota.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, ya. Nanti saya pergi situ ya. Sekarang ini saya sudah- hal Sabah, kita menunggu laporan daripada pejabat daerah. Kemudian

keduanya, Paya Besar meminta supaya bayaran dibayar sebelum mangsa berpindah balik. Yang Berhormat, kehadiran MKN, kita yang terakhir. Akan tetapi sebenarnya, kalau yang elok orang tidak puji MKN, yang buruk itu orang serah kepada MKN. Padahal MKN bukan agensi pelaksana. Dia agensi yang menyelaraskan bantuan logistik dan juga kewangan. Dia bukan agensi pelaksana. Jadi, apabila pejabat daerah hantar laporan ataupun pejabat kebajikan hantar laporan, yang disahkan oleh pejabat daerah, kita buat pembayaran.

Jadi, saya sudah minta supaya kalau boleh kita bayar semasa penghuni berada di pusat tersebut. Kalau dia duduk tiga hari atau empat hari, sebenarnya mereka ini layak untuk mendapat bantuan sebelum mereka balik. Akan tetapi apabila mereka balik, angkanya sudah jadi luar biasa. Pernah suatu kawasan, angkanya telah meningkat dua kali ganda daripada yang ada sekarang, meningkat dua kali ganda. Ada dan pernah banjir besar berlaku baru-baru ini, angkanya telah meningkat dua kali ganda apabila kita bagi selepas banjir. Jadi, sekarang ini kita sedang berusaha untuk hendak bayar semasa mereka berada di sana. Akan tetapi kita tahu bahawa prosedur kerajaan menghendaki nama itu dibersihkan dan nama itu mesti dihantar oleh pejabat kebajikan yang mengendalikan pusat perpindahan, disahkan oleh pejabat daerah.

Yang Berhormat, perpindahan mesti dikendalikan oleh pejabat kebajikan kerana dia ada segala-galanya. Dia ada barangan dan lain lagi dan dia kena urus tempat itu. Pejabat daerah ialah pengerusi kepada Jawatankuasa Banjir di daerah itu. Dia pegawai daerah mempunyai kuasa penuh, dia tidak boleh kata jabatan itu lambat, jabatan ini lambat. Sebab kalau saya hendak cari siapa yang lambat di daerah, saya cari pegawai daerah, saya tak cari pegawai kebajikan. Sebab pegawai daerah mesti memastikan pegawai kebajikan hantar nama serta-merta. Kalau yang lambat ini mesti pegawai daerah kena tanya, bukan kerani kebajikan ya.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya balik kepada persoalan saya tadi. Jadi, kalau kita ada satu agensi sahaja yang mendaftarkan mangsa-mangsa banjir ini, saya rasa ini lebih berkesan daripada kita minta MKN. Fungsi JKM, dia hantar bekalan. Macam sekarang ini, kita di Pahang akan menghadapi banjir. Jadi, bekalan makanan di pangkalan hadapan sudah pun ada kita terima. Dari segi pendaftaran ini esok, itu sebab saya mencadangkan supaya duit bantuan banjir ini dibayar sebelum mereka balik ke rumah.

Kalau sudah mereka balik ke rumah, siaran dikeluarkan dalam TV, siaran dikeluarkan dalam media massa bahawa kerajaan akan bagi bantuan RM500. Itu yang rumah yang naik tidak sampai sekaki dalam rumah, mereka pergi daftar. Tanpa usul periksa, "*Oh, kawasan ini memang naik air.*" Yang naik air rumah yang tempat rendah, yang di tempat tinggi tidak naik air. Akan tetapi bila sebut Kampung Bukit Langit, katakan contoh. Jadi, orang di Bukit Langit semua pergi daftar. Siapa hendak mengesahkan bahawa rumah dia itu dinaiki air atau tidak? Itu sebab kalau kita boleh bayar sebelum mereka ini balik ke rumah masing-masing, itulah orang-orang yang berlaku banjir ini, rumah dia.

Kalau kata, "*Oh, bulan depan kita bayar ataupun dua bulan kemudian kita akan bayar...*"; itu yang ramainya. Yang isteri dua pun, rumah nombor dua pun tidak naik banjir, dia

pergi daftar juga. Inilah masalahnya. Kita nampak sendiri dan kita kenal orang yang menerima bantuan itu.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

■2120

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat...

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Apabila kita nak *complaint*, takkan kita nak sekat daripada menerima duit sedangkan JKM kah, MKN kah dah hantar surat kepada dia supaya dia datang menerima duit itu. Ini duit waima 10 sen. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah ialah pegawai daerah. Putuskan lah dia nak buat apa. Dia putuskan. Jangan pi kata orang tu – dia kata dia nak daftar sendiri, daftarlah, tidak ada masalah. Yang paling penting, pendaftaran ini, nama itu dibersihkan oleh pegawai daerah. Pegawai daerah sahkan bahawa ini dia orang yang daftar. Yang Berhormat nak suruh JKM daftarkan...

Akan tetapi sekarang ini oleh sebab JKM berada di pusat perpindahan, berada di situ, pegawai mereka berada di situ, maka mereka daftar dengan dipandu oleh pengerusi banjir. Pengerusi banjir ialah pegawai daerah. Tak timbul pun siapa nak daftar. MKN bayar duit. MKN tak campur pun. Saya hadir itu saya nak bagi duit poket kat budak-budak saja, suruh baris seorang RM10.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, saya bukan menuduh. Ini pengalaman yang saya hadapi.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tak apa. Sekarang ini Yang Berhormat....

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Sejak tahun 2004 lagi masalah begini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, tak apa. Sekarang ini untuk...

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Jadi kenapa tidak kita cari satu *solution* cara macam mana yang terbaik supaya tidak ada orang-orang yang merungut di kemudian hari?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sekarang yang terbaiknya ialah SOP yang telah ditetapkan bahawa jawatankuasa banjir di peringkat daerah, jawatankuasa banjir di peringkat negeri dipengerusikan oleh setiausaha kerajaan. Di daerah dipengerusikan oleh pegawai daerah. Di persekutuan dipengerusikan oleh saya.

Di daerah, buat, cadangkan yang terbaik. Saya tak tuduh siapa. Akan tetapi Yang Berhormat kata sejak tahun 2004, kita tak dengar. Akan tetapi kalau nak berlaku tahun ini, kita berdoa tak berlaku. Yang Berhormat ikut apa yang saya kata. Pegawai daerah tunggu di situ. Buat pendaftaran dan suruh...

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Memang ada. Memang ada.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kalau buat pendaftaran Yang Berhormat, Yang Berhormat hantar hari ini, pergi dekat MKN, MKN akan buat pembayaran dalam masa yang terdekat. Tak boleh lambat punya. Itu MKN agensi yang...

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Betul. Itu sebab saya cadangkan supaya bayaran itu dibuat sebelum mereka ini balik ke rumah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Boleh, Yang Berhormat.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Kalau boleh, kenapa tak buat?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dak. Boleh, tapi pejabat daerah kena hantar nama.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Memang dah ada dah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tak hantar.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat tak hantar.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat...

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Memang dah ada mereka yang masuk ke pusat pemindahan itu memang dia dah daftar dah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat...

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Sebab, kalau tidak, dia tidak akan dapat selimut, dia tidak akan dapat tikar.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, pi terang kat dia di luar Mesyuarat ini. Dia tak faham tu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang masalah besarnya, nama itu dah ada. Hantar.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Hantu...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya suruh Ahli Yang Berhormat... Yang Berhormat cuma terlibat di Paya Besar. Saya terlibat di Kuantan, di Pekan, di Kemaman, di Beaufort, di Putatan, di Keningau, saya terlibat semua.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Yang Berhormat, saya juga terlibat dengan Kuantan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dan bila saya sampai di pusat-pusat banjir...

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: ...Kerana sebilangan besar...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya beritahu... Ini dengar Yang Berhormat. Saya beritahu, hantar nama serta-merta kepada MKN. MKN akan buat pembayaran. Itu *point* nya. Yang paling penting ialah MKN mahu nama itu cepat dan bersih. Jangan nama tak bersihlah. Dia sahkan bahawa ini orang yang telah dipindah.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Yang Berhormat, betullah. Kita tahu MKN bayar. Akan tetapi kenapa tak boleh bayar sebelum mereka ini balik ke rumah? Itu persoalan saya. Untuk mengelakkan penipuan di kalangan masyarakat. Itu sahaja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat...

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Itu saja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Kalau Yang Berhormat boleh bagi pengakuan bahawa bantuan banjir ini akan dibayar...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: ...Bolehkah cadang dua orang ini runding dekat luar kasi selesai?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tak, Yang Berhormat. Saya tak tahu apa Yang Berhormat hendak. Akan tetapi saya nak beritahu...

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Yang saya nak Yang Berhormat Menteri, dibayar kepada mangsa-mangsa banjir ini sebelum mereka balik ke rumah mereka.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, setuju.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Itu saja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Setuju.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Dah setuju apa lagi?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Setuju.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta pencelahan. Yang Berhormat Menteri...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kena bagi tahu kat Yang Berhormat Paya Besar itu, kena tunggu banjir sekali lagi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dia minta tindakan yang pantas. Itu saja.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, cadanglah pada Yang Berhormat Menteri, jangan buang masa lagi. Selesai kat luar. Nanti dekat luar kasi selesai.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tak. Termasuk Yang Berhormat Bintulu, semua orang, kita boleh bayar masa orang itu tak pindah, tak balik lagi ke rumah dengan syarat dia hantar nama dekat MKN. Dia hantar nama cepat, bayar cepat. Masalah besarnya tidak ada satu pun pusat banjir yang hantar nama masa itu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Okey. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey. Jadi saya setuju Yang Berhormat Paya Besar yang telah memberi cadangan yang begitu besar dan kita akan laksanakan. Kalau sekiranya berlaku apa-apa, saya minta Yang Berhormat yang berada di mana-mana kawasan, pastikan pejabat daerah hantar kepada MKN semua sekali nama-nama yang terlibat dengan banjir. Kita kalau paling lambat saya ingat dua hari. Akan tetapi paling cepat ialah 24 jam ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Okey. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kemudian yang ketiganya ialah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena sama ada bencana ini, sama ada ribut taufan yang berlaku di Kedah baru-baru ini masuk di dalam pendekatan bencana. Oleh sebab ribut ini berskala besar dan Yang Berhormat Suraya telah pun telefon saya semalam, saya kata saya minta laporan daripada kebajikan dan juga pejabat daerah serta-merta hantar kepada saya. Kita nak tunjuk bahawa ianya telah berlaku bencana yang besar yang melibatkan ramai orang.

Sebab, ini kita pernah bagi kepada satu kawasan di Perak, di kawasan Hulu Selangor. Kita pernah bagi. Bila ribut melibatkan 132 buah rumah sebagai contoh. Jadi di Kedah ini berlaku dalam skala besar. Di Perlis tak apalah sebab Menteri dia ada, tetapi Menteri tak ambil duit kerajaan ya. Menteri uruskan pembayaran awal walau bagaimanapun ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Okey, sekian terima kasih, cepat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *You* dengarlah bagi habis ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Habislah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Diam ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Secara bertulis saja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini benda penting, semua orang tunggu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ramai YB sudah pulanglah. Sebut nama YB apa.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat dah kaya tak apa tapi orang lain tunggu benda ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: [Ketawa]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Betul, betul. Saya ada soalan itu. Saya terima. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Bintulu dah kaya ya?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia kaya dah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya lah, tetapi dia hati murah. Dia selalu bagi. Kalau ada kawasan bencana, banjir kecil-kecil, dia akan bagi bantuan. Mintalah kepadanya. Siapa saja. Yang Berhormat Putatan boleh mohon bantuan.

Yang Berhormat Ipoh Barat membangkitkan tentang APPU di mana terdapat resolusi berkenaan dengan *regional cooperation for disaster prevention* dan mengetahui tindakan kerajaan terhadap resolusi tersebut. Saya ingin memberitahu bahawa kerajaan secara umumnya mengikut cadangan yang telah dibawa oleh APPU dan *insya-Allah*, banyak daripada perkara-perkara tersebut telah dilaksanakan.

Yang Berhormat Kuala Kangsar minta KDN, JPM dan pihak MKN perlu memantau isu keselamatan sawit untuk mengelakkan sebarang anasir-anasir menentang industri ini secara terang dan juga subversif. Ini bukan di bawah kementerian saya. Akan tetapi sebagai umumnya saya ingin beritahu bahawa untuk makluman Yang Berhormat, pengumpulan maklumat dan pemantauan berterusan – semua pergerakan subversif dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia. Maklumat yang dikumpul ini akan dianalisa oleh pihak PDRM bagi melaksanakan tindakan penguatkuasaan.

Yang Berhormat, ini ialah berkenaan PERMATA. Sikit saja. Saya akan sentuh pendek-pendek, PERMATA ya. Sebab ini tuduhan. Yang Berhormat Rantau panjang, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Dungun membangkitkan isu 'PERMATA' yang diterima oleh PERMATA bagi Bajet 2015 sebanyak RM711 juta yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Berhormat juga membangkitkan isu sama ada wujud ketirisan dalam peruntukan ini yang diterima sejak tahun 2008.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan berjumlah RM711 juta telah diperuntukkan bagi memperkukuhkan pendidikan awal kanak-kanak tahun 2015. Pendidikan awal kanak-kanak ini terbahagi dua sektor iaitu sektor prasekolah atau kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun dan sektor program didikan dan asuhan awal untuk kanak-kanak

yang bawah umur empat tahun. Yang Berhormat Bintulu tidak ada anak bawah empat tahun kot ya.

Pecahan peruntukan mengikut agensi pelaksana ialah RM474 juta untuk Kementerian Pendidikan dengan bilangan 8,664 buah kelas prasekolah. RM130 juta kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dengan bilangan kelas 8,883 buah kelas tadika dan 414 buah taska. Sebanyak RM37 juta kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional dengan bilangan 1,693 buah kelas Tadika Perpaduan dan 41 buah taska.

PERMATA tidak melaksanakan program prasekolah. Bagi tahun 2015, bahagian PERMATA diperuntukkan sebanyak RM70 juta di mana peruntukan sebanyak RM48 juta di bawah peruntukan belanja mengurus adalah bagi mengoperasi program PERMATA Negara di 89 buah Pusat Anak PERMATA Negara. Manakala peruntukan sebanyak RM22 juta adalah bagi melaksana dan menguruskan lima buah program PERMATA iaitu PERMATA Pintar termasuk Kolej PERMATA Pintar, PERMATA Insan termasuk Kolej PERMATA Insan, Pusat PERMATA Kurnia, tiga buah Pusat Komuniti PERKASA dan PERMATA Seni.

■2130

Jadi jumlah peruntukan yang menjadikan RM711 juta itu Yang Berhormat dengar ini bahawa adalah salah dan tidak tepat hanya bersangka buruk sahaja.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]* Saya hendak minta celahan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat sekejap, sekejap sedikit sahaja. Yang Berhormat kita jumpa di Cheras nanti ya. Kementerian Pendidikan RM474 juta, KEMAS RM130 juta, Perpaduan RM37 juta, PERMATA hanya RM70 juta jadi jumlahnya ialah RM711 juta. Yang Berhormat Ampang mengetahui peruntukan yang diterima oleh PERMATA di mana Yang Berhormat telah membawa perincian mengenai perbelanjaannya.

Saya telah sebutkan tadi dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, setelah beberapa publisiti yang dibuat yang kurang manis berhubung dengan PERMATA, kita dapati permintaan kepada PERMATA sekarang luar biasa malah guru-guru di beberapa kluster sekolah-sekolah memohon supaya ditubuhkan satu PERMATA untuk membolehkan mereka menghantar anak-anak mereka di sekolah yang berdekatan selepas itu selepas balik sekolah dia orang ambil. Ini permintaan kepada PERMATA kerana kokurikulum PERMATA sekarang ini yang dibuat sebegitu rupa untuk menjamin supaya kita mempunyai warganegara yang sihat, warganegara yang cerdas, cerdik dan sentiasa berfikiran positif. Ya, Yang Berhormat Kapar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang akui RM711 juta itu bukan PERMATA itu pun dalam hujah saya pun saya sudah tekankan. Yang saya perlukan ialah sejak ditubuhkan untuk setiap tahun berapa jumlah wang yang telah diperuntukkan untuk PERMATA, sejak ia ditubuhkan. Kalau tidak silap saya dari tahun 2007. Jumlah untuk 2007, 2008, 2009 sehingga 2014 itu yang saya minta. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tidak ada masalah Yang Berhormat Menteri boleh bagi jawapan bertulis.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya ada senarai di sini tetapi sebab saya mengejar masa sedikit, boleh tidak saya jawab secara bertulis ya?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya hormai, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *You* ini baguslah. Kalau *you* perangai ini jangan ikut perangai setengah orang ya.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kota Raja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri setuju tidak kalau saya nyatakan publisiti yang negatif ini mungkin kerana penerangan dan penjelasan yang tidak begitu jelas kepada kita sebab kita berada di sini setengahnya daripada 2008, PERMATA dimulakan 2007. Sehingga kini pernahkah PERMATA diaudit? Mungkin kalau ada laporan audit dan kita tahu di mana wang itu pergi, mungkin ia akan memberi gambaran yang lebih positif. Yang saya tahu ialah sebenarnya kurikulum PERMATA itu yang dipakai oleh berbagai-bagai pusat penjagaan ini. Jadi PERMATA sendiri juga ada dia punya pusat-pusat dia sendiri. Jadi tahun lepas kalau tidak silap saya RM100 juta jadi tentulah kita tertanya-tanya bagaimanakah pengagihan kewangan ini. Tahun ini baru kita dengar agak lebih detil sedikit. Mungkin kalau ada laporan audit maka *negativity* itu akan lebih kurang *insya-Allah*.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat saya jawab secara bertulis tetapi secara ringkasnya Yang Berhormat, sebab apa Yang Berhormat bertanya soalan itu supaya rakyat boleh nanti rakyat kata saya tidak jawab. Tahun 2012 peruntukan bagi bahagian PERMATA bagi tahun 2012 berjumlah RM38 juta. Peruntukan ini dipecahkan RM38 juta diluluskan sebagai peruntukan mengurus manakala RM8 juta diluluskan sebagai projek peluasan program PERMATA di negeri Sabah dengan pembinaan lapan program anak PERMATA di Parlimen Kudat, Ranau, Penampang, Kota Kinabalu, Putatan, Kimanis, Sandakan dan juga Batu Sapi. Yang Berhormat Putatan tahu ada PERMATA di sana. Tahu kah?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak tahu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak tahu, ini 2012. Kemudian pada tahun 2013 telah diluluskan peruntukan mengurus sebanyak RM39 juta. Peruntukan digunakan untuk menguruskan dan mengoperasi 81 pusat anak PERMATA Negara pada tahun yang berkenaan. Pada tahun 2014, bahagian ini telah diluluskan peruntukan sebanyak RM68 juta dengan pecahan peruntukan mengurus sebanyak RM40 juta dan peruntukan pembangunan sebanyak RM28 juta. Peruntukan pembangunan adalah bagi membiayai pembangunan projek PERMATA Kurnia dan PERMATA Insan.

Yang Berhormat Lenggong bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Kalabakan agar pelaksanaan PERMATA dapat diwujudkan di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, program PERMATA Negara menyediakan program asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak yang berstandard dan berkualiti khusus untuk kanak-kanak di bawah umur empat tahun. Ia

disasarkan kepada kanak-kanak daripada keluarga yang berpendapatan rendah di kawasan pinggir dan luar bandar. Pelaksanaan program PERMATA telah diperluaskan ke negeri Sabah dengan kerjasama agensi pelaksana seperti KEMAS, Taska PERMATA KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Taska PERMATA Perpaduan dan Jabatan Perdana Menteri melalui Pusat Anak PERMATA Negara.

Pecahan jumlah peruntukan PERMATA yang telah beroperasi di negeri Sabah adalah mengikut pelaksanaan seperti berikut iaitu PERMATA JPM -13, PERMATA KEMAS – 44 dan taska PERMATA Perpaduan – 2. Yang Berhormat Kalabakan sudah balik jadi saya jawab secara bertulis.

Yang Berhormat dari Ampang ingin mengetahui fungsi PERMATA yang berproseskan kepada pendidikan. Program PERMATA ialah program berfokuskan kepada pendidikan kanak-kanak sebagai *complimentary* kepada sistem pendidikan sedia ada. Okey, terima kasih yang lain-lain saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kemudian bahagian, ini APMM. APMM juga kalau diizinkan saya ingin menjawab secara bertulis iaitu Yang Berhormat dari Kuala Kedah, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Kuala Terengganu ada ya. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah pencerobohan nelayan asing Vietnam di perairan negara APMM telah melaksanakan pelbagai langkah drastik.

Antara tindakan yang dilakukan ialah mempertingkatkan rondaan dan juga kawalan sehingga *zone economic exclusive* iaitu 200 batu nautika dari pantai dengan menggunakan aset laut dan udara. APMM juga sentiasa memastikan dan cuba mengekalkan 70% aset sedia beroperasi pada setiap masa. Kesemua aset yang bersedia mampu digerakkan dalam masa 30 minit setelah menerima aduan berkaitan. Selain itu pemantauan udara dari masa ke semasa juga akan terus diteruskan, akan terus dilakukan bagi mengesan pencerobohan daripada nelayan asing.

Sejak 2006 APMM telah menangkap sebanyak 353 buah bot nelayan Vietnam yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan di perairan negara. Bagi meningkatkan lagi keupayaan APMM kerajaan telah bersetuju untuk menambahkan aset baru APMM iaitu membina tujuh buah Kapal Ronda Generasi Baru (NGPV) yang mampu melaksanakan tugas di perairan negara. Pembinaan tujuh kapal ini akan dimulakan pada tahun 2015.

Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat Bakri *you* balik tidak? Ada lagi.

Tuan Er Tech Hwa [Bakri]: Ada, tunggu jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya tentang pemantauan pergerakan nelayan asing yang sampai ke Pelabuhan Chendering. Bagaimana mereka bebas bergerak keluar masuk dari kawasan pelabuhan, tidak ada apa-apa sekatan dan rintangan sehingga boleh pergi ke *shopping complex*, Mydin dan sebagainya sehinggakan boleh mengadakan satu pertandingan bola sepak di Pantai Chendering di mana orang-orang kampung pun hairan bagaimana satu *team*

daripada Vietnam boleh beraksi di Kuala Terengganu tanpa apa-apa *immigration clearance*. Ini sangatlah membimbangkan, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat bila mereka di darat mereka di bawah bidang kuasa jabatan yang lain tetapi bila mereka di laut mereka adalah bidang kuasa APMM. Yang Berhormat kalau ada maklumat sebegini Yang Berhormat sampaikan dan saya sudah beritahu bahawa tidak ada lagi bila mereka tangkap ataupun tangkap mana-mana pihak di laut tidak ada perundingan untuk bertanya meminta apa-apa dokumen daripada mereka. Kita dapati mereka masuk ke kawasan kita, kita akan tangkap dan kita akan selesaikan di pangkalan.

Sebab saya tidak mahu diselesaikan di laut sebab bila diselesaikan di laut mengambil masa dua hingga tiga jam, pada masa itu macam-macam boleh berlaku, bot kita mungkin terhanyut masuk ke kawasan Vietnam dan sebagainya. Jadi semua tangkapan dibawa diselesaikan di pangkalan tetapi bila diselesaikan di laut dikata macam-macam. Nanti dituduh kita terima sotong keringlah dan berbagai-bagai lagi. Jadi kita tidak mahu. Itu sebab tangkapan sekarang ini boleh dikatakan tiap-tiap hari ada tangkapan yang dibuat kepada bot Vietnam. Saya percaya angkanya agak mengejutkan kalau kita tengok tangkapan yang kita buat tiap-tiap hari kepada nelayan-nelayan asing. Yang Berhormat yang lain saya bagi jawapan secara bertulis.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, minta pencelahan. Satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini tentang JUSA C itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tajuk mana itu Yang Berhormat?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kenaikan gaji itu mengapa hendak samakan Ahli Parlimen dengan JUSA C itu yang ramai di pihak BN pun ada bangkitkan isu itu. Sebab kita dianggap *level* yang berlainan sedikit perlu diasingkan.

So, minta penerangan selepas itu boleh terangkan sedikit apa maksud JUSA C itu dan dalam bentuk RMnya?

■2140

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia hendak amaun itu, amaun Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, untuk membolehkan kita selesaikan perkara itu, saya akan jawab yang penghabisan sekali ya. Jadi Yang Berhormat sabar menunggu, sekejap lagi. Yang Berhormat Mukah, Yang Berhormat Mukah ya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak ada Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Berhubung dengan...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, tadi cakap nak jawab soalan Bakri, tak jawab.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Saya terlupa, saya tak ingat. [*Dewan riu*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, Yang Berhormat Bakri ini agak panjang sedikit tetapi saya jawab separuh, yang lain saya jawab bertulis ya. Untuk makluman Yang Berhormat, kenyataan Yang Berhormat Bakri bahawa APMM gagal dalam melaksanakan tugas ialah tuduhan yang tidak berasas Yang Berhormat. Hasil yang berjaya dicapai melalui komitmen tanpa mengenal erti penat lelah yang telah ditunjukkan oleh warga APMM ini adalah amat positif dan ketara.

Harus difahami bahawa agensi-agensi penguat kuasa sebelum ini hanya melaksanakan penguatkuasaan secara sektoral mengikut bidang kuasa masing-masing. Sebelum APMM beroperasi, statistik menunjukkan bahawa taburan kejadian pelanunan atau rompakan di Perairan Selat Melaka berada di tahap yang membimbangkan iaitu 28 kes pada tahun 2004.

Statistik ini telah menurun mendadak kepada 10 kes pada tahun 2005 dan terus menurun kepada dua kes pada tahun 2011, sifar, sifar pada zaman saya. Tahun 2009, tahun 2010, tahun 2012, tahun 2013, sifar, *zero* Yang Berhormat. Manakala bagi tahun 2014, dua kes. Secara keseluruhannya jenayah maritim di seluruh perairan negara telah mencatat penurunan yang amat ketara sejak sehingga tahun 2014.

Rekod International Maritime Bureau (IMB) yang menunjukkan kejadian pelanunan dan rompakan yang melibatkan kapal dagang di perairan negara jelas telah menurun memberi keyakinan kepada komuniti maritim antarabangsa terhadap kesungguhan Kerajaan Malaysia di dalam membanteras masalah lanun di Selat Melaka khususnya dan seluruh perairan negara amnya.

Lloyd's Joint War Committee (JWC) telah menarik semula status Selat Melaka sebagai kawasan berisiko perang pada Ogos 2006 apabila melihat aktiviti pelanunan dan rompakan di Selat Melaka telah menurun secara mendadak. Pembatalan penarafan tersebut dibuat berdasarkan penilaian *Lloyd's JWC* terhadap keadaan keselamatan di Selat tersebut yang dianggapnya semakin baik. Kewujudan APMM secara jelasnya telah merealisasikan hasrat kerajaan untuk memastikan keadaan keselamatan di Selat Melaka khususnya zon maritim Malaysia amnya telah kembali aman dan terkawal.

Peningkatan pencapaian APMM dari segi statistik, peratusan penurunan kejadian pelanunan dan jenayah maritim menjadi indikator peningkatan kepercayaan masyarakat umumnya dan komuniti maritim tempatan dan antarabangsa kepada APMM yang memperlihatkan kesungguhan dan kerelevanan penguatkuasaan dan rondaan yang dilaksanakan oleh APMM.

Yang lain-lain Yang Berhormat, saya akan jawab secara bertulis. Okey, Yang Berhormat Bakri, terima kasih kerana telah bersetuju dengan saya. Yang Berhormat Mukah, saya akan jawab secara bertulis. Yang Berhormat tak mari, jadi kemudian, Yang Berhormat Indera Mahkota, pun telah kembali awal. Jadi saya jawab secara bertulis iaitu berhubung dengan OSA (*Official Secret Act*). Jadi saya hendak jawab, sebab dia tak ada, jadi rugilah.

Kemudian audit, Jabatan Audit Negara. Yang Berhormat Serdang mencadangkan supaya Ketua Audit Negara mengaudit secara terperinci GLC-GLC yang berhutang dengan kerajaan dan mengenal pasti langkah-langkah penyelesaian. Yang Berhormat Serdang mari?

[Disampuk] Tak mari, malangnya. Saya jawab secara bertulis. Yang Berhormat juga mengesyorkan dikemukakan kepada GLC-GLC agar permasalahan ini dapat diselesaikan. Ya, jawapan ini cukup penting pada keseluruhannya kita dapati bahawa sejumlah 18 atau 34.6% syarikat GLC mempunyai pinjaman kepada kerajaan telah di audit dan dilaporkan oleh Laporan Ketua Audit Negara. Nilai baki pinjaman syarikat-syarikat berkenaan seperti yang tersebut dalam Penyata Kewangan Persekutuan tahun 2013 adalah berjumlah RM13.773 bilion. Nama-nama syarikat dan lain-lain lagi, saya tidak dapat sebut kerana Ahli Yang Berhormat tidak berada di sini.

Elaun Ahli Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, boleh minum air sekejap tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh, boleh. *[Ketawa]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Hari ini saya berpuasa dengan kawan-kawan berkopiah putih tadi. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, nak tanya pasal audit tadi sedikit, audit ya. Saya hendak dapatkan penjelasan tentang... *[Dewan riuh]* Sekejap, sekejap, tak apalah. Pasal saya difahamkan audit tentang pengurusan Hari Belia yang sepatutnya untuk tahun 2013 dibentangkan pada Laporan Sesi Kedua pada Jun yang lalu. Akan tetapi sehingga hari ini saya belum dapati Laporan Audit berkaitan dengan Hari Belia. Saya fikir bahawa Yang Berhormat harus ambil perhatian bahawa perkara ini sangat penting untuk diperolehi oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada bangkitkah Yang Berhormat?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya? Tak, tak, ini saya bangkit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Baru bangkit.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey, oleh sebab kita sentiasa prihatin, telus, so kita akan jawab secara bertulis Yang Berhormat ya.

Elaun Ahli-ahli Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Titiwangsa ingin penjelasan mengapa kenaikan elaun Ahli Parlimen disamakan gred jawatan JUSA C? Yang Berhormat Titiwangsa ada lagi tak? Ada sini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada wakil Putatan Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Oleh sebab Yang Berhormat Titiwangsa sudah balik, saya tidak menjawab.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya tanya tadi Yang Berhormat Menteri. Saya tanya tadi.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya ada dua bahagian itu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengumuman kenaikan elaun Dewan Negara/Dewan Rakyat daripada bersamaan Gred 54 kepada bersamaan gred JUSA C dan elaun Ahli Dewan Negara daripada bersamaan gred 48 kepada bersamaan di antara Gred 54 dan JUSA C tidak bermaksud Ahli-ahli Parlimen disamatarafkan dengan pegawai awam di JUSA C.

Ia adalah satu perbandingan yang merupakan sandaran atau asas dalam menentukan elaun dan keistimewaan Ahli-ahli Parlimen dengan apa yang diberikan kepada penjawat awam Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengumuman kenaikan elaun Dewan Negara/Dewan Rakyat daripada bersamaan Gred 54 kepada bersamaan gred JUSA C dan elaun Ahli Dewan Negara daripada bersamaan gred 48 kepada bersamaan di antara Gred 54 dan JUSA C tidak bermaksud Ahli-ahli Parlimen disamatarafkan dengan pegawai awam di JUSA C.

Ini sebagai asas, bukanlah sebagai ingin berkata bahawa Ahli Parlimen itu ialah gred JUSA C. Ia bukan JUSA C, ia adalah gred khas Ahli-ahli Parlimen. Bila dibentangkan rang undang-undang mengenai elaun dan juga saraan Ahli Parlimen nanti, kita akan tengok bahawa dia tidak sebut perkataan JUSA C, *insya-Allah*. JUSA C ini adalah sebagai asas untuk kita buat perbandingan.

Yang Berhormat Setiawangsa mencadangkan supaya satu nama baru diberi untuk membezakan Gred JUSA C Ahli Parlimen dengan jawatan JUSA C penjawat awam. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jawatan Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat tidak disandarkan kepada mana-mana gred jawatan dalam perkhidmatan awam. Oleh yang demikian, tidak ada keperluan untuk memberi suatu nama baru bagi membezakan jawatan Ahli Parlimen dengan penjawat awam JUSA C. Jadi sekarang ini *confirm*lah kita tak perlu mengatakan diri kita ini JUSA C.

Beberapa Ahli Yang Berhormat Pandan dan Seremban telah memohon butiran terperinci mengenai cadangan kenaikan Ahli Parlimen. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, satu rang undang-undang mengenai kenaikan gaji dan bulanan Ahli-ahli Parlimen akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini dalam jangka masa yang terdekat, paling dekat sekali.

Yang Berhormat Kota Kinabalu mencadangkan supaya Ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak diberi elaun khas Ahli Parlimen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan akan memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap cadangan peruntukan elaun-elaun baru kepada semua Ahli Parlimen pada masa yang sesuai, mengambil kira kedudukan kewangan kerajaan serta persetujuan semua Ahli Parlimen. Jadi saya harap yang Ahli-ahli Yang Berhormat semua bersabar. Saya akan diminta menyampaikannya melalui kertas yang akan dibentangkan nanti. Jadi kertas itulah jawapan kepada benda yang tertimbul dalam kepala banyak pihak. Sabar itu separuh daripada iman.

Isu hari kelepasan am. Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah membangkitkan isu sama ada kerajaan akan mempertimbangkan cuti Deepavali tambah kepada dua hari. Untuk amalan Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk menambah hari kelepasan am bagi Deepavali dan mengekalkan bilangan hari kelepasan am seperti sedia ada.

ICU, ICU Yang Berhormat Permatang Pauh tak hadir. Yang Berhormat Seremban membangkitkan mengenai perbelanjaan JPM bagi lima projek bernilai RM4.42 bilion tertakluk dalam kuasa tangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk dibelanjakan iaitu projek khas, projek pelan pembangunan, penyusunan semula masyarakat, projek mesra rakyat dan projek-projek kecil.

■2150

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri digunakan untuk membiayai pelaksanaan projek-projek kecil fizikal seperti menaik taraf jalan, jeti, Jambatan Gabion, rumah-rumah ibadat, masjid, surau dan juga termasuk peralatan. Selain itu, ianya juga digunakan untuk membiayai program-program kemasyarakatan, sukan, sosial termasuk kewangan kepada NGO. Projek-projek dilaksanakan ialah projek yang dapat memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada semua rakyat serta membolehkan rakyat menjalankan aktiviti kemasyarakatan.

Yang Berhormat Seremban juga ingin mengetahui projek kecil yang telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Seremban. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2014 sebanyak 70 projek kecil dilaksanakan di Parlimen Seremban. Yang Rantau Panjang, sudah balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seremban bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya Yang Berhormat Arau, berkenaan dengan projek-projek kecil itu saya minta supaya diberikan bertulislah secara terperinci, terima kasih. Yang keduanya, isu yang saya hendak timbulkan ialah berkenaan dengan ketelusan perbelanjaan yang diberikan kuasa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Seperti yang kita katakan, peruntukan-peruntukan kepada kawasan, ini sepatutnya diberikan secara adil, secara terus kepada semua kawasan termasuk kawasan-kawasan yang diwakili oleh pembangkang tetapi ini bukannya praktis sekarang, bukannya dasar sekarang.

Kita hendak tahu bagaimana peruntukan itu dibelanjakan dan apa yang penting ialah perlu ada mekanisme supaya di semua kawasan-kawasan Parlimen termasuk kawasan Parlimen pembangkang, mekanisme untuk memohon itu perlulah ada ketelusan supaya rakyat tahu bagaimana peruntukan itu dapat diperoleh dan untuk manfaat. Itu yang kita minta, itu yang saya rasa isu yang paling pokok ialah ketelusan bagaimana perbelanjaan itu dibelanjakan. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, *insya-Allah* saya akan bagi jawapan bertulis tentang projek yang dilaksanakan di kawasan Parlimen Seremban. Berhubung dengan isu ketelusan dan sebagainya, ia dilaksanakan dengan cara telus, cara ikhlas dan kita lihat semua projek seperti yang saya ulang berkali-kali di Parlimen ini, bila dilaksanakan semua orang untung, Barisan untung, DAP untung, PAS untung. Maknanya dalam keadaan tertentu parti pembangkang dia lebih untung sebab saya sebut sekali lagi, boleh saya sebut sekali lagi ya? Mereka pergi bercekek pinggang semasa kontraktor menjalankan projek.

Jadi orang kata ini macam seolah-olahnya mereka yang melaksanakan projek. Kami yang sibuk ini terpaksa memastikan projek berjalan tetapi Yang Berhormat kalau sentiasa berada di padang sudah pasti kadang-kadang rakyat tersasul dengan mengingatkan bahawa Yang Berhormat yang mendapatkan projek yang berkenaan. Projek berkenaan untuk semua, untuk UMNO, MCA, MIC, PAS, DAP, PKR, Iban, Kadazan, Murut dan lain-lain lagi ya. Jadi,

kita telus dan saya tengok projek yang dilaksanakan oleh kerajaan sekarang ini untuk semua rakyat.

Malah saya kata projek kerajaan kadang-kadang menguntungkan pembangkang lebih daripada Barisan. Sebab apa, dalam semua projek pembangunan di kawasan bandar raya dan juga di bandar, kita lihat pembangunan yang diperuntukkan oleh kerajaan luar biasa. Akan tetapi kita lihat semua kawasan bandar dimiliki oleh pembangkang kecuali dua bandar iaitu Johor Bahru dengan Kangar. Kalau tidak silap Kangar ya. Johor Bahru dan Kangar.

Pembangkang yang menguasai padahal yang bagi peruntukan yang besar ialah Kerajaan Barisan Nasional. Jadi, lebih daripada telus Yang Berhormat. Yang untung akhirnya bukan Barisan Nasional yang untung. Pembangkang lebih untung daripada kami. Walau bagaimanapun kami sentiasa ikhlas dan kami tidak kisah. Yang paling penting rakyat mendapat manfaat kerana kami fikirkan satu hari rakyat tahu bahawa siapa yang sebenarnya yang membuat kerja. Yang Berhormat Jelutong, sudah balik ya.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Oh! Belum, okey. Mengetahui kenapa kos harga perumahan yang dikeluarkan oleh PERDA dan JKP jauh lebih tinggi daripada had harga kerajaan. Ini dikatakan satu lagi skim cepat kaya dan terpesong daripada matlamat membela rakyat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, rumah-rumah yang dibina oleh PERDA berkeluasan 1,200 kaki persegi, kebanyakannya ialah jenis rumah teres, *landed properties*. Berbanding dengan rumah yang dibina oleh PDC yang berukuran 900 sehingga 1,000 kaki persegi yang berkonsepkan pangsapuri, rumah bertingkat.

Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Tasek Gelugor sudah balik ya? Yang Berhormat sudah balik ya. Terima kasih.

Seorang Ahli: Ada di luar.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ada di luar, okey. Yang Berhormat Seremban, benda ini kecil tetapi kita kena sebut sebab apa saya menyerahkan kepada Kementerian KPDNKK untuk melihat perkara ini ya iaitu Yang Berhormat Seremban memohon penjelasan mengenai kafeteria Parlimen yang dikendalikan oleh Syarikat PWTC Katering tentang kenaikan harga makanan dan minuman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga milo bagi kafeteria masih dikekalkan iaitu RM 2.00 dengan sukatan 30 gram milo bagi setiap cawan manakala harga secawan milo dengan sukatan 60 gram bagi *lounge* MP adalah sebanyak RM3.00 secawan.

Pihak Putrade juga menyediakan perkhidmatan di *lounge* MP sedangkan perniagaan di kafeteria dan kantin adalah berkonsepkan layan diri. Berhubung dengan isu jus buah yang berharga RM8.00 segelas, jus buah baru saja diperkenalkan pada 7 Oktober 2014. Sebelum ini pihak Putrade hanya menjual jus buah daripada botol yang berharga RM4.00. Jadi, saya ingat ini tidak timbul tetapi saya kena sebut juga sebab Yang Berhormat telah sebut dan pihak Putrade kita kena hadir sebab kita ada dengan mereka sepanjang masa dan hayat ini.

Yang Berhormat Seremban juga mencadangkan agar setiap Ahli Parlimen diperuntukkan dua orang pegawai khas untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seremban bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Mereka meningkatkan mutu perbincangan dan juga perkhidmatan di kawasan Parlimen. Ai! Banyak pula isu ini.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah tadi kenaikan harga itu. Yang Berhormat Menteri telah mengesahkan bahawa memang baru-baru ini saja kenaikan harga. Yang keduanya, saya hendak tanya mengapakah catering di Parlimen ini tidak dibuka secara tender, mengapa bagi keistimewaan kepada PWTC catering, merupakan sebuah syarikat UMNO. Mengapakah syarikat catering ataupun syarikat kafeteria dalam Parlimen ini tidak dibuka secara tender supaya mungkin ada pengendali yang lebih baik yang dapat mengendalikan kafeteria dan juga MP lounge di Parlimen, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak Yang Berhormat, harga jus dalam botol RM4.00. Ini jus yang baru, *fresh juice* itu RM8.00. Saya pasti Yang Berhormat tidak mahu minum *fresh juice*, hendak minum jus dalam botol, RM4.00 lah, *no problem*. Kenaikan harga itu adalah kerana dia yang ini *fresh juice* yang melibatkan tiga atau empat biji oren. Oh! Kacau ini ya. Jadi Yang Berhormat, ini tidak ada masalah dan kenapa dibagi pada Putrade, sudah pasti mereka telah mendapat tender yang telah dikemukakan dulu dan mereka...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Mana pernah tender.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya akan bagi jawapan bertulis.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sabar kerana mereka ini profesional. Mereka ini bertaraf hotel lima bintang ya tetapi mereka meletakkan harga yang paling rendah sekali di kalangan hotel-hotel lima bintang di Parlimen ini. Kita mendapat layanan yang cukup baik ya walaupun Ahli-ahli Parlimen yang sebelah di luar sana, mereka makan tetapi mereka kena layan diri. Akan tetapi Ahli-ahli Parlimen dalam lounge ini yang kebanyakannya daripada pembangkang, mereka mendapat layanan dan juga perkhidmatan ya.

Yang Berhormat Seremban juga mencadangkan agar setiap Ahli Parlimen diperuntukkan dua orang pegawai khas untuk mereka meningkatkan mutu perbincangan dan perkhidmatan di Parlimen. Jadi yang ini dan juga Yang Berhormat daripada Pulaui dan Yang Berhormat Tumpat mencadangkan beberapa perkara untuk transformasi PAC. Saya memohon supaya dua-dua ini saya jawab secara bertulis. Yang Berhormat setuju ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh habiskan tidak sebelum...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, saya hendak habiskan. Saya jawab secara bertulis ya berhubung dengan PAC. Kemudian Yang Berhormat Paya Besar mencadangkan supaya penyidik Parlimen dihantar ke luar negara. Telah pun dihantar ke luar negara dan saya akan bagi jawapan secara bertulis pada Yang Berhormat. Yang Berhormat Ipoh Barat membangkitkan tentang keperluan kerajaan memberi perhatian terhadap resolusi APPU. Hal

ini juga saya akan jawab secara bertulis. Yang Berhormat Seremban dan Yang Berhormat Lembah Pantai mencadangkan Jawatankuasa Parlimen dan Jawatankuasa Fizikal Parlimen ditubuhkan untuk memantau perbelanjaan kerajaan. Saya jawab secara bertulis. Yang Berhormat Bakri agar sesi soal jawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diimplementasikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan sesi masa soal jawab soalan Perdana Menteri, *Prime Minister question time*. Ini kerana setiap pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat akan dijawab sama ada secara lisan ataupun bertulis oleh Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri mengikut portfolio dan bidang tugas masing-masing. Selain daripada itu jawapan-jawapan juga telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mewakili Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Berhormat Lumut mencadangkan agar reformasi Parlimen dibuat supaya ada *opposition bill, private member bill, shorten notice for question for Ministers and scrutiny of bill by Select Committee*. Untuk makluman Yang Berhormat apa-apa pindaan menambah baik peraturan mesyuarat dibuat oleh Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat dan semasa ke semasa sebelum ia dilaksanakan.

■2200

Kemudian fasal ESSCOM, saya mohon untuk menjawab secara bertulis, Yang Berhormat Batu Sapi, saya menjawab secara bertulis. Kemudian Yang Berhormat Batu Sapi juga menimbulkan berhubung dengan PATI. Saya mohon untuk menjawab secara bertulis. Yang Berhormat Silam, mencadangkan agar perhatian diberikan kepada kedatangan pendatang asing di kawasan ESSCOM. Saya pohon Yang Berhormat untuk menjawab secara bertulis. Boleh Yang Berhormat ya?

Kemudian di akhir sekali, boleh tidak bagi saya tempoh lima minit? Terima kasih. Ini penting sebab nanti Yang Berhormat Seremban menuduh saya sembunyi fakta. Ini saya jawab. Yang Berhormat Seputeh mencadangkan kerajaan memperbanyakkan jumlah Ahli Parlimen daripada golongan wanita. Yang Berhormat mencadangkan 30% daripada Ahli Parlimen terdiri daripada wanita. Dia sudah balik Yang Berhormat Seputeh? Sudah balik. Saya jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Seremban ingin mengetahui justifikasi kos minyak dan penyelenggaraan pesawat yang bernilai RM180 juta. Penggunaan pesawat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah mengikut kelayakan seperti mana yang telah diperuntukkan bagi kegunaan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kos bagi penggunaan pesawat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah berdasarkan keperluan asas pesawat bagi menjamin setiap penerbangan adalah selamat dan ada penjimatan. Yang Berhormat Seremban ingin mengetahui butiran kos penerbangan yang melibatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah disembunyikan oleh Yang Berhormat Arau semasa menjawab pertanyaan tersebut.

Penggunaan pesawat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah mengikut kelayakan seperti mana yang telah diperuntukkan bagi kegunaan oleh Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri. Kos bagi penggunaan pesawat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah berdasarkan keperluan asas pesawat bagi menjamin setiap penerbangan adalah selamat dan ada penjimatan. Sebagai makluman, kerajaan tidak pernah menyembunyikan kos yang terlibat di mana kos anggaran dalam penerbangan tersebut adalah bersesuaian dengan perkhidmatan yang digunakan.

Sebagai makluman juga, penggunaan pesawat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah bertujuan untuk memenuhi undangan mesyuarat, forum, persidangan atau menghadiri lawatan atau jemputan negara-negara yang dilawati oleh beliau. Lawatan tersebut adalah perlu sebagai salah satu cara untuk meningkatkan hubungan antarabangsa antara Malaysia dan negara luar. Memperkukuhkan hubungan perdagangan dua hala. Secara tidak langsung mempererat lagi hubungan baik yang wujud di antara Malaysia dengan negara-negara yang dilawati.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Arau, soalan terakhir.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sebagai contohnya, negara China cukup menghormati...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Soalan terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, sebentar.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Dan sayang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana hubungan tersebut menyebabkan banyak perkara yang berlaku yang berbentuk sengketa di laut sana dapat diselesaikan dengan baik. Ini menunjukkan betapa pentingnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya yang telah ditentukan. Kalau sekiranya seseorang itu menjalankan tugas, setiap hari kita bertanya, '*Kamu pergi pejabat hari ini, kami lalu di sana berapa kos dia belanja?*' Bagaimanakah sesebuah pentadbiran itu hendak menjalankan kerja? Soalan ini ditanyakan berkali-kali. Setiap kali kos kapal terbang ke sana berapa? Kita lihat Laporan Audit. Apa sahaja yang kita buat, Audit akan mencatatkannya dan kita akan bentang dalam PAC. Tidak ada masalah.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Itu audit namanya. *Scrutiny*.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akan tetapi kalau setiap hari, hari ini kamu pergi pejabat berapa kos minyak? Susah Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Saya hendak tanya Yang Berhormat...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sat lagi kita tanya DAP...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sabar Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Macam Kerajaan Pulau Pinang, '*Hari ini kamu pergi pejabat mengikut situ, ke situ, mari Permatang Pauh balik ke sana, berapa kos minyak?*' Kacau namanya.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tanyalah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi, apa pun yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah mengikut aturan peraturan dan juga kelayakan yang telah

ditentukan untuk beliau. Beliau buat semua ini untuk negara, demi negara kerana *Allah*. Kita lihat Yang Amat Berhormat di antara Menteri, di antara Ahli Parlimen...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Boleh tanya tidak Yang Berhormat?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Dan di antara mana-mana rakyat, adalah orang yang paling komited dari segi kerja yang menyerahkan nyawanya kepada negara. *[Tepuk]* Kita kadang-kadang melihat bagaimana manusia ini mampu untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat dan boleh membagi ucapan dan sering buat kerja untuk negara.

Kita kena menghormati sedikit. Orang ini cukup luar biasa. *Allah* bagi bukan semua orang boleh buat macam itu. Yang Berhormat tidak boleh. Saya pun tidak berapa boleh, mungkin hampir boleh. Akan tetapi yang paling penting ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh. Kita hormat kepadanya. Satu hari mungkin tahun 5000 nanti Yang Berhormat layak, sekarang tidak boleh lagi.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat, cuma saya hendak tanya satu. Adakah ini dasar baru dalam Jabatan Perdana Menteri? Apabila ada soalan dalam Parlimen bertanyakan kepada butiran kos, Menteri tidak menjawab jawapan yang terperinci. Sebab dulu semua ada dijawab. Hanya persidangan kali ini, bermula dengan soalan-soalan Parlimen dalam persidangan ini, semua soalan yang ditanya oleh Ahli-ahli Parlimen berkenaan dengan kos terperinci, Yang Berhormat Arau tidak jawab. Bukan sahaja soalan saya, soalan Yang Berhormat Gelang Patah, soalan Yang Berhormat Sepang, semua tidak jawab kos. Adakah ini dasar baru untuk melindungi fakta-fakta ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia tengah jawablah tadi itu.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat tidak bagi secara terperinci. Saya tanya secara terperinci butiran kos. Akan tetapi ini merupakan satu praktis baru Menteri di Jabatan Perdana Menteri, khasnya Yang Berhormat Arau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: ...Tidak menjawab. Seolah-olah dia tidak mahu bagi fakta walaupun ada persoalan daripada Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat. Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Saya rasa ini sesuatu yang tidak boleh kita terima. Sebagai Menteri menjaga Parlimen, apa-apa soalan daripada Ahli Parlimen kena dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya terima teguran daripada Yang Berhormat. Kalau sekiranya ada kesesuaian untuk menjawab, saya jawab. Tidak perlu saya sembunyi. Untuk apa saya sembunyi Yang Berhormat? Saya tidak suka main sembunyi-sembunyi. Saya suka main depan. Saya tidak suka main belakang-belakang ya.

Jadi Yang Berhormat, sudah pasti sekiranya ada kesesuaian untuk menjawab, saya akan jawab. Tidak ada masalah. Akan tetapi ada beberapa yang tidak bersesuaian untuk dijawab lagi, jadi saya jawab secara umum bahawa ini ialah untuk tujuan-tujuan rasmi. Sebab apa, kadang-kadang Yang Berhormat, katalah kapal terbang pergi ke sebuah negara.

Tiba-tiba dia mengelakkan awan, dia terpusing sebelah Hatyai, dia pusing balik. Jadi, ia melibatkan kos.

Akan tetapi saya hendak bagi tahu bahawa, kalau sekiranya kita hendak bagi terperinci, kita bagi terperinci betul-betul. Saya tidak mahu main anggaran. Sebab apa, kita lihat apa yang dibuat itu masih dalam anggaran yang dibenarkan oleh pihak kerajaan. Tidak ada masalah. Yang Berhormat, persembunyian tidak ada. Kalau tidak pun, di hari kemudian Audit akan *check*, Audit akan membuat pengauditan dan kita akan timbul juga. Bukan polisi sembunyi. Polisinya ialah kita bagi tahu bahawa kerajaan pada masa sekarang akan meneruskan usaha-usaha baik dan murni untuk rakyat dan negara. Demi rakyat dan demi negara, untuk rakyat dan untuk negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukup, cukup.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi mereka yang saya tidak sempat menjawab, saya akan jawab secara bertulis. Yang telah membuat catatan, tindakan akan diambil sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Sekali lagi Jabatan Perdana Menteri ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi, hari Selasa, 4 November 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.08 malam]